

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AMALAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN ASAS QIRAAT
BERTERASKAN PENDEKATAN IBN
KHALDUN DI SEKOLAH MENENGAH
TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR),
NEGERI PERAK**

KHADIJAH BINTI ABDULLAH

MA

Julai 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AMALAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN ASAS QIRAAT
BERTERASKAN PENDEKATAN IBN
KHALDUN DI SEKOLAH MENENGAH
TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR)
NEGERI PERAK**

KHADIJAH BINTI ABDULLAH

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Julai 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 15 Jun 2017 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Khadijah Binti Abdullah bagi tesis Sarjana yang bertajuk “Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Qiraat Berteraskan Pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Negeri Perak” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut:

Ahmad Sabri Osman, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Ahmad Firdaus Mohd Noor, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Muhammad Arif Musa, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Quran Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**PROFESOR. DR. HAJAH ZURAEDA
BINTI IBRAHIM**

Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 9 Julai 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar	:	Khadijah Binti Abdullah
No. Pelajar	:	2024310759
Program	:	Sarjana Pengajian Islam Kontemporari
Fakulti	:	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Choose an item	:	Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Qiraat Berteraskan Pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Negeri Perak
Tandatangan Pelajar	:	
Tarikh	:	Julai 2026

ABSTRAK

Ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang utama dalam pengajian al-Quran. Dalam konteks pendidikan tahfiz di Malaysia, PdP Qiraat menjadi komponen asas yang menyokong usaha melahirkan huffaz yang berkualiti. Kajian ini meneliti Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Qiraat Berteraskan Pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Negeri Perak dengan memberi fokus terhadap persediaan guru, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta pendekatan pedagogi yang digunakan. Latar belakang kajian menunjukkan masih wujud beberapa permasalahan seperti tahap motivasi pelajar yang rendah, kekangan masa, kekurangan sumber rujukan serta kemahiran guru yang memerlukan penambahbaikan. Pendekatan kualitatif digunakan sebagai metod kajian dan guru Qiraat sebagai peserta kajian. Kajian dijalankan bagi mencapai tiga objektif utama. Pertama meninjau persediaan guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat manakala yang kedua mengenalpasti Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas dan ketiga meneroka pendekatan pengajaran guru Qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes melalui temu bual bersama guru selain analisis dokumen serta pemerhatian. Data analisis menggunakan kaedah tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persediaan guru dalam membimbing pelajar sebelum kelas adalah tinggi. Guru-guru Qiraat di SMTDR menunjukkan komitmen yang tinggi dan kesediaan yang menyeluruh dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pembimbing bukan sahaja dari segi penguasaan kandungan ilmu Qiraat tetapi juga dari aspek penyampaian secara bertahap, pemantauan berterusan dan sokongan individu kepada murid mengikut keperluan masing-masing. Dalam aspek Bahan Bantu Mengajar (BBM), didapati bahawa guru menggunakan pendekatan yang pelbagai namun terdapat kekangan dari segi teknologi moden dan penghasilan BBM yang sistematik serta masih terbatas dari segi inovasi multimedia. Dalam masa yang sama wujudnya beberapa permasalahan dalam pelaksanaan pengajaran antaranya ialah kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang boleh digunakan secara efektif oleh guru-guru. Kajian juga mendapati bahawa guru-guru Qiraat di SMTDR telah berjaya mengaplikasikan sebahagian besar pendekatan pendidikan Ibn Khaldun. Walau bagaimanapun, elemen yang kurang digunakan iaitu pendekatan *rihlah* masih kurang diberi perhatian serta kurang diamalkan secara khusus dalam konteks Qiraat. Secara keseluruhan, pendekatan yang pelbagai, responsif dan bersesuaian dengan tahap murid terbukti telah memberi kesan yang positif terhadap minat dan prestasi pelajar dalam subjek Qiraat. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan PdP asas Qiraat sangat bergantung kepada persediaan guru, kreativiti serta penerapan pendekatan pedagogi yang sesuai. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi PdP Qiraat yang lebih sistematik dan inovatif dalam memperkukuh mutu pendidikan al-Quran dan Qiraat.

ABSTRACT

Qiraat knowledge is one of the major branches in Qur'anic studies. In the context of tahfiz education in Malaysia, the teaching and learning (T&L) of Qiraat serves as a fundamental component in supporting efforts to produce competent and high-quality huffaz. This study examines the Teaching and Learning Practices of Basic Qiraat Based on Ibn Khaldun's Educational Approach at Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), Perak with particular focus on teachers' preparation, the use of Teaching Aids (TA) and the pedagogical approaches employed in the classroom. The background of the study indicates the existence of several issues including low student motivation, time constraints, limited reference resources and teaching skills that require further improvement. A qualitative approach was employed as the research methodology with Qiraat teachers selected as the research participants. The study was conducted to achieve three main objectives. First, to examine the preparation of Qiraat teachers prior to the implementation of Qiraat classes, second, to identify the Teaching Aids used by Qiraat teachers in the classroom and third, to explore the teaching approaches employed by Qiraat teachers based on Ibn Khaldun's educational principles. This study adopted a qualitative case study design through interviews with teachers alongside document analysis and classroom observations. The collected data were analysed using thematic analysis to identify key patterns and themes. The findings reveal that the level of teacher preparation in guiding students before the commencement of classes was high. Qiraat teachers at SMTDR demonstrated strong commitment and comprehensive readiness in carrying out their roles as educators not only in terms of mastery of Qiraat knowledge but also in aspects of gradual instruction, continuous monitoring and individual support according to students' respective needs. In terms of Teaching Aids (TA), the findings indicate that teachers employed a variety of approaches however, there were constraints related to modern technology and the systematic development of teaching materials, with multimedia innovation still remaining limited. At the same time, several challenges in the implementation of teaching were identified including the lack of effective Teaching Aids that could be optimally utilised by teachers. The study also found that Qiraat teachers at SMTDR had successfully applied most elements of Ibn Khaldun's educational approach. Nevertheless, the element that was less emphasised and less specifically practised within the context of Qiraat was the *rihlah* approach. Overall, the use of diverse, responsive and student-centred approaches was found to have a positive impact on students' interest and performance in the subject of Qiraat. In conclusion, this study emphasises that the effectiveness of the teaching and learning of basic Qiraat is highly dependent on teachers' preparation, creativity, and the application of appropriate pedagogical approaches. It is hoped that this study will contribute towards the development of more systematic and innovative strategies in the teaching and learning of Qiraat thereby strengthening the quality of Qur'anic and Qiraat education.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan tiada daya dan upaya saya melainkan dengan Allah SWT atas kurniaan kekuatan untuk penulis berlayar meniti samudera ilmu, merentasi gelombang cabaran dan badai, berpaut pada layar kesabaran serta berpandukan taufik dan hidayahnya. Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, penulisan ini dapat disiapkan dengan jayanya. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda serta para sahabat.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada kedua ibu bapa tercinta Abdullah bin Mahbot dan _____ atas doa, pengorbanan, sokongan moral dan motivasi yang tidak pernah putus. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Muhammad Yusri Yusof @ Salleh selaku penyelia utama serta Dr. Ahmad Rozaini Ali Hasan selaku penyelia kedua yang telah banyak memberikan bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Segala ilmu, panduan dan teguran yang diberikan menjadi asas penting dalam penyempurnaan kajian ini.

Tidak dilupakan juga penghargaan kepada kakak, mak cik saudara, anak saudara dan Memi si kucing Siam yang menghiburkan hati, rakan-rakan seperjuangan serta semua pihak terutamanya para pensyarah serta kakitangan UiTM Cawangan Perak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, semoga segala jasa baik semua pihak diberkati Allah SWT dan diberikan ganjaran sebaik-baiknya. Alhamdulillah dengan segala kelebihan dan rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada hambanya.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xvi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Qiraat	5
1.2.2 Perkembangan Pengajian Tahfiz Di Malaysia	6
1.2.3 Perkembangan Qiraat Di Malaysia	8
1.2.4 Qiraat Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan	10
1.3 Masalah Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Limitasi/ Skop Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.8 Kerangka Konseptual	21

1.9	Definisi Operasional	23
1.9.1	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran	23
1.9.2	Asas Qiraat	24
1.9.3	SMTDR	24
1.10	Kesimpulan	24
BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	26
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Pengenalan Ilmu Qiraat	26
2.2.1	Ilmu Qiraat	26
2.2.2	Definisi Qiraat	30
2.2.3	Perbezaan Qiraat Dengan Ilmu Tajwid	30
2.2.4	Sejarah Qiraat	31
2.2.5	Pengajian Qiraat Di Malaysia	32
2.2.6	Qiraat Dalam Sistem Pendidikan Formal	32
2.2.7	Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Asas Qiraat Peringkat Menengah	34
2.3	Pendidikan Ibn Khaldun	35
2.4	Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR)	40
2.4.1	Sejarah Penubuhan SMTDR	40
2.4.2	Kurikulum Dan Sistem Pengajian SMTDR	41
2.4.3	Rangkaian SMTDR	43
2.4.4	Sumbangan SMTDR	44
2.5	Jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM)	46
2.5.1	BBM Bercetak	46
2.5.2	BBM Digital	46
2.5.3	BBM Interaktif	47
2.5.4	BBM Pengalaman	47
2.5.5	BBM Vokal (Tanpa Alat)	47
2.6	Sorotan Kajian Lepas	47
2.6.1	Pendidikan Ilmu Qiraat	48

2.6.2	Ibn Khaldun	51
2.6.3	Pendidikan Islam Sekolah Menengah	54
2.6.4	Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan	58
2.7	Rumusan	61
BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN		62
3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Kaedah Pensampelan Kajian	64
3.3.1	Peserta Kajian	65
3.3.2	Tempoh Kajian	67
3.3.3	Lokasi Kajian	68
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	69
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.5.1	Temu Bual	74
3.5.2	Pemerhatian	77
3.5.3	Analisis Dokumen	79
3.6	Prosedur Analisis Data	80
3.6.1	Analisis Kandungan	80
3.6.2	Analisis Tematik	81
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	82
3.7.1	Kajian Rintis	84
3.7.2	Triangulasi Data	86
3.7.3	Pengesahan Peserta Kajian	87
3.7.4	Pemerhatian Jangka Panjang Di Lapangan	88
3.7.5	Diari Pengkaji	89
3.7.6	Samakan Rakan	89
3.7.7	Etika Kajian	89
3.7.8	Jejak Audit	90
3.8	Kesimpulan	90

BAB 4: DAPATAN KAJIAN	91
4.1	Pendahuluan 91
4.2	Pembinaan Kod dan Jadual Matriks bagi Transkripsi 92
4.2.1	<i>Coding</i> Tematik 92
4.2.2	Konstruk 1: Kesianaan Guru 93
4.2.3	Konstruk 2: BBM (Bahan Bantu Mengajar) 93
4.2.4	Konstruk 3: Kaedah Ibn Khaldun 94
4.3	Persediaan Guru 98
4.3.1	Minat Dan Prestasi Pelajar 110
4.4	Bahan Bantu Mengajar (BBM) 121
4.4.1	BBM Bercetak 122
4.4.2	BBM Digital 123
4.4.3	BBM Interaktif 125
4.4.4	BBM Pengalaman 126
4.4.5	BBM Vokal (Tanpa Alat) 129
4.5	Elemen Kaedah Pendidikan Ibn Khaldun 136
4.5.1	Beransur-Ansur 137
4.5.2	Pengulangan 142
4.5.3	Fokus 145
4.5.4	Perbincangan 146
4.5.5	Tidak Mengambil Masa Yang Lama 149
4.5.6	Percubaan 150
4.5.7	Tauladan 152
4.5.8	<i>Rihlah</i> 155
4.6	Kesimpulan 163
BAB 5: PERBINCANGAN	165
5.1	Pendahuluan 165
5.2	Rumusan Kajian 166
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian 170
5.3.1	Persediaan Guru Sebelum Pengajaran dan Pembelajaran di Kelas 170

5.3.2	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BMM) Oleh Guru Qiraat	173
5.3.3	Pendekatan Pengajaran Guru Berdasarkan Kaedah Ibn Khaldun	179
5.3.4	Kesan Minat Dan Prestasi Pelajar Qiraat	187
5.4	Saranan Kajian	191
5.4.1	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	191
5.4.2	Pihak Sekolah	192
5.4.3	Guru	192
5.4.4	Penyelidikan Dan Institusi Pendidikan Tinggi	193
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	193
5.5.1	Kajian Terhadap SMTDR Lelaki Dan Sekolah Tahfiz Lain	194
5.5.2	Kajian Kuantitatif Dan Gabungan (Mixed Method)	194
5.5.3	Kajian Tentang Integrasi Teknologi Dalam PdP Qiraat	194
5.5.4	Pembangunan Model atau Modul Pengajaran Qiraat	195
5.5.5	Kajian Longitudinal Terhadap Prestasi Pelajar	195
5.5.6	Penyelidikan Perbandingan Antara Negara	195
5.6	Kesimpulan	195
RUJUKAN		198
APENDIK		222
PROFIL PENULIS		318

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1. 1	Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Qiraat	13
Jadual 2. 1	Sukatan Juzuk Hafazan SMTDR	42
Jadual 2. 2	Penubuhan SMTDR Mengikut Tahun	43
Jadual 2. 3	Rumusan Sorotan Literatur Kaedah Pendidikan	50
Jadual 2. 4	Rumusan Sorotan Literatur Ibn Khaldun	53
Jadual 2. 5	Rumusan Sorotan Literatur Pendidikan Islam Sekolah Menengah	57
Jadual 2. 6	Rumusan Sorotan Literatur SMTDR	60
Jadual 3. 1	Tarikh, Tempat Dan Maklumat Peserta Kajian	67
Jadual 3. 2	Senarai Penyemak Protokol Temu Bual	70
Jadual 3. 3	Tarikh Tempat Dan Maklumat Peserta Kajian	77
Jadual 3. 4	Tarikh, Tempat, Aspek Pemerhatian & <i>Peer Checking</i>	78
Jadual 3. 5	Tarikh, Tempat Dan Maklumat Peserta Pada Kajian Rintis	85
Jadual 3. 6	Tarikh, Tempat Dan Aspek Pemerhatian Pada Kajian Rintis	85
Jadual 4. 1	Matriks 3 Konstruk	95
Jadual 4. 2	Ringkasan Dapatan Kajian Persediaan Guru	107
Jadual 4. 3	Pandangan Pelajar Berkenaan Persediaan Guru	109
Jadual 4. 4	Pandangan Pelajar Berkenaan Minat Dan Prestasi	119
Jadual 4. 5	Kategori Bahan Bantu Mengajar (BBM)	133
Jadual 4. 6	Pandangan Pelajar Berkenaan Dengan BBM	135
Jadual 4. 7	Penggunaan Kaedah Ibn Khaldun	159
Jadual 4. 8	Pandangan Pelajar Berkenaan Dengan Kaedah Guru	160

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1. 1	Kerangka Konseptual	21
Rajah 3. 1	Perancangan Kajian	63
Rajah 3. 2	Populasi Dan Persampelan Kajian	69
Rajah 3. 3	Prosedur Sebelum Pengumpulan Data	71
Rajah 3. 4	Prosedur Semasa Pengumpulan Data	73

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
DQ	Darul Quran
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JAIPK	Jabatan Agama Islam Perak
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KKQ	Kelas Khas Membaca dan Menghafal al-Quran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LEPAI	Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MTNP	Maahad Tahfiz Negeri Pahang
MTQN	Maahad Tahfiz al-Quran Negeri

OKUMP	Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAW	Sallallāhu ‘Alaihi Wa Sallam
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SMIYT	Sekolah Menengah Imtiyaz Yayasan Terengganu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMTDR	Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan
STM	Sijil Tahfiz Malaysia
SWT	Subhānahu Wa Ta’ālā
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i>

JADUAL TRANSLITERASI

Arab	Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سَأَلَ	sa'ala
ب	b	بَدَلَ	badala
ت	t	تَمْر	tamr
ث	th	ثَوْرَة	thawrah
ج	j	جَمَال	jamāl
ح	ḥ	حَيْث	ḥaith
خ	kh	خَالِد	khālīd
د	d	دِيَوَان	dīwān
ذ	dh	مَذْهَب	madhhab
ر	r	رَحْمَن	raḥman
ز	z	زَمْزَم	zamzam
س	s	سَرَاب	sarāb
ش	sh	شَمْس	shams
ص	ṣ	صَبْر	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِير	ḍamīr
ط	ṭ	طَاهِر	ṭāhir

ظ	z	ظُهر	zuhr
ع	‘	عَبْد	‘abd
غ	gh	غَيْب	ghayb
ف	f	فِقْه	fīqh
ق	q	قَاضِي	qāḍī
ك	k	كَاس	ka’s
ل	l	لَبَن	laban
م	m	مِزْمَار	mizmār
ن	n	نَوْم	nawm
هـ	h	هَبْط	habaṭa
و	w	وَصَل	waṣala
ي	y	يَسَار	yasār

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pendidikan dalam Islam merupakan satu proses yang menyeluruh dan berterusan dalam membentuk generasi berilmu, berakhlak, pintar serta berdaya saing berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan utama. Dalam melahirkan generasi yang berkualiti serta berintegriti usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan wajar diberi keutamaan. Al-Quran sendiri menegaskan kepentingan ilmu dan pendidikan sebagai asas kepada pembentukan tamadun manusia (Zakaria et al., 2012). Firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۖ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۖ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۚ
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۚ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۚ

Maksudnya:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuksu darah beku. Bacalah, dan tuhanmu yang amat pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Al-‘Alaq:1-5)

Al-Ṭabarī (2012) menjelaskan bahawa ayat-ayat tersebut merupakan wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW yang mengandungi penegasan tentang perintah dan dorongan untuk menyampaikan ilmu kepada manusia terhadap perkara-perkara yang belum diketahui oleh mereka. Menurut Ayilzi et al., (2023) keseluruhan ayat tersebut memperlihatkan penekanan terhadap seruan kepada manusia agar menuntut ilmu, memperluas pengetahuan serta menyebarkan kepada orang lain menerusi pelbagai bentuk medium seperti penulisan, pengajaran dan perkongsian

maklumat. Tuntutan untuk belajar dan mengajar sebagaimana yang terkandung dalam surah al-‘Alaq ayat satu hingga lima menggambarkan asas nilai pendidikan yang menitikberatkan penguasaan ilmu dan pemahaman, sekaligus menyumbang kepada pengukuhan keimanan, peningkatan kesedaran, serta melahirkan masyarakat yang berilmu. Selari dengan pandangan tersebut, Zakaria et al., (2012) turut menjelaskan bahawa ayat ini memberikan petunjuk serta tuntutan yang jelas dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Firman Allah SWT:

كُونُوا رَبَّانِيَينَ بِمَا كُنتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya:

Hendaklah kamu menjadi orang-orang “Rabbaniyyin” (yang menyembah Allah semata-mata dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

(Al-Imran:79)

Ibn Kathīr (2008) mentafsirkan rabbani sebagai individu yang berilmu, bijaksana dan memiliki sifat sabar. Mereka berperanan mengajarkan kitab Allah atau ilmu kepada orang lain dalam usaha memelihara lafaz-lafaz al-Quran. Manakala Al-Ṭabarī (2012) menjelaskan bahawa rabbani merujuk kepada golongan yang berilmu dan pakar dalam bidang agama yang sentiasa terlibat dalam proses mengajar dan mempelajari kitab Allah. Menurut Siregar et al. (2023), konsep pendidik *rabbānī* merupakan model pendidik unggul yang digariskan dalam al-Quran. Kewujudan pendidik *rabbani* dilihat sebagai antara penyelesaian utama terhadap pelbagai isu pendidikan yang berlarutan sejak dahulu hingga kini, khususnya berkaitan kualiti pendidik.

Selain itu, Rasulullah SAW turut menyatakan kelebihan bagi mereka yang mengajar melalui sabdanya:

عَنْ سَهْلِ بْنِ مُعَاذٍ بْنِ أَنَسٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَنْ عَلَّمَ
عِلْمًا فَلَهُ أَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهِ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الْعَامِلِ " .

Maksudnya:

Daripada Sahal bin Muadz bin Anas daripada ayahnya bahawa Nabi SAW telah berkata: “Barangsiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu maka dia akan mendapat pahala orang yang mengamalkannya tanpa mengurangi pahala orang yang mengamalkannya sedikitpun.”

(HR. Ibn Mājah, no. 240¹)

Hadis ini menegaskan kepentingan penyebaran ilmu serta peranan besar pendidik dalam menyampaikan pengetahuan kepada orang lain. Dalam konteks pendidikan Islam, guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu, malah berperanan mendorong dan membimbing pelajar agar mengamalkan ilmu yang dipelajari sekali gus menjadikan proses pengajaran sebagai suatu amalan yang berterusan ganjarannya (Achmad et al., 2024). Sehubungan itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan penyampaian ilmu. Guru sebagai agen utama dalam PdP perlu menguasai pendekatan, kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai agar dapat memenuhi keperluan dan tahap kebolehan pelajar (Kamarul et al., 2007). Keberkesanan PdP bukan sahaja bergantung kepada penyampaian isi kandungan, malah turut melibatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran yang mampu meningkatkan kefahaman serta penguasaan ilmu secara menyeluruh (Esah, 2004).

Dalam konteks pendidikan al-Quran, ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang penting yang perlu diberi perhatian. Pengajaran asas Qiraat menuntut ketepatan bacaan, kefahaman terhadap perbezaan wajah bacaan serta latihan berterusan di bawah bimbingan guru yang berkemahiran. Walau bagaimanapun, PdP Qiraat sering berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kesukaran pelajar memahami konsep, kurangnya minat serta pendekatan pengajaran yang kurang berkesan (Zaid et al., 2020; Hilmi et al., 2011). Oleh itu, pemilihan pendekatan pengajaran yang sesuai amat penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dalam bidang ini. Pendekatan holistik menerusi pendidikan yang melibatkan pengajian Qiraat perlu dipertingkatkan dalam

¹ Imam Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (2014) al-Sunan, Bab Thawab Muallim al-Nas al-Khair, no. hadith 240. Kaherah: Dar al-Ta’sil, h. 274.

mendepani cabaran masa hadapan terutamanya golongan remaja. Pendekatan ini juga akan dapat mengubah perspektif masyarakat khususnya umat Islam di Malaysia tentang kepentingan dan keperluan ilmu Qiraat dalam pembelajaran al-Quran (Azri et al., 2020; Ikram et al., 2021).

Dalam tradisi keilmuan Islam, tokoh ilmuwan seperti Ibn Khaldun telah mengemukakan pelbagai pendekatan pendidikan yang relevan dan bersifat holistik. Antara pendekatan yang diketengahkan termasuklah kaedah pengajaran secara beransur-ansur, pengulangan, fokus, latihan berterusan, peniruan dan lain-lain lagi yang akan dihuraikan dengan lebih lanjut dan terperinci dalam bahagian seterusnya. Secara keseluruhannya, pendekatan ini dilihat selari dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran Qiraat yang menekankan aspek praktikal, bimbingan berterusan serta penguasaan kemahiran secara berperingkat malahan menurut Nurzatil et al. (2025) konsep pendidikan yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun didapati seiring dengan amalan pendidikan di Malaysia khususnya melalui pelaksanaan dasar-dasar yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tuntasnya penerapan pendekatan Ibn Khaldun dalam pendidikan asas Qiraat dilihat berpotensi meningkatkan keberkesanan PdP serta memberi impak positif terhadap minat dan prestasi pelajar. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti amalan pengajaran guru dalam PdP asas Qiraat berteraskan pendekatan Ibn Khaldun di samping menganalisis kesannya terhadap penguasaan pelajar dalam bidang tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang sesebuah kajian berfungsi sebagai gambaran awal yang memberikan konteks kepada pembaca tentang topik yang dikaji. Dalam pada itu, ia merangkumi sebab kajian serta fakta atau konsep berkaitan yang relevan dan bertujuan memberi pemahaman asas dan maklumat yang menyokong kepentingan kajian yang dilakukan. Kajian ini menyentuh tentang pendidikan asas ilmu Qiraat. Ilmu Qiraat secara dasarnya telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan arus perdana. Perubahan sistem pendidikan ini merangkumi pengajian peringkat menengah dan pengajian tinggi. Kajian yang dibuat tertumpu kepada pengajian peringkat menengah sahaja.

1.2.1 Qiraat

Ilmu Qiraat atau ilmu berkaitan pelbagai wajah bacaan al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu yang sangat dekat dengan al-Quran. Pembahasan dan disiplin ilmu Qiraat ini secara umumnya bukan sahaja terhad kepada bacaan *khilāf* imam-imam bahkan berkisarkan tentang sejarah imam Qiraat, *Ḍabṭ al-Qurān*, *Fawāsil*, *Tārīkh Muṣḥāf*, *Rasm Uthmānī*, *Qirāat Syadh*, *waqaf Ibtida'*, *Taḥrīrāt* dan sebagainya. Menurut Mohd Rahim (2019) al-Quran dan Qiraat itu adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Keduanya merupakan gabungan yang membentuk satu ilmu. Pencinta al-Quran yang menguasai ilmu Qiraat adalah istimewa kerana mereka belajar teknik bacaan Qiraat menerusi kaedah *talaqqī* dan *musyāfahah* dengan guru yang mursyid di mana jalur sanadnya bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW (Mohd Rahim, 2019).

Pelbagai wajah Qiraat telah wujud ketika penurunan wahyu pertama. Namun menurut sebahagian pendapat ia berlaku ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah disebabkan pertembungan *lahjah* atau dialek antara bangsa arab daripada pelbagai tempat (Abd Rahman, 2020). Menurut Mohd Rahim (2019) pula, walaupun ilmu Qiraat telah bermula sejak penurunan wahyu pertama, tahap pengamalannya pada fasa awal masih terhad. Keadaan ini dipengaruhi oleh jumlah umat Islam yang masih kecil, penerimaan Islam yang belum meluas dalam kalangan masyarakat Arab ketika itu serta penyebaran al-Quran juga masih belum meluas kepada beberapa lahjah dialek arab yang lain daripada lahjah Quraisy (Mohd Rahim, 2019).

Bacaan Qiraat bukan sahaja terdiri daripada Qiraat *mutawatir* malah turut merangkumi Qiraat *ahad*, *masyhur*, *maudhu'*, *mudraj* dan *syadh* (Sabri & Faizulamri, 2022). Secara umumnya, para ulama menetapkan bahawa sesuatu Qiraat yang diterima perlu memenuhi tiga syarat utama, iaitu: pertama, menepati kaedah bahasa Arab (nahu); kedua, selari dengan rasm 'Uthmānī; dan ketiga, mempunyai sanad yang sahih (Ridha, 2015). Apabila ketiga-tiga kriteria ini dipenuhi maka Qiraat tersebut diterima sebagai Qiraat sahih. Namun, sekiranya salah satu daripada kriteria tersebut tidak dipenuhi, maka bacaan tersebut diklasifikasikan sebagai Qiraat *ḍa'if*, *syadh* atau *batil* (Ridha, 2015). Menurut Muhammad al-Habsy (1999) sumber bacaan Qiraat adalah dari wahyu

dan tidak boleh diubah (Sabri, 2016). Tuntasnya, ilmu Qiraat seharusnya dipelajari dan disebarkan bagi menjaga kesahihan bacaan al-Quran agar tidak diselewengkan oleh musuh-musuh Islam dan faedahnya sangat besar kepada agama, masyarakat dan negara.

1.2.2 Perkembangan Pengajian Tahfiz Di Malaysia

Pendidikan tahfiz dan ilmu Qiraat berkembang selari dengan penubuhan institusi tahfiz pertama di Dewan Syarahan Masjid Negara bertarikh 1 Mac tahun 1966 (Zaid et al., 2020). Umumnya, pendidikan tahfiz di awal kemerdekaan bukan fokus utama, bahkan hanya menyentuh hafazan surah al-Fatihah dan surah-surah pendek juzuk 'Amma sahaja sebagai pengamalan harian dalam ibadah solat dan zikir. Guru al-Quran pada waktu itu hanya memfokuskan kepada hafazan surah al-Fatihah sebagai kewajipan asas dalam mendirikan ibadah solat (Murihah et al., 2015). Menerusi pembacaan sirah dan catatan sejarah Islam di zaman Rasulullah SAW, hafazan al-Quran merupakan instrumen utama dalam mengumpul dan memelihara wahyu. Rasulullah SAW merupakan manusia pertama penghafaz al-Quran yang kemudian diikuti oleh para sahabat dan generasi seterusnya sehingga ke hari ini. Kemuliaan dan keistimewaan mengingat 30 juz al-Quran amatlah besar sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Imam al-Nawawi dalam karya agungnya *al-Tibyān fī Adāb Ḥamālat al-Quran*. Menurut Budi et al. (2023) telah dihimpunkan sebanyak 12 hadis bab kelebihan pembaca dan penghafaz al-Quran yang menjadi sumber motivasi dan dorongan para huffaz untuk terus bersemangat dalam menghafaz kalam Allah SWT (Budi et al., 2023).

Cadangan untuk menjadikan pendidikan tahfiz lebih bersistematik dan formal telah disuarakan pada tahun 1960 ketika Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan berlangsung. Pada tahun 1966, kerajaan persekutuan telah menumpukan pembangunan pendidikan tahfiz secara rasmi dengan mewujudkan program pengajian tahfiz al-Quran yang terletak di Masjid Negara. Bermula tahun 1972, program pengajian ini diberi nama sebagai Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan kemudian pada tarikh 1 November 1998, telah di jenamakan semula sebagai Darul Quran (DQ) (Zaid et al., 2020). Perkembangan ini telah menjadi pemangkin kepada perkembangan institusi tahfiz yang lain. Institusi tahfiz swasta yang pertama ditubuhkan pada tahun 1967 di negeri Terengganu dan kemudian pada tahun 1979 sebuah institusi tahfiz di bawah

kerajaan negeri Kelantan pula dibangunkan. Institusi tahfiz negeri-negeri mula berkembang dan bertapak selepas itu seperti di Terengganu, Perak, Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah. Sambutan penubuhan institusi tahfiz bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan dengan wujudnya pelbagai tahfiz swasta yang dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri yang terlibat. Penubuhan institusi tahfiz pada permulaan hanya tertumpu kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terdiri dari pelajar cemerlang akademik (JAKIM, 2020).

Dalam masa yang sama, Darul Quran telah melaksanakan program di peringkat sijil seperti Sijil Diploma Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Tahfiz Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP), Sijil Asas Tahfiz dan Sijil Tahfiz Malaysia (STM). Program ini memberikan peluang untuk seluruh lapisan masyarakat dapat menghafaz al-Quran. Kesannya sangat besar kepada perkembangan tahfiz di Malaysia kerana bukan sahaja Bumiputera yang terlibat bahkan disertai oleh masyarakat Islam daripada negara luar yang umat Islam adalah penduduk minoriti serta mualaf. Mereka ada dalam kalangan kaum Cina, India, peribumi Sabah serta Sarawak termasuk juga suku kaum Orang Asli (IYRES, 2019; JAKIM, 2020).

Di peringkat menengah, pendidikan tahfiz mula diberi tempat di sekolah-sekolah yang mengabungkan pendidikan agama, akademik sains dan lain-lain lagi. Program yang diberi nama Ulul Albab merupakan inspirasi YB Dato' Seri Idris Jusoh dalam mentransformasikan dan memodenkan sistem pendidikan negara Malaysia bagi mewujudkan al-Quran sebagai asas panduan kehidupan. Program ini bermula pada 31 Mei 1996 di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) yang menjadikan sekolah ini sekolah pertama generasi Ulul Albab. Sambutan baik yang diperolehi telah menarik minat sekolah cawangan SMIYT di daerah yang lain untuk menerapkan program ini ke dalam sistem pembelajaran.

Program Ulul Albab diteruskan lagi di beberapa cawangan terpilih Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sekitar awal tahun 1998. Empat buah MRSM Ulul Albab dipilih bagi projek rintis program ini. Pada tahun 2014, KPM telah melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. SMK Agama Kuala Lumpur adalah sekolah pertama yang melaksanakan TMUA bertarikh 16 Januari 2014 dengan menerapkan 3 Kurikulum iaitu Kurikulum

Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Kurikulum Ulul Albab. Bukan itu sahaja, KPM juga telah menerapkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (JAKIM, 2020).

Secara dasarnya, perkembangan tahfiz tahun ke tahun berinovasi agar selari dengan perkembangan semasa. Permintaan luar biasa dari ibubapa yang mulai sedar tentang kepentingan al-Quran adalah salah satu sumbangan dan pendorong utama kepada kemajuan pendidikan tahfiz negara. Kecemerlangan pelajar tahfiz mula hangat diperkatakan pada tahun 2004 apabila salah sebuah sekolah maahad aliran tahfiz telah menempatkan nama mereka sebaris dengan sekolah-sekolah arus perdana yang lain. Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan telah diangkat dan diktiraf sebagai Sekolah Agama Negeri (SAN) Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2003 (Norazman, 2020). Menariknya, setelah hampir dua dekad iaitu pada tahun 2023 Malaysia sekali lagi dikejutkan dengan berita bahawa Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) telah mengatasi sekolah berprestij yang lain.

MTNP telah disenaraikan sebagai sekolah terbaik dengan pencapaian luar biasa dan namanya telah disenaraikan di tempat pertama di antara 20 sekolah terbaik Malaysia (Sinar Harian, 2024). Kecemerlangan anak-anak tahfiz telah membuktikan kepada rakyat Malaysia bahawa pendidikan aliran tahfiz juga boleh bersaing dengan sekolah-sekolah elit yang lain. Peranan pendidikan tahfiz al-Quran terhadap kejayaan anak-anak dalam akademik telah menjadikan pusat institusi tahfiz sebagai pilihan pertama ibubapa (Anis & Sabri, 2017).

Selain itu, menurut Solahuddin (2018) ibubapa bukan sahaja memilih pendidikan tahfiz semata-mata kerana kecemerlangan akademik, namun pilihan ini dilakukan kerana sedar bahawa al-Quran sebagai terapi jiwa manusia dalam membentuk akhlak peribadi dalam diri anak-anak. Justeru itu, menjadi tanggungjawab bersama dalam memastikan kelestarian pembudayaan hafazan al-Quran dapat dikekalkan dan berterusan dalam melahirkan generasi muda Islam yang unggul dan berwibawa.

1.2.3 Perkembangan Qiraat Di Malaysia

Darul Quran (DQ) merupakan pusat pengajian dan pendidikan al-Quran dan Qiraat pertama yang menawarkan pengajian peringkat diploma di Malaysia. Kemudian

telah diikuti oleh institusi-institusi al-Quran negeri sekitar tahun 80an. Selain daripada pengajian di Darul Quran, sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab antara sekolah menengah yang mempunyai pelajaran asas Qiraat berdasarkan kepada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang digubal berpandukan kepada kurikulum tahfiz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan agama oleh KPM dengan kerjasama Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).

Pengubalan Kurikulum tersebut adalah sebagai kesungguhan KPM dalam mencapai pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025 bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebelum itu, KPM menerusi Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pada tahun 1986 telah mewujudkan Kelas Khas Membaca dan Menghafal al-Quran atau dikenali sebagai KKQ di sekolah tertentu bertujuan mewujudkan pengajian ilmu Qiraat (Junaidi, 2018; Norazman 2020). Selain itu, di peringkat universiti juga tidak terkecuali dalam menawarkan pendidikan Qiraat secara formal seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Selangor (UIS).

Walaupun ilmu Qiraat ini dikatakan sudah lama bertapak di negara Malaysia dan wujud sejak zaman Rasulullah SAW namun ilmu ini masih berada di tahap yang rendah dan kurang diamalkan (Azri et.al, 2020). Masyarakat masih lagi menganggap bahawa bacaan al-Quran hanya mempunyai satu wajah sahaja. Meskipun begitu, pengetahuan mereka terhadap bacaan yang diamalkan masih lemah dan memerlukan penambahbaikan. Analisis kajian Ikram et al., (2021) menjelaskan bahawa pengetahuan sebahagian masyarakat Melayu termasuklah guru al-Quran masih lemah terhadap hukum bacaan menerusi bacaan riwayat Imam Hafs mengikut jalan periwayatan sama ada dari tariq al-Syatibiyyah dan tariq al-Tayyibah. Walaupun perkembangan ilmu Qiraat semakin pesat, pembudayaan dan pemeraksanaan ilmu Qiraat masih berada di tahap yang sederhana bahkan terdapat juga dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih berada pada tahap yang sangat lemah malah segelintir daripada mereka langsung tidak mengetahui mengenai ilmu Qiraat (Ikram et al., 2021).

Jelaslah bahawa ilmu Qiraat masih belum selari dengan perkembangan ilmu-ilmu yang lain serta memerlukan usaha bersama untuk memperjuangkan ilmu al-Quran agar tidak luput ditelan zaman. Dalam pada itu, dokumentasi serta penerbitan buku ilmiah mengenai pendidikan dan pembelajaran Qiraat masih kurang di Malaysia. Ini menyebabkan penyebaran dan pemahaman tentang ilmu ini terhad. Usaha untuk menghasilkan lebih banyak sumber rujukan dan platform pembelajaran sangat penting bagi memastikan ilmu Qiraat berkembang dan dipelajari secara meluas. Justeru itu, ahli akademik yang berkecimpung dalam pendidikan ilmu Qiraat seharusnya mula berkongsi pandangan dan pengalaman mereka melalui kajian-kajian yang dibuat agar pedagogi kaedah pendidikan Qiraat berinovasi seiring dengan keperluan zaman (Ikram et al., 2021). Pendekatan yang lebih kreatif dan relevan perlu diterapkan bagi memastikan pengajaran ilmu Qiraat lebih menarik, berkesan dan mampu menarik perhatian generasi muda.

1.2.4 Qiraat Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

Kajian ini memilih Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) sebagai lokasi kajian disebabkan kajian yang melibatkan pengajaran Qiraat di institusi ini masih terhad berbanding dengan institusi yang lain seperti sekolah MRSM Ulul Albab, SMKA TMUA dan Maahad Tahfiz Swasta Negeri sekali gus menunjukkan keperluan untuk meneroka konteks PdP Qiraat di sekolah tersebut dengan lebih mendalam.

1.3 Masalah Kajian

Keutamaan dan penekanan ilmu Qiraat yang berakar umbi dari pendidikan Islam sangat penting untuk diangkat dalam membuka mata masyarakat. Bagi meningkatkan mutu pendidikan Qiraat, kenal pasti permasalahan antara kaedah para penyelidik dalam memantapkan sistem pendidikan. Menurut Rosly et al., (2023) guru yang afektif akan memiliki sifat reflektif. Guru reflektif cenderung memberi tindak balas terhadap perubahan emosi dan keperluan pendidikan didikannya. Guru reflektif juga sentiasa memantau tindakan, meneliti objektif yang ingin dicapai dan mengimbas kembali

matlamat pengajaran, pendekatan dan bahan pengajaran. Berdasarkan konsep reflektif dan tujuan dasarnya, maka isu-isu yang dibentangkan menerusi kajian lepas dapat membantu guru dan ahli akademik menilai dan memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Qiraat.

Kajian-kajian terdahulu telah mengenal pasti pelbagai isu yang menghalang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar. Kajian Zaid et al., (2020) mendapati pelajar kurang berminat terhadap ilmu Qiraat kerana menganggapnya tidak berkait dengan kehidupan seharian seperti ilmu fiqh dan ilmu tauhid. Selain itu, pelajar juga berdepan kesukaran menguasai matan, nama imam, perawi serta rumuz yang menjadi asas kepada ilmu ini. Penguasaan istilah-istilah seperti *tarqīq ra'*, *tashīl*, *naqal* dan *ikhtilās* pula memerlukan kaedah *talaqqī* bersama guru sedangkan masa pembelajaran yang diperuntukkan adalah singkat. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran teori semata-mata tidak mencukupi tanpa dibantu dengan latihan praktikal.

Sementara itu, kajian Junaidi (2018) pula mendapati penguasaan pelajar masih lemah meskipun kurikulum yang diterapkan berada pada tahap sederhana tinggi. Beliau menyatakan bahawa minat pelajar bukan faktor utama dalam meningkatkan penguasaan ilmu Qiraat bahkan turut dipengaruhi faktor lain seperti kecerdasan, strategi belajar, konsep sendiri, teknik ulangan dan latihan berterusan. Sejalan dengan itu, Zainora dan Lukman (2019) menekankan kekurangan bahan rujukan dan BBM yang berkesan sebagai faktor yang membantutkan proses pembelajaran. Mereka menegaskan bahawa pendekatan PdP Qiraat masih perlu diperkemas agar lebih menarik dan sejajar dengan perkembangan teknologi multimedia semasa. Menurut Junaidi dan Nasir (2016) walaupun pelajar mempunyai minat yang tinggi, ia masih belum mencukupi untuk menguasai Qiraat dengan baik. Faktor-faktor berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan PdP oleh guru harus diberikan perhatian serius.

Dalam kajian Azri Kifli et al., (2020) mendapati pelajar memerlukan kaedah yang sesuai dalam meningkatkan literasi Qiraat. Namun, penggunaan BBM tradisional masih mendominasi dan hanya sebahagian guru sahaja mengaplikasikan BBM terkini. Zainora et al., (2019) pula mendapati bahawa penguasaan al-Quran dan ilmu tajwid adalah lebih baik berbanding dengan ilmu Qiraat. Hal ini menunjukkan bahawa

kefahaman pelajar terhadap ilmu Qiraat masih berada pada tahap sederhana dan memerlukan penambahbaikan daripada aspek PdP. Dapatan ini selari dengan Izhar et al., (2021) yang menekankan kelemahan pelajar dalam penguasaan teori berbanding praktikal selain terikat dengan masa pembelajaran yang terbatas. Ahmad Mujahideen et al., (2021) turut menegaskan keperluan dalam meningkatkan teknik PdP memandangkan masih terdapat pelajar yang mempelajari teori sahaja tanpa diimbangi dengan aspek amali.

Masalah lain turut dibangkitkan oleh Muhammad Syafee et al., (2024) yang mendapati kelemahan penguasaan bahasa Arab pelajar memberi kesan terhadap kefahaman mereka dalam ilmu *tawjīh al-Qirāat*. Kelemahan ini bertambah dengan ketiadaan kerangka pengajaran *tawjīh Qirāat* yang jelas di institusi pengajian tinggi. Hilmi et al., (2011) sebelum itu melaporkan bahawa tahap pengetahuan guru Qiraat masih sederhana manakala Aini et al., (2023) menekankan bahawa kelemahan dalam kemahiran pengajaran abad ke-21 seharusnya ditingkatkan melalui kursus, latihan professional, forum dan pembacaan ilmiah. Selain itu juga, Hakim et al., (2024) menyatakan ada pelajar masih cenderung mempelajari teori tanpa praktikal sedangkan ilmu Qiraat menuntut keseimbangan antara teori dan praktikal. Hal yang sama ditekankan oleh Syarifah Noorhidayah et al., (2023) yang mendapati pelajar kurang berminat, kekangan masa yang terhad serta kesukaran mengingat istilah Qiraat menjadi faktor kelemahan.

Dalam konteks PdP berasaskan teknologi, Hayati et al., (2022) menunjukkan bahawa penggunaan kaedah dalam talian mempunyai kelebihan dan kelemahan. Masalah capaian internet serta kurang interaksi antara pelajar dan guru menyebabkan pemahaman pelajar terhadap ilmu Qiraat terbatas. Kajian lain berkenaan dengan isu kekangan kemudahan seperti yang dinyatakan oleh Faizulamri et al., (2021) dalam kajiannya bahawa terdapat sekolah yang berkongsi satu kelas dua guru yang menyebabkan guru kurang selesa untuk melaksanakan PdP. Isu seterusnya oleh Zainora et al., (2019) telah mencadangkan penambahbaikan dalam penggunaan BBM moden seperti komputer, multimedia dan internet bagi menarik minat pelajar. Akhir sekali, Mujahideen et al. (2021) mendapati tahap penguasaan ilmu Qiraat pelajar masih sederhana walaupun telah diterapkan pendekatan teori dan amali.

Rumusan keseluruhan kajian yang diutarakan berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat di atas telah disimpulkan secara ringkas. Ini berdasarkan kepada jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1. 1

Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Qiraat

Nama Pengarang, Tahun	Masalah
Hilmi et al. (2011)	Tahap pengetahuan guru KKQ dalam ilmu Qiraat berada di tahap yang sederhana. <i>“Menyentuh tentang pengetahuan sedia ada kedua-dua responden terhadap ilmu Qiraat, mereka mengakui mempunyai pengetahuan pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ada beberapa konsep yang perlu dimantapkan.”</i>
Zainora et al. (2012)	Kurang mengaplikasikan bahan bantu mengajar yang lebih moden. Pelajar masih keliru terhadap manhaj ilmu Qiraat Sab’ah. <i>“Penambahbaikan terhadap aspek penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden seperti penggunaan komputer, bahan multimedia, internet dan sebagainya wajar dilakukan agar dapat menarik perhatian dan minat para pelajar serta meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan para pelajar di dalam bidang pengajian Qiraat.”</i> <i>“Mungkin disebabkan mereka kurang mengulangkaji dan kurang komited dengan pembelajaran dan pengajaran yang bersistematik dan terancang lebih-lebih lagi mereka hanya terikat dengan mencari ilmu semata-mata untuk mendapat segulung diploma.”</i>
Junaidi & Nasir (2016)	Pelajar mempunyai minat namun tidak cukup dalam memantapkan penguasaan Qiraat. <i>“Pelajar KKQ sebenarnya bermotivasi untuk menguasai qira’at al-Sab’e namun begitu ia tidak cukup untuk membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut.”</i> <i>“Faktor-faktor lain khasnya berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mesti diberikan perhatian yang serius bagi membantu penguasaan pelajar KKQ dalam menguasai qira’at al-Sab’ie.”</i>
Junaidi (2018)	Penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat lemah walaupun kurikulum yang diterapkan di tahap sederhana tinggi. Kurikulum perlu sesuai dengan tahap murid. Pengaruh minat, sikap, amalan pengajaran guru dan pengetahuan pelajar dalam ilmu Qiraat bukan faktor utama. Cerdas, sendiri pelajar, kaedah ulangan dan latihan, sendiri pelajar, strategi belajar dan lain-lain antara faktor yang membantu pelajar menguasai ilmu Qiraat. <i>“Kurikulum Qirā’āt al-Sab’ie berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan tahap penguasaannya. Ini bertepatan dengan kajian Zainora (2010) yang menunjukkan bahawa pelajar masih kurang mampu menguasai kandungan kurikulum Qirā’āt al-Sab’ie</i>

	yang tinggi. Keadaan ini perlu diatasi dengan sedikit rombakan kurikulum yang mesra kepada pelajar KKQ.” “Situasi ini berlaku kerana perkara ini berpunca dan tidak diatasi semasa pelajar berada pada sekolah rendah dan sekolah menengah lagi.” “Motivasi, minat, sikap, amalan pengajaran guru dan pengetahuan Qirā’āt al-Sab’ie sememangnya boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar, tetapi ianya bukanlah faktor utama yang boleh mempengaruhi prestasi seseorang. Faktor lain yang boleh wujud mempengaruhi tahap penguasaan pelajar adalah kecerdasan, teknik ulangan dan latihan, konsep sendiri, strategi belajar dan sebagainya.
Zainora & Lukman (2019)	Sumber rujukan kurang. Bahan bantu mengajar kurang menarik dan berkesan. Perlu Penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu Qiraat. “Kekurangan bahan-bahan rujukan menjadi salah satu punca para pelajar tidak mampu menguasai Qiraat.” “Masih perlu penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini agar mampu memartabatkan pendidikan qiraat di peringkat lebih tinggi.” “Penambahbaikan perlu dipertingkatkan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat dan sumber-sumber rujukan Qiraat.
Zainora et al. (2019)	Perlu penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran BBM kurang efektif dan menarik Kurang sumber rujukan “responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran qiraat dari aspek tahap kekendirian pelajar merangkumi kepentingan, keperluan dan minat mempelajari qiraat. Namun penambahbaikan perlu dipertingkatkan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran qiraat dan sumber-sumber rujukan qiraat.” “penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini.”
Zainora et al. (2019)	Penguasaan al-Quran dan ilmu Tajwid lebih baik berbanding dengan ilmu Qiraat Kefahaman murid masih ditahap sederhana tinggi. Memerlukan penambahbaikan PdP. “faktor pengalaman sebelum mereka memasuki fakulti kerana sebahagian besar mereka tiada pendedahan kelas khusus melainkan pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafs ‘an Ashim.” “kefahaman para pelajar berada di tahap sederhana tinggi dan memerlukan penambahbaikan dari aspek pengajaran dan pembelajaran.”
Zaid et al. (2020)	Pelajar kurang minat. Sukar menguasai matan, nama imam, perawi dan rumuz. Pelajar perlu menguasai istilah yang ada dalam Qiraat. Bacaan Qiraat secara praktikal memerlukan kaedah yang sesuai dengan pelajar. “Kekurangan minat pada diri pelajar adalah perkara yang sering

	berlaku. Perkara ini terjadi kerana kewujudan pemikiran bahawa ilmu Qiraat tidak berkait dengan kehidupan seharian seperti ilmu Fiqh dan Tauhid.” “Istilah-istilah tersebut seharusnya dihafal dan dikuasai untuk membantu membezakan khilaf di dalam ilmu Qiraat.” “Penggunaan yang tepat bagi kaedah bacaan tarqiq ra’, tashil, naqal, ikhtilas dan sebagainya memerlukan metod talaqqi bersama guru untuk menguasainya.” “Turut diakui bahawa pembelajaran untuk menguasai matan ini sukar dan memerlukan waktu yang lama sedangkan tempoh pembelajaran adalah singkat.” “Pembelajaran ilmu Qiraat tidak mampu dikuasai jika sekadar mempelajari dan menguasai teori sahaja bahkan perlu selari dengan penguasaan dari aspek praktikal.”
Azri Kifli et al. (2020)	Memerlukan kaedah yang sesuai dalam menambah literasi pelajar dalam Qiraat Perlu penambahbaikan dan mempelbagaikan teknik PnP. Masih BBM tradisional “Para pelajar memerlukan pendekatan atau kaedah pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan tahap literasi qiraat mereka.” “Kajian juga mendapati bahawa 51.2% pelajar bersetuju guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terkini semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan antara item yang mempunyai skor min paling rendah.”
Izhar et al. (2021)	Pelajar lemah dalam menguasai teori ilmu Qiraat Masa yang terhad “pelajar-pelajar kurang menguasai bahagian teori ilmu Qiraat berbanding praktikal ilmu Qiraat.” “Aktiviti yang padat dan tempoh masa yang terhad merupakan antara cabaran yang perlu dilalui oleh pelajar-pelajar TMUA.”
Ahmad Mujahideen et al. (2021)	Teknik PdP Ilmu Qiraat perlu dipertingkatkan. Sebahagian murid hanya mempelajari teori ilmu Qiraat. Murid masih ditahap sederhana dalam pembelajaran ilmu Qiraat. “Pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali seharusnya ditambahbaik dan ditingkatkan agar penguasaan pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.” “Ada juga pelajar hanya cukup sekadar mendengar dan memahami apa yang disampaikan oleh pengajar sahaja secara teori sedangkan proses pengajian ilmu Qiraat hendaklah berjalan secara seiring antara teori dan amali.”
Mujahideen et al. (2021)	Penguasaan ilmu Qiraat oleh pelajar Qiraat masih di tahap sederhana. “Penguasaan pelajar-pelajar berkenaan pengajian ilmu Qiraat berada pada peringkat sederhana. Perkara ini dikuatkan dengan data yang didapati dari teori dan amali.” “Faktor peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali sepatutnya ditingkatkan dan ditambahbaik supaya tahap penguasaan pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar

	<i>dapat dinaikkan ke peringkat yang lebih tinggi.”</i>
Faizulamri et al. (2021)	Kekangan kemudahan di sekolah. <i>“Masih terdapat sekolah yang menyediakan kelas maharat al-Quran berkongsi dua halaqah. Keadaan ini menyebabkan ada segelintir guru yang kurang selesa.”</i> <i>“Proses penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa.”</i> <i>“Penggembelengan tenaga dari semua pihak termasuklah penggubal dasar, pelaksana kurikulum, penerima kurikulum serta kumpulan sokongan menjadi titik tolak kejayaan ‘survival’ kurikulum mata pelajaran Maharat al-Quran ini pada masa akan datang.”</i>
Sri Andayani et al. (2021)	Guru kurang melaksanakan amalan pengajaran yang bersesuaian seperti kurang menggunakan internet. <i>“Terdapat 157 orang guru kurang kerap, 79 guru tidak kerap dan 40 orang guru sangat tidak kerap menggunakan internet bagi silibus pelajaran Maharat al-Quran yang bersesuaian.”</i>
Zaid et al. (2022)	Penguasaan manhaj Qiraat Imam Warsh baik namun perlu dipertingkatkan lagi. Perlu penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan masa pelajaran Qiraat Amali. <i>“tahap penguasaan siswa JTQQ KUIS terhadap Qiraat Warsh ‘an Naafi’ secara keseluruhan adalah pada tahap tinggi walaupun terdapat sebahagian pada tahap sederhana.”</i> <i>“Usaha meningkatkan serta membuat penambahbaikan untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam menghasilkan penguasaan qiraat yang lebih memuaskan.”</i> <i>“Peruntukan masa juga perlu dikaji semula dan ditambah baik dalam sistem pengajian qiraat lebih-lebih lagi subjek Qiraat Amali yang memfokuskan kaedah talaqqi dan musyafahah.”</i>
Hayati et al. (2022)	Penggunaan teknologi ada kelebihan dan kekurangannya dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat. Guru tidak boleh mengawasi pelajar. Pelajar kurang faham ketika sesi pembelajaran atas talian. Masalah capaian internet yang terbatas. <i>“Continuous implementation of T&L needs to be implemented with a variety of alternatives sources. Therefore, no matter what the situation occurred, all parties have to ensure that the T&L Qiraat program could done. This process requires the cooperation from all parties; students, lecturers, and parents. The usage of technology as mediums for T&L should be seen from a positive point of view because the T&L of Qiraat is required discipline in order to master it.”</i> <i>“The most important factors that faced by students is internet problems and limited to understand the subject because of there is no interactions between students in online classs.”</i> <i>“the challenges in implementing lesson revision and lecturers could not monitor students.”</i>

Aini et al. (2023)	Kurang mahir dalam teknik pengajaran
	<i>“guru KKQ harus mempertingkatkan ilmu kemahiran berkaitan pengajaran abad ke-21 dalam bidang Ilmu Qiraat.”</i> <i>“guru KKQ perlulah memainkan peranan dalam memastikan aspek kemahiran dalam PdPc mereka sentiasa relevan dan terkini sesuai mengikut peredaran semasa bagi memastikan bidang pendidikan di negara kita berada pada tahap yang tertinggi.”</i> <i>“guru KKQ khususnya harus bersikap proaktif dengan berusaha menambah ilmu kemahiran berkenaan bidang yang diajar melalui kursus-kursus, forum ilmu dan juga melalui pembacaan ilmiah.”</i>
Sharifah Noorhidayah et al. (2023)	Kurang minat. Masa terhad. Bahan Bantu Mengajar kurang. Pelajar sukar dalam mengingat istilah-istilah Qiraat. <i>“pencapaian yang diperoleh pelajar dalam subjek Qiraat menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai subjek Qiraat atas beberapa faktor iaitu kurang minat terhadap subjek Qiraat, masa pembelajaran yang terhad dan kekurangan alat bantu mengajar.”</i> <i>“pelajar sering tertukar dan keliru untuk mengingat istilah-istilah tersebut dan bagaimana cara melafazkan sebutan untuk kaedah-kaedah tersebut.”</i> <i>“guru perlu lebih kreatif bagi menggunakan 30 minit masa yang diperuntukkan untuk mengoptimalkan penggunaan alat bantu mengajar di dalam kelas.”</i>
Muhammad Syafee et al. (2024)	Pelajar lemah dalam bahasa Arab. Kelemahan guru menyampaikan ilmu taujih Qiraat. Tiada kerangka pengajaran ilmu taujih Qiraat di IPT. <i>“penguasaan pelajar terhadap ilmu tawjih al-qiraat adalah berada pada tahap sederhana dan peringkat permulaan. Tahap kefahaman sederhana ini berpunca daripada faktor kelemahan bahasa Arab pelajar dan faktor kelemahan penyampaian tenaga pengajar semasa proses pengajaran.”</i> <i>“Melalui garis panduan pengajaran yang tersusun dan teratur, tenaga pengajar mampu melakukan persediaan sebelum pengajaran, merancang kaedah dan teknik semasa proses pelaksanaan pengajaran serta melakukan penilaian selepas proses pengajaran.”</i>
Hakim et al. (2024)	Lemah penguasaan Qiraat. Pelajar hanya belajar teori ilmu Qiraat. <i>“Misreading will affect the true meaning of the Qur'an. Errors related to the knowledge of Qiraat will occur when students have not mastered the entire or complete study of Qiraat through the theory and practice that is being studied formally”</i> <i>“some students only need to listen and understand what is delivered by the lecturer in theory, while the process of studying the science of Qiraat should go hand in hand between theory and practice.”</i>

Berdasarkan analisis yang dilakukan menerusi kajian-kajian lepas secara keseluruhannya diputuskan kepada beberapa aspek utama. Masalah tersebut adalah kurang minat, pelajar kurang bermotivasi, kekangan masa, kelemahan kurikulum, kurang kesesuaian kaedah pengajaran, kekurangan sumber rujukan, kurang BBM yang menarik, tahap penguasaan guru yang masih sederhana dalam aspek kemahiran PdP dan cabaran penguasaan bahasa Arab serta aspek praktikal bacaan pelajar Qiraat. Kesemua faktor yang disebutkan memberi kesan besar terhadap penguasaan pelajar dalam menguasai ilmu Qiraat. Ini menuntut kepada penambahbaikan yang lebih sistematik serta inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, masalah yang dikenal pasti boleh dikategorikan dalam isu pengajaran dan pembelajaran Qiraat dengan tumpuan khusus kepada aspek minat, prestasi pelajar, kesediaan guru, penggunaan BBM dan pendekatan pedagogi. Punca permasalahan ini mendorong kepada kajian amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam pengajaran asas Qiraat berteraskan pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan negeri Perak (SMTDR) yang dijadikan sebagai kajian pengkaji dan berhasrat agar kajian ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada guru, pelajar dan institusi pendidikan.

1.4 Objektif Kajian

1. Meninjau persediaan guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat.
2. Mengenalpasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas.
3. Meneroka pendekatan pengajaran guru Qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah persediaan yang dilakukan oleh guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat?
2. Apakah bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

3. Bagaimanakah pendekatan pengajaran guru Qiraat dalam kelas berdasarkan pendekatan Ibn Khaldun?

1.6 Limitasi/ Skop Kajian

1. Kajian ini memfokuskan kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat dalam kalangan pelajar perempuan tingkatan 4 dan tingkatan 5. Hanya tingkatan 4 dan 5 sahaja yang mempelajari asas ilmu Qiraat berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Selain itu, penyelidikan ini terhad kepada pelajar perempuan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan. Pemilihan dibuat berasaskan kepada literatur yang terhad berkaitan tahfiz perempuan di seluruh negara. Sebahagian besar literatur terdahulu yang dilaksanakan di institusi tahfiz melibatkan pelajar lelaki dan perempuan secara umum dan ada juga kajian yang menunjukkan dominasi sampel lelaki berbanding perempuan. Keadaan ini menyebabkan fokus terhadap pelajar perempuan tidak dihuraikan secara mendalam malah data yang diperoleh kurang memberikan gambaran terperinci bagi satu jantina tertentu serta penelitian PdP Qiraat secara mikro dalam konteks perempuan sahaja kurang. Ini boleh dilihat berdasarkan kepada kajian-kajian lepas seperti kajian Zaini (2022) Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat Dan Penguasaan Bacaan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Perak, kajian Ahmad Junaidi (2018) Faktor Penguasaan Qiraat al-Sabie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal al-Quran (KKQ) Di Negeri Perak dan kajian Zainora et al. (2012) Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qiraat Di Jabatan al-Quran Dan al-Qiraat, KUIS: Satu Tinjauan Awal. Ketiga-tiga kajian ini melibatkan populasi campuran dan ada antaranya menunjukkan majoriti sampel terdiri daripada pelajar lelaki. Situasi ini menyebabkan fokus khusus pelajar perempuan kurang. Maka Kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang literatur tersebut dengan menyediakan dapatan yang lebih fokus, mendalam dan relevan terhadap pengalaman PdP Qiraat dalam kalangan pelajar perempuan. Pemilihan SMTDR sebagai kajian penyelidikan adalah kerana sistem sekolah SMTDR

dengan sekolah MRSM Ulul Albab, SMKA TMUA dan Maahad Tahfiz Swasta Negeri mempunyai perbezaan dan fokus tersendiri walaupun sebahagiannya melaksanakan kurikulum yang sama. Lagipula penyelidikan melibatkan SMTDR masih kurang dan terhad berbanding dengan sekolah-sekolah yang lain.


2. Lokasi di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang negeri Perak dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Kerian negeri Perak. Hanya dua buah sekolah SMTDR yang terlibat kerana kedua-dua institusi ini ditempatkan pelajar perempuan sahaja.
3. Peserta kajian dipilih berdasarkan kepada pandangan Yin (2011) yang menyatakan minimum peserta kajian bagi kajian kes berbilang ialah 3 orang. Pandangan Creswell et al., (2018) dan Kumar et al., (2020) turut dijadikan sebagai panduan dalam memilih saiz sampel. Pengkaji memilih 4 peserta kajian iaitu 2 dari daerah Batang Padang dan 2 lagi dari daerah Kerian untuk mengatasi masalah ketepuan maklumat.
4. Delimitasi kajian khusus kepada mata pelajaran ilmu Qiraat berdasarkan kepada pengajian maharat al-Quran dan terhad di dua daerah iaitu Batang Padang dan Kerian. Kajian ini dilakukan di sekolah menengah yang mempelajari asas ilmu Qiraat berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan dalam tiga aspek utama, iaitu bidang ilmu, institusi dan peringkat negeri. Dari sudut bidang ilmu, kajian ini membangunkan kaedah pengajaran Qiraat yang lebih sesuai untuk pelajar perempuan berasaskan pendekatan pendidikan Ibn Khaldun. Dari sudut institusi, kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan model pendidikan Qiraat sedia ada agar lebih sistematik dan berkesan. Manakala di peringkat negeri, kajian ini mencadangkan penambahbaikan kurikulum Qiraat bagi memastikan pembelajaran lebih tersusun, mudah difahami serta selaras dengan keperluan pelajar tanpa menjejaskan keaslian ilmu.

1.8 Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan teori kaedah Pendidikan Ibn Khaldun sebagai kerangka konseptual dalam kajian. Hal ini boleh dilihat berdasarkan rajah 1.1 dibawah:



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual

Dalam metode pendidikan, pelbagai teori dan konsep dikemukakan bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang signifikan dalam pendidikan. Menurut Hapsah et al. (2024) proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pedagogi meliputi strategi, pendekatan, kaedah, teknik serta aktiviti yang disesuaikan dengan tahap keupayaan pelajar dalam membantu guru mencapai objektif pengajaran dengan lebih berkesan. Dalam masa yang sama menyokong usaha merealisasikan kemenjadian pelajar sebagaimana yang dihasratkan dalam matlamat pendidikan negara berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, teori yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah teori kaedah pendidikan Ibn khaldun sebagai pedagogi asas Qiraat. Secara ringkasnya, tokoh ilmuwan Islam Ibn Khaldun dilahirkan pada 27 Mei 1332 di Tunisia. Beliau dikenali sebagai seorang ahli falsafah, sejarawan dan sarjana

yang memberikan sumbangan besar dalam pelbagai bidang keilmuan, khususnya dalam pemikiran sosial dan pendidikan (al-Farabi, 2022; Agustyaningrum et al., 2022).

Teori dari ilmuwan timur ini dipilih berdasarkan ciri-ciri dan kelebihan tersendiri. Menurut Zahirwan et al. (2017) kaedah pendidikan Ibn Khaldun relevan dan wajar diaplikasikan dalam institusi pendidikan Islam masa kini sebagai pendekatan atau pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ghazali (2009) menyatakan bidang pendidikan Islam Ibn Khaldun sangat meluas sehingga mencakupi kepelbagaian ilmu seperti falsafah, al-Quran, bahasa, hadith, ilmu feqah, mantik, kebudayaan, sosiologi, pendidikan dan sejarah. Teorinya yang berkaitan pendidikan sangat banyak antaranya adalah murid harus berinteraksi secara langsung dengan guru, tiada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaik melainkan mengikut suasana dan keadaan, guru perlu memerhatikan dan memahami murid serta mengetahui tahap penerimaan ilmu seseorang murid berbeza.

Hoirul et al. (2023) menjelaskan Ibn Khaldun sangat menekankan bahawa guru harus membantu sehingga murid memahami disiplin ilmu tersebut dan akhirnya murid dapat menguasai serta mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Selain itu, ilmuwan moden lebih memilih menggunakan teori-teori falsafah barat walhal falsafah barat tersebut seperti Adam Smith, Max Weber dan Arnold Y. Toynbee turut merujuk dan mengambil teori Ibn Khaldun sebagai panduan (Hoirul et al., 2023). Oleh itu, penyelidikan berdasarkan teori Ibn Khaldun sangat komprehensif dan sesuai dijadikan panduan kepada pengkaji dalam pendidikan Islam. Metode pengajaran dan pembelajaran Ibn Khaldun yang disimpulkan berdasarkan kepada kitab Muqaddimah ini dibahagikan kepada beberapa elemen asas yang utama antaranya ialah beransur-ansur, pengulangan, fokus, perbincangan, percubaan, tidak mengambil masa yang lama, tauladan dan *rīhlah*. Perbincangan tentang kaedah-kaedah ini akan diperincikan pada bab dua di bawah tajuk pendidikan Ibn Khaldun. Tuntasnya, penggunaan teori ini adalah bagi membantu permasalahan pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat serta meningkatkan kemajuan pendidikan Islam subjek ilmu Qiraat ke tahap yang lebih tinggi.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat sebilangan konsep dan istilah yang digunakan dan dirumuskan bagi menerangkan maksud dan takrifan yang jelas dan konsisten. Pendekatan ini dapat menghindari berlakunya sebarang kekeliruan dan menambah lagi kefahaman dan tujuan penyelidikan ini dilakukan. Penjelasan konsep tersebut adalah takrifan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran, asas Qiraat dan SMTDR.

1.9.1 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran

Menurut Kamarul (2016) membahagikan pengajaran dan pembelajaran kepada dua konsep yang berbeza. Menurutnya lagi pengajaran diertikan sebagai *ta'lim* dan dijadikan sebagai medium penyampaian kemanusiaan dan alat pendidikan dalam membekalkan ilmu pengetahuan dan informasi daripada seorang guru kepada pelajar. Pengajaran umumnya bermaksud perihal mengajar iaitu menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang, mendidik dan melatih (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989). Menurut Noor Hisham (2011) pengajaran adalah aktiviti bersama guru dan murid dalam mempelajari ilmu. Tambahnya lagi tanpa adanya salah satu dari keduanya maka pengajaran tidak akan terjadi. Istilah pembelajaran pula dimaksudkan sebagai suatu interaksi antara pelajar dan guru yang bertujuan menghasilkan pemerolehan ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran serta pembentukan sikap dan kepercayaan dalam diri pelajar.

Pendekatan yang mendukung kepada perubahan ilmu, pencapaian ilmu pengetahuan, kebolehan, kemahiran dan pembinaan keperibadian serta kepercayaan kepada murid adalah menerusi proses komunikasi, interaksi, ajaran dan pengalaman antara pendidik dan pelajar (Zulkifly, 2021; UiTM, 2021). Merujuk kepada kajian ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang di maksudkan di sini berkaitan dengan pelaksanaan teknik yang dibawa para guru SMTDR ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam menyampaikan ilmu Qiraat. Nilai dan keberhasilan hasil pengajaran akan dapat dilihat menerusi pembelajaran pelajar. Keseluruhan pendekatan yang digunakan guru akan diukur berdasarkan kepada kaedah pendidikan Ibn Khaldun dalam menerapkan metodologi yang sesuai dan berkesan kepada pelajar perempuan.

1.9.2 Asas Qiraat

Ilmu Qiraat yang dipelajari di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan berdasarkan kepada buku teks mata pelajaran *mahārāt* al-Quran. Asas Qiraat ini berpandukan kepada sistem pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dijadikan manhaj pengajaran guru-guru di sekolah. Kandungan asas ilmu Qiraat yang dipelajari oleh pelajar adalah pengenalan Qiraat, perbezaan al-Quran dan al-Qiraat, perbezaan riwayat, wajah dan *ṭarīq*, sejarah ilmu Qiraat, rukun Qiraat sahih, perbincangan Qiraat, pembahagian Qiraat, pengenalan imam *Qirā'at sab'ah*, manhaj Qiraat imam *sab'ah* dan latihan bacaan Qiraat secara *ifrād* pada surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah ayat 1 sehingga ayat 74 (Khadijah et al., 2024).

1.9.3 SMTDR

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan atau diakronimkan menjadi SMTDR. Sekolah ini terletak di negeri Perak Darul Ridzuan. Penyelidikan berlaku di daerah Batang Padang dan daerah Kerian. Pelajar SMTDR yang terlibat dalam kajian ini di tingkatan empat dan lima. Sejarah ringkasnya, SMTDR ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak dan diletakkan di bawah naungan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) (LKAN, 2021).

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, ilmu Quran dan Qiraat adalah dua disiplin ilmu yang tidak boleh digugurkan haknya seperti mana ilmu tajwid. Ilmu tawid juga salah satu dari ilmu Qiraat yang rata-rata dipelajari menurut riwayat imam *Hafs 'an 'Āṣīm* berdasarkan *ṭuruq al-Syāḥibīy*. Ilmu al-Quran dan al-Qiraat memiliki kepentingan tersendiri sebagai sumber asas kehidupan manusia yang beriman dan bertaqwa. Ditambah pula, pendidikan tahfiz seharusnya diselarikan dengan pendidikan ilmu Qiraat kerana saling melengkapi di antara satu sama lain walaupun konsep pendidikannya berbeza.

Selain itu, Kurikulum yang dilaksanakan oleh kerajaan dan badan swasta telah menjadikan pendidikan al-Quran berkembang seiring dengan peredaran zaman yang kian berevolusi di era kemuncak kemodenan teknologi yang pesat membangun. Permasalahan dan cabaran yang diutarakan seharusnya diberi penekanan agar ilmu Qiraat cabang dari ilmu al-Quran dapat diteruskan dari generasi ke generasi dan dapat diwariskan dan dibudayakan di negara Malaysia. Perbincangan seterusnya akan memfokuskan kepada kajian-kajian lepas dalam mengenal pasti jurang dan perbezaan dengan kajian yang dilakukan. Pengenalan secara mendalam perihal Qiraat serta tempat yang dijadikan sebagai kajian turut direkodkan bersama.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini atau dikenali sebagai bab sorotan literatur akan dibahaskan tentang pelbagai teori berkaitan dengan topik seperti definisi, pengenalan kajian, teori pendidikan Ibn Khaldun dan lain-lain lagi. Keutamaan utama dalam bab ini adalah penelitian terhadap penyelidikan lepas berhubung dengannya sebagai pengukuhan kepada penyelidikan yang dilaksanakan dalam mendapatkan jurang di antara kajian pengkaji dengan kajian lepas. Selain itu, perihal SMTDR turut dibentangkan di bab ini.

2.2 Pengenalan Ilmu Qiraat

Dalam pengenalan ilmu Qiraat, pengkaji akan membahaskan berkaitan dengan pengertian ilmu Qiraat, subjek ilmu Qiraat, sejarah dan yang berkaitan dengannya bagi mengenali dengan lebih mendalam ilmu ini.

2.2.1 Ilmu Qiraat

Secara teorinya, ilmu Qiraat merangkumi ilmu bacaan al-Quran yang terkandung pelbagai wajah bacaan mengikut imam *Qurrā'* sepuluh. Perbincangan melibatkan sebutan kalimah seperti panjang, pendek, *ibdāl*, *naqol*, *saktah*, *ṣīlah* dan lain-lain lagi. Qiraat imam tujuh atau sepuluh yang dibaca sehingga ke hari ini adalah sebahagian daripada *aḥruf sab'ah* (Amani, 2017). Dasarnya, pembelajaran ilmu ini terdiri dari pengenalan imam Qiraat tujuh atau sepuluh iaitu Imam Nāfi', Imam Ibn Kathīr, Imam Abū 'Amrū al-Baṣrī, Imam Ibn 'Āmir, Imam 'Āsīm, Imam Ḥamzah, Imam al-Kisā'ī, Imam Abū Ja'far, Imam Ya'qūb dan Imam Khalāf, tentang perawi-perawi masyhur Qiraat sepuluh iaitu Qālūn, Warsy, al-Bazzi, Qunbul, al-Dūrī, al-Sūsī, Hishām, Ibn Zakwān, Ṣu'bah, Ḥafṣ, Khalāf, Khallād, Abū al-Ḥārith, al-Dūrī, Ibn

Wardan, Ibn Jammaz, Rūways, Rawh, Ishāq dan Idrīs, berkenaan dengan *ṭuruqnya* dan manhaj bacaan Qiraat yang menyentuh tentang *uṣūl* dan *farsy al-ḥurūf* berdasarkan kepada *ṭarīq al-Syātibīy* dan *ṭarīq al-Ṭayyibah*.

Penguasaan matan Qiraat secara hafazan mahupun pemahaman terhadap Matan *al-Syātibīy*, Matan *al-Durrah* dan Matan *al-Ṭayyibah* yang dikarang oleh Imam al-Syātibīy dan Imam Ibn al-Jazārīy sangat penting dalam menguasai bacaan Qiraat sepuluh. Menurut Gumaa Ahmad et.al (2023) penuntut ilmu Qiraat tidak boleh lari dari mempelajari ketiga-tiga matan ini. Imam al-Syātibīy turut melengkapkan di akhir matannya iaitu bab takbir serta bab makhraj huruf dan sifat huruf. Dalam masa yang sama, *rumuz* atau simbol akan dihafal oleh pelajar yang mempelajari matan-matan tersebut sebagai pemudah cara penuntut menguasai ilmu ini. *Rumuz* mengikut sistem abjad merupakan cetusan pemikiran imam al-Syātibīy dan telah menjadi sumbangan yang sangat besar kepada pembelajaran ilmu Qiraat sehingga ke hari ini (Gumaa Ahmad et. al, 2023). Sebagai contoh huruf *alīf* mewakili kepada Imam Nāfi', huruf *ba'* mewakili perawi Qālūn dan huruf *jīm* mewakili perawi Warsy. Maka diringkaskan ketiga-tiga huruf tersebut kepada kalimah *abaj*.

Selain itu, penguasaan istilah adalah signifikan dalam ilmu Qiraat. Oleh kerana itu, pelajar Qiraat perlu menguasai sebaik mungkin secara teori dan praktikal (Sabri & Faizulamri, 2022). Pembelajaran Qiraat *Syadhdhah* iaitu Qiraat empat belas dan ilmu *Tawjīh al-Qirāat* turut dipelajari di peringkat tinggi. Ilmu *Tawjīh al-Qirāat* atau diistilahkan sebagai ilmu yang menjelaskan makna wajah-wajah Qiraat dari sudut tafsir dan *lughah* yang bertepatan dengan kaedah bahasa serta berlandaskan kepada dalil *naqlī, ijma'* dan sebagainya (Muhammad Syafee et.al, 2022). Ilmu ini sering menjadi isu pengajian Qiraat di Malaysia kerana pembelajarannya masih belum di perkenalkan secara meluas di institusi-institusi pengajian tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Umumnya, ilmu *riwāyah* lebih banyak dipelajari dan dibahaskan di Malaysia berbanding ilmu *dirāyah* iaitu ilmu *tawjīh al-Qirāat*. Artikel oleh Muhammad Syafee et.al (2022) menyatakan ahli akademik membahagikan ilmu Qiraat kepada dua bahagian iaitu ilmu *riwāyah* dan ilmu *dirāyah*. Mereka juga menegaskan agar pembelajaran ilmu *tawjīh al-Qirāat* dipelopori oleh pelajar kerana bukan sahaja melibatkan *khilāf* bacaan Qiraat bahkan merangkumi perbahasan, penjelasan dan impak perubahan sesuatu bacaan

wajah Qiraat itu berlaku. Ringkasnya, ilmu ini dapat memberikan kefahaman dengan lebih mendalam terhadap setiap wajah-wajah Qiraat. Berdasarkan kepada satu kajian oleh Syafee et.al (2024) menjelaskan antara kelemahan pembelajaran ilmu *Tawjīh al-Qirāat* disebabkan kelemahan tenaga pengajar dalam mengaplikasikan kaedah dan teknik yang sesuai.

Antara buku yang digunakan di institusi pengajian peringkat diploma Darul Quran dan *takhaṣṣuṣ* Qiraat di al-Azhar Mesir seperti kitab *Taqrīb al-Ma‘anī fī Syarh Hirz al-Amānī fī al-Qirāat al-Sab‘ah*, *Matan al-Syāḥibīyyah* iaitu *Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, *Taqrīb al-Durrah*, *Matan al-Durrah al-Muḍī‘ah*, *Matan Ṭayyibah al-Nasyr fī al-Qirāat al-‘Asyr*, *al-Muhadhdhab fī al-Qirāat al-‘Asyr*, *Syarh al-Ṭayyibah al-Nasyr* dan *Qalāid al-Fikrī fī Tawjīh al-Qirāat al-‘Ashr*. Teknikalnya, Qiraat memiliki Qiraat *ṣughrā* dan Qiraat *kubrā* yang mempunyai perbezaan dari segi ṭuruqnya dan dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut beberapa pandangan ulama. Menurut Ibn Jazari, Qiraat terbahagi kepada lima jenis iaitu *mutawātir*, *masyhūr*, *ahad*, *shadh*, *Mauḍu‘īy* dan *Mudarraj*. Tambahan dari itu, ilmu yang berkaitan seperti ilmu *Tarājim al-Qurra’*, ilmu *Rasm*, ilmu *Ḍabṭ* dan ilmu *Fawāṣil* perlu dipelajari selain perbincangan khilaf Qiraat. Ilmu Taḥrīrāt pula kebiasannya akan dipelajari diperingkat tinggi dalam mengetahui bacaan yang betul agar tidak berlaku kesalahan ketika para pembaca al-Quran membaca secara jamak iaitu campuran ṭuruq dan wajah bacaan dalam satu bacaan.

Oleh kerana itu, latihan bacaan sangat penting ketika proses pembelajaran ilmu Qiraat agar bacaan tersebut benar. Justeru itu, pembelajaran secara *talaqqī* dan *mushāfahah* memainkan peranan penting dalam pembelajaran Qiraat sama ada diperingkat rendah, menengah dan tinggi. Tambahan lagi, ahli al-Quran mempunyai beberapa tingkatan dan gelaran tertentu iaitu Ahli al-Quran, *Hāmilat al-Qur’ān*, Mahir membaca al-Quran, *al-Qari’*, *al-Muqri’* dan Syeikh al-Maqārī. Berdasarkan kepada buku *Tajwīd al-Ḥurūf* dan Mengenal *Waqaf* menyatakan para Qari harus mahir dengan ilmu Tajwid, ilmu Qiraat, *Rasm* al-Quran dan ilmu *Ḍabṭ* al-Quran. Bagi *al-Muqri’* selain menguasai Qiraat sepuluh secara *talaqqī* dan *musyāfahah*, mereka juga mengetahui ilmu *Fiqh*, *Uṣūl Fiqh* dan ilmu *Nahū* dan *Ṣorof* (Rahim, 2012).

Menerusi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diaplikasikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kepada pelajar-pelajar tahfiz peringkat menengah sangat berperanan dalam memperluaskan lagi ilmu Qiraat dan dapat memelihara *ahruf sab'ah* di zaman ini seperti yang diperkatakan oleh Rahim (2019) dalam bukunya yang bertajuk pengenalan ilmu Qiraat. Ilmu Qiraat yang diperkenalkan di sekolah iaitu pengenalan Qiraat, perbezaan al-Quran dan al-Qiraat, perbezaan riwayat, wajah dan tariq, sejarah ilmu Qiraat, rukun Qiraat sahih, perbincangan Qiraat, pembahagian Qiraat, pengenalan imam Qiraat sab'ah, manhaj Qiraat imam tujuh dan latihan bacaan Qiraat secara ifrad pada surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah ayat 1 sehingga ayat 74. Asas ilmu Qiraat ini hanya diajarkan pada tingkatan empat dan lima. Penglibatan ilmu Rasm seperti pengenalan, sejarah penulisan mushaf, pembahagian rasm dan kaedah rasm Uthmani turut diperkenalkan dan diajarkan pada tingkatan lima (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan buku teks khas iaitu Maharat al-Quran sebagai buku pembelajaran dan rujukan pelajar dan guru terhadap ilmu Qiraat yang bersesuaian dengan kehendak semasa dan diri pelajar di peringkat menengah. Silibus Qiraat KPM yang ditetapkan kepada pelajar adalah sebagai asas awal pengenalan kepada keseluruhan ilmu Qiraat sebelum mereka melanjutkan pengajian al-Quran dan al-Qiraat diperingkat yang lebih tinggi. Oleh itu, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah sangat bertepatan dengan tujuan memenuhi Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dalam pada itu, hasrat KPM dalam meningkatkan kualiti pelajar terhadap ilmu-ilmu al-Quran, menghayati al-Quran, mahir berkomunikasi dan kemampuan pelajar membuat rujukan asas-asas ilmu pengetahuan yang di pelajari dalam kitab-kitab muktabar (BPI, KPM, 2015). Kesimpulannya, pelaksanaan asas ilmu Qiraat berdasarkan kepada silibus KBT memberi pengaruh yang besar dan bersifat dinamik kepada pendidikan di Malaysia. Pendidikan yang holistik ini turut memberi impak baik kepada anak-anak, ibu bapa dan masyarakat secara amnya.

2.2.2 Definisi Qiraat

Qiraat adalah perkataan jamak daripada perkataan *Qirā'ah* yang bermaksud bacaan. Secara istilah pengertian Qiraat mempunyai versi definisi. Ilmu Qiraat adalah pengetahuan terhadap kaedah pembacaan dan teknik mempraktikkan bacaan tersebut sama ada bacaan tersebut khilaf atau sebaliknya dan disandarkan bacaan Qiraat kepada pembawa bacaan itu (Sabri et.al, 2022). Qiraat juga didefinisikan sebagai suatu ilmu untuk mengetahui cara membaca kalimah al-Quran yang mempunyai perselisihan atau disepakati dengan sebutan yang sebenar dan menyandarkan setiap bacaan kepada imam dan rawi Qiraat. Bacaan Qiraat tidak akan diperolehi kecuali melalui kaedah *talaqqī musyāfahah* (Huda et al., 2019; Zaini, 2022). Fazli et al., (2016) menyatakan bahawa Qiraat adalah bacaan berdasarkan kepada para imam Qiraat sama ada tujuh atau sepuluh. Bagi Mohd Rahim (2019) definisi Qiraat adalah perbincangan bentuk bacaan Qiraat dan cara sebutannya menerusi pendekatan *talaqqī* dan bermusyāfahah.

2.2.3 Perbezaan Qiraat Dengan Ilmu Tajwid

Ilmu Qiraat dan ilmu tajwid adalah dua disiplin ilmu yang sangat penting. Tajwid ditakrifkan sebagai satu ilmu untuk mengetahui cara menyebut huruf al-Quran menerusi penguasaan makhraj huruf dan sifat termasuk dengan hukum yang melibatkan huruf arab (Aiman Rusydi, 2022). Tajwid merupakan suatu ilmu yang membahaskan teknik asas dan cara sebutan huruf yang diwarisi sebutan tersebut dari Rasulullah SAW. Manakala Qiraat adalah bacaan pelbagai wajah bacaan menerusi sandaran kepada imam-imam Qiraat. Ilmu Qiraat dan tajwid saling melengkapi dalam menghasilkan satu bacaan yang benar dan bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Mohd Rahim (2019) telah meringkaskan kepentingan kedua-dua kepada al-Quran adalah Qiraat dan tajwid adalah al-Quran.

Ilmu tajwid berasaskan bacaan Qiraat Imam 'Aṣim sudah lama dipelajari di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Namun kesedaran bahawa bacaan yang dibaca di Malaysia merupakan salah satu dari Qiraat imam tujuh menerusi *ṭuruk as-Syāḫibīy Qiraat 'Aṣim riwayat Ḥafs* belum lagi timbul. Perkara ini berkemungkinan rentetan

sejarah penjajah yang mula campur tangan dalam pendidikan Islam bagi melemahkan pendidikan al-Quran ketika itu (Norshah et al., 2018).

Rumusannya, ilmu tajwid adalah ilmu pengetahuan sebutan huruf arab secara fasih dan tepat yang diajarkan oleh mereka yang ahli dalam bidang ini. Antara ulama besar yang terkenal dan pakar dalam bidang ini adalah seperti Muhammad Kurayyim Rajih dan Aiman Suwaid (Hasbie et al., 2018; Zaid Najmuddin et al., 2024). Oleh itu, tuntutan mempelajari ilmu ini memainkan peranan penting kepada agama, masyarakat dan negara dalam mewujudkan pembudayaan bacaan al-Quran sebagai zikir amalan harian dapat dilaksanakan.

2.2.4 Sejarah Qiraat

Secara umumnya, Qiraat adalah ilmu yang diturunkan dan wujud ketika mana Jibril AS menurunkan wahyu kepada Rasulullah SAW bermula dengan surah *al-'Alaq* ayat pertama. Di era Rasulullah SAW, sahabat yang menerima bacaan Qiraat adalah melalui pendekatan hafazan yang disimpan kemas dalam dada para sahabat. Ilmu Qiraat berkembang sehingga berlaku perbalahan antara tentera Islam dari Sham dan Iraq. Menurut Felza (2013) perselisihan ini adalah melibatkan perbezaan bentuk Qiraat. Peristiwa ini dipecahkan kepada tiga; pertama, perselisihan pendapat bacaan wajah Qiraat di kawasan penguasaan umat Islam, keduanya perbezaan bacaan di antara guru al-Quran dan yang terakhir kewujudan mushaf-mushaf lama simpanan para sahabat yang telah *dinasak*kan huruf-hurufnya ketika peristiwa *al-'Urḍah al-ākhirah*. Kesan daripada peristiwa tersebut menyebabkan kepada pengumpulan al-Quran di zaman pemerintahan Saidina Uthman dengan kemunculan teknik atau kaedah penulisan dalam memelihara Qiraat yang sahih (Ibnu Mujahid, 1986; Mohd Rahim 2018).

Sejarah perkembangan ilmu Qiraat di Malaysia dibawa oleh golongan agamawan yang belajar di Mekah sekitar tahun 70-an. Sejarah pendidikan al-Quran dan Qiraat secara formal bermula dengan cadangan awal Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1966. Hasilnya, pendidikan Qiraat berkembang dari tahun ke tahun bermula dengan penubuhan institusi al-Quran wal Qiraat di seluruh negara dan kemudian diserapkan ilmu Qiraat atau dikenali sebagai Kelas Kemahiran Quran ke

dalam pendidikan sekolah. Transformasi yang dilakukan memberi kesan yang amat baik dalam perkembangan ilmu Qiraat.

2.2.5 Pengajian Qiraat Di Malaysia

Perkembangan Pendidikan Qiraat di Malaysia dapat dilihat melalui inisiatif pelbagai pihak yang berperanan menubuhkan dan mengasaskan program pembelajaran Qiraat di pelbagai institusi Pendidikan antaranya ialah Darul Quran, Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat bawah negeri-negeri di Malaysia, Kolej Hafiz Klang (KHK), Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA), Kolej Quran Terengganu (KQT), Maahad Tahfiz Addin (MTQ) Tapah Perak, Universiti Islam Selangor (UIS), Kolej Universiti Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Selain itu, pengajian Qiraat di peringkat pengajian awam dan dewasa seperti di masjid UNISZA dan Pengajian Quran Qiraat di Kulliyyah al-Furqan.

Manakala di peringkat menengah pula menerusi program Tahfiz Model Ulul Albab iaitu MRSM Tahfiz Ulul albab (TMUA), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) serta sekolah-sekolah yang menerapkan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kelas Kemahiran Quran (KKQ) (JAKIM, 2020; Zainora et al., 2019; Norshah, 2018; Rasyidah et al., 2021; Zaid et al., 2020; Berita Harian 2019, Ikmal et al., 2018). Rangkaian pengajian Qiraat ini telah memberi nafas baru dan sumbangan besar kepada negara dalam memperkukuhkan lagi ilmu Qiraat dalam kalangan masyarakat Islam.

2.2.6 Qiraat Dalam Sistem Pendidikan Formal

Pendidikan Qiraat telah melalui fasa pendidikan secara formal sejak tahun 90an lagi. Kerajaan Malaysia telah membuka peluang kepada masyarakat dalam mengembangkan pendidikan pengajian Qiraat selari dengan perubahan semasa. Buktinya dengan penubuhan pelbagai institusi di negeri-negeri, pengubalan kurikulum

dalam pendidikan, pengambilan guru-guru Qiraat, pengiktirafan sijil tahfiz di peringkat sekolah serta menandatangani memorandum perjanjian dengan negara luar seperti Mesir untuk pelajar Qiraat menyambung ke peringkat yang lebih tinggi dalam pengajian Qiraat.

Turut diberitakan menerusi Berita Harian bertarikh 2024, Syeikh al-Azhar al-Syarīf Profesor Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb telah mempelawa pelajar lepasan Darul Quran atau Maahad al-Quran yang lain untuk sambung pelajaran peringkat ijazah bukan sahaja di Maahad Shubra bahkan juga di Kullīyyat al-Qur’ān al-Karīm di daerah Tanta (Berita Harian, 2024). Berita ini telah memperlihatkan kepada masyarakat bahawa perkembangan pendidikan Qiraat di Malaysia dipandang tinggi oleh negara timur tengah. Pada Masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha dalam membawa arus aliran perdana berdasarkan kepada pelan pembangunan pendidikan 2013-2025 dalam mengukuhkan laluan pendidikan agama (Norazman, 2020).

Usaha baik yang dilakukan oleh TMUA turut dilaksanakan KPM di beberapa sekolah pada awalnya. Malahan KPM turut menggubal kurikulum sekolah dalam memartabatkan pendidikan agama Islam dengan mengangkat Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan. Penambahbaikan KBT dalam sistem pendidikan sekolah diperingkat menengah menunjukkan usaha dari kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Quran. Menerusi KBT, pelajar akan mempelajari asas ilmu Qiraat secara teori dan praktikal. Tambahan lagi, pelajar di peringkat menengah hanya akan mempelajari ilmu Qiraat menerusi buku teks yang disediakan dan disusun oleh KPM sendiri.

Seterusnya, pendidikan Qiraat turut dimasukkan ke dalam sistem pendidikan peringkat tinggi di kolej dan universiti awam di Malaysia. Kurikulum yang diterapkan di Darul Quran dan institusi lain adalah daripada susunan mata pelajaran Maahad Qiraat Shubra. Ikmal Zaidi et al., (2018) menyatakan bahawa sistem pengajian Qiraat yang dilaksanakan di IPT memerlukan penggubalan yang bersistematik oleh pihak berwajib dalam menetapkan piawaian yang bersesuaian dan khusus dalam pengajian Qiraat bagi memastikan graduan yang dilahirkan memiliki kemahiran dan kualiti dalam pendidikan

Qiraat. Tambahnya lagi, sudah banyak IPT mulai berminat untuk melibatkan diri dalam pengajian ilmu al-Quran dan Qiraat serta menawarkan program pengajian ini kepada pelajar. Oleh itu, kajian kurikulum Qiraat di IPT peringkat ijazah memerlukan kajian yang lebih terperinci menerusi pendekatan Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diterapkan.

2.2.7 Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Asas Qiraat Peringkat Menengah

Penambahbaikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan terus diusahakan dalam memajukan pendidikan selari dengan peredaran masa kini yang diolah dengan sistem robotik dan alat teknologi sebagai pemudahcara guru ketika mengajar. Namun secanggih mana pun teknologi yang digunakan, keberkesanan dan teknik yang menarik adalah bergantung kepada guru itu sendiri. Kamarul dan Ab. Halim (2007) menjelaskan bahawa istilah menarik dan berkesan susah diertikan dengan maksud yang sebenar kerana kedua-dua istilah ini berpaksikan kepada guru sebagai tonggak utama dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Pembinaan PdP dalam sesuatu pendidikan khusus ilmu Qiraat memerlukan guru menguasai ilmu ini dengan baik dalam menjadikan sesi pembelajaran bersifat interaktif kepada pelajar. Andayani et al., (2021) menyatakan bahawa penguasaan guru dalam ilmu tersebut dapat mempengaruhi amalan pengajaran di mana guru akan berasa gembira ketika sesi penyampaian ilmu Qiraat berlangsung.

Selain itu, guru perlu memiliki keupayaan berfikir secara kreatif dan inovatif ketika sesi PdP. Masalah yang berlaku seperti pelajar kurang minat, masa yang terhad dan pelajar kurang faham juga boleh diperbaiki dengan kemahiran dan kecerdasan guru bagi mengubah keadaan permasalahan tersebut kepada solusi yang bersifat dinamik. Dalam hal ini, kolaborasi guru dan pelajar diperlukan dalam menjayakan PdP yang berkesan dan menarik. Menurut Ibrahim (2020) guru yang memiliki strategi dan teknik berjaya menjadikan pelajar turut sama melibatkan diri dalam sesi pembelajaran. Menurutnya lagi, kaedah yang bersesuaian juga dapat mencipta suasana dua hala di antara pelajar dan guru. Guru yang mahir dalam merancang akan memberikan impak baik dalam PdP (Aini et al., 2023). Penglibatan Bahan Bantu Mengajar dalam PdP salah

satu sumbangan penting dalam pengajian Qiraat. Zainora & Lukman (2019) menjelaskan Bahan Bantu Mengajar amat penting kerana termasuk dalam strategi PdP yang berkesan dan harus selari dengan perkembangan dunia yang berevolusi dengan mengabungkan bahan multimedia yang berbeza dalam menyampaikan maklumat dengan lebih efektif dan menghiburkan. Secara ringkasnya, kaedah PdP perlu dimulakan dengan merangsang minat pelajar terlebih dahulu sebelum beralih kepada yang lebih kompleks dalam apa-apa pelajaran sekalipun.

Menurut Kamarul dan Halim (2007) penerapan PdP yang berkesan memerlukan beberapa perkara iaitu seperti penggunaan alat teknologi, guru perlu mahir dalam menyampaikan ilmu, guru seharusnya menguasai ilmu yang akan disampaikan, mewujudkan interaksi dan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar, membina suasana yang menarik di bilik darjah, mengenal pasti masalah, mencari resolusi terhadap permasalahan, pelaksanaan dilakukan berdasarkan kepada solusi yang dibincangkan bersama dan pengajaran yang disampaikan sebaiknya dikaitkan dengan isu semasa bagi menarik pendengar ketika sesi pembelajaran. Secara keseluruhan, teori PdP terlalu banyak untuk diuraikan. Kajian berkaitan dengan PdP akan sentiasa berkembang dalam memartabatkan pendidikan agama selaras dengan pendidikan akademik yang lain. Akhir sekali, PdP dalam pelaksanaan ilmu Qiraat dalam sistem pendidikan masih kurang dan memerlukan kajian yang lebih mendalam dalam menyelaraskan sistem pendidikan Qiraat bukan sahaja di peringkat menengah bahkan diperingkat yang lebih tinggi.

2.3 Pendidikan Ibn Khaldun

Ibn Khaldun seorang ahli falsafah terkemuka yang besar sumbangannya kepada dunia keilmuan. Bahkan ahli falsafah barat sangat mengagumi dan memuji idealogi yang dibawa oleh Ibn Khaldun. Menurut Mohammad al-Farabi (2022) dan Muh. Sya'rani (2021) Ibn khaldun adalah seorang yang genius yang wujud pada akhir abad pertengahan tahun 1332 M bersamaan dengan 732 H. Beliau telah dianggap sebagai pelopor, perintis dan pakar dalam pelbagai bidang keilmuan. Seiring dengan masa yang berlalu, telah dikatakan bahawa idealogi Ibn khaldun mula diabaikan oleh sebahagian penyelidik saintis namun realiti sebenar tidak boleh disangkal dengan fakta yang ada.

Menerusi tokoh akademik yang terkemuka seperti Max Weber, Adam Smith dan lain-lain telah membuktikan pemikiran dan paradigma Ibn khaldun tidak pudar dan kekal relevan sepanjang zaman (Hoirul Anam et al., 2023).

Ibn Khaldun atau nama sebenarnya ialah Abū Zāid ‘Abdu al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Khaldūn Walīy al-Addīn al-Tunisi al-Ḥadramiy al-Asbili al-Maliki namun lebih dikenali di mata dunia sebagai Ibn Khaldun (Amanur et al., 2022). Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada 27 May tahun 1332 Masihi bersamaan 27 Ramadan 732 Hijrah (al-Farabi, 2022). Menurut Ghazali (2009) berdasarkan kepada pernyataan Abdullah Amin al-Nukmy (1995) Ibn Khaldun pernah menjadi utusan diplomatik ke Istana Qasytālah, hakim di mahkamah mesir dan juga menjadi guru di beberapa institusi pengajian peringkat tinggi seperti di negara Marocco, Tunisia, Granada dan Mesir. Tidak hairanlah jika teori pendidikannya komprehensif dan ramai di kalangan ahli akademik mengaplikasikan teorinya dalam pengajaran dan pembelajaran malahan penyelidikan tentang metod pendidikan Ibn Khaldun banyak dikaji sehingga ke hari ini.

Dalam dunia pendidikan Islam, nama-nama tokoh seperti al-Qabīṣī, Ibn Saḥnūn dan Imām al-Ghazālī adalah antara sarjana Islam terkemuka yang memainkan peranan penting dalam pembentukan asas teori dan amalan pendidikan melalui kaedah dan pendekatan tersendiri yang berteraskan nilai Islam. Tidak dapat di nafikan bahawa teori yang di bawa oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam menyumbang kepada kemajuan pendidikan Islam sehingga ke hari ini. Walaupun teori dan pemikiran yang dibawa oleh al-Qabīṣī, Ibn Saḥnūn dan Imām al-Ghazālī boleh dijadikan sebagai alternatif namun akan tetapi metode pendidikan Ibn Khaldun mempunyai ciri-ciri dan konsep yang lebih sesuai dengan konteks pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Pendekatan ini dilihat mampu membantu pengkaji memahami dengan lebih mendalam aspek perkembangan pelajar, proses bimbingan guru serta mampu menyokong objektif kajian ini.

Kitab Mukadimah menjadi rujukan utama dalam kerangka konseptual pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat. Selain itu, beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Zahirwan et al., (2017), Noraini et al., (2020), Komarudin (2022) dan Hoirul Anam et al., (2023) menjadi landasan teori kepada kajian ini. Berdasarkan kepada dapatan menerusi kajian-kajian tersebut sangat membantu serta menyokong kajian yang dibuat. Umumnya, pelaksanaan dan penerapan metod pendidikan, kaedah

dan teknik yang holistik merupakan suatu yang penting kepada guru dan pelajar dalam mencapai objektik pendidikan yang sebenar. Oleh kerana itu, pelajar dan guru perlu melalui beberapa kaedah utama khusus dalam pengajaran dan pembelajaran menerusi panduan kerangka yang akan diketengahkan.

Berdasarkan pemikiran pendidikan Ibn khaldun, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan secara beransur-ansur atau *tadrīj* ketika sesi permulaan pengajaran. Teknik ini sangat membantu pelajar menguasai ilmu yang dipelajari dengan lebih berkesan. Kaedah ini menyentuh kepada penerangan umum dan kemudian guru akan menerangkan secara lebih mendalam dan terperinci berkenaan dengan mata pelajaran tersebut sehingga kekeliruan yang ada dapat dirungkaikan dengan penjelasan yang bersifat menyeluruh. Menerusi kaedah ini, guru akan mampu menyelami kemampuan daya akal dan persediaan seseorang pelajar dalam menerima pengajaran dan pembelajaran yang baru. Guru juga perlu menyelitkan realiti semasa yang berkaitan dalam menarik minat dan kecenderungan pelajar kepada ilmu yang dipelajari (Mohd Zahirwan et al., 2017; Noraini Mohamad et al., 2020).

Tambahan lagi, Ibn khaldun menyarankan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) ketika sesi permulaan pembelajaran. Ini kerana keupayaan memahami dan menguasai pelajaran juga berdasarkan kepada bantuan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan guru (Muh. Sya'rani, 2021; Mohammad al-Farabi, 2022). Berikutnya, kaedah bertahap dan beransur perlu berulang-ulang sebaiknya sebanyak tiga kali ketika pembelajaran dilaksanakan. Logiknya, kebiasaan pelajar akan memerlukan pengulangan demi pengulangan agar dapat memahami dengan lebih jelas dan membuka ruang-ruang permasalahan yang wujud. Pengulangan atau *tikrār* yang dilakukan dapat membantu pelajar memahami dengan lebih mantap, mengeluarkan pelajar tersebut dari diselimuti kekaburan dan menambah lagi kefahaman terhadap subjek yang diajar (Mohd Zahirwan et al., 2017; Noraini et al., 2020). Kaedah seterusnya dalam pembelajaran iaitu guru tidak boleh membebankan pelajar dengan beberapa disiplin ilmu. Cukup dengan memfokuskan atau *tarkīz* kepada satu ilmu sahaja sehingga pelajar benar-benar memperolehi kefahaman dari pelajaran yang dipelajari. Ibn khaldun menyatakan bahawa pelajar yang rungsing dan keliru terhadap sesuatu pelajaran akan mudah berputus asas, buntu dan secara automatik akan menjauhi dari mempelajari

pelajaran tersebut akibat dari sikap guru yang tidak prihatin tentang perkara ini (Mohd Zahirwan, 2017; Noraini, 2020; Putri Irma, 2023).

Seterusnya metode perbincangan menurut Komarudin (2022) merupakan teknik yang penting dalam menjadikan pemikiran pelajar berkembang, kritis, teliti, terbuka, berdaya saing dan menghormati idea pihak lain. Ibn khaldun sendiri menyatakan penggunaan kaedah ini dapat menjadikan pelajar melatih diri dalam memahami permasalahan serta memiliki kemampuan dalam menyelesaikan secara ilmiah.

Kaedah seterusnya adalah percubaan. Berdasarkan kepada Mohd Zahirwan et al., (2017) Ibn khaldun menjelaskan bahawa percubaan merupakan instrumen utama dalam mencapai objektif pendidikan dek kerana pemerhatian sahaja tidak cukup dalam mendapatkan jawapan sebenar. Percubaan ini akan membentuk pengalaman berdasarkan penyaksian menerusi pancaindera dan ransangan deria manusia. Dalam masa yang sama juga Ibn khaldun menjelaskan di mana deria merupakan asas utama dalam pendidikan terutamanya dalam pengajian yang berasaskan teori. Bahkan potensi pemikiran pelajar akan meningkat seiring dengan percubaan yang dilaksanakan. Secara zahirnya, aktiviti penglibatan ransangan deria akan menjadikan pengajian tersebut lebih berkesan dan lebih difahami oleh semua pelajar.

Metode seterusnya guru tidak boleh mengambil masa yang lama dalam setiap cabang ilmu merupakan teknik yang perlu diberi perhatian oleh setiap guru. Menurut Ibn khaldun menerusi kitab al-Mukaddimah menjelaskan bahawa penangguhan atau menunda sesuatu pembelajaran yang sepatutnya diselesaikan dalam satu waktu akan menyebabkan proses pembelajaran menjadi semakin sulit, susah dan akan merumitkan keadaan pelajar yang sinonim dengan kelupaan. Ibn khaldun mengatakan:

“janganlah memanjangkan pengajaran kepada para pelajar dalam satu cabang ilmu pengetahuan dengan menunda-nunda kelas pengajaran dan memisah-misahkannya. Sebab cara seperti ini merupakan medium kelupaan dan terputusnya rangkaian permasalahan antara yang satu dengan yang lain dalam cabang ilmu tersebut.”

(Ibn Khaldun, 2011).

Selanjutnya metode tauladan (*muḥākāh*) menerusi keperibadian seorang guru menjadi contoh dan mempengaruhi pembentukan sahsiah karakter dan etika pelajar di sekolah. Menurut Komarudin (2022) dan al-Farabi (2022) metode ini berpusatkan

tentang tingkah laku pendidik atau guru supaya bersikap dengan sikap yang baik, sopan dan berhikmah ketika mendidik. Menurut Hairul et al. (2023), tauladan merupakan elemen penting dalam pendidikan. Guru bukan sekadar wasilah kepada ilmu tetapi berfungsi sebagai teladan unggul melalui sikap, tindakan dan nilai-nilai murni yang ditonjolkan. Menurutny lagi, walau sehebat mana pun sesebuah sekolah, selengkap mana bahan bacaan yang disediakan dan secanggih mana kurikulum yang dirangka, kejayaan pendidikan tetap bergantung kepada peranan guru sebagai pelaksana utama dalam proses PdP. Guru seharusnya berdedikasi, komitmen, ikhlas dan amanah agar matlamat pendidikan dapat dicapai. Berdasarkan Zahirwan et al. (2017) kaedah ini diistilahkan sebagai *muḥākah* yang bermaksud peniruan. Metode ini bukan sahaja melibatkan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bahkan ibu bapa dan masyarakat setempat turut terlibat dalam membina sahsiah pelajar di sekolah serta di rumah.

Di samping itu, kekerasan ketika mendidik perlu dibendung sebaik mungkin. Sebagai seorang guru, mereka perlu bijak menyelesaikan permasalahan, mempertimbangkan dalam semua aspek dan implikasinya serta menahan diri dari melakukan kekerasan yang boleh menyebabkan kesan buruk terhadap karakter pelajar terutamanya kepada kanak-kanak yang masih kecil. Ibn khaldun telah menjelaskan bahawa perbuatan kekerasan yang berlaku akan mengakibatkan pelajar tertekan, berasa ketidakadilan, mula berbohong dan berlaku perkara-perkara yang tidak sepatutnya seorang pelajar lakukan (Zahirwan et al., 2017; Farabi, 2022) Natijahnya, guru perlu berhikmah dan menunjukkan peribadi yang terbaik kepada anak-anak didik sehingga setiap perlakuan guru menjadi tauladan dan ikutan.

Seterusnya kaedah terakhir berdasarkan kepada kerangka konseptual rajah 1.1 adalah *riḥlah*. *Riḥlah* yang diterjemahkan sebagai pengembaraan atau *journey* merupakan metode yang berkepentingan dalam mencari pengetahuan dan pengalaman. Berdasarkan kepada kenyataan Ibn khaldun, al-Farabi (2022) menyifatkan pengembaraan ini sebagai perjalanan seorang pelajar yang mahu meluaskan lagi ilmu pengetahuan dan hasilnya pelajar akan mudah memperolehi ilmu dari pelbagai sumber yang ada. Merujuk kepada artikel Mohd Zahirwan et al., (2017) Pengembaraan ilmiah akan menambah lagi bilangan guru yang berwibawa serta berpengalaman luas berkaitan

dengan ilmu-ilmu yang dipelajari. Bahkan, pelajar yang mempraktikkan kaedah ini akan memiliki pengetahuan yang mendalam, semakin berkemahiran serta penguasaan dalam pelajaran turut meningkat dari tahun ke tahun. Saranan Ibn khaldun terhadap penerapan metode *rīḥlah* bukan sahaja memperdalamkan lagi pemahaman ilmu pengetahuan bahkan membantu pelajar menemui guru yang berkaliber dan dapat mencipta hubungan baik dengan para alim ulama dan cendekiawan Islam di serata dunia (Zahirwan et al., 2017).

Akhir sekali, pembahasan metode yang diadaptasi dari kajian ahli akademik sebelum ini sangat membantu dan memudahkan pengkaji menerapkan metode pendidikan Ibn khaldun ke dalam konsep pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat. Kerangka konseptual berdasarkan kepada rajah 1.1 adalah sebagai cadangan akhir pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan pedagogi. Walaubagaimanapun, kerangka ini akan dikaji semula dalam menyesuaikan metode-metode tersebut terhadap asas ilmu Qiraat tingkatan menengah di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) negeri Perak.

2.4 Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR)

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan atau diakronimkan sebagai SMTDR merupakan sekolah tahfiz di bawah kerajaan negeri dan dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK). Dalam bab ini, pengkaji akan menceritakan tentang fakta, sejarah, kurikulum, dan lain-lain lagi sebagai pengenalan kepada tempat kajian pengkaji.

2.4.1 Sejarah Penubuhan SMTDR

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) ditubuhkan bagi memperkasakan sistem pendidikan agama Islam serta memenuhi kemahuan rakyat negeri dan agama dalam mengutamakan pendidikan dalam bidang hafazan al-Quran. Penubuhan SMTDR bertujuan melahirkan insan yang professional serta mempelbagaikan bidang pengajian agama di peringkat sekolah. Dasar penubuhan SMTDR adalah hasrat dan harapan Kerajaan Negeri Perak dalam menubuhkan sekolah

yang berasaskan pendidikan tahfiz al-Quran yang seimbang dan seiring dengan pendidikan duniawi dan ukhrawi. SMTDR telah diletakkan di bawah pentadbiran JAIPk dalam mengurus dan menyelia urusan hal ehwal sekolah agama di negeri Perak. Cadangan penubuhan SMTDR secara rasmi pada 23 Mac 2009 selaras dengan hasil keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Bertitik tolak daripada itu, kertas cadangan telah dibuat oleh JAIPk atas arahan kerajaan negeri Perak dalam mewujudkan SMTDR di setiap daerah di negeri Perak (LKAN, 2021). Pada tahun 2010, tertubuhnya SMTDR Daerah Manjung, Pulau Pangkor. Sekolah perintis bagi penubuhan SMTDR, tiga buah sekolah kerajaan negeri iaitu Sekolah Izzuddin Shah, Sekolah Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah dijadikan sebagai projek rintis dalam menguji tahap potensi pelajar sains sebagai hafiz dan hafizah. Maka kelas tahfiz sains diwujudkan di ketiga-tiga sekolah tersebut sebagai percubaan awal.

Seterusnya, 4 buah sekolah SMTDR yang di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Perak ditubuhkan pula pada tahun 2012 dengan menempatkan di setiap sekolah seramai 30 orang. 4 sekolah tersebut adalah SMTDR Daerah Kerian, SMTDR daerah Lenggong, SMTDR daerah Kuala Kangsar dan akhir sekali SMTDR daerah Batang Padang, Tapah. Walaubagaimanapun, mengikut laporan ketua audit negara (LKAN) Negeri Perak 2021, SMTDR yang ditubuhkan masih belum mempunyai bangunan tetap dan telah beroperasi di bangunan sementara. Bagi SMTDR Daerah Kuala Kangsar, sekolah tersebut telah digabungkan dengan SMTDR Lenggong apabila bangunan SMTDR Daerah Lenggong telah siap sepenuhnya. Begitu juga dengan Projek penubuhan SMTDR Tambun dan Sungai Manik diteruskan namun SMTDR Tambun sudah mula beroperasi pada tahun 2024 (Khadijah et al., 2024). Manakala pembinaan SMTDR Sungai Manik dijangka lewat dari rancangan asal berdasarkan laporan LKAN Negeri Perak 2021 (LKAN, 2021).

2.4.2 Kurikulum Dan Sistem Pengajian SMTDR

SMTDR mengadaptasi Kurikulum Tahfiz Bersepadu (KBT) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Semasa awal penubuhannya, SMTDR telah mempunyai 3 kurikulum yang diselarikan secara serentak iaitu Kurikulum Tahfiz

Negeri Perak, Kurikulum Arus Perdana Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kurikulum *Azhārīyyah*. Namun, pada tahun 2017 SMTDR mula melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (JAKIM 2020). Menurut kajian Fawarni & Zanaton (2021) menyatakan bahawa inovasi dalam pengubalan KBT oleh KPM memberikan gambaran jelas kepada semua bahawa KPM memandang serius dalam melahirkan generasi hafiz dan hafizah yang mahir dalam semua aspek di samping unsur-unsur pendidikan STEM dikekalkan. Seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KBT telah menggabungkan dua elemen mata pelajaran tahfiz al-Quran iaitu mata pelajaran Maharat al-Quran dan Hifz al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran yang sudah tersedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (KPM, 2015).

i) Mata Pelajaran Hifz Al-Quran

Pelajar yang menggunakan kurikulum KBT dikehendaki untuk menghafaz al-Quran 30 juzuk dalam tempoh yang diberikan selama lima tahun persekolahan dalam bimbingan guru-guru tahfiz yang berpengalaman. Mata pelajaran ini terkandung aktiviti-aktiviti yang sesuai dalam mendapatkan ciri-ciri pelajar yang berkualiti dan hebat dalam hafazan al-Quran iaitu *taḥrīrī* hafazan, hafazan baru, *taḥdīr*, *tasmī'*, *murāja'ah* dan *Fiqh al- Āyat*. Dalam masa yang sama, pelajar yang berjaya khatam secara hafazan 30 juz akan memperolehi sijil hafazan yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (KPM, 2015). Sukatan juzuk hafazan adalah dalam Jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2. 1
Sukatan Juzuk Hafazan SMTDR

Tingkatan	Juzuk	Jumlah Juzuk
1	30, 1, 2, 3, 4, 5	6
2	6, 7, 8, 9, 10, 11, 12	7
3	13, 14, 15, 16, 17, 18	6
4	19, 20, 21, 22, 23, 24, 25	7
5	26, 27, 28, 29	4

ii) Mata Pelajaran Maharat al-Quran

Maharat al-Quran akan dipelajari oleh semua pelajar sama ada menengah rendah atau menengah tinggi mengikut sukatan yang di buat oleh KPM. Maharat al-Quran bermaksud kemahiran al-Quran yang dibahagikan kepada 6 bahagian utama dalam pembelajaran al-Quran iaitu tilawah, adab al-Quran, tajwid, manhaj Qiraat, amali Qiraat dan rasm uthmani. Kesemua ini akan diterapkan kepada pelajar-pelajar sebagai asas pengajian al-Quran dan Qiraat sebelum mereka melangkah jauh ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang ini. Bagi manhaj Qiraat dan amali Qiraat hanya akan dipelajari oleh tingkatan 4 dan 5 manakala ilmu *rasm Uthmānī* pula dipelajari oleh tingkatan 5 sahaja (Khadijah et al., 2024).

2.4.3 Rangkaian SMTDR

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan sudah mempunyai 5 buah sekolah yang telah beroperasi sehingga tahun 2024. Sekolah ini juga tidak bercampur antara lelaki dengan perempuan yang mana tiga buah sekolah hanya menerima pelajar lelaki dan selebihnya hanya menerima pelajar perempuan (Khadijah et al., 2024). Berikut adalah Jadual 2.2 berkaitan dengan penubuhan SMTDR mengikut tahun.

Jadual 2. 2

Penubuhan SMTDR Mengikut Tahun

Bil	Nama	Jantina	Tahun
1	SMTDR Daerah Manjung	Lelaki	2010
2	SMTDR Daerah Batang Padang	Wanita	2012
3	SMTDR Daerah Lenggong	Lelaki	2012
4	SMTDR Daerah Kerian	Wanita	2012
5	SMTDR Daerah Tambun	Lelaki	2023

2.4.4 Sumbangan SMTDR

Umum mengetahui bahawa Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) merupakan salah sebuah institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri sebagai pusat pendidikan tahfiz. Penubuhan SMTDR merupakan satu inisiatif dalam memperkasakan pendidikan agama ke arah melahirkan pelajar huffaz yang profesional di negeri Perak sebagai matlamat utama. Menurut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2021, matlamat untuk melahirkan 100 huffaz dari empat SMTDR setiap tahun masih belum tercapai. Walaupun begitu, peratusan pelajar tingkatan lima yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2018 hingga 2020 dengan keputusan 5A ke atas menunjukkan prestasi yang cemerlang. Tambahan pula, peratusan pelajar SMTDR yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara adalah di antara 69.6% hingga 99.1% (Khadijah et al., 2024).

Majoriti pelajar SMTDR telah berjaya mengkhataamkan 30 juz al-Quran secara hafazan sebelum menjalani Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di tingkatan 5. Kesemua pelajar SMTDR berjaya menamatkan 30 juz mengikut jadual yang ditetapkan selepas mengikuti silibus KBT yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017. Kejayaan ini diikuti dengan pencapaian yang cemerlang dalam melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terkemuka dalam dan luar negara seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Institut Pendidikan Guru (IPG), dan lain-lain lagi. Selain itu, beberapa pelajar turut memilih melanjutkan pelajaran dalam bidang tahfiz di institusi seperti Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat Negeri Perak (INTIM) peringkat diploma (Khadijah et al., 2024).

Terdapat juga pelajar SMTDR telah berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka, sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan. Antara bidang-bidang tersebut termasuklah perubatan, undang-undang, perhotelan, pengurusan, pendidikan, kepimpinan, perniagaan, pentadbiran, perakaunan dan lain-lain. Tambahan pula, beberapa alumni SMTDR juga telah kembali untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah SMTDR. Selain itu, pada tahun 2016, SMTDR Batang Padang

telah dianugerahkan sebagai sekolah terbaik dalam peperiksaan *'idādi* dan *thānawī* di negeri Perak (Perak Today, 2016; Berita Harian, 2017. Pada tahun 2022, SMTDR Batang Padang turut dianugerahkan saguhati dalam majlis anugerah pengurusan skim pinjaman buku teks cemerlang peringkat kebangsaan (Khadijah et al., 2024).

Seterusnya, alumni SMTDR menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh pertambahan ahli al-Quran yang dijadikan sebagai contoh teladan menerusi pembangunan moral dan akhlak yang ada pada diri pelajar al-Quran. Bahkan faedah dan kesan yang positif kepada negeri dan masyarakat apabila ramainya ahli al-Quran dapat memelihara warisan agama, kesejahteraan sosial, penyebaran ilmu al-Quran secara meluas, membentuk budaya membaca dan menghafal al-Quran serta membina komuniti yang lebih teguh dan bersatu dalam agama Islam. Dalam masa yang sama, dapat memperlihatkan kepada masyarakat di luar sana akan keindahan agama Islam melalui etika dan sahsiah pelajar al-Quran itu sendiri (Khadijah et al., 2024).

Selain itu, sumbangan huffaz yang profesional dalam masyarakat bukan sahaja terserlah melalui penguasaan ilmu agama tetapi turut merangkumi kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu duniawi seperti kedoktoran, teknologi serta bidang-bidang profesional yang lain. Malahan para huffaz menjadi pemacu kepada inovasi dan pembangunan sumber manusia yang berkualiti. Lebih-lebih lagi dapat membantu negeri dalam pembangunan ekonomi dan penyelesaian masalah yang memerlukan kecekapan, cerdas dalam menganalisis serta mencari penyelesaian yang berkesan. Selain daripada itu, sumbangan dalam perkembangan ilmu al-Quran menjadikan masyarakat memahami ilmu al-Quran dengan lebih mendalam seperti pendedahan ilmu Qiraat yang mempunyai pelbagai wajah bacaan (Khadijah et al., 2024). Kesimpulannya, sumbangan pelajar tahfiz terhadap negeri Perak merangkumi beberapa aspek penting seperti pemeliharaan budaya dan agama, pendidikan yang berkualiti, kesejahteraan sosial, pembangunan ilmu pengetahuan serta keseimbangan antara agama dan sains. Melalui faktor-faktor yang disebutkan ini, masyarakat dapat dibentuk dengan berdedikasi, progresif, saling menghormati dan dapat memegang teguh nilai-nilai Islam.

2.5 Jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan Bantu Mengajar ditakrifkan sebagai alat bantuan dalam pengajaran yang berkesan dan memberi kefahaman. Rabiatul et al. (2024) mendefinisikan BBM sebagai bahan sokongan dalam pengajaran yang boleh dilihat, didengari, disentuh, dihidu, digunakan serta dalam bentuk penceritaan. Menurutnya lagi, Bahan Bantu Mengajar (BBM) boleh dikategorikan kepada tiga bentuk utama iaitu BBM digital, BBM bukan digital dan BBM yang bersifat pengalaman sebenar yang memberi peluang kepada murid untuk mengalami pembelajaran secara langsung dan kontekstual. Menurut Nurkhamimi et al. (2024) BBM dapat dikategorikan kepada empat jenis iaitu asas, bukan eletronik, eletronik dan bercorak pengalaman. Dalam kajian Muhammad Amir et al. (2024) pula dinyatakan bahawa BBM yang berkesan harus mempunyai beberapa ciri penting seperti mengandungi elemen teknologi, bersifat maujud atau boleh disentuh, mudah alih (mobiliti) serta mampu mengasah kreativiti pelajar. Sementara itu, Siti Fatimah Osman (2023) menggariskan bahawa BBM terdiri daripada dua komponen asas iaitu BBM maujud dan BBM maya. Perincian mengenai BBM akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya.

2.5.1 BBM Bercetak

BBM bercetak merupakan antara sumber utama yang digunakan oleh guru. BBM jenis ini merangkumi buku, lembaran kerja, gambar, al-Quran dan nota yang membantu murid memahami secara bertulis dan sebagai rujukan berterusan di luar waktu pembelajaran (Kamarulnizam et al, 2024).

2.5.2 BBM Digital

Bahan Bantu Mengajar (BBM) digital merujuk kepada bahan berbentuk maya yang menggunakan teknologi seperti audio, video, aplikasi dan paparan skrin (Siti Fatimah, 2023; Rabiatul Adawiah et al, 2024; Julianah et al, 2023).

2.5.3 BBM Interaktif

Bahan Bantu Mengajar (BBM) interaktif dalam kajian ini merujuk kepada bahan berbentuk fizikal atau maujud yang boleh disentuh, disusun atur di mana mampu meningkatkan kemahiran pelajar serta menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan aktif seperti kad manila, kad bingo, kotak beracun dan lain-lain lagi dalam mewujudkan permainan atau alat yang interaktif (Muhammad Amir et al. 2024).

2.5.4 BBM Pengalaman

BBM berasaskan pengalaman merujuk kepada bahan atau aktiviti pembelajaran yang membolehkan murid mengalami sendiri isi pelajaran secara langsung melalui penglibatan aktif seperti lakonan, debat ilmiah, forum, projek pameran, lawatan dan lain-lain lagi dalam mencapai objektif pembelajaran (Rabiatul et al. 2024; Mazuki, 2011; Nurkhamimi et al. 2022).

2.5.5 BBM Vokal (Tanpa Alat)

Penggunaan suara manusia seperti nyanyian atau hafalan berirama, dilihat sebagai satu bentuk BBM vokal tanpa alat. Nyanyian, muzik yang menarik serta irama ceria dapat memberikan kesan positif terhadap emosi murid dan menyumbang kepada kefahaman, minat dan perhatian (Nor Aqilah et al, 2022; Mohamad Azam et al. 2018).

2.6 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas adalah salah satu proses atau langkah dalam mengkaji penyelidikan yang dilakukan. Tinjauan ini bertujuan dalam mengenal pasti jurang atau gap kajian yang akan dilakukan agar tidak berlaku kajian yang sama berulang kali. Sorotan kajian lepas bagi kajian ini dikategorikan kepada empat tema utama iaitu kaedah pendidikan, pendidikan Ibn Khaldun, pendidikan sekolah menengah dan akhir sekali Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR).

2.6.1 Pendidikan Ilmu Qiraat

Nur Rashidah et al. (2021) menyatakan individu yang terlibat mempunyai minat yang mendalam terhadap ilmu Qiraat namun pengamalan ilmu Qiraat masih berada di tahap sederhana. Peserta masih kurang keyakinan untuk mempraktikkan secara amali ketika membaca al-Quran ataupun ketika di dalam solat. Kajian ini menyatakan minat yang mendalam terhadap ilmu Qiraat berada pada tahap yang baik namun, penekanan perlu dibuat bagi memastikan peserta dapat menguasai ilmu qiraat secara baik serta pengamalan ilmu secara amali selari dengan teori ilmu Qiraat. Pengkaji melihat pada kajian ini mempunyai tujuan yang sama dengan kajian pengkaji iaitu pengetahuan pelajar dalam mendalami ilmu Qiraat namun yang membezakannya ialah kajian pengkaji berkaitan dengan SMTDR. Mohd Hazwan et al. (2019) menyatakan bahawa pengetahuan pelajar terhadap bacaan riwayat imam *Hafṣ tarīk al-Syaṭībīyyah* berada pada tahap yang tinggi namun lokasinya berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji yang memfokuskan kepada pencapaian pelajar perempuan di SMTDR.

Aini haslina et al. (2023) dalam tajuk Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran al-Quran menyatakan bahawa tahap kemahiran ilmu Qiraat di kalangan guru-guru berada pada tahap sederhana tinggi dan masih perlu ditingkatkan. Kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru dan kemahiran mereka sahaja. Ini berbeza dengan kajian pengkaji yang memfokuskan kepada pelajar perempuan di SMTDR. Ismail (2023) menyatakan bahawa tiada kajian khusus yang dibuat berkaitan hubungan ilmu Qiraat dan ilmu Tafsir malahan kajian kebiasaannya tertumpu kepada ilmu Qiraat sahaja. Pengkaji melihat tiada persamaan dengan kajian kerana menumpukan kepada ilmu Qiraat dikalangan pelajar sekolah sahaja berbanding dengan kajian Ismail (2023) yang menumpukan kepada kelas-kelas dewasa.

Sri Andayani et al. (2021) dalam tajuk Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru-guru dalam pengajaran subjek maharat al-Quran berada pada tahap tinggi yang mana mereka telah mengamalkan pengajaran subjek-subjek maharat dengan baik. Pengkaji mendapati dalam kajian ini berkaitan dengan tahap guru TMUA dan SABK

yang melaksanakan KBT dalam amalan pengajaran subjek maharat di seluruh Malaysia berbeza dengan kajian pengkaji yang melibatkan sekolah SMTDR, guru SMTDR, pelajar perempuan dan ilmu Qiraat sahaja. Hayati Hussin et al. (2023) menyatakan bahawa tahap motivasi ekstrinsik pelajar sarjana muda USIM berada pada sederhana tinggi. Kajian ini mencadangkan beberapa pendekatan penjagaan hafazan al-Quran oleh pelajar USIM dan institusi pengajian tahfiz di Malaysia. Dapatan kajian ini tidak berkaitan dalam kajian pengkaji yang mengaitkan tentang isu penguasaan ilmu Qiraat di sekolah menengah..

Ahmad Mujahideen Yusoff et al. (2021) menyatakan bahawa penguasaan ilmu Qiraat yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat di MTQ MAIK berada pada tahap sederhana. Kajian ini menyarankan supaya tahap penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat ditingkatkan. Beberapa item kajian dapatnya dilihat rendah dan perlu penambaihan berterusan. Lokaliti kajian berbeza dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Lokasi berbeza serta jantina berbeza juga memungkinkan dapatan kajian yang berbeza. Ibrahim (2020) menyatakan dalam kajiannya bahawa guru KIAS telah melaksanakan pelbagai kaedah dan strategi kepada pelajar dalam mencapai kecemerlangan. Kajian ini juga menyatakan pelajar KIAS lebih cenderung kepada teknik moden seperti tugas dan pembentangan. Kaedah ini juga telah menjadikan suasana pembelajaran antara guru dan pelajar berada pada tahap yang baik dan kondusif. Oleh kerana itu, pengkaji melihat kajian ini tidak sama kerana kajian pengkaji hanya menumpukan kepada pelaksanaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar SMTDR sahaja.

Noorhidayah et al. (2023) dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar yang terlibat tidak dapat menguasai ilmu Qiraat dengan baik disebabkan beberapa faktor. Faktor tersebut seperti kurang minat, masa yang agak terhad dan kurang alat bantu mengajar. Kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah, guru dan ibubapa bersatu dalam membantu pelajar menguasai ilmu Qiraat dengan lebih cemerlang dan berterusan. Pengkaji melihat kajian yang dilakukan masih tidak sama dan berbeza jika dilihat dari tajuk dan individu yang terlibat dalam kajian. Kajian pengkaji pula melibatkan pelajar perempuan SMTDR berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat. Azri Kifli et al. (2020) menjelaskan bahawa pencetus

minat, motivasi, suasana tempat belajar, metode pembelajaran dan perancangan pengajaran pengajar dapat mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu Qiraat. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Artikel ini mencadangkan agar para guru memberi perhatian terhadap aspek PdP pengajian Qiraat dalam kalangan pelajar di negeri Sabah. Jurang kajian ini adalah lokasi dan institusi yang berbeza dengan kajian pengkaji. Rumusan sorotan literatur kaedah pendidikan berdasarkan jadual 2.3 di bawah.

Jadual 2. 3

Rumusan Sorotan Literatur Kaedah Pendidikan

Bil	Penulis	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian	Jurang Kajian
1	Mohd Hazwan et al. (2019)	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Asas Qiraat dan Pengetahuan Bacaan Riwayat Hafs Oleh Pelajar Maahad Johor	Menjelaskan pengetahuan pelajar tentang riwayat Imam Hafs dan asas ilmu Qiraat.	Kajian terhadap pelajar Maahad Johor sahaja.
2	Azri et al. (2020)	Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar Dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar Dalam Bidang Qiraat	Menghuraikan berkenaan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi cemerlang seseorang pelajar dalam bidang Qiraat.	Berkaitan dengan pelajar tingkatan empat di negeri Sabah. Berbeza lokasi dan institusi dengan kajian penulis.
3	Mohammad Ibrahim (2020)	Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Qiraat: Kajian Lapangan Di Kuliah Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)	Menjelaskan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat.	Kajian dilaksanakan di KIAS, dalam kalangan pelajar diploma, berbeza dengan kajian pengkaji iaitu menumpukan kepada pelajar sekolah menengah.
4	Sri Andayani et al. (2021)	Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz	Menjelaskan tahap kemahiran guru dalam pengajaran subjek maharat al-Quran.	Hanya berkaitan dengan guru Qiraat di TMUA dan SABK. Kemahiran yang diukur terhadap kemahiran mengajar tanpa menyentuh berkaitan tahap pelajar.
5	Ahmad Mujahideen et al. (2021)	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan	Menjelaskan penguasaan ilmu Qiraat oleh pelajar	Tidak berkaitan dengan SMTDR.

		Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK	MTQ MAIK.	
6	Nur Rasyidah et al. (2021)	Persepsi Peserta Kuliyyah Al-Furqan Kolej Al-Quran Terengganu Terhadap Ilmu Qiraat	Menjelaskan tentang persepsi pelajar terhadap ilmu Qiraat dan pengamalannya dalam kehidupan.	Tidak berkaitan dengan SMTDR.
7	Ismail et al. (2023)	Penerapan Ilmu Qiraat dalam Kuliah di Negeri Kelantan: Suatu Sorotan Literatur	Menjelaskan tentang penerapan ilmu Qiraat dalam ilmu tafsir.	Kajian di negeri Kelantan bukan di Perak. Tidak berkaitan dengan PdP ilmu Qiraat secara khusus di sekolah menengah.
8	Aini Haslina et al. (2023)	Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran al-Quran	Menjelaskan tentang kemahiran guru al-Quran berhubung dengan ilmu Qiraat.	Hanya berkaitan dengan guru al-Quran, tidak melibatkan pelajar.
9	Noorhidayah et al. (2023)	Cabaran Pelaksanaan Kelas Qiraat Dalam Kelas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) DI Kelantan	Menjelaskan faktor pelajar gagal kuasai ilmu Qiraat. Antara faktor yang digariskan seperti kurang minat, masa terhad dan kurang alat bantu mengajar.	Kajian ini dilaksanakan di negeri Kelantan. Berbeza lokasi dan institusi dengan kajian yang akan dilaksanakan.
10	Hayati et al. (2023)	Students' Perceptions Toward The Usage of Technology As Medium For T & L of Qiraat During Covid-19: A case Study on Undergraduate Students At Universiti Sains Islam Malaysia	Menyatakan tentang tahap pelajar terhadap motivasi ekstrinsik berhubung dengan penjagaan hafazan al-Quran.	Berkaitan dengan pelajar USIM sahaja dan hanya melibatkan penjagaan hafazan Quran.

2.6.2 Ibn Khaldun

Ira Eka (2023) menyatakan bahawa pemikiran dan teori Ibn Khaldun dari segi pendekatan terhadap kurikulum sangat sesuai untuk diterapkan di dalam Pendidikan Kuttab Permata Quran. Bahkan teori kaedah Pendidikan Ibn Khaldun bukan sahaja

berkaitan dengan pembelajaran malahan merangkumi hubungan baik di antara pendidik dan pelajar. Kajian artikel ini juga agak berbeza dengan kajian yang ingin diterapkan oleh pengkaji yang mana kajian hanya dilakukan di sekolah SMTDR negeri Perak berkenaan dengan PdP asas ilmu Qiraat. Namun kajian Ira eka (2023) dijadikan landasan teori kepada kajian pengkaji.

Hoirul Anam et al., (2023) menjelaskan bagaimana corak pemikiran Ibn Khaldun dalam falsafah pembelajaran telah menjadi sumbangan yang sangat besar kepada manusia secara umumnya. Teori pembelajaran yang dikaji oleh penulis artikel ini telah dirumuskan kepada empat titik penting merangkumi malakah, generalisasi, *tadarrujj* dan kesinambungan. Penulis artikel ini juga telah menghuraikan empat kaedah tersebut secara terperinci dan lengkap dalam menjelaskan empat elemen ini. Secara tuntasnya, kajian pengkaji dengan kajian artikel ini tidak mempunyai persamaan dan tujuan yang sama. Walaupun kajian Hoirul et al., (2023) membincangkan tentang kaedah pendidikan namun ada perbezaannya. Pengkaji sendiri mengkaji kaedah pendidikan berhubung dengan pelajar perempuan dalam menerapkan pdp asas ilmu Qiraat yang ideal.

Mohammad (2022) menyatakan pemikiran yang diterapkan oleh Ibn Khaldun terhadap PdP sangat penting bagi menangani kepincangan yang berlaku seperti kelemahan melaksanakan teknik yang terbaik dalam Pendidikan Islam. Kesilapan yang berlaku di dalam pendidikan kini adalah kurangnya penggunaan metode debat dan perbincangan. Kajian ini menekankan konsep *malakah* dan *tadrīj* kepada pendidik bagi mendorong semangat berfikir. Dalam pada masa yang sama, ideologi Ibn Khaldun bersifat relevan dalam menerapkan metode tersebut ke dalam pendidikan moden masa kini serta mempunyai asas yang kukuh bagi membawa Pendidikan Islam lebih maju ke hadapan. Penulis melihat kajian ini berbeza walaupun artikel tersebut berkaitan dengan kaedah Ibn Khaldun dalam pendidikan tetapi kajian penulis hanya di dalam rangkaian pelajar dan pdp asas ilmu Qiraat di SMTDR.

Selain itu, kajian Komarudin (2022) yang bertajuk Pendidikan Perspektif Ibn Khaldun telah menyatakan bahawa pendidikan yang dibawa oleh Ibn Khaldun selari dengan asas Islam. Matlamat Pendidikan Ibn Khaldun berdasarkan kepada pemikiran falsafah secara pemerhatian adalah untuk memberi kaedah yang sesuai dan mantap

dalam pendidikan. Tambahan lagi, Ibn Khaldun menyatakan sebuah pendidikan melahirkan budaya manusia yang berkualiti dan dapat menjaga serta memelihara generasi yang akan datang. Pemikiran Ibn Khaldun yang dikaji oleh artikel ini mempunyai tujuan yang sama bagi menghasilkan pendidikan yang terbaik namun berbeza dengan kajian pengkaji. Pengkaji sendiri mengadaptasi teori yang dikemukakan Komarudin (2022) bagi penambahbaikan PdP Qiraat di sekolah menengah. Rumusan sorotan literatur Ibn Khaldun berdasarkan jadual 2.4 di bawah:

Jadual 2. 4

Rumusan Sorotan Literatur Ibn Khaldun

Bil	Penulis	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian	Jurang Kajian
1	Mohammad (2022)	Ibn Khaldun's Considerations Relating To Islamic Education And Their Perspective On The Future	Menjelaskan bahawa pemikiran Ibn Khaldun dapat menangani isu-isu dalam pendidikan seperti kelemahan dalam melaksanakan teknik yang sesuai dalam pembelajaran.	Ia berkaitan dengan penambahbaikan daripada segi teori tanpa menyentuh pelaksanaan di sekolah. Kajian ini lebih berbentuk konseptual. Ia boleh digunakan sebagai teori asas dan tidak mengkaji tentang pendidikan di SMTDR.
2	Komaruddin (2022)	Pendidikan Perspektif Ibn khaldun	Menjelaskan tentang teori pendidikan Ibn Khaldun.	Ia menyentuh teori asas Ibn Khaldun dalam pendidikan namun tidak berkaitan dengan lokasi kajian.
4	Putri Irma et al. (2023)	The Concept of Education According to Ibn Khaldun and Its Implementation in Children's Education In Kuttab Permata Qur'an Kartasura	Menjelaskan tentang pemikiran Ibn Khaldun berhubung dengan kaedah pendidikan untuk diterapkan dalam Pendidikan Kuttab Permata Quran.	Tidak berkaitan dengan pelajar SMTDR di negeri Perak. Kajian Dilaksanakan di Indonesia. Aspek yang dikaji pula ialah pengajian al-Quran secara umum tanpa menyentuh asas Qiraat.
5	Hoirul et al. (2023)	Kajian Pendidikan Perspektif khaldun	Teori Dalam Ibnu Menghuraikan tentang empat elemen pendidikan Ibn Khaldun.	Kajian ini tidak berkaitan dengan pelaksanaan asas Qiraat berhubung dengan pelajar perempuan SMTDR.

2.6.3 Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Mohd Izhar Daud et al. (2021) menyatakan bahawa tahap penguasaan ilmu Qiraat pelajar di Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab TMUA Bentong berada pada tahap yang sederhana dan perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan. Pengkaji mendapati kajian ini berbeza dengan apa yang dilaksanakan pengkaji di mana kajian pengkaji akan menerapkan teori Ibn Khaldun dalam usaha menambah nilai kepada pengajian ilmu Qiraat bahkan pengkaji hanya memfokuskan kepada Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Negeri Perak sahaja.

Norhisham et al. (2019) menjelaskan bahawa tahap pelaksanaan *talaqqī musyāfahah* dan bacaan al quran pelajar pada tahap yang tinggi. Kajian ini juga menyatakan hubungan antara pelaksanaan *talaqqī musyāfahah* dengan penguasaan bacaan berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian yang dilakukan tidak mempunyai persamaan dengan kajian Norisham et al. (2019) kerana melibatkan kaedah *talaqqī musyāfahah* dalam pembacaan al-Quran berbanding kajian yang dilaksanakan adalah berkaitan aspek asas Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di kalangan pelajar perempuan..

Khairil Izuan et al. (2023) memperincikan tentang tentang teknik penyampaian 16 nilai murni (NM) dalam kalangan guru yang mengajar subjek Usul al-Din, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kajian secara kualitatif yang dilaksanakan menyatakan tahap penyampaian berada pada tahap baik. Namun begitu, kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan. Selain itu, guru juga dilihat masih berada pada tahap nilai kurang memuaskan daripada aspek penggunaan teknologi. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati kajian Khairil et al., (2023) ini berbeza kerana pengkaji mengkaji PdP asas ilmu Qiraat yang melibatkan amalan guru berteraskan pendekatan Ibn Khaldun dan pelajar perempuan tahfiz di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) sedangkan kajian artikel tersebut lebih kepada kajian terhadap guru dalam menguasai teknik pendidikan terkini dalam menerapkan nilai murni (NM) kepada pelajar.

Kajian berikutnya masih berkisar tentang Pendidikan Abad ke-21 oleh Rosnani Hashim et al. (2022) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam masih berada pada

tahap yang lama. Mereka lebih bergantung kepada buku teks, papan tulis, input baru hanya diperolehi dari guru-guru yang mengajar serta sistem Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) masih kurang baik dalam pengamalan guru Pendidikan Islam. Rumusannya, kajian ini tidak mempunyai persamaan bahkan berbeza dengan kajian pengkaji. Kajian pengkaji melibatkan pelajar perempuan sahaja yang melibatkan PdP asas ilmu Qiraat berteraskan Pendekatan Ibn Khaldun.

Kajian oleh Azmil Hashim et al. (2017) menerangkan teknik pembelajaran Pendidikan Akhlak pelajar dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Perak pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini juga mendapati kaedah yang kerap diaplikasikan seperti pemerhatian, *riyāḍah*, mujahadah dan muhasabah. Selain dari teknik tersebut, terdapat satu lagi kaedah yang kurang diamalkan oleh kebanyakan pelajar iaitu kaedah pergaulan. Ringkasnya, kajian ini sangat berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji mengetengahkan kajian asas ilmu Qiraat manakala artikel Azmil et al. (2017) berhubung dengan pendidikan Akhlak. Selanjutnya, Saharia et al. (2022) dalam tajuk Persepsi Guru Terhadap Hubungan Kepimpinan Islam Dan Strategi *Biah* Solehah dengan Kemenjadian Sahsiah Murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan menyuarakan dapatan yang menunjukkan kepimpinan Islam dan strategi *biah* solehah pada tahap yang baik. Analisis ini juga menyatakan bahawa wujudnya hubungan positif dan jitu antara karakter murid dengan strategi *biah* solehah serta kepimpinan Islam berada dalam tahap sederhana namun wujudnya hubungan positif. Tumpuan pengkaji terhadap PdP asas ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar SMTDR merupakan perbezaan besar dengan artikel Saharia et al. (2022).

Fathiyah et al. (2020) menyatakan bahawa enam teknik yang digunakan dalam dapatan kajian iaitu membaca, pengulangan, penguasaan ilmu tajwid yang baik, menggunakan satu mushaf sahaja yang dikhaskan oleh mereka yang menghafal, serta teknik kefahaman dan teknik penulisan sangat berkesan untuk PdP hafazan al-Quran. Kajian artikel ini juga mempunyai jurang besar dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian pengkaji memberi fokus pada pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat berdasarkan kepada subjek Maharat al-Quran, manakala kajian yang dilakukan

oleh Fathiyah (2020) berada dalam subjek Hifz al-Quran.

Maulana Muhammad et al. (2017) telah menghuraikan masalah yang berlaku dalam pembelajaran ilmu Hadith di peringkat sekolah menengah. Antaranya adalah masa yang tidak mencukupi, kekurangan buku yang khusus bagi pengajian ilmu ini, ditambah pula tiada Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang cukup. Dengan keadaan sedemikian, timbul permasalahan buat guru-guru dalam menerapkan pembelajaran ilmu Hadith kepada pelajar sekolah. Skop Ilmu yang berbeza merupakan jurang kepada kajian pengkaji yang hanya melibatkan asas ilmu Qiraat.

Tajul Rosli et al. (2023) menyatakan bahawa perkembangan kognitif dalam kalangan pelajar SABK berada pada tahap rendah berbanding dengan perkembangan afektif yang sangat baik. Dapatan kajian ini telah merekodkan bahawa sesetengah pelajar tidak mempunyai kecekapan dalam menjawab soalan menggunakan kemahiran berfikir. Daripada sudut pandangan kognitif, jawapan pelajar berada pada tahap yang rendah manakala tahap menulis terutama dari segi mengaplikasikan kemahiran kognisi berada di tingkat bawah bersamaan dengan 71 peratus. Disebabkan faktor tersebut, pelajar memerlukan perhatian yang lebih kepada pendedahan, pembelajaran, penjagaan yang membawa kepada perkembangan dan juga kebudayaan. Tentu sahaja artikel ini berbeza dengan kajian penulis kerana kajian ini lebih kepada konteks pendidikan yang mengkaji tentang dua konsep penting iaitu kognitif dan afektif dalam diri pelajar. Manakala kajian pengkaji hanya melibatkan pendekatan asas ilmu Qiraat di kalangan pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) berteraskan pendidikan Ibn Khaldun.

Mohd Faizulamri et al. (2021) dalam tajuk keperluan penilaian pelaksanaan mata pelajaran Maharat al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran yang berimpak tinggi hasil dari kesediaan fasiliti dan alat bantu mengajar yang menarik. Artikel ini juga mengkaji permasalahan beberapa kajian yang lepas dan mencadangkan agar dibuat semula penilaian terhadap mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menambahbaik pelaksanaan yang sudah sedia ada di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Sekolah yang berbeza merupakan jurang besar dengan kajian penulis. Penulis sendiri memilih SMTDR negeri Perak sebagai lokasi kepada kajian.

Rumusan sorotan literatur tentang pendidikan Islam sekolah menengah berdasarkan jadual 2.5 berikut.

Jadual 2. 5

Rumusan Sorotan Literatur Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Bil	Penulis	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian	Jurang Kajian
1	Azmil et al. (2017)	Amalan pembelajaran Pendidikan akhlak menurut al-Ghazali: kajian terhadap pelajar di sekolah menengah agama di negeri perak	Penjelasan tentang teknik pembelajaran pendidikan akhlak berdasarkan Imam al-Ghazali	Tiada penulisan yang menjelaskan tentang pendidikan ilmu Qiraat
2	Maulana et al. (2017)	Pembelajaran ilmu hadith di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di malaysia	Menghuraikan tentang masalah dalam pembelajaran ilmu Hadith di sekolah menengah	kajian tidak berkaitan dengan ilmu Qiraat.
3	Norhisham et al. (2019)	Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak	Menjelaskan tentang tahap pelaksanaan 3talaqqi m4usyafahah dan bacaan al-Quran pelajar.	Tidak berkaitan dengan pdp asas ilmu Qiraat
4	Fathiyah et al. (2020)	Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama Kerajaan di malaysia	Menghuraikan tentang enam teknik dalam kaedah pembelajaran tahfiz.	Hanya berkait dengan pembelajaran tahfiz. Berfokuskan kaedah hafazan Quran.
5	Mohd Izhar et al. (2021)	Tahap penguasaan ilmu Qiraat di sekolah menengah agama Persekutuan bentong, pahang	Menjelaskan tentang tahap penguasaan ilmu Qiraat	Kajian ini berkaitan dengan pelajar TMUA di negeri pahang sahaja.
6	Mohd Faizulamri et al. (2021)	Keperluan penilaian pelaksanaan mata Pelajaran maharat al-Quran di sekolah menengah tahfiz model ulul albab	Menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan antara impak kecemerlangan pelajar TMUA dalam mata pelajaran maharat al-Quran	Tiada penulisan yang berkaitan dengan pelajar SMTDR. Hanya fokuskan kepada SMKA, SBP dan MRSB sahaja.
7	Rosnani et al. (2022)	Pelaksanaan kurikulum Pendidikan islam sekolah menengah bagi menghadapi cabaran Pendidikan abad ke-21 dari perspektif guru	Menjelaskan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam dari perspektif guru berhubung dengan Pendidikan Abad ke-21.	Tidak berkaitan dengan asas ilmu Qiraat di SMTDR

8	Saharia et al. (2022)	Persepsi guru terhadap hubungan kepemimpinan islam dan strategi biah solehah dengan kemenjadian sahsiah murid SABK di sekolah agama bantuan Kerajaan	Menjelaskan tentang kepimpinan islam dan strategi biah solehah di sekolah.	Tidak berhubung dengan pelaksanaan ilmu Qiraat pelajar SMTDR
9	Tajul et al. (2023)	Cognitive and affective development among Malaysian government assited religious school (sabk) student	Menjelaskan tentang tahap perkembangan kognitif dan afektif pelajar	Tiada kajian tentang SMTDR.
10	Khairil (2023)	Impak penerapan nilai murni melalui Pendidikan abad ke-21 terhadap penghayatan pelajar SABK	Perincian tentang analisis berhubung dengan tahap penyampaian 16 nilai murni (NM) guru Usul al-Din berdasarkan pendidikan abad ke-21.	Tidak berkaitan dengan penerapan pelaksanaan ilmu Qiraat pelajar SMTDR

2.6.4 Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

Kajian tahun akhir di Universiti Pendidikan Sultan Idris oleh Dayangku (2023) menyatakan tahap hafazan Quran pelajar pada tahap sederhana tinggi. Pengkaji menilai empat kaedah iaitu ujian tasmik, semakan pengekaln juzuk lama, ujian bagi hafazan lama dan peperiksaan rasmi. Tahap persepsi pelajar dari sudut pentaksiran dalam subjek Hifz al-Quran yang dilakukan di sekolah serta impak keberkesanan teknik pentaksiran dalam meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar juga berada di tahap sederhana tinggi. Walaupun kajian ini berada di lokasi yang sama namun terdapat jurang yang besar. Kajian Dayang (2023) menyelidiki tentang prestasi pelajar dalam subjek hafazan al-Quran manakala kajian pengkaji tertumpu kepada subjek mata pelajaran Maharat berkaitan dengan ilmu Qiraat.

Seterusnya Zaini (2022) dalam kajiannya menyatakan bahawa tahap pencapaian pelajar di institusi tahfiz seluruh Perak dalam pembelajaran ilmu Qiraat berdasarkan kajian keseluruhan berada pada tahap yang sederhana tinggi. Kajian yang terperinci

terhadap bacaan Qiraat, alat bantu mengajar dalam pembelajaran ilmu Qiraat, *talaqqī*, *musyāfahah*, sanad, dan penguasaan sejarah imam Qiraat juga berada pada tahap sederhana. Manakala pengetahuan tentang asas Qiraat pelajar tahfiz pula berada ditahap yang tinggi. Zaini (2022) juga menyatakan ilmu Qiraat yang dipelajari oleh mereka semua terangkum dalam sukatan ilmu Qiraat Sab'ah sama ada berasaskan daripada silibus Darul Quran (DQ) ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dapatan keseluruhan kajian Zaini (2022) mendapati amalan pembelajaran ilmu Qiraat di tahap tinggi dan memuaskan. Pengkaji melihat walaupun kajian tersebut berkaitan dengan ilmu Qiraat di seluruh institusi negeri Perak yang mana sudah tentu SMTDR turut terlibat namun jurang yang didapati dalam kajiannya adalah responden utama tertumpu kepada pelajar tanpa melibatkan guru serta menggunakan kaedah *mixed method* yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif manakala kajian pengkaji hanya tertumpu kepada Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), menggunakan pendekatan kualitatif, khusus kepada pelajar perempuan, melibatkan amalan guru berteraskan pendekatan Ibn Khaldun dan guru sebagai peserta kajian.

JAKIM (2020) lebih kepada pengumpulan catatan sejarah yang merangkumi sejarah asal usul institusi tahfiz di peringkat diploma dan menengah di seluruh Malaysia. Antara sejarah yang disebutkan oleh JAKIM adalah berkenaan dengan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (MTQN Perak), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) dan sejarah perkembangan maahad tahfiz swasta yang berdaftar di bawah JAIPK yang ditadbir oleh Yayasan ADDIN. Maahad tahfiz swasta ini diberi nama sebagai Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat ADDIN. Pengkaji melihat sejarah yang diterbitkan oleh JAKIM sangat membantu menjadi panduan kajian dalam mempelajari dan mendalami sejarah tahfiz di Malaysia yang dihipunkan keseluruhan sejarah sekolah tahfiz hanya dalam sebuah buku. Projek ini telah diketuai oleh Dr. Nordin bin Ahmad dalam penyelidikan dan penulisan. Pengkaji melihat bahawa maklumat sejarah tersebut sehingga tahun 2019 sahaja dan juga tidak terhad kepada sebuah sekolah sahaja. Manakala kajian pengkaji lebih kepada maklumat yang khusus dan lebih terperinci berkenaan dengan sejarah penubuhan dan perihai tahfiz SMTDR negeri Perak sehingga tahun kajian ini dilaksanakan.

Oleh itu, kesimpulan kepada kajian-kajian yang lepas mengenai kajian SMTDR

masih kurang dan kajian yang dilakukan tidak sama serta perihal maklumat sekolah ini masih terhad dan kurang dipelopori ketika kajian ini dilakukan bahkan kajian JAKIM pula hanya setakat tahun 2019. Ringkasnya, pengkaji hanya menyentuh hal pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat khususnya di kalangan pelajar perempuan yang mempelajari ilmu Qiraat di SMTDR negeri Perak serta melibatkan guru sebagai peserta kajian. Rumusan sorotan literatur Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) berdasarkan jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2. 6

Rumusan Sorotan Literatur SMTDR

Bil	Penulis	Tajuk Kajian	Dapatan	Jurang Kajian
1	Khairul (2018)	Peranan Maahad Tahfiz Ad-Din Dalam Melahirkan Huffaz Di Negeri Perak Darul Ridzuan	Menjelaskan peranan Maahad Tahfiz Addin di Negeri Perak.	Tiada penulisan berkaitan sejarah dan falsafah SMTDR. Hanya berkaitan Maahad Tahfiz Addin Sahaja.
2	JAKIM (2020)	Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Edisi II	Menghuraikan sejarah dan perkembangan tahfiz di Malaysia.	Data berkaitan SMTDR ada dinyatakan, namun hanya terhad sehingga tahun 2019 sahaja. Kajian ini menumpukan perkembangan selepas 2019.
3	Zaini (2022)	Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat Dan Penguasaan Bacaan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Perak	Menyatakan tentang tahap penguasaan ilmu Qiraat pelajar di institusi tahfiz negeri Perak.	Responden kajian ini hanya melibatkan pelajar sahaja dengan menggunakan pendekatan <i>mix method</i> .
4	Dayang (2023)	Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Subjek Hifz Al-Quran Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) DI Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak	Menjelaskan tentang pentaksiran berasaskan sekolah bagi subjek Hifz Quran dalam KBT di SMTDR Batang Padang. Pencapaian pelajar pada tahap sederhana tinggi.	Tidak berkait dengan pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat di SMTDR.

2.7 Rumusan

Wujudnya jurang kajian yang besar yang boleh diisi oleh kajian yang dicadangkan oleh pengkaji. Sangat terhad rujukan berkaitan pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat di SMTDR. Literatur yang paling hampir ialah Perlaksanaan Hifz Quran di SMTDR yang dilaksanakan oleh Dayang (2023) dan kajian Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat Dan Penguasaan Bacaan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz al-Quran negeri Perak oleh Mohd Zaini (2022). Kajian Dayang (2023) memfokuskan kepada Hifz Quran, berbeza dengan kajian penulis berkaitan dengan asas Qiraat yang merupakan salah satu komponen kepada subjek Maharat al-Quran. Selanjutnya Mohd Zaini (2022) yang hanya melibatkan pelajar sebagai responden dalam kajiannya berbeza dengan kajian penulis yang melibatkan guru sebagai peserta kajian utama.


BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Konstruktivis dijadikan sebagai pendekatan kepada kajian ini kerana ia merupakan pendekatan yang banyak digunakan dalam pelbagai bidang pendidikan. Dalam penyelidikan kualitatif, konstruktivis beroperasi secara induktif iaitu pengetahuan dibina melalui analisis data lapangan berdasarkan makna dan kefahaman yang muncul daripada pengalaman sebenar peserta kajian. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menfasir maklumat secara mendalam dan membina pemahaman baharu berasaskan data empirikal. Menurut Tarnopolsky (2018), konstruktivisme berteraskan empat asas utama iaitu pembelajaran melalui pengalaman, pembelajaran berasaskan interaksi, pentafsiran sendiri terhadap maklumat serta perolehan pengetahuan secara aktif. Elemen ini membantu penyelidik membangunkan kemahiran refleksi, analitis dan sendiri sepanjang proses kajian.

Oleh kerana itu, pendekatan ini sesuai digunakan kerana memberi ruang kepada penyelidik membandingkan secara aktif pengalaman peserta kajian yang diperoleh di lapangan dengan sorotan literatur. Perbandingan ini seterusnya membentuk satu set penemuan baharu yang dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang yang dikaji (Bhatia, 2016). Seperti yang telah dikemukakan oleh Creswell (2014) dalam format 'A Qualitative Constructivist/Intepretivist Format' struktur kajian ini boleh diterjemahkan secara tidak langsung melalui format tersebut dan rajah 3.1 di bawah adalah kesimpulannya.



Rajah 3. 1 Perancangan Kajian

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah bertujuan memantau dan mengawal punca bias yang boleh menjejaskan dapatan kajian (Normaliza, 2019). Selain itu, pendekatan ini dapat menggali dengan lebih mendalam peristiwa atau fenomena yang dikaji. Nasir et al. (2019) dan Ang Kean Hua (2016) berdasarkan Chua Yan Piaw menjelaskan reka bentuk kajian sebagai strategi yang menentukan kaedah penyelidikan yang dilaksanakan memperoleh jawapan kepada permasalahan. Penyelidikan yang dilakukan memerlukan reka bentuk kajian yang kukuh. Kesannya, data-data yang diterima berkualiti, mantap dan boleh digunakan dalam penyelidikan serta menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan.

Reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes berbilang (*multiple case study*) bagi menyelidiki kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat di dua buah SMTDR negeri Perak. Ini juga berdasarkan kepada kaedah, amalan, teknik dan pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran serta amalan yang dapat membudayakan ilmu Qiraat di kalangan pelajar yang mempelajari ilmu Qiraat. Penglibatan proses induktif juga termasuk di dalam pendekatan kualitatif. Proses tersebut digunakan dalam menganalisis semua aspek yang terbabit dalam satu situasi lalu kemudian ditafsirkan menjadi sebuah penemuan baru dan membentuk

sebuah teori melalui pengamatan yang mendalam terhadap semua elemen dalam menghasilkan suatu fenomena yang lebih besar. Prosedur pendekatan kualitatif dapat membina gambaran secara komprehensif yang melibatkan keseluruhan kajian berkaitan dengan fenomena kajian dan juga pendekatan ini terdiri daripada pelbagai alat yang dapat menjelaskan secara teliti serta memperincikan sesebuah fenomena sosial (Denzin & Lincoln, 2003 (A); Berg, 2010). Manakala reka bentuk kajian kes berbilang dipilih berikutan keupayaan dalam membantu penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam sesuatu kajian (Lisl Zach, 2006). Cara ini bertujuan untuk membandingkan beberapa kes yang berkait dengan peristiwa yang sama. Saiful et al. (2024) menyatakan kajian multi-sites case digunakan dalam mengukuhkan lagi penyelidikan serta memahami dengan lebih mendalam penyelesaian sesuatu permasalahan. Kajian ini bertepatan dengan pendekatan yang digunakan iaitu kajian kes berbilang kerana melibatkan dua daerah di dua buah sekolah SMTDR.

3.3 Kaedah Pensampelan Kajian

Pensampelan adalah proses penting dalam penyelidikan bagi membantu pengkaji mendapat dan mengumpulkan data primer. Pemilihan kaedah dalam memperolehi data dan daripada siapa data ini diperolehi memerlukan pertimbangan yang teliti dan bernas dari pengkaji (Ilker et al., 2016). Teknik pensampelan kajian digunakan untuk memilih subjek yang sesuai daripada populasi yang akan dijadikan sebagai sampel kajian (Hidayana et al., 2024). Dasarnya, kaedah yang digunakan dalam memilih peserta kajian adalah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah ini adalah teknik yang digunakan untuk memilih peserta berdasarkan kriteria tertentu yang relevan dan sesuai dengan kajian pengkaji (Ika, 2021).

Menurut Ilker et al. (2016) teknik ini adalah teknik sampel bukan rawak (*non random sampling*) yang tidak perlu kepada teori asas atau bilangan peserta yang tetap. Pengkaji yang menentukan apa yang diperlukan dan berusaha mencari dan menemui peserta kajian yang boleh dan bersedia memberikan maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka sendiri. Kelebihan teknik *purposive sampling* adalah pengkaji akan mendapat kefahaman yang mendalam dan memperolehi data yang

jelas dan relevan kerana peserta yang dipilih berdasarkan ciri-ciri pemilihan dan pemahaman pengkaji. Peserta kajian yang dipilih memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang dikaji. Walaupun begitu, setiap teknik sudah tentu mempunyai kekurangan ketika melakukan penyelidikan seperti mereka mungkin memberikan pengalaman yang salah, peserta kajian tidak membantu dalam kajian dan mungkin akan berlaku bias ketika mengumpul data (Nyimbli et al., 2024).

Tuntasnya, pemilihan pensampelan bertujuan bukan rawak adalah teknik terbaik dalam mencari peserta kajian di mana ciri-ciri yang diperlukan sebagai peserta kajian dalam kajian yang dilaksanakan ini adalah guru SMTDR di daerah Batang Padang dan Kerian, guru tersebut adalah guru yang mengajar Qiraat tingkatan empat atau lima dan guru itu berpengalaman dan sudah lama berkecimpung dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Qiraat di sekolah menengah.

3.3.1 Peserta Kajian

Tiada penetapan yang spesifik berhubung dengan saiz sampel dalam melaksanakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif (Panke, 2018; Klenke, 2008). Bagi pendekatan kualitatif dalam penyelidikan, pensampelan yang bersaiz kecil kebiasaanya terlibat dalam kajian disebabkan data yang diambil adalah daripada perspektif peserta kajian ketika ditemubual dan apabila maklumat yang diterima kembali berulang maka data tersebut dianggap sebagai data yang tepu. Pensampelan yang dikaji adalah berpandukan kepada enam elemen menurut Saldana & Omasta, 2018; Cottrel et al. 2005 iaitu:

- a) Mengetahui maklumat yang dikaji.
- b) Objektif penyelidikan.
- c) Data apakah yang sesuai menurut kajian yang dilakukan.
- d) Penghasilan dari kajian tersebut.

- e) Adakah data yang dikaji mencapai kriteria kesahan dan kebolehpercayaan.
- f) Adakah maklumat kajian tersebut boleh diperolehi di dalam waktu dan sumber yang tersedia ada.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes berbilang (*multiple case study*) yang melibatkan beberapa lokasi, kumpulan atau situasi untuk membuat perbandingan, pengukuhan dapatan dan dalam mendapatkan dapatan yang menyeluruh. Dalam pada itu, pengkaji juga menggunakan pendekatan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) sebagai metod pengambilan sampel yang mana kebanyakan pengkaji mencadangkan teknik ini dalam penyelidikan kualitatif (Ika Lenaini, 2021; Nyimbly.F et al., 2024; Palys.T, 2008). Teknik *purposive sampling* sebagai pendekatan bagi memilih individu sebagai peserta kajian berpandukan kepada keahlian dan kemahiran yang sesuai dan sama dengan bidang kajian.

Merriam (2009) menyatakan bahawa peserta kajian dalam jumlah yang kecil diperlukan bagi memperolehi data yang lebih terperinci dan mendalam. Tatacara ini ditetapkan bagi mendapatkan jawapan yang terbaik melalui persoalan kajian yang dibuat (Merriam, 2009). Para pengkaji mempunyai pandangan yang berbeza tentang jumlah peserta kajian yang diperlukan untuk pendekatan kualitatif. Antara jumlah yang dicadangkan oleh ahli sarjana adalah 50 peserta kajian jika melibatkan kumpulan organisasi (Bailey, 2018; Kinsiko, 2019) manakala seramai 6-10 peserta kajian bagi penyelidikan kes (Malterud et.al, 2015).

Selain itu, ada yang berpendapat bahawa harus memilih peserta kajian dengan lebih teliti agar data yang dikumpulkan menjadi ketepatan yang diinginkan dan memuaskan dalam mewakili subjek kajian (Merriam,t.t). Berpandukan kepada sorotan literatur maka satu kesimpulan telah dibuat oleh sekumpulan pengkaji (Gentles et al., 2015). Jadual 3.1 di bawah adalah ringkasan tersebut.

Jadual 3. 1

Tarikh, Tempat Dan Maklumat Peserta Kajian

Rekabentuk Kajian	Saiz Sampel	Sumber
Kajian Kes	4 hingga 10 peserta kajian (kes berbilang)	(Yin, 2011) (Yin, 2014)
	25-30 peserta kajian (kes tidak berbilang)	

Berdasarkan kepada cadangan Yin (2014), maka pensampelan akan melibatkan seramai empat orang daripada jumlah populasi 24 orang guru Qiraat di dua Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) daerah Batang Padang dan daerah Kerian (Peserta Kajian, 2024). Dua dari SMTDR daerah Kerian dan dua lagi dari daerah Batang Padang. Peserta yang terlibat hanya dalam kalangan guru Qiraat yang memiliki kriteria yang spesifik. Temu bual dan pemerhatian akan dilaksanakan bersama peserta kajian dalam mendapatkan dapatan kajian sehingga data yang diperolehi tepu dan tiada percanggahan dengan data-data yang lain.


3.3.2 Tempoh Kajian

Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif tidak mempunyai tempoh masa yang ditetapkan. Bahkan kajian ini bergantung kepada keupayaan pengkaji dalam menjawab persoalan kajian dan dapat mencapai sasaran objektif kajian yang telah digariskan (Hancock, 2017). Ini juga mempunyai persamaan dengan kajian kes yang mana tiada penetapan masa tertentu yang khusus ketika menjalankan kajian malahan penyelidikan yang berbentuk kajian kes seperti ini sudah tentu memerlukan data yang diterima adalah data yang sudah menjadi tepu sehingga tidak ada lagi maklumat baru selain data yang berulang-ulang dan sama seperti yang ditemukan sebelum ini. Kajian lapangan melibatkan dua temu bual dan satu pemerhatian untuk setiap peserta kajian yang terlibat. Oleh kerana tiada masa yang dikhususkan dalam penyelidikan kualitatif, maka penggunaan masa yang panjang berperanan dalam menjadikan kajian kualitatif itu berada pada nilai tingkatan yang tinggi dalam kesahan, kepastian dan kebolehpercayaan terhadap kajian.

3.3.3 Lokasi Kajian

Dalam memilih kawasan kajian menurut Punch (2005) & Silverman (2011) menetapkan beberapa kriteria iaitu dapat menjawab persoalan kajian dan menepati ciri-ciri sesebuah kajian. Pilihan tempat kajian harus di lokasi dalam kemampuan pengkaji dan sesuai untuk turut menyertai penyelidikan serta bebas dalam melaksanakan aktiviti kajian. Tambahan lagi, kajian di kawasan tersebut mestilah tempat yang dapat memperolehi data yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan yang dijalankan. Pemilihan kawasan kajian juga bergantung kepada kemampuan kewangan dan alatan yang akan digunakan dalam penyelidikan itu nanti sebagaimana yang disarankan oleh Miles dan Huberman (1994) (Punch, 2005).

Kajian ini bukan kajian kes tunggal yang hanya tertumpu pada satu lokasi sahaja bahkan melibatkan beberapa lokasi dan termasuk dalam pendekatan *multiple case study* untuk mendapatkan data yang lebih kaya dan mendalam. Oleh itu, lokasi kajian di dua daerah iaitu daerah Batang Padang dan daerah Kerian dipilih. Kedua-dua sekolah ini terletak dalam negeri Perak. Selain itu, faktor lokasi ini dipilih kerana memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan berdasarkan keadaan kawasan masih dalam kemampuan pengkaji dan lokasi ini juga menepati ciri-ciri yang lain. Di samping itu juga, kewujudan literatur yang terhad berkaitan pengajian Qiraat di SMTDR dan penelitian pengkaji terhadap matlamat kerajaan negeri dalam menubuhkan SMTDR sebagai kemudahan kepada rakyat Perak menerima ilmu yang seimbang dan menyeluruh menyebabkan tajuk dan lokasi ini dipilih. Rajah 3.2 adalah rumusan kepada pensampelan kajian.



Rajah 3. 2 Populasi Dan Persampelan Kajian

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur aktiviti pengumpulan data dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sebelum, semasa dan selepas pengumpulan.

a) Prosedur Sebelum Pengumpulan Data

Soalan temubual yang berbentuk separa struktur disesuaikan mengikut penyelidikan yang berkaitan telah disediakan oleh pengkaji sebelum aktiviti pengumpulan data dilakukan. Instrumen soalan temu bual dibina berdasarkan daripada sumber-sumber literatur seperti buku, artikel, kajian akademik, kertas kajian dan seumpama dengannya. Pendekatan yang digunakan mengikut panduan yang telah digariskan oleh Montoya (2016). Selepas itu, borang terbabit disahkan oleh pakar bahasa dan pakar bidang bagi digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen dan panduan pengkaji ketika berinteraksi dengan peserta kajian. Semakan hasil prosedur temu bual dilaksanakan tiga pakar yang ahli dalam bidang pengajian ilmu Qiraat dan Pendidikan Islam dan bahasa. Berikut adalah jadual senarai penyemak protokol yang terlibat.


Jadual 3. 2

Senarai Penyemak Protokol Temu Bual

Bil	Pakar	Jawatan	Institusi	Kepakaran
1	Munysi Bahasa	Pengetua Sekolah Menengah Tronoh	Sekolah Menengah Kebangsaan Tronoh	Bahasa Melayu
2	Pensyarah APB	Pensyarah kanan	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Kampus dengkil	Bahasa dan Linguistik
3	Pakar 1	Ketua Pusat Pengajian	Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak	Pengajian Islam
4	Pakar 2	Pensyarah kanan	Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Pulau Pinang.	Pengajian Islam
5	Pakar 3	Pensyarah kanan	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka	Pengajian Islam

Pengkaji melampirkan bersama protokol temu bual dan pemerhatian sebagai rujukan bagi memudahkan pakar bidang mencadangkan penambahbaikan. Proses pembinaan protokol separa struktur berpandukan kepada sorotan literatur yang relevan dan mengadaptasi sesuai dengan konteks kajian. Setelah pengesahan telah dibuat oleh pakar terhadap protokol temu bual dan pemerhatian maka janji temu pertama dibuat melalui talian telefon untuk menetapkan waktu dan hari perjumpaan. Pertemuan yang pertama ini sebagai ziarah pendek dalam mengenali dan membina perhubungan yang baik di antara penyelidik dengan peserta kajian. Pada pertemuan yang pertama ini, skop dan tuntutan kajian diberikan penjelasan oleh pengkaji. Dalam pada masa yang sama, pengkaji juga turut menyatakan beberapa maklumat berkaitan etika kajian

yang mana ditegaskan bahawa peserta yang menyertai kajian ini adalah secara rela hati dan pilihan sendiri. Kemudian apabila telah diberikan persetujuan peserta kajian yang terlibat, maka temu janji seterusnya dibuat bagi mendapatkan tarikh dan waktu temu bual. Sebelum turun ke lapangan, pengkaji akan menulis surat kebenaran untuk melaksanakan kajian di lokasi tersebut. Setelah diberikan kebenaran, pengkaji akan masuk ke kawasan kajian bersama dengan peserta kajian yang terlibat. Langkah ini sangat penting dalam membina keyakinan dan kepercayaan peserta kajian agar memudahkan pengkaji memperolehi maklumat yang berterusan. Ini juga menjadikan penyelidikan ini memenuhi kriteria dan etika yang sepatunya sebagai seorang pengkaji metodologi kualitatif. Berikut merupakan rajah 3.3 berkenaan dengan prosedur sebelum pengumpulan data.



Rajah 3. 3 Prosedur Sebelum Pengumpulan Data


Rajah ini menunjukkan proses pembinaan dan pengesahan instrumen kajian yang dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrument yang digunakan. Pada peringkat awal proses bermula dengan pembinaan instrumen di mana penyelidik membangunkan item-item kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Instrumen ini

kemudiannya melalui proses semakan penyelia bagi memastikan kesesuaian kandungan struktur serta kejelasan item yang dibina. Seterusnya instrumen tersebut disemak oleh pakar Bahasa yang terdiri daripada Munsyi Bahasa dan Pensyarah APB. Semakan ini bertujuan memastikan penggunaan Bahasa yang tepat, jelas dan mudah difahami oleh peserta kajian di samping mengekalkan ketepatan istilah khusus yang digunakan dalam bidang kajian. Selain itu, instrumen turut melalui proses semakan pakar bidang yang melibatkan beberapa orang pakar. Tujuan semakan ini adalah untuk memastikan kandungan instrumen menepati bidang kajian, relevan dengan objektif kajian serta mempunyai kesahan kandungan. Selepas itu, instrumen akan melalui semakan REC (*Research Ethics Committee*) bagi memastikan kajian yang dijalankan mematuhi etika penyelidikan khususnya melibatkan peserta kajian. Akhir sekali setelah semua proses semakan dan penambahbaikan dilakukan, instrumen akan digunakan dalam kajian lapangan bagi tujuan pengumpulan data sebenar.

b) Prosedur Semasa Pengumpulan Data

Apabila pembinaan hubungan yang baik telah dibina dengan peserta kajian dan penyelidik sudah memperolehi tarikh untuk bertemu bagi menemu bual lalu pengkaji akan menghubungi peserta kajian tersebut untuk memperingatkan kembali janji pertemuan dan juga mendapatkan kesepakatan peserta kajian berhubung dengan wawancara yang akan dilakukan sebelum pengkaji turun ke lapangan. Sementara itu, langkah yang akan dilakukan pengkaji sebelum melaksanakan pemerhatian adalah dengan menghubungi peserta kajian bagi menubuhkan hubungan kepercayaan. Peserta kajian yang dihubungi akan memberikan masa dan tarikh yang sesuai bagi melakukan proses pemerhatian di kawasan kajian. Ketika aktiviti temu bual sedang berlangsung, penyelidik akan melakukan beberapa tindakan iaitu seperti mengamati, melihat, mendengar dan mengalami sendiri beberapa aspek daripada keadaan yang sebenar yang telah dialami oleh peserta kajian. Ketika proses pelaksanaan pemerhatian,

peer review akan turut bersama untuk mengelak bias ketika proses pemerhatian penyelidikan dan bagi mencapai prosedur dari segi kesahan, kebolehpercayaan dan kredibiliti yang mana boleh mempengaruhi proses penyelidikan kualitatif yang dibuat jika bias tidak dielakkan.



Rajah 3. 4 Prosedur Semasa Pengumpulan Data

Rajah ini menggambarkan proses pembinaan hubungan antara penyelidik dan peserta kajian serta kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan secara sistematik. Pada peringkat awal penyelidik memulakan pembinaan hubungan melalui langkah menghubungi peserta kajian. Seterusnya menetapkan tarikh dan masa yang sesuai atas persetujuan bersama bagi memastikan kelancaran ketika mengumpulkan data. Setelah pengesahan tarikh dan masa maka proses beralih kepada pengumpulan data yang melibatkan temu bual dan pemerhatian di mana proses ini melibatkan peer review yang bersama-sama dengan pengkaji bagi memastikan ketepatan, kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh.

c) Prosedur Selepas Pengumpulan Data

Seorang penyelidik yang bagus perlu mempunyai kemahiran sosial bukan sahaja membina hubungan yang baik dengan peserta namun perlu juga kepada kemahiran dalam berinteraksi termasuk mahir dalam menyesuaikan diri sendiri, melihat, mendengar, menafsir situasi yang berlaku di sekeliling,

menjalinkan hubungkait sesuatu perkara dan membuat pilihan serta keputusan yang sesuai. Seterusnya, peranti teknologi yang digunakan pengkaji ketika proses lapangan sesuai dengan kajian tersebut seperti telefon mudah alih sebagai alat rakaman atau alat rakaman digital MP4 bagi digunakan ketika proses temu bual dijalankan. Selain kemudahan itu, pengkaji sendiri akan mencatat maklumat penting ketika turun ke lapangan. Selain buku diari penyelidik, data dan informasi tersebut akan dimasukkan ke dalam sebuah buku khas yang disediakan.

Dalam proses interaksi kualitatif, perjumpaan dengan peserta kajian dilaksanakan sebanyak dua kali. Pertemuan pertama kali adalah untuk menjalinkan hubungan yang baik manakala wawancara penyelidikan yang kedua adalah bagi menemu bual dalam mendapatkan maklumat kajian dan kemudian akan dibawa transkripsi pertemuan pertama dan kedua untuk diambil pengesahan daripada peserta kajian dalam membenarkan perbualan dan perbincangan yang berlaku dalam temu bual yang lepas.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan seperti temu bual, tinjauan dan pemerhatian. Tiga kaedah ini sering digunakan oleh penyelidik dalam memperolehi data primer (Fauzi et al., 2014).

3.5.1 Temu Bual

Kajian kualitatif menurut Pranee Liamputtong (2014) dikenali sebagai sains perkataan kerana keadaan data sangat memerlukan kepada penceritaan dan perkataan yang disampaikan oleh peserta kajian (Strauss et al., 2009). Jika ditelusuri, perbualan dalam kehidupan secara amnya merupakan asas dalam perhubungan dan interaksi. Oleh kerana itu, bertutur merupakan asas yang utama dalam mengenali manusia. Pranee Liamputtong (2014) menyatakan pendekatan temu bual merupakan asas penggalian maklumat. Tambahan lagi, temu bual adalah sebuah kaedah pencarian maklumat yang

dilaksanakan secara lisan. Maklumat dan jawapan yang diberi melalui metode ini akan diarkibkan dalam bentuk penulisan dan rakaman digital (McQueen & Knussen, 2002; Chua, 2011).

Pendekatan temu bual bercorak semi struktur digunakan dalam kajian. Istilah semi struktur ini adalah apabila seorang penyelidik bertanya menerusi persoalan yang dirancang sebelum proses temu bual dijalankan. Walaubagaimanapun, kebebasan ke atas pengkaji menyoal soalan tambahan dibolehkan ketika aktiviti temu bual sedang berlangsung atas tujuan ingin mendapatkan lagi data yang lebih mendalam dan terperinci. Persoalan yang dilontarkan penyelidik bersifat dinamik. Pertanyaan ketika ditemu bual boleh bertambah, dikurangkan serta diubah dan diatur mengikut keadaan ketika sesi temu bual agar peserta kajian yang terlibat memahami dengan lebih mendalam isu sebenar persoalan yang dibawa dan jawapan yang diberi selari dengan kehendak penyelidikan.

Pendekatan berbentuk semi struktur diaplikasikan dalam kajian ini kerana peserta kajian yang terlibat berada dalam keadaan yang biasa atau natural. Selain itu, pendekatan ini dapat menetapkan tujuan kajian sebagai elemen dan teras dalam proses temu bual dalam mendapatkan informasi atau data yang diperlukan (Fontana et al., 2003). Corak-corak soalan yang diutarakan bersifat variasi dalam mendapatkan jawapan yang padat, seragam atau hampir seragam agar memperolehi data yang konsisten dan stabil dari peserta kajian tersebut. Persoalan yang dibangkitkan oleh pengkaji kebiasaannya sama dan berturut-turut bagi memastikan jawapan yang diberi dari peserta kajian mempunyai kesamaan serta mendapat kebolehpercayaan dan ketepatan hasil kajian (Silverman, 2014; Brinkmann et.al, 2014).

Temu bual mesti mematuhi etika yang digariskan. Antaranya adalah mengetahui individu yang akan menjadi peserta kajian. Mengenal pasti secara tepat latar belakang peserta kajian yang terlibat. Perkara ini sangat penting dalam memastikan informasi yang diterima berfaedah untuk kajian. Temu bual yang dilakukan mestilah pada waktu yang sesuai, membawa pengenalan diri sebagai pengkaji penyelidikan ketika turun ke lapangan dan mencatat maklumat yang diterima. Selain itu, seorang pengkaji perlu memberitahu beberapa perkara kepada peserta kajian seperti tujuan temu bual, menyatakan data yang diambil dari peserta kajian sangat penting dalam kajian dan

meminta izin merakam perbualan. Akhir sekali, pengkaji ketika ingin menamatkan temu bual haruslah dilakukan secara profesional dengan menuturkan ucapan yang sesuai seperti terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan atau kerjasama anda sangat dihargai. (Silverman, 2017; Bogdan et al., 1998).

Dari aspek pemilihan peserta kajian, seorang penyelidik perlu melihat beberapa sisi yang penting dalam mencari peserta kajian. Apabila menyebut tentang pengalaman peserta kajian, maka pengkaji haruslah mencari peserta yang lama tempohnya dalam perkhidmatan (Esterbeg, 2002; Hidayana et al., 2024). Semakin lama perjalanan seseorang pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bidang Qiraat maka pengalaman pengajar tersebut dalam pengajaran ilmu Qiraat semakin bertambah. Peningkatan dalam kemahiran, teknik dan kecekapan mereka dalam ilmu Qiraat melalui teori dan praktikal menjadi aset penting dalam pendidikan. Perkara-perkara seperti ini dapat mempengaruhi dapatan kajian penyelidik dalam mendapatkan maklumat yang berkualiti dan bermanfaat (Esterbeg, 2002). Temubual dilaksanakan berdasarkan kepada protokol temubual yang telah disahkan serta mendapat kelulusan oleh pakar.

Penyelidik telah menghubungi peserta kajian terlebih dahulu melalui panggilan telefon dan kemudian membuat temujanji dalam menetapkan tarikh serta waktu bagi perjumpaan kali yang pertama. Perjumpaan kali pertama ini juga bagi membina hubungan yang baik di antara peserta kajian dengan pengkaji. Apabila selesai pertemuan yang pertama, pengkaji akan membuat temujanji yang kedua dan seterusnya sehingga mendapatkan data yang tepu. Di samping itu surat pengesahan pelajar akan dibawa oleh pengkaji termasuklah seorang peer checking ketika menghadiri pertemuan tersebut (Esterbeg, 2002). Ketika janji temu yang terakhir, transkrip akan dibawa bersama untuk disahkan oleh peserta kajian yang terlibat sebagai pengesahan kebenaran transkrip dan bahan bukti telah melaksanakan temubual dengan peserta kajian. Mereka yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar dalam bidang Qiraat sahaja di temubual. Pelajar yang mempelajari ilmu Qiraat di sekolah tidak terlibat dalam temu bual ini. Pelajar hanya menjadi informan tambahan yang menyokong kepada data yang diperolehi ketika proses kajian. Hal ini kerana maklumat yang telah diberikan oleh guru SMTDR adalah cukup terperinci dan telah merangkumi teori dan praktikal bagi pengajian Qiraat.

Jadual 3. 3

Tarikh Tempat Dan Maklumat Peserta Kajian

Peranan/ Tarikh	Label	Pengalaman
Peserta Kajian 1 4 Januari 2025	PK1	Berkhidmat di SMTDR Daerah Batang Padang selama 6 tahun
Peserta Kajian 2 4 Januari 2025	PK2	Berkhidmat di SMTDR Daerah Batang Padang selama 4 tahun
Peserta Kajian 3 13 Januari 2025	PK3	Berkhidmat di SMTDR Daerah Kerian selama 9 tahun
Peserta Kajian 4 15 Januari 2025	PK4	Berkhidmat di SMTDR Daerah Kerian selama 8 tahun

Sumber: Catitan Buku Diari Pengkaji

Jadual 3.3 memaparkan maklumat berkaitan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Seramai empat orang peserta kajian yang berkhidmat di SMTDR daerah Batang Padang dan Kerian telah dipilih. Tempoh pengalaman peserta adalah antara empat hingga sembilan tahun.

3.5.2 Pemerhatian

Istilah pemerhatian merupakan salah satu metode yang perlu ada dalam mengamati dan memerhati sesuatu isu dan keadaan kajian yang dibuat. Menurut Boiejie (2010) kaedah ini walaupun kaedah yang sudah lama namun masih berterusan digunakan oleh para penyelidik sehingga kini. Antara kelebihan pendekatan pemerhatian terhadap pengkaji adalah di mana pengkaji akan merasai dan menyaksikan sendiri pengalaman baru yang akan ditempuh olehnya. Creswell (2014) & Sommer (2002) menjelaskan bahawa metode pemerhatian ini berlaku dengan melibatkan diri penyelidik. Oleh kerana itu, pengkaji akan melibatkan diri dalam PdP di SMTDR terpilih.

Tujuan metode pemerhatian ini adalah bagi mengkaji tatacara, nilai dan maksud yang ada disebaliknya sama ada tersurat atau tersirat melalui sesuatu peristiwa. Informasi yang didapati secara langsung dan mendalam datanya mestilah dengan pendekatan pemerhatian yang diambil dari kajian lapangan. Namun dalam mencapai maklumat tersebut, pengkaji memerlukan tiga elemen iaitu melihat, mencatat dan menganalisis. Pemerhatian adalah sebuah kaedah yang dikategorikan sebagai pendekatan pengumpulan maklumat menerusi pemantauan secara terus tanpa halangan

(*direct observation*) (Yin, 2012). Dalam pada itu, pengkaji mengaplikasikan metode pemerhatian ini dengan menggunakan panduan yang diusulkan oleh Spradley (1980) berkenaan dengan aktiviti pemerhatian di mana pendekatan pemerhatian merangkumi elemen individu, lokasi dan aktiviti yang dijalankan.

Jadual 3. 4


Tarikh, Tempat, Aspek Pemerhatian & Peer Checking

Bil	Tarikh	Tempat	Aspek	Peer Checking
1	4 Mac 2025	SMTDR Batang Padang	PdP Qiraat	Rakan Bersama 1
2	4 Mac 2025	SMTDR Batang Padang	PdP Qiraat	Rakan Bersama 1
3	20 April 2025	SMTDR Kerian	PdP Qiraat	Rakan Bersama 1
4	26 April 2025	SMTDR Kerian	PdP Qiraat	Rakan Bersama 1

Sumber: Catitan Buku Diari Pengkaji

Jadual 3.4 memaparkan maklumat berkaitan tarikh, tempat, aspek pemerhatian serta proses peer checking yang dilaksanakan dalam kajian ini. Pemerhatian dijalankan di SMTDR daerah Batang Padang dan Kerian dengan memberi fokus kepada PdP Qiraat. Setiap sesi pemerhatian turut melibatkan proses peer checking bagi memastikan ketepatan dan kesahan data.

Rajah di bawah merupakan metod yang digunakan Kaelan (2012) ketika proses pemerhatian. Proses ini menekankan kepada enam perkara (Punch et al., 2014; Kaelan, 2012).




Rajah 3. 5 Proses Pemerhatian Oleh Kaelan (2012)

Rajah di atas menunjukkan metod yang digunakan oleh Kaelan (2012) dalam proses pemerhatian. Metod ini menekankan kepada enam elemen utama iaitu tempat, individu, objek, perbuatan, masa serta matlamat dan psikologi. Elemen-elemen ini berfungsi sebagai panduan untuk memastikan pemerhatian dijalankan secara sistematik dan menyeluruh.

3.5.3 Analisis Dokumen

Falsafah penubuhan dan catatan sejarah SMTDR termasuk maklumat, sejarah Qiraat dan al-Quran diambil daripada artikel, jurnal, buku, laman sesawang, berita dan laporan kertas kerja dan laporan kajian. Analisis dokumen yang dilaksanakan adalah daripada sumber literatur. Penyelidikan dilakukan melalui sumber literatur dalam menerangkan tujuan dan maklumat yang terperinci tentang penubuhan SMTDR dan ilmu Qiraat. Konsep penyelidikan dokumen merupakan proses yang sistematik juga teratur dalam menganalisis serta mengestrak data-data yang didapati di dalam dokumen yang bercetak dan maklumat yang diperolehi dari atas talian. Kajian ke atas dokumen memerlukan kepada data untuk dianalisis bagi memperolehi maksud, pemahaman dan perluasan kajian ilmiah. Menurut Bowen (2009) & Saldana (2016) dokumen yang dimaksudkan adalah daripada teks, perkataan dan imej atau visual yang direkodkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.



Rajah 3. 6 Carta Alir Metodologi Pengumpulan Data

Rajah ini menggambarkan metodologi pengumpuln data yang merangkumi analisis dokumen, temu bual, pemerhatian dan kajian rintis. Proses ini dilaksanakan secara sistematik melalui temu bual separa berstruktur serta melibatkan persampelan, lokasi, peserta dan tempoh kajian yang dijalankan pada peringkat sebelum, semasa dan selepas.

3.6 Prosedur Analisis Data

Penafsiran informasi yang dimaksudkan adalah langkah dalam menemui dan mengenal pasti akan struktur data, taburan, pola dan kecenderungan yang diperolehi daripada rujukan bertulis, temu bual dan pemerhatian. Pengkaji akan menganalisis dapatan data-data dengan kaedah yang sesuai. Berikut adalah kaedah yang diguna pakai dalam kajian penyelidikan antaranya adalah analisis kandungan dan analisis tematik.

3.6.1 Analisis Kandungan


Pendekatan dalam menganalisis dokumen adalah sebuah langkah atau cara memproses kandungan teks atau data secara sistematik dan tersusun. Proses penafsiran maklumat adalah bertujuan mendapatkan maksud, pemahaman data dan juga menambahkan pengetahuan pengkaji. Bowen (2009) mendefinisikan dokumen sebagai teks, perkataan atau visual yang direkodkan oleh kajian-kajian pengkaji sebelum ini.

Manakala Atkinson dan Coffey (1997) menyatakan bahawa dokumen adalah sebuah fakta sosial yang dicipta, dikongsi dan digunakan. Dokumen-dokumen ini digunakan melalui cara penulisan. Antara cara menganalisis data adalah dengan membaca sepintas lalu dalam memberikan gambaran awal, membaca dengan terperinci dan menafsirkan informasi. Langkah ini akan berlaku berulang kali. Pendekatan ini mempunyai dua bahagian iaitu analisis kandungan dan analisis tematik (Atkinson et al., 1997).

Analisis kandungan adalah sebuah kaedah penyusunan informasi berdasarkan kategori yang sesuai untuk menjawab pertanyaan peserta kajian lebih-lebih lagi persoalan yang berkait dengan penyelidikan. Langkah ini dihasilkan menerusi petikan yang diambil dari teks atau maklumat lain yang bersesuaian. Informasi yang tidak mempunyai hubungan dengan kajian akan dipisahkan (Zaharah et al., 2015). Kaedah ini diistilahkan sebagai proses refleksi rumus dan laporan data dengan penulisan. Penafsiran isi teks menggunakan dokumen rasmi atau sebaliknya (Habibah et al., 2020). Analisis ini dilakukan bertujuan dalam mendapatkan informasi atau data yang membahaskan perihal pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat yang diterapkan oleh guru dikalangan pelajar perempuan SMTDR. Seterusnya, menganalisis artikel, buku, prosiding dan cetakan bertulis.

3.6.2 Analisis Tematik

Analisis tematik bermaksud pengenalan corak tema dalam maklumat yang tersusun mengikut kategori yang dikaji. (Boyatzis, 1998; Fereday et al., 2006). Langkah menganalisis tematik berkait dengan pembacaan semula, meninjau maklumat yang terperinci dan menumpukan perhatian yang lebih. Data-data yang dipilih adalah berdasarkan kepada penelitian yang mendalam. Pelaksanaan kodifikasi dan penciptaan kategori berdasarkan kepada kriteria maklumat dalam menjelaskan topik atau tema yang berkaitan dengan fenomena kajian (Siti Uzairiah, 2017). Analisis pentemaan akan dijalankan mengikut tema daripada sorotan literatur secara manual. Maklumat temubual akan diterjemahkan menggunakan kaedah deskriptif dan tematik. Seterusnya, pembentukan kod dan corak mengikut tema dibentuk. Analisis tematik dilaksanakan dalam kajian sebagai menjawab objektif dan persoalan dalam penyelidikan (Siti Uzairiah, 2017).



Rajah 3. 7 Carta Aliran Penganalisan Data Kualitatif

Rajah carta aliran ini menunjukkan proses analisis data kualitatif bermula dengan pembinaan tema dan subtema diikuti analisis mendalam serta semakan pakar. Setelah dipersetujui dapatan disusun dalam bentuk matriks dan dipersembahkan melalui rajah atau pola bagi menjelaskan hasil kajian.

3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen

Keperluan kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan merupakan perkara yang perlu dilakukan bagi memperlihatkan sejauh mana tahap penyelidikan itu tepat, teguh dan kukuh dalam kajian (Gupta, 2011; Lawrence, 2015). Berdasarkan pendapat Hammersley (1987) yang dimaksudkan kebolehpercayaan ialah kemampuan suatu instrumen atau alat dalam menilai pemboleh ubah atau reka bentuk. Bagi kesahan kajian diistilahkan pula sebagai indikator dalam mengukur atau menggambarkan kemampuan kajian dalam ketepatan atau sebaliknya berdasarkan fenomena penyelidikan yang dikaji. Maka semakan dan penilitian mengikut piawaian mesti dilakukan dalam memberi kesahan dapatan yang diterima (Yates, 2012, Black et.al, 1976). Proses kesahan kajian akan berterusan sehingga penyelidikan selesai. Dalam masa yang sama, kesahan reka bentuk atau konstruk dan keseragaman jawapan peserta kajian perlu dilihat dengan teliti terlebih dahulu sebelum melakukan penyemakan ke atas protokol temu bual dan pemerhatian. Winter (2000) menyatakan bahawa bias

dalam kajian akan kelihatan dalam kajian laporan jika penyelidik mengabaikan dua instrumen ini iaitu kesahan dan kebolehpercayaan.

Kesahan merupakan elemen utama dalam membentuk sebuah instrumen yang bertindak sebagai teras keberkesanan penyelidikan kualitatif. Kepentingan kesahan dapat menjadikan penyelidikan yang dilaksanakan berkualiti, diyakini dan diberi penilaian yang tinggi berdasarkan kebenaran fakta penyelidikan. Selain itu, kesahan turut menilai reka bentuk yang dapat menjadikan analisis yang dilaksanakan dianggap benar dan dipercayai tertumpu kepada inferensi yang diterima berdasarkan bukti serta fakta yang tidak dipengaruhi oleh perkara lain (Creswell, 2009; Maxwell, 1992). Kesahan maklumat penyelidikan kualitatif dalam mewakili ketetapan peristiwa atau fenomena yang berlaku merujuk kepada dapatan yang diperolehi bagi menerangkan sebaik mungkin ketepatan kajian. Dapatan perlu disokong dengan maklumat dan fakta dalam membenarkan kesahihannya. Objektif utama kesahan dalaman dalam penyelidikan adalah untuk menjadikan keberkesanan pendekatan penyelidikan dalam mengumpulkan maklumat yang berkualiti dan bernilai dari pelbagai sumber.

Berdasarkan kenyataan Creswell (2000) pengkaji perlu meneliti terlebih dahulu jenis dan ciri-ciri kesahan bagi memastikan data dan kajian yang dilaksanakan bertepatan. Penentuan dapatan kajian sama ada sejajar dengan realiti yang berlaku adalah berdasarkan kesahan dalaman sesuatu kajian kualitatif (Othman Lebar, 2017). Daripada penyataan ini, dapatan penyelidikan seharusnya seiring dengan realiti dan peristiwa yang berlaku dengan mengambil kira pelbagai langkah seperti memperkuat asumsi yang bersifat holistik, dimensi yang dinamik dan juga perubahan yang sentiasa berlaku. Berikut merupakan elemen-elemen metodologi yang penting dalam meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan antaranya ialah triangulasi data, pengesahan peserta kajian, pemerhatian jangka masa panjang di lokasi kajian, pemeriksaan sekerja atau diistilahkan sebagai *member checking*, bias penyelidik dan mode kajian yang kolaboratif dan partisipatif di antara peserta kajian dan pengkaji. Dalam memproses kajian ini, pengkaji mengaplikasikan cadangan yang diutarakan oleh Ghazali Darusalam et al. (2018). Pendekatan yang digunakan dalam kajian adalah triangulasi data, pengesahan peserta kajian dan pengamatan jangka masa panjang di lapangan.

Seterusnya konsep kebolehpercayaan pula adalah di mana data penyelidikan yang ada apabila dilakukan pengulangan menghasilkan nilai yang konsisten dan sama dalam kajian baru. Hal ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi kerana dapat memberikan keputusan yang stabil dan tidak berubah meskipun digunakan berulang kali (Vinoothini et al., 2023). Hubungan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif adalah berkait dengan ketepatan dan keseragaman maklumat kajian dengan data kajian lama (Kamarul, 2012). Merriam (2001) menjelaskan kebolehpercayaan dalam kualitatif berdasarkan tahap fenomena, kelakuan dan perbuatan kembali berulang. Ahli akademik berpandangan bahawa berlakunya pengulangan maklumat adalah menerusi pengutipan info yang berulang dari pelbagai jenis sumber dan instrumen yang ada (Wiersma, 2000). Pengkaji menggunakan pendekatan dari pelbagai pendekatan yang ada menerusi ideologi yang dicadangkan oleh Othman Lebar yang mana cadangan tersebut seperti penggunaan catatan diari pengkaji, penilaian rakan sekerja, etika, jejak audit (*audit trail*) dan akhir sekali pengesahan daripada pakar yang berkaitan (Othman Lebar, 2017).

3.7.1 Kajian Rintis

Dalam mendapatkan pemahaman awal dalam penyelidikan, satu kajian rintis atau *pilot work* dilakukan untuk menguji soalan yang sesuai serta mendapatkan kefahaman peserta kajian menerusi protokol temu bual yang telah disahkan oleh pakar. Tambahan lagi, kajian rintis ini penting dalam memastikan kandungan persoalan yang dibina tidak menyentuh isu yang sensitif dan kurang sesuai untuk diajukan kepada peserta kajian. Jika didapati wujudnya persoalan berbentuk sensitiviti dan kurang sesuai maka rombak soalan akan dibuat dalam menambah baik protokol tersebut. Kemudian soalan yang telah diubah ini akan digunakan terhadap penyelidikan yang sebenar. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian rintis bagi pendekatan kualitatif kebiasaannya akan dipilih berdasarkan latar belakang yang sama dengan peserta kajian yang sebenar (Silverman, 2011; Patton, 2002). Untuk kajian ini, kajian rintis dijalankan ke atas seorang guru SMTDR Daerah Batang Padang. Pengkaji juga menyertakan maklumat peserta kajian yang terlibat dalam kajian rintis.

Jadual 3. 5

Tarikh, Tempat Dan Maklumat Peserta Pada Kajian Rintis

Peranan/ Tarikh	Label	Pengalaman
Peserta Kajian 1 2 Januari 2025	PK1	Berkhidmat di SMTDR Daerah Batang Padang

Sumber: Catitan Diari Pengkaji

Jadual ini menunjukkan maklumat peserta kajian rintis yang berkhidmat di SMTDR Daerah Batang Padang serta tarikh pelaksanaan kajian iaitu pada 2 Januari 2025. Data diperoleh melalui catatan diari pengkaji.

Selain itu, pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat turut dilaksanakan bagi menjelaskan pemerhatian di dalam kelas.

Jadual 3. 6

Tarikh, Tempat Dan Aspek Pemerhatian Pada Kajian Rintis

Bil	Tarikh	Tempat	Aspek
1.	3 Januari 2025	SMTDR Batang Padang	PdP Qiraat

Jadual 3.6 memaparkan tarikh, tempat serta aspek pemerhatian yang dijalankan dalam kajian rintis. Jadual ini menunjukkan bahawa pemerhatian telah dilaksanakan pada 3 Januari 2025 di SMTDR Batang Padang dengan fokus kepada aspek PdP Qiraat.

Walaupun bagaimanapun, kajian rintis ini berlaku dalam skala yang kecil dan tidak memerlukan piawaian yang khusus seperti yang dilakukan terhadap kajian lapangan. Pelaksanaan ini dilakukan sebagai uji kaji instrumen dan pengkaji dapat melihat gambaran awal reka bentuk yang dibuat sama ada sesuai atau sebaliknya. Bahkan juga dapat menambah baik struktur tersebut dalam kajian yang sebenar. Dalam pada yang sama, kajian rintis ini menjadi sebahagian bentuk latihan kepada penyelidik bagi membina kepercayaan diri dalam meningkatkan kemahiran sosial sebelum menghadapi situasi sebenar ketika proses kajian lapangan dilakukan (Olsen, 2012).

Daripada kajian rintis yang telah dilaksanakan, pengkaji perlu memperbaiki dan mengubah beberapa persoalan yang terkandung di dalam protokol temu bual ini kerana penyusunan laras soalan yang bagus dalam suatu kajian sangat penting bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti dan juga mempengaruhi cara jawapan peserta kajian terhadap persoalan. Pengkaji juga perlu efisien dalam mengawal masa semasa

proses temu bual berlangsung. Permasalahan akan tercetus jika pengkaji tidak menjaga masa dengan sebaik mungkin yang mana boleh mengakibatkan temu bual yang dijalankan akan menjadi panjang seperti mana yang terjadi dalam temu bual kajian rintis sebelum ini.

Di samping penjagaan masa, pengkaji perlu mengasah kemahiran *interpersonal* dengan sebaiknya dalam membentuk *rappot* yang baik antara pengkaji dan peserta kajian. Kesannya dapat membantu mencapai objektif kajian dan memperolehi maklumat penyelidikan. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu memperbaiki lagi kekurangan yang berlaku sebelum mengharungi kajian lapangan yang sebenar (Boieji, 2010).

3.7.2 Triangulasi Data

Untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian, pengkaji menggunakan pendekatan triangulasi data. Ini melibatkan penggunaan dari sumber-sumber yang pelbagai dalam mengumpulkan data penyelidikan yang terdiri daripada catatan pemerhatian, transkripsi temu bual dan penafsiran dokumen (Lahman, 2018; Jonsen, 2009). Ashatu Hussein (2009) & Flick (2018) menyatakan dalam mengesahkan hasil kajian maka pengkaji mengambil pendekatan triangulasi menerusi data yang dikumpulkan dari beberapa sumber seperti dalam aktiviti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Di samping itu, metode ini bertindak sebagai pendekatan yang efektif dalam menjamin kajian pengajaran dan pembelajaran asas Qiraat di SMTDR diyakini kesahihannya kerana mengandungi proses kesalingan pengesahan atau penyelarasan data dan hubungan data antara satu instrumen dengan yang lain (Freeman et al., 2007). Data yang diperolehi dari pelbagai sumber akan memberi kesamaan dan kesahihan dapatan serta menguatkan lagi dapatan kajian menerusi fenomena yang dikaji (Mathison, 1988).

Pendekatan triangulasi terdiri daripada teknik yang menyentuh tentang perbandingan data peserta kajian yang dihasilkan daripada beberapa pelaksanaan metode pengumpulan data yang dilakukan. Maklumat atau informasi yang ditriangulasikan membabitkan temu bual bersama guru-guru Qiraat, pemerhatian yang dilakukan di kelas dan informan tambahan dari pelajar dalam mendapatkan perspektif

yang berbeza dan komprehensif dalam kajian. Selain itu, penelitian dokumen yang berkaitan dengan PdP Qiraat turut dilakukan. Segala data yang diperolehi juga direntas dengan rakaman video pemerhatian terhadap PdP Qiraat bagi mengukuhkan kebolehpercayaan data dan tema yang dibina.

Keseluruhan data yang dikumpulkan dan diambil adalah melalui aktiviti lapangan yang dilaksanakan dalam pendekatan temu bual dan pemerhatian terhadap praktikal pengajaran dan pembelajaran asas ilmu Qiraat. Temu bual dilakukan sebanyak dua kali manakala pemerhatian pula sebanyak 1 kali untuk setiap peserta kajian. Langkah ini terbukti berkesan dalam menjadikan dapatan kajian tepat dan diyakini terhadap persoalan yang dianalisis. Merujuk kepada piawaian yang ditetapkan ahli-ahli sarjana, proses menggabungkan beberapa metode adalah satu perkara yang tepat dalam mencari data yang terperinci, bertepatan dengan kajian, seragam dan sarat dengan maklumat. Tracy (2019) menyatakan hasil dapatan yang kukuh, memiliki kesahan dan kebolehpercayaan data adalah hasil aktiviti pengumpulan data dari pelbagai sumber.

3.7.3 Pengesahan Peserta Kajian

Kaedah penting ini adalah sebagai instrumen dalam mengesahkan kebenaran data dan maklumat kajian. Amalan ini akan melibatkan dua perkara iaitu data dan analisis yang dibentangkan semula kepada peserta kajian yang terlibat. Pengesahan ketepatan serta kebenaran informasi yang terdapat dalam transkripsi dan nota penulisan temu bual akan dilakukan oleh setiap peserta (Birt et al., 2016). Sebelum pengesahan kertas maklumat yang berbentuk cetakan tersebut disahkan, peserta diberikan kebenaran untuk membaca isi kandungan yang ditulis pengkaji berdasarkan kepada proses temu bual sebelum ini.

Jika transkrip dan penafsiran penyelidik telah dipersetujui oleh peserta kajian maka penurunan tandatangan sebagai tanda pengesahan akan dilakukan di borang yang sudah disediakan. Walaubagaimanapun, peserta dibolehkan menambah informasi tambahan jika ada perkara yang ingin peserta nyatakan dalam membantu penyelidikan ini. Kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan akan meningkat apabila berlaku persetujuan peserta kajian terhadap transkrip dan nota temu bual (Koelsch, 2013).

3.7.4 Pemerhatian Jangka Panjang Di Lapangan

Pengkaji yang turun ke lapangan berulang kali dalam jangka tempoh yang lama dapat membina keserasian, kepercayaan dan keselesaan peserta kajian. Bagi mendapatkan data yang terperinci dan lengkap adalah daripada hubungan baik dan kebolehppercayaan di antara peserta kajian dengan pengkaji (Kawulich, 2012). Oleh yang demikian, dalam tempoh masa enam bulan dalam penyelidikan lapangan, beberapa aktiviti akan dilaksanakan oleh penyelidik iaitu seperti melakukan proses temu bual terhadap guru Qiraat sebanyak dua kali, dua kali pemerhatian dokumen dan satu kali pemerhatian lapangan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian berdasarkan data-data yang diperolehi. Melalui proses ini, data yang diterima akan mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi. Pelaksanaan pengesahan data lapangan berlaku di antara bulan Julai sehingga September 2025 secara berulang-ulang prosesnya. Dalam jangka masa ini, maka genaplah setahun untuk penulis mengumpulkan data lapangan.

Peserta kajian dihubungi melalui telefon sebelum pertemuan. Pengkaji menghubungi peserta yang terlibat dalam penyelidikan bagi menetapkan tarikh dan masa yang sesuai dalam melakukan temu bual. Setelah tarikh dan persetujuan peserta kajian telah diputuskan, maka pengkaji mula turun ke lapangan dalam menjalankan sesi temu bual dan aktiviti pemerhatian. Pemerhatian berlaku pada masa sesi persekolahan dalam memudahkan peserta kajian menguruskan aktiviti tersebut. Penetapan waktu aktiviti pemerhatian mengikut persetujuan di antara pengkaji dan peserta.

Data-data yang diambil daripada pemerhatian dimasukkan ke dalam nota kajian lapangan. Rakaman secara visual turut dilakukan ketika proses pemerhatian. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada kebenaran pihak sekolah dan peserta kajian. Maklumat yang dikumpulkan akan melalui proses saringan dan dimasukkan setiap data tersebut mengikut kategori atau kumpulan yang telah ditentukan ketika proses struktur kajian dilaksanakan. Peristiwa atau fenomena dan pemerhatian yang berlaku ketika aktiviti lapangan kesemuanya berdasarkan kepada kerangka konseptual di mana ia sebagai asas dalam memandu pengkaji mengenal pasti faktor kajian, memahami hala

tujuan kajian serta meneroka tema-tema yang dianalisis secara terperinci bagi menjadikan kajian lebih teratur dan tersusun.

3.7.5 Diari Pengkaji

Nota yang tercatat dalam diari penyelidik merupakan penulisan sebuah perjalanan lengkap penyelidikan semasa proses kajian lapangan. Catatan yang ditulis mempunyai pelbagai variasi seperti catatan pertemuan, pemerhatian dan penafsiran dalam menganalisis data. (Creswell & Gutterman, 2021). Diari yang ditulis pengkaji dalam penyelidikan kualitatif adalah sebuah bukti bertulis bagi meraih kebolehpercayaan dan keyakinan dalam pengumpulan, pencarian dan pembinaan data-data. Ini adalah kerana setiap aktiviti lapangan perlu dilaporkan dan disertakan bersama dengan kajian (Puvenesvary et al., 2020).

3.7.6 Semakan Rakan

Panduan pengkaji yang kurang berpengalaman ketika melakukan kajian kualitatif memerlukan pandangan dan nasihat daripada kenalan yang turut berkecimpung dalam metode kajian kualitatif. Proses penyelidikan kualitatif dilaksanakan dengan berpandukan cadangan dan tunjuk ajar dari mereka yang arif dalam bidang ini (Birt, t.t). Mendapatkan pandangan dan penilaian dari rakan-rakan boleh memberi kesan positif terhadap hasil kajian dalam memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji mencapai syarat kesempurnaan kajian kualitatif. Bahkan, bias di dalam kajian dapat dikurangkan dan melatih pengkaji dengan sifat kritis seperti menguji andaian ideologi pengkaji, memberi persoalan berdasarkan pendekatan atau metode kajian serta bertanya tentang kaedah-kaedah yang digunakan pengkaji dalam menganalisis data (Figg et al., 2010).

3.7.7 Etika Kajian

Makluman awal secara terperinci tentang tujuan kajian kepada peserta yang terlibat adalah sebuah etika yang penting. Selain itu, etika yang perlu ada pada pengkaji

antaranya adalah peserta kajian yang terlibat diberi hak bertanya perihal penyelidikan yang dilakukan dan juga pengkaji mestilah meminta kebenaran daripada peserta untuk menggunakan maklumat yang diambil bagi tujuan laporan (Orb et al., 2000). Surat persetujuan di antara peserta dan pengkaji akan diberikan pada pertemuan pertama. Tandatangan di surat persetujuan akan diturunkan sebagai tanda izin dan persetujuan peserta. Informasi perihal peserta akan dijaga dan dirahsiakan sebagai maklumat sulit bagi melindungi pengenalan diri peserta kajian yang menyertai kajian ini.

3.7.8 Jejak Audit

Jejak audit adalah merujuk kepada penyediaan dalam bentuk penulisan, rekod yang terperinci, jelas, tersusun ketika mengendalikan kajian (Klejin et.al, 2018). Pembinaan jejak audit adalah untuk membentuk dokumen atau mencatat proses-proses penyelidikan dengan cara penulisan artikel atau catatan ringkas, merekodkan keseluruhan aktiviti kajian yang dilaksanakan, membina kronologi pengumpulan dan perlaksanaan maklumat serta mencatat langkah-langkah penafsiran informasi berdasarkan pandangan dan cadangan ahli sarjana yang pakar dalam pendekatan kualitatif. Dengan melaksanakan dokumentasi jejak audit ini ia dapat meningkatkan keyakinan dan kebenaran kajian (Cutchcliffe et al., 2014).

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyelidikan yang dilaksanakan telah menggunakan tiga pendekatan dalam pengumpulan data. Tiga metod tersebut adalah metod dokumentasi, metod temu bual dan akhir sekali adalah metod pemerhatian. Sementara itu, pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data dalam penyelidikan adalah melalui metode analisis kandungan dan kaedah analisis tematik. Jelaslah bahawa pemilihan metod yang sesuai dengan kajian yang dilakukan dapat memberi impak yang positif dan besar dalam kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang diperolehi melalui kaedah yang telah ditetapkan. Pendekatan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Qiraat Berteraskan Pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Negeri Perak. Kaedah pengumpulan data dijalankan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif utama.

- i) Meninjau persediaan guru qiraat sebelum pelaksanaan kelas qiraat
- ii) Mengenalpasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru qiraat di dalam kelas.
- iii) Meneroka pendekatan pengajaran guru qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran ibn khaldun.

Ketiga-tiga objektif kajian dijelaskan menerusi pendekatan temu bual dan pemerhatian di lapangan. Analisis data yang diperolehi bukan sahaja memberikan jawapan kepada persoalan kajian, tetapi juga menawarkan gambaran yang lebih mendalam mengenai kaedah PdP asas Qiraat di SMTDR daerah Kerian dan Batang Padang. Melalui pembentangan ini, beberapa corak dan trend utama telah dikenal pasti, yang memberikan implikasi penting kepada kajian dalam bidang PdP Qiraat. Bahagian berikut akan menghuraikan hasil kajian secara terperinci berdasarkan kategori yang telah dikenalpasti.

4.2 Pembinaan Kod dan Jadual Matriks bagi Transkripsi

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian hasil daripada analisis temu bual yang dijalankan. Dapatan dikategorikan kepada tiga konstruk utama iaitu kesediaan guru, bahan bantu mengajar (BBM) dan kaedah Ibn Khaldun bagi menjelaskan aspek-aspek penting yang mempengaruhi pelaksanaan PdP asas Qiraat. Ini berdasarkan proses *coding* dan pembinaan jadual matriks di bawah:

4.2.1 *Coding* Tematik

Dalam kajian ini, analisis data temu bual dijalankan menggunakan pendekatan analisis tematik melalui proses pengekodan (*coding*) secara sistematik. Proses *coding* merupakan langkah penting dalam analisis data kualitatif yang bertujuan mengenal pasti, mengelaskan dan mentafsir makna daripada data mentah yang diperoleh daripada transkrip temu bual. Pada peringkat awal, pengkaji melaksanakan *open coding*, iaitu proses mengenal pasti unit-unit makna daripada petikan transkrip. Setiap pernyataan yang mempunyai makna signifikan akan diberikan kod tertentu berdasarkan idea utama yang terkandung dalam petikan tersebut. Sebagai contoh, pernyataan berkaitan persediaan guru sebelum PdP dikodkan sebagai “persediaan awal”, manakala pernyataan berkaitan penggunaan teknologi dikodkan sebagai “BBM digital”. Proses ini dilakukan secara berulang bagi memastikan semua data yang relevan dianalisis secara menyeluruh.

Seterusnya, kod-kod yang mempunyai persamaan makna akan dikumpulkan dalam peringkat *axial coding*. Pada tahap ini, pengkaji mengelompokkan kod-kod awal kepada kategori yang lebih besar berdasarkan hubungan dan kesamaan konsep. Sebagai contoh, kod seperti “ulangkaji”, “rujukan bahan” dan “perbincangan guru” dikelompokkan di bawah kategori “kesediaan guru”. Proses ini membantu dalam menyusun data secara lebih sistematik dan membentuk struktur analisis yang lebih jelas. Pada peringkat akhir, pengkaji melaksanakan *selective coding*, iaitu proses membentuk tema utama berdasarkan kategori yang telah dikenal pasti. Tema-tema ini mewakili dapatan utama kajian dan menjadi asas kepada perbincangan seterusnya. Dalam kajian

ini, tiga tema utama telah dikenal pasti, iaitu kesediaan guru, bahan bantu mengajar (BBM), dan kaedah Ibn Khaldun dalam PdP asas Qiraat. Secara keseluruhannya, proses *coding* ini membolehkan pengkaji menstrukturkan data kualitatif secara teratur seterusnya menghasilkan dapatan yang lebih bermakna dan berfokus. Melalui pendekatan ini, maklumat yang kompleks daripada temu bual dapat dianalisis secara mendalam bagi menjawab objektif kajian dengan lebih sistematik dan berautoriti.

4.2.2 Konstruk 1: Kesediaan Guru

Open Coding

I. Ulangkaji Sebelum Pdp
II. Rujukan Youtube / Bahan Luar / Kawan-Kawan/ Pakar
III. Perbincangan Rakan Guru
IV. Guru Perlu Kreatif
V. Bersedia Dengan Soalan Luar Jangka
VI. Guru Membahagikan Kumpulan Murid
VII. Terjemahkan Bahasa Arab Kepada Melayu
VIII. Penggunaan Digital / Penggunaan Berasaskan Teknologi
IX. Mendengarkan Bacaan Wajah-Wajah Qiraat Sebelum Pdp
X. Cakna Kepada Perubahan Semasa
XI. Merancang RPH
XII. Menghadiri Kursus
XIII. Terapkan Minat Pada Diri
XIV. Lakukan Refleksi

Axial Coding

I. Persediaan Guru Dalam Pdp Qiraat
II. Pembangunan Profesional Guru
III. Kreativiti Dan Inovasi Dalam Pdp
IV. Pelaksanaan Pdp Berkesan
V. Pembentukan Minat Dan Kesedaran Guru

4.2.3 Konstruk 2: BBM (Bahan Bantu Mengajar)

Open Coding

I. Buku Teks
II. Buku Rujukan / Nota Bahasa Melayu
III. Buku Latihan

IV. Carta
V. Penggunaan Komputer
VI. LCD / Projekter / Paparan Slide
VII. Aplikasi Quizzes / Kahoot / Canva
VIII. Qr Kod
IX. Penggunaa Audio Dan Video
X. Kertas Majong
XI. Speaker
XII. Mikrofon
XIII. Rakaman Bacaan Murid
XIV. Guru Hasilkan Sendiri Bahan
XV. Jigsaw / Puzzle / Bingo / Kad Imbas / Dam Ular / Kotak Beracun
XVI. Explorace
XVII. Pertandingan / Persembahan Bacaa Qiraat
XVIII. Hari Qiraat
XIX. Lagu Supaya Hafal Mudah Dan Seronok

Axial Coding

I. BBM Bercetak (Konvensional)
II. BBM Digital Dan Teknologi
III. BBM Multimedia Dan Audio
IV. BBM Interaktif Dan Aktiviti
V. BBM Inovatif Dan Kreatif

4.2.4 Konstruk 3: Kaedah Ibn Khaldun

Open Coding

I. Tidak Menghabiskan Topik Sekaligus
II. Pengenalan Qiraat Secara Global
III. Belajar Satu Riwayat Sebelum Riwayat Lain
IV. Mulakan Dengan Yang Mudah/Dikenali
V. Terangkan Berulang Kali Jika Tidak Faham
VI. Penggunaan Pelbagai BBM (Buku Teks, Slide, Video, QR Code)
VII. Set Induksi Dan Pengenalan Awal
VIII. Peta Konsep Dan Perbandingan Riwayat
IX. Ulang Sehingga Murid Faham
X. Ulang Pelajaran Sebelum Topik Baharu
XI. Soal Jawab Berulang
XII. Talaqqi Musyafahah
XIII. Murid Mengulang Dan Menerangkan Semula
XIV. Pengulangan Melalui Lagu
XV. Fokus Satu Tajuk Dalam Satu Masa
XVI. Kelas Tambahan Untuk Topik Tertentu

XVII. Fokus Silibus Secara Berperingkat
XVIII. Kaitkan Dengan Topik Berkaitan
XIX. Perbincangan Berkumpulan
XX. Aktiviti Kumpulan
XXI. Pembentangan
XXII. Guru Muda (Peer Teaching)
XXIII. Cipta Lagu Hafalan
XXIV. Selesaikan Dalam Satu Waktu
XXV. RPH Dirancang Dengan Teliti
XXVI. Pengajaran Padat Dan Fokus
XXVII. Tidak Terlalu Lama
XXVIII. Seimbangkan Aktiviti Dan Pengajaran
XXIX. Bacaan Tanpa Melihat Buku
XXX. Praktikal Bacaan Qiraat
XXXI. Kuiz Sebelum Kelas
XXXII. Latihan Perbandingan Riwayat
XXXIII. Bacaan Di Hadapan Kelas
XXXIV. Guru Berakhlak Baik
XXXV. Memberi Nasihat Dan Bimbingan
XXXVI. Pendekatan Lemah Lembut
XXXVII. Menjaga Hubungan Dengan Murid
XXXVIII. Memberi Ganjaran
XXXIX. Menunjukkan Cara Bacaan Yang Betul
XL. Kurang Dilaksanakan
XLI. Dalam Perancangan
XLII. Belum Khusus Untuk Qiraat

Axial Coding

I. Pembelajaran Beransur
II. Pengulangan Dan Pengukuhan
III. Fokus Dan Penyesuaian Pembelajaran
IV. Interaksi Dan Pembelajaran Sosial
V. Pengurusan Masa Dalam Pdp
VI. Pembelajaran Melalui Percubaan
VII. Pembentukan Sahsiah Melalui Tauladan
VIII. Pengalaman Pembelajaran Luar

Jadual 4. 1
Matriks 3 Konstruk

Konstruk	Kod	Petikan Data	Interpretasi
persediaan Guru	Persediaan guru dalam pdp Qiraat	<i>"persediaan saya ..arr memastikan diri sentiasa bersedia saya akan"</i>	Guru membuat persediaan ilmu

			<i>mendalami ilmu Qiraat arr melalui bacaan kajiaann arr...</i>	
	Pembangunan professional guru		<i>"kami selalunya akan buat perbincangan di antara guru"</i>	Sokongan profesional
	Kreativiti dan inovasi dalam pdp		<i>"Kita sendiri kena kreatif."</i>	Guru fleksibiliti dalam pdp
	Pelaksanaan Berkesan	PdP	<i>"kami kira divide ikut halaqah so jadi 12 12. Saya dengan ustazah sorang lagi partner supayaa arr amali Qiraat tu lebih sempurna"</i>	Pengajaran lebih berfokus dan sistematik
	Pembentukan minat dan kesedaran guru		<i>"Satu kena terapkan minatkan, kena terapkan minat supaya kita tak rasa mengajar ni satu beban"</i>	Mempengaruhi semangat dan kualiti penyampaian dalam pdp
BBM	bercetak		<i>" paling utama buku teks lah dengan buku rujukan lain."</i>	Guru memperkukuhkan kefahaman asas murid dengan bahan tradisional
	Digital dan teknologi		<i>"kalau ada aktiviti digital tu kita guna komputer, lcd, projektor"</i>	Penggunaan teknologi dalam PdP
	Multimedia dan audio		<i>"kita akan bagi audio sebab dalam buku teks ni ada scan QR code"</i>	Sokong pendengaran dan sebutan Qiraat
	Interaktif dan aktiviti		<i>"menggunakan BBM Jigsaw ataupun Puzzle"</i> <i>"kami mewujudkan hari Qiraat"</i>	Penglibatan aktif murid
	Inovatif dan kreatif		<i>"kami ada buat lagu supaya hafal tu seronok dan depa pun ingat"</i>	Kreativiti guru dalam PdP
Ibn Khaldun	Pembelajaran beransur		<i>"sebab kita tak kan habiskan sekaligus kita akan buat sikit sikit"</i>	Guru memperkukuhkan kefahaman asas murid dengan bahan tradisional
	Pengulangan pengukuhan	dan	<i>"kita akan mengulang banyak kali lah"</i>	Penggunaan teknologi dalam PdP
	Fokus penyesuaian pembelajaran	dan	<i>"kalau untuk awal awal ni memang satu tajuk lah"</i>	Guru fleksibiliti dalam pdp
	Interaksi	dan	<i>"perbincangan melalui grouping"</i>	Pengajaran lebih berfokus dan

pembelajaran sosial	lah.....	sistematik
	<i>"pandai tu boleh membimbing yang lemah tu sendiri."</i>	
Pengurusan masa dalam pdp	<i>"kita tengok pada keadaan bab tu kalau terlalu panjang ha kita tak boleh lah nak habiskan sekali gus kalau macam pendek boleh lah."</i>	Mempengaruhi semangat dan kualiti penyampaian dalam pdp
	<i>"jangan lah mengajar itu terlampau lama"</i>	
Pembelajaran melalui percubaan	<i>"saya suruh depa baca tanpa tengok buku teks tu, baca terus dengan al-Quran"</i>	Guru membuat persediaan ilmu
Pembentukan sahsiah melalui tauladan	<i>"....mempersembahkan kat diorang cara bacaan yang betul, supaya diorang tiru oh macam ni cara yang betul diorang ni"</i> <i>"kita tunjuk cara cara kita nak sampai kan ilmu tu betul betul tekunnn kan dengan penuh minat"</i>	Sokongan profesional

Jadual matriks 4.1 menunjukkan bahawa kesediaan guru dalam PdP Qiraat merangkumi aspek persediaan ilmu, pembangunan profesional, kreativiti serta pelaksanaan pengajaran yang berkesan. Guru didapati membuat persediaan awal melalui pembacaan dan kajian di samping melibatkan diri dalam perbincangan bersama rakan sejawat bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Selain itu, kreativiti guru dalam menyesuaikan kaedah PdP serta pembahagian murid kepada kumpulan kecil membantu menjadikan pembelajaran lebih tersusun dan berfokus manakala minat yang tinggi dalam diri guru turut mempengaruhi semangat serta kualiti penyampaian. Dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), guru menggunakan pelbagai bahan seperti buku teks, bahan digital, audio serta aktiviti interaktif bagi menyokong kefahaman murid sekali gus menunjukkan kepelbagaian pendekatan dalam PdP.

Seterusnya, dapatan turut memperlihatkan bahawa kaedah pendidikan Ibn Khaldun diaplikasikan melalui pembelajaran beransur-ansur, pengulangan, fokus pembelajaran, interaksi sosial, pengurusan masa, pembelajaran melalui percubaan serta pembentukan sahsiah melalui tauladan. Pendekatan ini membantu murid memahami pembelajaran secara sistematik, meningkatkan keyakinan serta menggalakkan penglibatan aktif dalam kelas. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa gabungan persediaan guru, penggunaan BBM yang pelbagai serta penerapan kaedah Ibn Khaldun telah menyumbang kepada keberkesanan PdP Qiraat. Penjelasan lanjut yang melibatkan data temu bual dan pemerhatian bagi dapatan ini diuraikan dalam bahagian berikutnya.

4.3 Persediaan Guru

Bahagian ini meliputi hasil dapatan bagi objektif pertama berkenaan dengan Meninjau persediaan guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat. Kajian ini melibatkan pendekatan temu bual dan pemerhatian bersama dengan guru Qiraat yang terpilih untuk mengkaji persediaan sebagai seorang guru yang membimbing murid dengan pendekatan yang sesuai dalam memupuk minat serta meningkatkan prestasi murid yang dibimbing. Sebagai seorang pendidik yang berjiwa cemerlang, persediaan rapi perlu dilakukan dalam memastikan penyampaian ilmu berkesan, sistematik dan berjalan dengan lancar.

Guru Qiraat di SMTDR melaksanakan perbincangan bersama-sama sebelum mengajar memandangkan mereka berkongsi murid dalam satu kelas yang sama. Selain itu, persediaan guru Qiraat SMTDR juga membuat ulang kaji sukatan dan isi kandungan matapelajaran sebelum sesi pengajaran bermula. Dapatan ini disokong dengan pemerhatian (P3, 2025) dan keterangan peserta kajian berikut:

“kami selalunya akan buat perbincangan di antara guru lah..arr..guru Qiraat ni. Contoh macam 24 tadi kan, kami tak mengajar 24 tu, kami kira divide ikut halaqah so jadi 12 12. Saya dengan ustazah sorang lagi partner supayaa arr amali Qiraat tu lebih sempurna la so kami bincang dulu bincang khilaf apa yang ada nak nak bagi depa fahamkan bincang dulu pastu tentukan sampai mana kita dah belajar. Ha hari ni sampai bab mana supaya dia synchronize lah antara saya dengan ustazah tu. Selalunya persediaan kami akan buat arr first sebab buku dalam bahasa arab so kami kena terjemahkan dulu lah terjemah tu memang sentiasa ada cuma nya nak maklum bagi budak tu faham..so ada kadang-kadang

ada perkataan yang susah..yang cikgu baru naik menengah atas kami kena terangkan lah tu rahsia pada perbincangan kami tu.

(peserta kajian 1, 2025)

“Semestinya kenal kita sebagai guru pendidik kita memang kena sedia awal walaupun kita dah tahu apa yang kita kita dah pernah belajar tapi sebelum nak buat ni kita kena tahu dah tajuk apa yang nak belajar lagi-lagi umm subjek maharat ni ditulis dalam bahasa arab, lagilah kita kena study haa so memang sangat buat persediaan awallah dan banyak rujukanlah daripada youtube..... Kita akan telaa'ah, satu mentelaa'ah, lepas tu kita rujuk balik buku yang kita belajar, pastu lagi satu kita tengok youtube aaa kita tengok youtube pengajaran daripada ustaz-ustaz yang lebih hebatlah che Azizi dia orang hebat dalam qiraatlah dalam KBT ni Sesama kami ada buat perbincangan. Seminggu sekali saya akan buat perbincangan bersama guru yang mengajar maharat tingkatan empat untuk berbincang maksud perkataan dan pemahaman antara kami. Seorang demi seorang akan menerangkan tajuk yang akan diajar pada murid untuk minggu tersebut.”

(peserta kajian 2, 2025)

“persediaan awal selalunya yang pertama memang kita tengok bab apa kita belajar lah nak belajar kepada pelajar tu dan kemudiannn kita tengok lah berdasarkan buku teks arr kemudian ada jugak buku nota yang dikhaskanlah kami dapat daripada sekolah menengah arr Kuala Lumpur ni memang semuo sekitar ni memang maharat memang kami pakai buku ni memang memudahkan pelajar lah..... Kalau dalam SMKA sendiri waktu mula dapat KBT..... diorang akan duduk dalam satu bilik mesyuarat sebelum kelas tu ramai ramai bincang dulu kemudian baru akan belajar kami pun buat sebab kami memang dua guru sebab kami di arrr SMTDR Kerian tak ramai pelajar pun tak ramai tapiii satu form akan pegang dua haa sorry satu form akan ada dua guru. Macam saya dengan hat ustazah Norafizah ann apa ni kami memang akan bincang dulu lah kadang kadang sebelum tu kadang kadang kami bincang dengan sesama guru-guru tahfiz kami semuo haa Qiraat kami bincang.”

(peserta kajian 3, 2025)

“kalau persediaan saya ..arr memastikan diri sentiasa bersedia saya akan mendalami ilmu Qiraat arr melalui bacaan kajiann arr rujukan dan perbincangan dengan guru-guru lah kan kedua mungkin saya merancang arr apa RPH kan rancangan harian tu dengan lebih rapi sebelum PdP kemudian saya jugak ada melatih diri dengan latihan membaca cuma saya tengok youtube kann kebanyakan youtube macam mana arr contoh hari ini bab imam Nafi ke imam warsh ke tengok macam mana bacaan imam Warsh.”

(peserta kajian 4, 2025)

Guru-guru Qiraat yang ditemu bual mempunyai persediaan mengajar yang sangat baik seperti menambah lagi ilmu yang sedia ada, bertanya dengan mereka yang lebih pakar dalam bidang Qiraat serta merujuk buku atau kitab Qiraat jika keliru dan tidak faham sama ada dari sudut kefahaman bacaan Qiraat, buku teks dan sebagainya. Ini berdasarkan kepada kenyataan temu bual peserta kajian berikut:

“.....waktu mula-mula dulu ada certain yang saya tak faham mungkin sebab arr bila tengok buku kitab tu balik.. sebab kadang-kadang cara dia terangkan tu an kan kita macam keliru sikit tapi bila kita refer balik, ohh betul lah ini bahkan dalam buku ni terang lagi mudah lagi ringkas dan dia macam dah jadual jadual dah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“satu, kena yang tak faham memang kena tanyalah sesama kawan kan, apa yang macam mana pastu lagi satu daripada segi bacaan kan imalah yang sebetulnya haa kita kena dengar pada yang imalah yang sebetulnya supaya kita boleh baca dengan sebetulnya di depan murid.”

(peserta kajian 2, 2025)

“ok baik kalau nak kata dengan mendalam saya rasa tak jugok lah sebab saya sendiri sekadar diploma bukan degree kita kena jumpa kawan kawan yang memang dia ada degree dan sebagainya jadi kita paham belajar dengan diorang saya masih kekal di tingkatan lima nih atas dasar pengalaman lahh arrr tapi tulah insyaAllah saya pun boleh lah Cuma tak paham saya jumpa diorang lah atau berjumpa dengan guru-guru lain.”

(peserta kajian 3, 2025)

“kami banyak rujuk kepada guru-guru SMKA Kerian arr untuk mendalami Qiraat.....erm banyak saya lebih kepada bimbingan pakar lah, bimbingan kawan dan pakar pakar tu kami lebih kepada kami berbincang atau call guru-guru Qiraat ke banyaknya ustaz lah jadi kami ambil daripada dioranglah.”

(peserta kajian 4, 2025)

Bagi peserta kajian 2 dan 3, Guru Qiraat sentiasa melakukan persediaan dengan menambah lagi pengetahuan yang ada ditambah pula dengan sistem Pendidikan Abad ke-21 yang kian berubah dari semasa ke semasa. Sentiasa cakna kepada perubahan yang berlaku dalam memenuhi keperluan generasi baharu. Hal ini berpandukan teks di bawah:

“sedialah daripada segi ilmu-ilmu tu kena tambah.....kita belajar study apa perubahan yang dia nak apa yang kementerian mahukan.....kita kena tahu kenapa dia buat perubahan.. kena tahu dan kena adapat lah.”

(Peserta kajian 2, 2025)

“bagi saya arr...apa yang saya buat saya ada cuba follow jugok yang peredaran sekarang dan ada jugok yang sayaaa buat style lama..ada kekalkan.....”

(peserta kajian 3, 2025)

Tambahan dari itu, guru Qiraat sentiasa menghadiri kursus atau latihan profesional dalam memantapkan pedagogi Qiraat yang dilaksanakan oleh badan berwajib. Ini berdasarkan kepada teks berikut:

“Bengkel ada dengan KPM, KPM ada, JAIPK pun ada. Tapi kalau JAIPK tu arr kami lah yang terangkan pada cikgu-cikgu lain, kalau KPM kami duduk sekali dengan guru-guru KPM ada nazir dengan juga BPI Bahagian Pengurusan Islam akan terangkan. Kami dua taun lepas kami kena khusus induksi KBT pedagogi daripada KPM selama empat hari tiga malam tu kami lah kena ha so kat situ dia ada cite Qiraat tahfiz buku tahriri dia sekali dengan tahfiz dan juga Qiraat pelaksanaan tahfiz, pelaksanaan Qiraat sekali.....”

(peserta kajian 1, 2025)

“kami ada disediakan juga kursus-kursus untuk pedagogi tahfiz lah itu satu..pastu yang pembelajaran..pembelajaran juga lah sesama guru-guru tahfiz SMTDR yang lain-lain kumpul untuk kita memantapkan lagi apa soalan apa benda yang kita tak faham mengenai maharat. Ada selalu buat macam baru tahun lepas di Izzudin.....itu under JAIPK.”

(peserta kajian 2, 2025)

“ada ada memang ada saban taun JAIPK dia akan adakan arr kursus Qiraat dengan guru guru JU Juru Latih utama negeri memang akan ada. Yang paling saya rasa besar terkini dua kali dah KPM sendiri yang buat di hotel kumpul guru guru negeri, cerita bagaimana perjalanan KBT dan sebagainya. Dah dua kali lah kami Jalani arr di pertama di Pulau Pangkor yang kedua di Selangor tak silap saya. Dua kali dah.”

(peserta kajian 3, 2025)

Bagi peserta kajian 4 walaupun disediakan kursus serta bengkel sebagai latihan profesional namun lebih kepada bidang al-Quran atau tahfiz sebagai keutamaan dan tidak terlalu fokus pada ilmu Qiraat. Kenyataan ini disandarkan kepada teks ini:

“ermm bengkel ada tapi tak fokus pada Qiraat sebenarnya main lebih kepada al Quran ann, bengkel Qiraat belum lagi tapi akan diadakan katanya taun nilah.....”

(peserta kajian 4, 2025)

Guru Qiraat juga menyediakan RPH iaitu rancangan pengajaran harian bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Dalam masa yang sama persediaan guru dalam melaksanakan refleksi turut dilakukan seperti soal jawab selepas kelas dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini berdasarkan temu bual keempat-empat peserta kajian dan disokong melalui pemerhatian (P1, 2025; P2, 2025):

“Daripada last arr kelas tu depa faham ke tak kita buat soal jawab lah dalam kelas ada ke yang tak faham..selalunya refleksi akan semua fahamlah. tapi ingat tak ingat tu lain cerita. Cuma faham tu.”

(Peserta Kajian 1, 2025)

“ Selalunya kenal..sebagai guru kita kenal. Hari tersebut kita nak apa yang budak dapat.....selalunya saya buat dalam refleksi siapa yang meng arr mencapai objektif ann siapa sekian sekian contohnya enam dari tujuh orang contoh yang mencapai refleksi ermm mencapai objektif pada hari tersebut contoh sorang tu kenapa tak capai arr jadi apa penambahbaikan yang kita kena buat.”

(peserta kajian 2, 2025)

“Merancang tu selalunya macam saya sendiri kadang kadang saya buat sebelum kelas lah.....kalau refleksi yang selalu dok buat macam biasalah bila kita habis arr belajo tu dalam masa sepuluh atau lima minit kita bertanya lah kepada pelajar bagaimana faham atau tidak..memang kita akan tanya macam mana.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“Saya merancang jugak.....saya akan meniliti kefahaman pelajar itu sendiri, contoh saya macam arr kebanyakan sesi soal jawab lah bila kita tanya...“ermmm saya akan lakukan refleksi lah untuk menilai arrr kelebihan dan kelemahan kaedah saya mengajar kan.....antaranya saya akan bagi latih tubi lah ataupun arr saya bagi macam ujian simple macam kita masuk kelas kita bagi satu helaian kertas ujian untuk subjek sebelum ni.....”

(peserta kajian 4, 2025)

Tahap persediaan yang mencukupi mendorong guru Qiraat lebih bermotivasi untuk mengajar. Dalam masa yang sama peserta kajian ditemu bual cuba memupuk minat mereka sebagai seorang guru Qiraat. Hal ini berdasarkan kepada teks berikut:

“Satu kena terapkan minatkan, kena terapkan minat supaya kita tak rasa mengajar ni satu beban.....kita rasa satu tanggungjawab besar untuk menjadikan mereka ini satu seorang yang baik bukannya seorang yang kita merosakkan lagi arr akhlak mereka.....Itulah yang memberi satu motivasi ataupun komited untuk mengajar mereka.”

(peserta kajian 2, 2025)

“Untuk kita sentiasa bersedia jadi kalau cerita bab ni dari segi motivasi sendiri lahhkan sebab kita dah tau kita bekerja memang sebagai seorang guru dapat tidak kita memang kena tempuh lah dan kita kena cuba.....sebenarnya saya perjalanan hidup saya ni kalau minat saya memang tak target jadi cikgu sebenarnya.....tapi rezeki saya Allah atur dekat sini ar jadi minat tu yang pertama sekali arrr kita kita dah saya pegang daripada guru saya sendiri bila kita dapat satu bende tu kita bagi balik dekat orang dapat balik dekat kita haa kan so apa yang saya ada, saya kongsi balik dengan pelajar.....saya peganglah kata kata guru

saya insyaAllah kita Kongsi akan dapat balik apa yang kita.....”.

(peserta kajian 3, 2025)

““arr saya satunya tugaslah tanggungjawab sebagai guru al-Quran dan guru KBT dan keduanya saya ermm ikhlaskan lah dalam menyampaikan ilmu pada pelajar dan saya jugak ingin melihat pelajar ini cemerlang.....”

(peserta kajian 4, 2025)

Bagi peserta kajian 1, minat dalam mengajar Qiraat sudah sebatu dalam dirinya kerana membantunya dalam mengingat kembali ilmu Qiraat ketika belajar di universiti dahulu. Perkara ini dibuktikan melalui teks berikut:

“Memang minat mengajar. Selain macam kita ulang balik kan, kadang kadang kita lupa.”

Seterusnya, guru-guru Qiraat telah menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Antaranya adalah seperti penggunaan BBM berasaskan teknologi seperti skrin digital iaitu Liquid Crystal Display (LCD), imbasan kod QR menerusi telefon, komputer riba dan pembesar suara. Kenyataan ini disandarkan kepada teks berikut dan selaras dengan hasil pemerhatian (P3 ; P4, 2025) dan diari pengkaji :

“khilaf-khilaf Qiraat yang mungkin budak tak nampak kan kita akan tunjukkan dalam bentuk ni lahh dalam laptop kita akan paparkan daripada LCD..... dalam buku teks ni ada scan QR code kita scan buku ni dia akan keluarlah suara..... selalu penggunaan komputer ni untuk buat soalan dan nota lah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“Kita kadang-kadang kita buat kita pancarkan LCD lah, menggunakan LCD, so kan ada khilaf-khilaf bacaan ada benda yang ada imamnya sendiri yang baca kita tunjukkan terus.....kita guna komputer, LCD, projektor.....”

(peserta kajian 2, 2025)

“.....penggunaan digital memang sebenarnya sangat berguna sebab dalam buku kalau Khadijah tengok arr dalam buku KPM teks disediakan QR jadi sekiranya cikgu tu tak tak berapa nak paham sangat kita akan sediakan satu speaker besor kita scan jadi diorang nampak contoh..... LCD apa semua tu lah...LCD laptop arr speaker apa semua lah.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“ada juga saya menggunakan ya contoh macam arr pelajaran berasaskan teknologi arr saya akan tunjukkan pada diorang melalui projector..... buku teks tu ada

scan Qr kan jadi bila arr saya scan dia akan dengar audio.....”

(peserta kajian 4, 2025)

Selain itu BBM digital dan interaktif juga digunakan seperti aplikasi Quizizz, Kahoot, Youtube dan video turut digunakan peserta kajian 4. Ini boleh dilihat berdasarkan kepada dapatan pemerhatian, diari pengkaji dan keterangan teks berikut:

“papar kuiz dekat projecter kan melalui Quizizz ke atau Kahoot arr, Kahoot kita kena create sendiri selalunya banyak pakai Quizizz lah..... dan video qori ke kan diorang ada pertandingan qori tu ke arr video-video tentang pengertian tajwid. Khususnya makhraj sifat.....kita pasang Youtube dengar qori baca”

(peserta kajian 4, 2025)

Peserta kajian 1 menggunakan video sebagai BBM digital manakala dam ular dan kotak beracun sebagai BBM interaktif. Peserta kajian 1 telah menggunakan aplikasi Quizizz yang berbentuk permainan atas talian. Huraian ini berdasarkan kenyataan di bawah:

“saya tunjuk video kawan kawan saya tasmi’ Qiraat tasmi’ ,talaqqi Qiraat.....kita ada macam Quizizz, kuiz-kuiz yang ada dalam apa game game online tu ann..... depa dah habis satu bab contohnya tengok depa ok ke faham ke tak..ajak buat kuiz.”

“.....kalau BBM saya memang guna PBL arr problem based learning, sebabnya arr ni memang kita mengajar untuk mereka contoh nya saya bagiii kita buat game arr jadi kat situ kita cam dekat, buat dam ular, kita buat kotak beracun dekat situ mereka contoh bacaan imam ni apa yang maksud ta’rif sekian, apa ta’rif sekian. Jadi bermain-main centulah haa, nak tak nak mereka kena berani untuk bercakap dan mereka untuk Bersiap sedia.....”

(peserta kajian 1, 2025)

Bagi peserta kajian 2 hanya menggunakan aplikasi Quizizz sebagai BBM digital. Manakala BBM yang interaktif melibatkan beberapa permainan seperti jigsaw atau puzzle dan papan bingo. Ini boleh dilihat kepada keterangan temu bual berikut:

“pembentangan ann, kita gunakan kertas kajang, kertas majong kertas kajang pulak, kertas majung, kadang-kadang tu aa kalau ada aktiviti digital tu kita guna komputer, lcd, projektor kan ermmm kalau saya tak adalah BBM yang special sangat tu tak ada,.....Apa panggil tu Quizizz, Quizizz kita search je.”

“.....contoh BBM yang ni arr kita boleh gunakan arr Jigsaw atau puzzle ok contoh kita dah bahagikan setiap murid ni kepada beberapa Kumpulan jadi dengan menggunakan BBM Jigsaw ataupun Puzzle tadi kita boleh arahkan kepada setiap Kumpulan untuk bincang bagi menyelesaikan arr soalan yang daripada Jigsaw yang kita bagi tadi”

“saya terapkan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat contohnya penggunaan Bingo.....”

(peserta kajian 2, 2025)

Manakala peserta kajian 3 mengaplikasikan alat permainan seperti kad imbas, penggunaan cermin sebagai alat bantu melihat pergerakan mulut ketika menyebut sesuatu huruf. Peserta kajian 3 mengakui kurang menggunakan BBM digital sebaliknya lebih kepada kaedah tradisonal iaitu pendekatan *talaqqī musyāfahah* dalam bacaan Qiraat. Ini disokong menerusi dapatan pemerhatian dan temu bual di bawah:

“..... saya juga menggunakan BBM yang ringkas dan cepat seperti kad imbas.....”

“Antara BBM..... ialah penggunaan cermin untuk melihat pergerakan mulut dan lidah semasa menyebut huruf,.....”

“saya ada cuba follow jugok yang peredaran sekarang dan ada jugok yang saya buat style lama ada kekalkan.....sepanjang saya arr pegang arr lapan taun arr bila bab tingkatan satu dua tiga tu saya yakin boleh lagi menggunakan kuiz ataupun ada disebut abad ke-21.....tapi bila saya berada di tingkatan 4 dan tingkatan 5saya nampak Qiraat ni dia tidak boleh guna cara seolah olah, bukan saya kata tak boleh, kalau bab macam manhaj bacaan ha kita nak ketahui cara bacaan boleh tapi untuk dia punya wajah wajah Qiraat tidak dapat tidak memang kena baca ja.....”

Peserta kajian 4 pula menggunakan BBM digital berbentuk visual seperti aplikasi Canva dalam menghasilkan slaid pembentangan dan sebagainya namun bergantung pada masa yang ada. Perkara ini berdasarkan temu bual di bawah:

“selalunya saya akan buat canva lah, arr melalui canva cam slide show lah. Haa kalau rajinlah kan..atau sempat nak cari tu.....”

Seterusnya BBM audio seperti lagu dan rakaman suara bacaan Qiraat oleh imam-imam Qiraat antara BBM yang diterapkan guru Qiraat ketika pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong menerusi dapatan pemerhatian dan temu bual peserta kajian di bawah:

“kita akan bagi audio sebab dalam buku teks ni ada scan QR code kita scan buku ni dia akan keluarlah suara dari KPM bekalkan..... kita nak wujudkan suasana yang lebih menarik depa menghafal Qiraat ni diorang ada buat lagu.....”

(peserta kajian 1, 2025)

“.....pastu kita bukak imam yang sedap ngaji.....,so takrif tu kalau panjang kan so kita menjadikan sesuatu tu lagu terus.....”

(peserta kajian 2, 2025)

“buku KPM teks disediakan Qr..... diorang tak dapat Gambaran kita bukak ha menggunakan audio scan ja keluarr suara....., secara sepakat kami ada buat satu buku lagu untuk pelajar mudah hafal arr bab bab Qiraat.”

(peserta kajian 3, 2025)

“buku teks tu ada scan Qr kan jadi bila arr saya scan dia akan dengar audio daripada Qori....., kitorang baru reka taun lepas lagu ann..bukan kami yang reka tapi kami suruh budak sendiri tu buat..sebab diorang untuk remaja umur remaja macam ni lah diorang suka lagu.....jadi diorang hafal melalui lagu lah.”

(peserta kajian 4, 2025)

Di samping itu, BBM cetakan iaitu buku teks, buku rujukan tambahan dan nota antara BBM utama yang digunakan oleh kesemua peserta kajian. Dapatan ini disokong melalui pemerhatian (P3, 2025 ; P4, 2025) dan keterangan temu bual berikut yang mengukuhkan pernyataan ini:

“kita ada buku rujukan bahasa melayu, buku latihan sebab nak aplikasikan teknik menjawab dengan betul.....buat soalan dan nota lah. Nota untuk bagi anak-anak murid. Ha nota tu juga pun BBM tu..bagi depa nota ringkas. Ada yang kami buat sendiri ada yang telah dibekalkan oleh JU..... sebab kita asyik selalu guna buku teks itu pun kadang-kadang tepu gak lah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“buku teks aje lah..... jadual tu saya buat sendiri.”

(peserta kajian 2, 2025)

“buku teks saya kata tadi buku nota ni pun sama jugak lah ha kan BBM waktu mengajar.....buku latihan SMKAKL pun kami ada dan kami mewajibkan kan pelajar tu buku latihan tu khusus daripada tingkatan 4 dan tingkatan 5.

(peserta kajian 3, 2025)

“buku teks lah.. dengan buku rujukan lain”

(peserta kajian 4, 2025)

Sebagai tambahan persediaan yang dilakukan peserta kajian 1 ialah membaca Qiraat tertentu untuk diperdengarkan kepada murid sebelum pengajaran dan pembelajaran. Ini berdasarkan kenyataan peserta kajian 1 berikut:

“saya nak mengimarahkan Qiraat tu bagi depa sentiasa tahu antara persediaan saya bila saya jadi imam saya bawa Qiraat lah waktu saya jadi warden isya maghrib. So bila saya nak solat saya bagitahu imam apa saya nak baca so cam contoh macam besok ada kelas Qiraat, contohnya Ibnu Kathir malam tu saya try baca lu, besok depa dah tahu dahh ohh imam Ibnu Kathir banyak silah mim jama.”

Sebagai rumusan, guru Qiraat melakukan persediaan dengan melakukan perbincangan, mengulangkaji, membuat rujukan kepada mereka yang lebih arif, menghadiri kursus yang disediakan, bersedia menerima perubahan dalam sistem pendidikan abad ke-21 dan mengaplikasikan BBM yang bersesuaian dengan mata pelajaran Qiraat. Tuntasnya, Peserta kajian menunjukkan komitmen yang tinggi, minat dan bertanggungjawab dalam membimbing pelajar dalam kapasiti mereka sebagai guru Qiraat. Ringkasan dapatan kajian persediaan guru Qiraat dan pandangan pelajar boleh dilihat pada jadual 4.1 dan 4.2 di bawah.

Jadual 4. 2
Ringkasan Dapatan Kajian Persediaan Guru

Bil	Persediaan Guru	Peserta Kajian
1	Ulangkaji	4
2	RPH	4
3	Perbincangan	4
4	Rujukan Kitab	4
5	Rujukan Buku	4
6	Rujukan Youtube	4
7	Rujuk Nota Tambahan	4
8	BBM Digital	4
9	Refleksi Selepas Pdp	4

10	Minat	4
11	Komitmen	4
12	Kursus & Bengkel	3
13	Aplikasi Quizziz	3
14	Aplikasi Canva	3
15	Aplikasi Kahoot	3
16	Permainan Interaktif	3
17	BBM Audio	4
18	BBM Bercetak	4

Jadual di atas menunjukkan jumlah penggunaan dan bentuk persediaan guru Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) berdasarkan pelbagai aspek. Dapatan ini memberi gambaran bahawa majoriti guru telah menjalankan persediaan yang menyeluruh sebelum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu Qiraat. Dapatan kajian menunjukkan guru Qiraat di SMTDR melakukan persediaan awal dengan melakukan ulang kaji awal, perbincangan bersama guru dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebelum memulakan sesi PdP. Selain itu, penggunaan BBM digital, BBM bercetak dan BBM audio juga menunjukkan tahap yang sangat tinggi apabila kesemua peserta kajian menggunakan bahan tersebut dalam PdP.

Guru juga menunjukkan tahap minat dan komitmen profesional yang sangat tinggi serta mengamalkan refleksi selepas PdP yang dilaksanakan oleh semua peserta kajian. Ini mencerminkan pendekatan pengajaran berasaskan penilaian sendiri untuk penambahbaikan berterusan. Namun begitu, penyertaan guru dalam kursus dan bengkel termasuk platform interaktif seperti Quizziz, Canva, Kahoot dan permainan hanya melibatkan tiga orang sahaja. Walaupun ini merupakan angka yang baik, ia juga menunjukkan masih ada ruang yang perlu ditambahbaik dalam aspek pembangunan profesional berterusan. Kelemahan dalam pembangunan profesional berterusan boleh memberi kesan kepada keterampilan guru-guru dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan.

Akhir sekali hanya seorang guru sahaja yang mempraktikkan bacaan Qiraat sebagai imam dalam konteks pembelajaran di sekolah. Amalan ini meskipun tidak wajib namun mampu memberi impak besar kepada motivasi, budaya dan peniruan murid melalui pendekatan model tauladan (muakabah). Rumusannya, data menunjukkan tahap

pelaksanaan yang sangat memberangsangkan dalam aspek persediaan, pelaksanaan PdP serta komitmen guru terhadap pengajaran Qiraat. Walau bagaimanapun terdapat keperluan meningkatkan penglibatan guru dalam latihan profesional dan amalan Qiraat dalam konteks sebenar agar keseluruhan proses pembelajaran menjadi lebih holistik dan bermakna.

Jadual 4. 3

Pandangan Pelajar Berkenaan Persediaan Guru

Informan (Pelajar)	Pandangan Pelajar
Informan 1	<i>"Guru dapat terus menjawab apa apa kemusykilan dan soalan yang kami tanya. Mereka jugak mahir dalam menterjemahkan bahasa Arab. "Guru akan mengulangkaji dan menterjemahkan dahulu semua bahasa Arab kepada bahasa Melayu agar mudah untuk menerangkan ketika mengajar."</i>
Informan 2	<i>"Guru akan meneliti setiap wajah dengan baik dan pandangan torik yang berbeza pada setiap imam Qiraat." "Menerangkan kepada murid dengan jelas menggunakan bahan sedia ada sahaja."</i>
Informan 3	<i>"Beliau mengajar anak-anak muridnya dengan lancar dan dapat difahami oleh kami." "Beliau akan menyediakan latihan kepada kami sebelum kelas bermula, latihan itu kami akan buat setelah selesainya kelas." "Beliau akan terangkan kepada kami satu persatu kemudian beliau akan memberi tugas kepada kami untuk membuat latihan yang ada di dalam buku teks yang berkaitan dengan subtopik pada hari tersebut, selain itu juga beliau ada mengajar kami cara untuk membuat nota Qiraat, hal ini dapat menjadikan kami lebih faham dan mudah hafal Qiraat."</i>
Informan 4	<i>"Membaca dan mengkaji topik yang bakal diajar, menyemak cara bacaan imam Qiraat terdahulu sebelum memperdengarkan bacaan Qiraat kepada murid." "Dari perkataan yang tidak difahami ,guru akan memastikan dan memudahkan bagi murid untuk memahami perkataan tersebut."</i>
Informan 5	<i>"Guru berada Dalam keadaan yang cukup bersedia dengan bahan bantu mengajar yang cukup membantu." "Guru menggunakan interaksi dalam bahasa Melayu sekiranya kami tidak faham konteks yang disampaikan dalam bahasa Arab."</i>
Informan 6	<i>"Ustaz saya mampu untuk menunjukkan contoh yang terbaik yang beliau boleh berikan sehingga kami faham."</i>

Informan 7	<i>"Persediaan guru agak baik dengan slide pembentangan."</i> <i>"Semangat dalam menyampaikan syarahan."</i>
Informan 8	<i>"Mampu membuatkan pelajar yang pertama kali belajar ilmu qiraat dapat memahaminya."</i> <i>"Beri soalan dan latihan tentang apa yang dipelajari minggu sebelumnya."</i>

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Qiraat memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Murid memberikan maklum balas positif terhadap tahap persediaan guru yang dianggap memadai dan membantu dalam memahami kandungan ilmu Qiraat yang bersifat teknikal serta mendalam. Guru Qiraat telah melaksanakan persediaan awal sebelum sesi pengajaran dengan membaca, mengkaji topik serta menyemak semula cara bacaan imam-imam. Selain itu, beberapa murid turut menyatakan bahawa guru mereka mahir dalam menyampaikan maklumat secara jelas, mampu memberikan penerangan satu persatu serta menyediakan tugas dalam memperkukuhkan pemahaman murid. Guru juga dilaporkan menjalankan interaksi yang aktif termasuk bertanya soalan bagi menilai kefahaman serta melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran secara langsung. Kesediaan guru dilihat bukan sahaja pada aspek penyampaian kandungan tetapi turut merangkumi aspek pedagogi, kepekaan terhadap keperluan pelajar serta penggunaan bahan bantu mengajar yang relevan.

4.3.1 Minat Dan Prestasi Pelajar

Minat dan prestasi adalah dua elemen penting dalam memastikan keberkesanan proses pembelajaran. Minat yang mendalam terhadap sesuatu subjek dapat mendorong murid untuk lebih bersemangat dalam pembelajaran sekali gus dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Oleh itu, pendekatan guru perlu diterapkan dengan pelbagai teknik yang sesuai bagi meningkatkan minat serta prestasi menerusi penggunaan BBM yang interaktif, strategi pengajaran yang inovatif serta bimbingan yang berterusan. Dengan daya usaha yang baik dan sistematik dari guru, bukan sahaja minat dapat dipupuk bahkan prestasi murid dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Qiraat menggunakan kaedah bercerita sebagai salah satu cara meningkatkan minat murid berkaitan dengan asas ilmu

Qiraat. Dapatan ini disokong oleh pemerhatian, diari pengkaji dan diperkukuhkan melalui data temu bual berikut:

“arr kita saya belajar di shoubra dulu kan fenomena dia lain la senario ya lain dengan Malaysia. Malaysia tak de pun orang nak perkenalkan Qiraat ni kan so bila saya cerita dekat anak murid saya ada masjid banyak baca Qiraat kan pastu syeikh-syeikh pun ramai arr tunggu kita ini nak talaqqi kat Malaysia ni kurang bila saya tunjuk video kawan kawan saya tasmi’ Qiraat, tasmi’ talaqqi Qiraat, dekat situ depa macam minat..... .bila saya cerita dekat student saya saya, satu rumah dengan Furqan Fawwaz..dia tasmi’ bukan macam kita, bukan macam saya, dia tasmi’ jama’ dia tak tengok al-Quran..saya cite kat budok.....so saya rasa bila kita tunjukkan depa nampak gambaran bagaimana.”

(peserta kajian 1, 2025)

“satu kena kaitkan dengan Quranlah. Kamu belajar ni, itulah dalam Quran ilmu yang paling tinggi, sebab ilmu berkenaan dengan al-Quran. Itu lah yang saya cuba nak pupuk pada diri murid macam mana depa nak kena berminat ni ilmu paling tinggi ni ilmu Quran Quran adalah kitab paling tinggi. berceramah sedikitlah.”

(peserta kajian 2, 2025)

“Kalau saya macam tu lah cerita kan sesuatu atau menunjukkan keindahan Qiraat tu, keunikan Qiraat kenapa belajar Qiraat.”

(peserta kajian 4, 2025)

Bagi meningkatkan minat dan penguasaan murid asas ilmu Qiraat, pendekatan tradisional seperti *talaqqī musyāfahah* sangat penting dalam membantu pelajar menguasai bacaan Qiraat. Berdasarkan peserta kajian 1, kaedah yang digunakan ialah memperbanyakkan bacaan al-Quran Qiraat secara *talaqqī* apabila selesai mempelajari manhaj-manhaj imam-imam Qiraat. Cara ini turut menarik pelajar dalam mendalami ilmu Qiraat. Sokongan pemerhatian, diari pengkaji dan teks temu bual menyokong kenyataan ini:

“talaqqi lah..maksudnya baca sorang-sorang tu kita akan tegur.....”

Seperti yang dinyatakan peserta kajian 1, amalan kaedah *talaqqī musyāfahah* dalam mempraktikkan bacaan Qiraat murid sebagai pendekatan utama yang dapat membantu penguasaan bacaan Qiraat pelajar di sekolah. Kaedah ini turut digunakan oleh peserta kajian lain, ini berdasarkan:

“kalau Qiraat arr..apa yang saya buat.. kan kita mengaji sebab mereka dengar kan kelainan..so tertariklah mereka.....”

(peserta kajian 2, 2025)

“kaedah-kaedah talaqqi tu lah ha. Tradisional lah.....saya tidak dapat tidak saya memang guna kaedah tu dan Alhamdulillah saban taun cikgu cikgu yang sampai bertanya dengan saya, “hei Hanif hang guno caru apo? tak dok eh tak guna cara apa memang baca macam tu je.”

(peserta kajian 3, 2025)

“.....paling berkesan bagi saya arrr talaqqi dan musyafahah tu kot.....minat dan mendalami, minat yang berkesan untuk diorang tu arr talaqqi lah kita panggil seorang seorang.”

(peserta kajian 4, 2025)

Menghidupkan suasana Qiraat di sekolah penting dalam mempengaruhi pelajar sentiasa bermotivasi dalam mempelajari ilmu Qiraat. Menurut peserta kajian 1 membaca Qiraat ketika mengimamkan solat di surau sekolah. Bagi peserta kajian 3, minat murid dipengaruhi oleh suasana Qiraat yang wujud di sekolah. Murid tahap rendah akan lebih meminati Qiraat apabila melihat pelajar tingkatan tinggi mempelajari ilmu Qiraat. Murid yang teruja dengan ilmu Qiraat akan meminta guru Qiraat bercerita dan berkongsi tentang ilmu tersebut.

“Saya nak mengimarahkan Qiraat tu bagi depa sentiasa tahu antara persediaan saya bila saya jadi imam saya bawa Qiraat lah, waktu saya jadi warden..... bila saya nak solat saya bagitahu imam apa saya nak baca so cam contoh macam besok ada kelas Qiraat contohnya Ibnu Kathir malam tu saya try baca lu besok depa dah tahu dah ohh imam Ibnu Kathir banyak silah mim jama..... ada positive dia sebab mereka akan datang ustaz boleh tak saya nak baca awal Baqarah ni dengan riwayat Hamzah pulak. So depa minat sebenarnya.....”

(peserta kajian 1, 2025)

“Dari segi minat belajar ni arr pengalaman saya lah saya tengok arr dia pengaruhi minat pelajar apabila diorang arr sampai depa tengok kakak kakak tingkatan 4 tingkatan 5 belajar Qiraat.....kakak kakak ni study baca tu bunyi lain lain ha jadi diorang ni nampak sampai kan tahap guru guru yang di tingkatan satu dua tiga pun diorang mintak ustaz.....kongsi lah sikit Qiraat jadi macam saya kadang kadang saya kongsi lah waktu kelas tasmik tu arr kelas tasmik kami bukan nye pelajar yang sama macam saya sekarang ni saya pegang hafazan al-Quran tingkatan 4 tapi Qiraat tingkatan limo ha jadi dalam ada masa tu saya seling menarik minat pelajar Kongsi lah waktu kelas tasmik.....”

(peserta kajian 3, 2025)

Begitu juga dengan kenyataan peserta kajian 2 bahawa bacaan wajah yang pelbagai dan berbeza-beza menarik minat murid untuk lebih mendalam mempelajari ilmu Qiraat. Ini membuktikan bahawa menunjukkan bacaan Qiraat kepada pelajar dapat merangsang minat murid untuk mendalami ilmu tersebut seperti yang telah dilakukan peserta kajian 1 dan 3. Hal demikian boleh dilihat menerusi temu bual berikut:

“kan kita mengaji sebab mereka dengar kan kelainan so tertariklah mereka tertarik arr yuuminu ek napa jadi ibdal ni haa dia menjadi centu wajah wajah khilaf khilaf tu haa lain-lain tu mereka tertarik kita banyak kat situ.”

Seterusnya, lagu merupakan aktiviti utama yang dilakukan oleh peserta kajian ketika di bilik darjah. Lagu dapat mencipta suasana bilik darjah. Hal ini selaras dengan data pemerhatian dan temu bual peserta kajian 1:

“kita nak wujudkan suasana yang lebih menarik depa menghafal Qiraat ni diorang ada buat lagu..so kami ada buat lagu supaya hafal tu seronok dan depa pun ingat.”

Selain itu, lagu juga membantu murid yang lemah mengingat wajah Qiraat. Hal ini dibuktikan berdasarkan kenyataan berikut:

“Saya ada murid yang memang dia lemahlah..... tapi dia suka berlagu ha itu kata lagu. Lagu tu memang daripada situ tiba-tiba dia boleh form five ni arr masa form four memang result dia teruklah pastu bila form five ni dia dah start berlagu tu, bila kita buat ujian.....nampak dia banyak perubahan lepas lagu.”

(peserta kajian 2, 2025)

Lagu turut menarik minat murid dalam mempelajari ilmu Qiraat. Guru mengambil inisiatif menyediakan buku-buku lagu Qiraat. Ini berdasarkan kepada pemerhatian (P3,2025), diari pengkaji dan data temu bual berikut:

“kami wujudkan buku lagu tu memang nampak diorang sangat berminat lah, bukan lah belajar Qiraat diorang tak minat tapi berkesan minat tu buku lagu.”

(peserta kajian 3, 2025)

“kitorang baru reka taun lepas lagu ann..bukan kami yang reka tapi kami suruh budak sendiri tu buat sebab diorang untuk remaja umur remaja macam ni lah diorang suka lagu lagu kan.....”

(peserta kajian 4, 2025)

Kelas tambahan diadakan mengikut waktu terluang dalam meningkatkan prestasi pelajar. Ini dapat dirujuk berdasarkan keterangan di bawah:

“contohnya macam SPM kan bila masa SPM insyaAllah kita akan habiskan silibus awal. Walaupun habis silibus awal, dia masih lagi tak cukup sebenarnya so maksudnya kena ada penambahan kelas tambahan sebenarnya.....”

(peserta kajian 1, 2025)

“satu memang kita banyak buat kelas tambahan, kita buat kelas tambahan supaya murid pun banyak masa untuk fokus pada maharat.”

(peserta kajian 2, 2025)

“tuisyen selalunya hari minggu sabtu ahad tapi bukan lah tiap tiap minggu akan ada minggu pertama minggu ketiga macam tu lah untuk Qiraat..... jadi kita akan isilah kami isi kami nak hari apa.....”

(peserta kajian 3, 2025)

Menurut keempat-empat peserta kajian, aktiviti luar bilik darjah yang dilaksanakan adalah eksplorasi di sekolah. Salah satu aktiviti yang berpusatkan pelajar. Hal ini bertepatan dengan pernyataan berikut:

“Kita di sekolah ni ermm ada, orang kata apa panitia hifz dan Qiraatkan memang membuat pernah membuat exploracelah bulan tahun lepas akhir tahun explorace berkenaan dengan Qiraat dan tanya tentang Qiraat berpusatkan muridlah. Contohnya buat game, selesaikan Qiraat.”

(peserta kajian 2, 2025)

“explorace, Quizess, setakat ni tu je lah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“arr tu lah seingat saya sembilan taun saya kat sini dan saya mengajar lebih kurang tujuh taun saya rasa aktiviti yang paling gempak yang kami buat luar kelas tu explorace lah..... waktu saya memegang tingkatan 1 2 3 dulu lah bab bab mad contohnya mad asli..... boleh jawab dia pergi cek point seterusnya..... ada boleh buat sebab nya tapi sebabnya lebih kepada Qiraat tapi sebelum Qiraat dia akan contoh tingkatan 4 dia ada sifat huruf makhraj huruf macam ini dia waqof, bab waqof dulu kemudian baru kita akan jumpa Qiraat dan last sekali Resm Uthmani ha macam bab bab tu saya rasa boleh lah buat dari segi bacaan boleh jugak tapi saya rasa...macam bacaan ni saya rasa dia kena bagi habis dulu betul betul habis budak memang tamam baru kitab oleh buat explorace.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“explorace ada jugak.”

(peserta kajian 4, 2025)

Selain itu, peserta kajian 1 juga mengadakan sesi soal jawab di luar bilik darjah apabila bertemu dengan murid di sekitar kawasan sekolah dan selalu melakukan latihan seperti mempraktikkan teknik menjawab yang betul dalam peperiksaan dapat meningkatkan prestasi murid.

“.....luar kelas lah kan, saya akan bila contoh pergi makan saya akan selalu ..saya akan suka jalan kat bawah nanti akan terserempak dengan pelajar saya, waktu tu on the sport saya akan random tanya soalan. Kira kat situ proses pengulangan lah aa saya dah cakap dah nanti kalau jumpa dengan ustaz, tambah-tambah student SPM lah kalau kita terjumpa.....siap sedia ustaz akan tanya apa-apa tajuk pun maharat Qiraat ni.”
“.....bila depa dah tahu manhaj imam tu kena baca selalu dalam kelas lepas tu kena buat latihan lah aktiviti latihan.....teknik menjawab tu kena betul so kena terapkan teknik menjawab..... kalau depa faham pandai sekalipun, baca imam pun ok, tapi bila jawab..... jawab betul tapi teknik salah kira salah.”

Guru juga menghantar murid dalam pertandingan bacaan Qiraat di peringkat JAIPK. Murid turut mempersembahkan alunan bacaan Qiraat ketika program-program sekolah berlangsung. Bacaan al-Quran secara Qiraat ketika diadakan program sekolah juga dinyatakan peserta kajian 1, 3 dan 4. kenyataan berikut adalah seperti berikut:

“.....pastu Pertandingan ada peringkat JAIPk, Qiraat ada masuk jugak yang berkebolehan untuk di pasarkan kita akan hantar lah.”
“.....program sekolah contoh program sekolah Ihya Ramadan ke kan..pastu Nuzul Quran adalah buat persembahan bacaan imam ni imam tu.”

(peserta kajian 1, 2025)

“selitkan jugok dengan kalau contoh persembahan persembahan hari anugerah atau event yang besar kita dah jarang dah buat nasyid selalunya kita dikenali dengan persembahan nasyid kan haa kami buat dengan persembahan tilawah dengan membaca Qiraat..... mak ayah pun nampak macam uish hebat lah orang kata. Tapi saya rasa peringkat negeri macam maulidur rasul JAIPk sekarang dah guna dah macam ni”

(peserta kajian 3, 2025)

“pernah kami buat untuk mereka arr bukan macam pertandingan dia cam kita memaparkan diorang untuk baca contoh ann ada hari-hari cam hari anugerah kecemerlangan ke kita akan tarik budak kita untuk baca Qiraat persembahkan.....sebab nasyid dah selalu buat ann jadi kita bila ada majlis tersebut kita akan jemput orang

daripada jabatan, pegawai-pegawai tinggi Jabatan Agama Islam Perak, jadi kita memaparkan bacaan Qiraat ...pelbagai bacaan Qiraat lah."

(peserta kajian 4, 2025)

Selain itu juga, peserta kajian 3 dan 4 menyatakan bahawa sekolah SMTDR daerah Kerian mewujudkan hari Qiraat atau dikenali sebagai Citra Qiraat. Kebiasaannya ruang pameran didirikan di dalam surau sekolah. Hari Qiraat diisi dengan pelbagai aktiviti seperti *game*, kuiz dan sebagainya. Aktiviti ini dapat menarik minat serta memperkenalkan Qiraat dengan lebih mendalam kepada semua murid tahap rendah dan menengah termasuklah guru-guru yang bukan dalam bidang Qiraat. Dapatan ini disokong menerusi analisis dokumen berbentuk visual dan berdasarkan keterangan berikut:

"arr antara yang saya cakp tadi tu lah sekolah kami mewujudkan hari Qiraat lah ha hari Qiraat tu kami wujudkan sehari memang diorang akan pergi ke booth ke booth untuk karnival Qiraat lah arr kita akan sediakan pertandingan kemudian diorang akan dapat hadiah sebagai nya haa.."

(peserta kajian 3, 2025)

"kami baru buat taun lepas kiraa yang pertama lah arr hari citra Qiraat namanya. Jadi kami akan arr bagi setiap group tiga orang tu bagi imam setiap group tuu jadi ada tujuh group tujuh imam yang dipelajari dalam buku teks tu.diorang akan mendalami imam tu lahh kemudian diorang akan buat persembahan arrr tak kisah persembahan melalui apa pun. Jadi kebanyakan diorang pameran buat banner ataupun diorang akan buat quizzes kita yang datang ni murid dan cikgu sekali lah datang kat Kumpulan tu kita akan jawab quizzes dekat laptop ke dia yang buat haaa so ermm setiap Kumpulan tu dia akan terangkan secara ringkas imam dia dan ada soalan yang diorang bekalkan dan ada hadiah yang diorang bagi haa.."

(peserta kajian 4, 2025)

Dalam meningkatkan penguasaan murid khususnya murid yang kurang berminat atau berada pada tahap yang lemah, guru-guru Qiraat memberi tumpuan lebih kepada murid yang masih memerlukan bimbingan berbanding murid yang cemerlang dalam pembelajaran Qiraat. Menurut dapatan yang diperolehi, peserta kajian 1 telah menerapkan kaedah seperti menggalakkan murid untuk mengulang sebanyak mungkin, melagukan untuk memudahkan murid ketika mengulang, mengemukakan lebih banyak persoalan kepada murid yang lemah, murid yang lemah diberikan lebih banyak peluang untuk membaca al-Quran secara Qiraat di bilik darjah dan guru Qiraat menyediakan

nota khas bagi membantu murid meningkatkan kefahaman mereka dengan lebih berkesan. Namun nota tersebut bagi murid yang lemah masih sukar untuk dikuasai. Hal demikian disokong dengan data pemerhatian, diari pengkaji dan teks temu bual di bawah:

“saya selalu suruh depa mengulang je, ngulang je dan kalau depa susah nak ngulang saya suruh depa buat lagu. Lagu ni dalam bab, bab biodata ke, bab manhaj imam ke.”
“kalau budak yang agak perlahan ni saya akan tanya lebih lamalah sebab nak tahu depa tak faham tak hafal tang mana..... pastu kita ada buat amalikan sebab Qiraat kena baca so kita bagi lebih sikit baca ayat aa yang excellence ni kita bagi sikit je yang yang lemah ni kita bagi 4 ke 5 ayat lah. Bagi depa Nampak betul-betul.”
“kami akan buat nota dari kami, bila depa dapat nota dari kami “ustaz yang ni baru kami faham ustaz”..... tapi dapat dekat budak yang lemah tu depa sebab depa susah nak hafal yang banyak banyak..... banyak khilaf atas atas atas bawah depa pening walaupun kita dah asingkan mungkin kami pun tak berapa buat inovasi sangat kan kami buat tara tu je mungkin kami cuba provide lagi lah.”

Bagi peserta kajian 2 pula, guru Qiraat melaksanakan kuiz dan pembentangan berkumpulan di bilik darjah dalam menarik minat murid serta menilai kefahaman mereka. Dalam pada itu, murid yang cemerlang dapat membimbing yang lemah ketika aktiviti berkumpulan. Ini selaras dengan dapatan pemerhatian dan temu bual berikut:

“kuiz lah selalunya kita akan buat kuiz arr.....”
“kebanyakannya macam saya banyak kita kita suruh mereka sendiri yang menerangkan balik ermm kita bagi contoh, contoh satu imam so apa yang mereka boleh describe imam itu bukan describe maksudnya apa yang mereka faham manhaj mereka dan bezakan manhaj satu iman dengan imam yang lain pembentangan.”
“contoh kalau aktiviti berkumpulan ni kebanyakannya pembentanganlah. Pembentangan. kita campur dengan yang tak lemah sekali supaya masing-masing dalam masa yang sama yang pandai tu boleh membimbing yang lemah tu sendiri.”

(peserta kajian 2, 2025)

Bagi peserta kajian 3 adalah memanggil murid yang lemah untuk sesi bimbingan dan menerapkan kaedah guru muda, di mana murid yang lebih mahir dalam bidang Qiraat membimbing rakan yang kurang kefahaman dengan pantauan guru-guru Qiraat. Ini selaras dengan pemerhatian (P4, 2025 ; P3, 2025) dan petikan berikut:

“ok kalau lemah dan cemerlang pertama satu kenal pasti kan..... kita dah kenal pasti dan kita akan panggil dia ha kamu mai jumpa ustaz ok dan kemudia macam saya sendiri saya akan gunakan kaedah guru muda. Guru muda ni saya kenal pasti pelajar yang mahir.....so akan ada mentor lah arr mentor ni ada tiga orang satu group haa duduk di bawah mentor dan kemudian arr malam ke waktu lapang saya akan bagi kepada guru muda ni dan diorang akan mengajar kawan kawan

diorang.....sebab diorang kadang kadang bila dengan kawan dia lain taw. Haa bila diorang share share kawan diorang akan cakap "oh macam tuu"....."

Manakala kaedah peserta kajian 4 adalah seperti dengan memberi bimbingan secara personal. Guru Qiraat juga mengaplikasikan kaedah *repetitive learning*, kuiz dan latihan berkumpulan. Tambahan dari itu, murid yang lemah diberi peluang untuk menjawab persoalan atau pembentangan di dalam kelas bagi menilai tahap kefahaman mereka. Ini berdasarkan penjelasan temu bual dan pemerhatian (P4, 2025) dapatan berikut:

"Face to face tu urmm ada jugak kalau selalunya ye lah saya panggil face to face lepas saya menanda kertas peperiksaan..... kita akan panggil kenapa jawab ceni eh haa hafal tak yang ni kenapa tulis macam ni ha....."

"Latihan pengulangan, repetitive learning tu arr saya akan selalunya saya akan mengulanglah bab yang sebelumnya kita dah belajar kan saya akan ulang, saya ulang secara mungkin secara ringkas lah bukan ulang keseluruhan kalau tidak tak cukuplah bab untuk mengajar seterusnya kan..ataupun saya mengulang tu secara saya tanya diorang haa macam tadi saya buat ann sesi kuiz tu la berdiri semua boleh jawab duduk."

"membentuk sikap yang lemah ya macam tadilah saya akan buat berkumpulan dan gabungkan pelajar yang cemerlang dan lemah sekali ann tu pun saya dapat detect dia tu lemah saya akan panggil dia panggil dia secara rawak untuk dia arr jawab ke atau dia bentangkan sesuatu."

"saya suruh diorang berdiri dulu sapa yang dapat jawab duduk jadi saya akan bagitahu kelas seterusnya ok ingat subjek apa yang kita belajar hari ni next kelas ustazah akan bertanya. Lebih kepada kuiz lah."

Rumusannya, guru Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) daerah Kerian dan Batang Padang bersedia dengan baik sebelum melaksanakan PdP. Mereka memberikan motivasi berterusan dalam proses pembelajaran sekali gus berjaya menarik minat serta meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan ilmu Qiraat. Pendekatan ini diaplikasikan dengan penggunaan pelbagai teknik pengajaran yang sesuai dengan tahap murid. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan aktif peserta kajian dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran yang berkesan telah menyumbang secara signifikan terhadap peningkatan minat dan prestasi murid dalam subjek ini. Ini dapat dilihat pada pandangan pelajar pada jadual 4.4 di bawah:

Jadual 4. 4

Pandangan Pelajar Berkenaan Minat Dan Prestasi

Informan (Pelajar)	Pandangan Pelajar
Informan 1	<i>"Guru saya membantu dan menerangkan kepada setiap pelajar sehingga kami betul-betul faham."</i> <i>"Saya dan kawan kawan akan membuat dan berkongsi lagu yang kami buat untuk subjek Qiraat."</i> <i>"Guru saya menyarankan kami untuk membuat lagu untuk apa-apa yang dipelajari dalam Qiraat contohnya, kami membuat lagu untuk bab makhraj huruf lidah dengan irama lagu Zalikha by floor 88."</i> <i>"Guru saya akan memastikan saya faham."</i> <i>"Saya bersemangat Dan prestasi saya yang meningkat baik."</i> <i>"Membuat lagu pada setiap bab Qiraat."</i> <i>"Pendekatan guru saya yang menyuruh kami membuat lagu sangat menyeronokkan dan tidak membosankan."</i>
Informan 2	<i>"Subjek Qiraat mudah jika faham dan ingat."</i> <i>"Guru saya akan berusaha mencari jawapan apabila saya bertanya tentang kaedah bacaan yang kurang jelas dalam buku teks."</i> <i>"Guru memberi kami latihan soalan-soalan Qiraat supaya mudah untuk kami ingat fakta."</i> <i>"Keputusan percubaan SPM saya sangat ketara dengan keputusan SPM saya, di mana guru saya telah menukar cara mengajar ketika SPM sudah hampir."</i> <i>"Guru memberi kami latihan yang banyak berkaitan wajah Qiraat dan nama-nama imam Qiraat."</i>
Informan 3	<i>"Saya seronok kerana saya faham apa yang guru saya sampaikan ketika beliau mengajar."</i> <i>"beliau menggunakan pelbagai teknik untuk menjadikan setiap anak muridnya faham apa yang ingin disampaikan."</i> <i>"Guru saya memberi tugas kepada kami untuk membuat nota nama-nama imam dan cara bacaannya, dan dengan adanya nota itu kami boleh bawa kemana-mana sahaja dan boleh mengulangkaji Maharat pada bila-bila masa, di asrama, di dewan makan, di library dan lain-lain. Kaedah ini sangat membantu saya untuk cemerlang dalam SMP. Seterusnya, guru saya setiap kali masuk kelas beliau sering tebak soalan Qiraat yang menyebabkan kami akan sentiasa ingin belajar dan ulang kaji Maharat bersungguh-sungguh agar dapat menjawab soalan yang diajukan oleh guru saya."</i> <i>"Saya merupakan murid yang kurang berminat dengan Qiraat tetapi saya sering tekad untuk memahaminya dan guru saya telah membuatkan saya semakin minat dengan Qiraat kerana beliau menggunakan cara-cara yang saya terangkan."</i> <i>"Guru saya terangkan di dalam kelas dengan begitu jelas jika saya tidak faham beliau akan terangnya sehingga saya faham."</i>
Informan 4	<i>"Mereka menerangkan sesuatu dengan terperinci dan menarik."</i>

	<i>"Apabila guru membacakan qiraat yang berbeza."</i> <i>"Guru akan membaiki bacaan sekiranya murid tersilap baca."</i> <i>"Saya rasa lebih bersemangat untuk belajar."</i> <i>"Setelah habis topik dipelajari guru akan mengarahkan kami membuat lagu bagi membantu untuk mengingat pelajaran tersebut."</i> <i>"Mengulang suatu topik yang masih tidak mahir oleh murid berulang kali dan memperdengarkan bacaan Qiraat daripada imam terkemuka."</i>
Informan 5	<i>"Guru mengajar Qiraat Yang berbeza mengikut Qiraat imam dan meminta kami melakukan bacaan bersama-sama selepas guru menunjukkan contoh bacaan."</i> <i>"Guru akan menyediakan kertas soalan berkaitan Qiraat yang menjadikan kami lebih fokus di dalam kelas untuk mendapatkan markah yang baik."</i> <i>"Kaedah menghafal menggunakan lagu."</i> <i>"Guru melakukan amali untuk mendengarkan ketepatan murid-murid dalam membaca Qiraat."</i> <i>"Saya lebih bersemangat untuk meningkatkan lagi prestasi."</i> <i>"Guru menyediakan set soalan dan memberi markah untuk mengetahui prestasi semasa kita terhadap subjek mata pelajaran. Oleh Itu, saya akan mengetahui kelemahan saya dan take note terhadap kesilapan yang telah dilakukan."</i>
Informan 6	<i>"Guru saya akan cuba cari cara lain jika anak murid masih tidak faham tentang topik yang diajarkan."</i> <i>"guru saya suka membuat demonstrasi cara bacaan imam semasa mengajar jadi saya akan rasa seronok kerana guru saya akan menyuruh seorang demi seorang untuk cuba baca bacaan imam tersebut dan ini akan dapat membuatkan saya ingat dan saya rasa mahu belajar lebih banyak lagi."</i> <i>"Mengingati biodata kesemua imam dengan menulis di dalam satu kertas A4."</i> <i>"Guru saya sangat memastikan seorang demi seorang mampu untuk baca atau talaqqi cara bacaan imam dengan betul dan tepat."</i> <i>"Bacaan saya semakin lama semakin membaik dari segi kadar bacaan iaitu perlahan , sederhana dan laju."</i> <i>"Mengajar dengan sabar kerana guru saya sangat bersabar dan mampu mengajar banyak kali untuk memastikan anak muridnya faham dan boleh mengikuti apa yang diajarkan."</i>
Informan 7	<i>"Guru mengajar dengan cara yang comfortable dengan pelajar mengikut peredaran zaman."</i> <i>"Pembelajarannya dicampuri gelak tawa."</i> <i>"Guru mengajar dengan baik."</i>
Informan 8	<i>"Ada cerita penceritaan yang meluas."</i> <i>"Pembahasan mengenai kitab dan matan dalam Taqrib Maa'ni."</i> <i>"Saya menyukai cara yang membuatkan saya faham seperti penerangan satu persatu, membuatkan prestasi saya menjadi lebih baik dan menimbulkan banyak persoalan."</i>

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan guru yang bersifat mesra pelajar, interaktif dan pelbagai telah memberi impak yang signifikan terhadap minat dan prestasi murid dalam penguasaan Qiraat. Para guru dilihat sentiasa berusaha memastikan pemahaman pelajar melalui penerangan berulang, penyampaian yang jelas serta penggunaan teknik yang bersesuaian mengikut tahap kebolehan dan keperluan individu. Pendekatan kreatif seperti penyusunan lagu berdasarkan topik-topik Qiraat, sering mempraktikkan bacaan Qiraat secara amali, latihan pengukuhan berterusan serta tugas membuat nota ringkas telah berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Pelajar turut menyatakan bahawa mereka berasa lebih bersemangat untuk belajar dan berusaha meningkatkan prestasi setelah menerima pendekatan yang sistematik dan tersusun daripada guru. Kepekaan guru dalam menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan semasa seperti peperiksaan serta kemampuan pelajar turut memberi kesan terhadap pencapaian akademik yang lebih baik. Kesimpulannya, pendekatan pedagogi yang holistik, sabar dan responsif daripada guru telah terbukti bukan sahaja meningkatkan pemahaman dan prestasi murid tetapi juga membina minat dan keseronokan dalam pembelajaran Qiraat secara berterusan.

4.4 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan Bantu Mengajar atau BBM yang sesuai dan berkesan sering menjadi topik utama dikalangan guru-guru di sekolah sebagai salah satu pendekatan dalam membantu murid menguasai mata pelajaran. BBM membantu bukan sahaja murid bahkan guru dalam memastikan penyampaian pengajaran yang jelas, sistematik serta mudah difahami. Bahagian ini melibatkan objektik kajian yang kedua iaitu mengenalpasti Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas. Dapatan ini bertujuan meneliti penggunaan Bahan Bantu Mengajar atau BBM yang diaplikasikan oleh guru-guru Qiraat semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, BBM yang sesuai dapat diterapkan dalam kaedah pendidikan Ibn Khaldun yang menggunakan metod beransur-ansur, pengulangan, fokus, perbincangan, tidak mengambil masa yang lama, percubaan, tauladan dan *rihlah*. Dapatan ini menunjukkan

rata-rata guru Qiraat bersifat kreatif dengan menggunakan kepelbagaian BBM seperti buku rujukan, buku latihan, buku teks, nota, permainan seperti kotak beracun, kad permainan, *Jigsaw*, *Puzzle*, *Bingo* serta beberapa aplikasi yang menarik seperti Canva dan Youtube. Selain itu, BBM yang berasaskan teknologi seperti komputer, LCD, telefon pintar, video, audio dan sebagainya turut dimanfaatkan. BBM yang diterapkan dalam kalangan guru Qiraat dilihat selari dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 namun dalam situasi tertentu, teknik pengajaran tradisional atau vokasional masih perlu diterapkan bergantung kepada kesesuaian subjek pelajaran tersebut.

4.4.1 BBM Bercetak

Guru Qiraat menggunakan BBM bercetak seperti buku latihan tambahan, nota ringkas, peta atau carta minda, buku rujukan dan buku teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian 1 menggunakan pelbagai BBM bercetak di bilik darjah iaitu seperti buku latihan, buku teks dan buku rujukan. Dapatan ini disokong menerusi pemerhatian (P1, 2025 ; P3, 2025 ; P2, 2025) dan berdasarkan kepada pernyataan berikut:

“.....kita ada buku rujukan Bahasa Melayu,..... Bahasa Melayu tu nak bagi cepat cikgu mengajar tak yah nak cari terjemahan bila nak ngajo tu.....”

“.....buku latihan sebab nak aplikasikan teknik menjawab dengan betul.....”

“sebenarnya saya rasa kalau belajar dulu dekat DQ INTIM sanakan, kalau baca ni (buku teks) saya rasa depa lagi faham sebab kadang-kadang kita belajar matan je kan, itu bagus untuk dalil dan sebagainya, tapi belajar ni (buku teks) untuk lagi faham.

(peserta kajian 1, 2025)

Menurut peserta kajian 3, guru Qiraat menggunakan buku teks, nota, carta minda, dan buku latihan. Ini berdasarkan kepada data pemerhatian (P2, 2025 ; P3, 2025) dan pernyataan di bawah:

“.....yang pertama dari segi buku teks saya kata tadi buku nota ni pun sama jugak lah ha kan BBM waktu mengajar.....”

“buku latihan SMKAKL pun kami ada dan kami mewajibkan kan pelajar tu buku latihan tu khusus daripada tingkatan 4 dan tingkatan 5.....”

“Buku Nota Qiraat. Saya menggalakkan pelajar mencatat perbezaan riwayat dalam buku nota mereka untuk rujukan berterusan..... menyediakan peta konsep yang menunjukkan perbezaan antara qiraat secara visual supaya lebih mudah difahami.....”

“.....saya gunakan ialah dengan memberikan tumpuan kepada satu aspek bacaan pada satu masa contohnya hanya makhraj huruf dhod sahaja dalam satu sesi. BBM seperti carta.....digunakan untuk membantu murid fokus kepada sebutan dan tempat keluar huruf.”

(peserta kajian 3, 2025)

Manakala peserta kajian 4 pula turut menggunakan BBM seperti buku teks dan buku rujukan. Ini berdasarkan data pemerhatian (P4, 2025 ; P1, 2025) dan temu bual berikut:

“paling utama buku teks lah dengan buku rujukan lain.”

“selalunya saya akan buat canva lah, arr melalui canva cam slide show lah. Haa kalau rajinlah kan atau sempat nak cari tu, ataupun saya akan bukak youtube untuk pelajar tahu ann qori mana yang baca sebagainya haa.”

“.....saya menggunakan BBM yang ringkas, padat dan berkesan. Contohnya.....nota ringkas, agar pelajar tidak merasa terbeban.”

“buku teks itu yang meningkatkan diorang gak.....”

“Saya menggunakan BBM seperti carta.....”

(peserta kajian 4, 2025)

4.4.2 BBM Digital

BBM dalam bentuk eletronik atau berasaskan teknologi yang digunakan guru Qiraat adalah seperti komputer, LCD, telefon bimbit untuk mengimbas kod QR, penggunaan video, audio rakaman bacaan imam Qiraat serta beberapa aplikasi seperti Quizzes, Canva dan Youtube. Ini berdasarkan kepada sokongan data pemerhatian (P4, 2025 ; P3, 2025) dan penjelasan temu bual berikut:

“.....nak kongsi teknik menjawab tu baru saya guna paparan slide.....Selalu penggunaan komputer ni untuk buat soalan dan nota lah. Nota untuk bagi anak-anak murid.....”

“kita ada macam Quizizz, kuiz-kuiz yang ada dalam apa game game online tu ann. Kita guna tu jelah sebab depa dah habis satu bab contohnya tengok depa ok ke faham ke tak ajak buat kuiz.....tapi persediaan nya lama lah, kena buat sebelum tu lagi. Mengambil masa tapi boleh buat lah sebulan sekali ke bagi depa seronok.”

“.....bila saya tunjuk video kawan kawan saya tasmi’ Qiraat tasmi’ ,talaqqi Qiraat..dekat situ depa macam minat.....”

“.....kita akan bagi audio sebab dalam buku teks ni ada scan QR code, kita scan buku ni dia akan keluarlah suara dari KPM bekalkan.”

(peserta kajian 1, 2025)

“.....kalau ada aktiviti digital tu kita guna komputer, lcd, projektor kan erm kalau saya tak adalah bbm yang special sangat tu tak ada.”

“.....Quizzes, Quizzes..kita search je.”

“.....ha jadual tu saya buat sendiri.....”

“.....phone.....contohnya kaedah bacaan kita nak bukak..jap yang ni dia ada scan code Qr.”

“dengan menggunakan BMM yang mana kita nak bimbing murid ni arr dalam bacaan mereka. Ok sebagai contoh kita gunakan adalah arr penggunaan audio dan juga video bacaan yang mana kita nak bantu murid ni supaya arr lebih memahami contoh bacaan yang lebih baik.”

“menunjukkan contoh bacaan yang betul arr melalui rakaman audio ataupun video daripada pengajar ataupun guru yang terkenal yang mana kita nak beri inspirasi dan juga panduan kepada murid tersebut untuk mereka arr terapkan ataupun mereka aplikasikan.”

(peserta kajian 2, 2025)

“LCD apa semua tu lah. LCD, laptop, arr speaker, apa semua lah.....”

“.....rakaman bacaan qari yang mahir dalam setiap riwayat untuk membantu pelajar mendengar dan meniru bacaan yang betul.....”

“BBM seperti..... video close-up mulut digunakan untuk membantu murid fokus kepada sebutan dan tempat keluar huruf.”

“Saya menggunakan rakaman bacaan murid sebagai bahan perbincangan. Pelajar akan mendengar bacaan rakan mereka dan memberi komen berdasarkan carta makhraj atau nota sifat huruf yang diberikan. Ini melatih mereka membuat penilaian dan pemahaman yang lebih mendalam.”

“.....menggunakan alat bantuan suara seperti mikrofon untuk mendengar dengan lebih jelas sebutan sendiri”.

“Saya akan memainkan rakaman bacaan guru Qiraat atau ulama bacaan Qiraat sebagai contoh bacaan yang betul.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“.....kadang-kadang saya menggunakannya arr selalunya lebih kepada sebab dekat buku tu buku teks tu ada scan Qr kan jadi bila arr saya scan dia akan dengar audio daripada Qori..... selain tu papar LCD lah, slide show.....”

“contoh macam arr pelajaran berasaskan teknologi arr saya akan tunjukkan pada diorang melalui projector dan video qori ke..kan..diorang ada pertandingan qori tu ke..... ada juga pendekatan kreatif macam diorang boleh habis satu bab tu..arr saya akan buat kat diorang sesi soal jawablah khususnya ataupun saya akan buat kuiz papar kuiz dekat projecter kan..melalui Quizizz ke atau Kahoott arr, Kahoot kita kena create sendiri selalunya banyak pakai quizizz lah.”

“.....Saya menggunakan bahan seperti video bacaan qari dan video demonstrasi tajwid di youtube.....”.

“selalunya saya akan buat canva lah, arr melalui canva cam slide show lah. Haa kalau rajinlah kan atau sempat nak cari tu, ataupun saya akan bukak youtube untuk pelajar tahu ann qori mana yang baca sebagainya haa.”

“Setiap kali kelas, saya sering menayangkan video bacaan ulama Qiraat sebagai contoh.....”

“.....saya menggunakan BBM yang ringkas, padat dan berkesan. Contohnya klip audio pendek (scan QR di buku teks)..... agar pelajar tidak merasa terbeban.....”

“dan paparan bacaan sebagai bahan perbincangan dlm kumpulan. Murid menganalisis perbezaan bacaan dan saling membetulkan bacaan qiraat masing-masing.”

(peserta kajian 4, 2025)

4.4.3 BBM Interaktif

BBM dalam kategori ini adalah bahan fizikal yang boleh disentuh dan disusun atur. Peserta kajian 2 dilihat menggunakan beberapa alat permainan seperti *Jigsaw* atau *Puzzle* dan papan *bingo* sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran.. Kenyataan ini menerusi temu bual berikut:

“.....contoh BBM yang ni arr kita boleh gunakan arr Jigswa atau puzzle ok contoh kita dah bahagikan setiap murid ni kepada beberapa Kumpulan jadi dengan menggunakan BBM Jigsaw ataupun Puzzle tadi kitab oleh arahkan kepada setiap

Kumpulan untuk bincang bagi menyelesaikan arr soalan yang daripada Jigsaw yang kita bagi tadisebagai contoh ta'rif, arr ta'rif mad jadi soalan yang kita dah buat dalam bentuk puzzle atau jigsaw kita akan agihkan dalam setiap Kumpulan, setiap Kumpulan perlu untuk berbincang haa bagi menyelesaikan ataupun bagi menjawab arr dan melengkapkan Jigsaw atau puzzle tadi tu bagi dapat lengkap untuk satu ta'rif mad tadi tu.....”

saya terapkan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat contohnya penggunaan Bingo ok untuk penggunaan permainan Bingo ni kita arr akan laksanakan mengikut Kumpulan bagi setiap muridlah ok yang contoh kita nak fokuskan arr tajuk pada hari tu tajuk arr mad asli ok jadi untuk setiap arr semua murid dia akan arr mengulangkaji terlebih dahulu tajuk tersebut yang mana fokus fokus yang nak saya terapkan ialah pada tajuk tu sahaja jadi pada papan Bingo tadi tu saya akan sediakan..... kaedah yang saya lakukan ini lebih kepada kita ingin mengulangkaji bagi sesuatu tajuk yang kita dah pun ajar sewaktu dalam kelas.”

(peserta kajian 2, 2025)

Menurut peserta kajian 3, guru Qiraat mengaplikasikan alat permainan seperti kad imbas, penggunaan cermin sebagai alat bantu melihat pergerakan mulut ketika menyebut sesuatu huruf. Manakala peserta kajian 1 menggunakan dam ular dan kotak beracun sebagai BBM. Huraian ini selari dengan pemerhatian (P3, 2025) dan disokong menerusi kenyataan di bawah:

“..... saya juga menggunakan BBM yang ringkas dan cepat seperti kad imbas.....”

“Antara BBM..... ialah penggunaan cermin untuk melihat pergerakan mulut dan lidah semasa menyebut huruf,.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“.....kalau BBM saya memang guna PBL arr problem based learning, sebabnya arr ni memang kita mengajar untuk mereka contoh nya saya bagiii kita buat game arr jadi kat situ kita cam dekat, buat dam ular, kita buat kotak beracun dekat situ mereka contoh bacaan imam ni apa yang maksud ta'rif sekian, apa ta'rif sekian. Jadi bermain-main centulah haa, nak tak nak mereka kena berani untuk bercakap dan mereka untuk Bersiap sedia.....”

(peserta kajian 1, 2025)

4.4.4 BBM Pengalaman

Aktiviti *explorace*, persembahan dan karnival hari Qiraat menjadi BBM dalam pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan murid mengaplikasikan ilmu Qiraat

dalam situasi sebenar. Aktiviti seperti ini membantu memperkukuh pemahaman, membina keyakinan serta ingatan murid. Dalam masa yang sama menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dan holistik. Berikut kenyataan peserta kajian berkenaan dengan explorace yang di adakan di sekolah:

“Kita di sekolah ni ermm ada, orang kata apa panitia hifz dan Qiraatkan memang membuat pernah membuat exploracelah bulan tahun lepas akhir tahun explorace berkenaan dengan Qiraat dan tanya tentang Qiraat berpusatkan muridlah. Contohnya buat game, selesaikan Qiraat.”

(peserta kajian 2, 2025)

“explorace.....setakat ni tu je lah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“arr tu lah seingat saya sembilan taun saya kat sini dan saya mengajar lebih kurang tujuh taun saya rasa aktiviti yang paling gempak yang kami buat luar kelas tu explorace lah..... waktu saya memegang tingkatan 1 2 3 dulu lah bab bab mad contohnya mad asli..... boleh jawab dia pergi cek point seterusnya..... ada boleh buat sebab nya tapi sebabnya lebih kepada Qiraat tapi sebelum Qiraat dia akan contoh tingkatan 4 dia ada sifat huruf makhraj huruf macam ini dia waqof, bab waqof dulu kemudian baru kita akan jumpa Qiraat dan last sekali Resm Uthmani ha macam bab bab tu saya rasa boleh lah buat dari segi bacaan boleh jugak tapi saya rasa...macam bacaan ni saya rasa dia kena bagi habis dulu betul betul habis budak memang tamam baru kitab oleh buat explorace.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“explorace ada jugak.”

(peserta kajian 4, 2025)

Manakala guru mengambil inisiatif memanfaatkan pelbagai platform seperti program sekolah, persembahan rasmi dan pogram anjuran JAIPK untuk memperkasa kemahiran murid dalam bacaan Qiraat. Ini menjadi sebagai salah satu bentuk BBM tidak formal dalam pengajaran Qiraat. dapatan tersebut boleh dilihat berdasarkan kepada perbualan peserta kajian dibawah:

“.....pastu pertandingan ada peringkat JAIPk, Qiraat ada masuk jugak yang berkebolehan untuk di pasarkan kita akan hantar lah.”

“.....program sekolah contoh program sekolah Ihya Romadan ke kan..pastu Nuzul Quran adalah buat persembahan bacaan imam ni imam tu.”

(peserta kajian 1, 2025)

“selitkan jugok dengan kalau contoh persembahan persembahan hari anugerah atau event yang besar kita dah jarang dah buat nasyid selalunya kita dikenali dengan persembahan nasyid kan haa kami buat dengan persembahan tilawah dengan membaca Qiraat..... mak ayah pun nampak macam uish hebat lah orang kata. Tapi saya rasa peringkat negeri macam maulidur rasul JAIPk sekarang dah guna dah macam ni”

(peserta kajian 3, 2025)

“pernah kami buat untuk mereka arr bukan macam pertandingan dia cam kita memaparkan diorang untuk baca contoh ann ada hari-hari cam hari anugerah kecemerlangan ke kita akan tarik budak kita untuk baca Qiraat persembahkan.....sebab nasyid dah selalu buat ann jadi kita bila ada majlis tersebut kita akan jemput orang daripada jabatan, pegawai-pegawai tinggi Jabatan Agama Islam Perak, jadi kita memaparkan bacaan Qiraat ...pelbagai bacaan Qiraat lah.”

(peserta kajian 4, 2025)

Tambahan dari itu, SMTDR daerah Kerian telah menjalankan karnival hari Qiraat. Program ini dijalankan dalam bentuk karnival yang mengandungi pelbagai aktiviti seperti kuiz Qiraat, penerangan Qiraat dan lain-lain lagi. Murid terlibat secara aktif dalam menyampaikan maklumat, mencipta kuiz dan memberi penerangan kepada rakan serta guru yang lain. Inisiatif sebegini membuktikan kreativiti guru dapat membantu murid dalam pelajaran bahkan berkesan dan relevan dengan konteks pendidikan. Ini berdasarkan kepada dokumen visual dan keterangan berikut:

“arr antara yang saya cakap tadi tu lah sekolah kami mewujudkan hari Qiraat lah ha hari Qiraat tu kami wujudkan sehari memang diorang akan pergi ke booth ke booth untuk karnival Qiraat lah arr kita akan sediakan pertandingan kemudian diorang akan dapat hadiah sebagai nya haa..”

(peserta kajian 3, 2025)

“kami baru buat taun lepas kiraa yang pertama lah arr hari citra Qiraat namanya. Jadi kami akan arr bagi setiap group tiga orang tu bagi imam setiap group tuu jadi ada tujuh group tujuh imam yang dipelajari dalam buku teks tu.diorang akan mendalami imam tu lahh kemudian diorang akan buat persembahan arrr tak kisah persembahan melalui apa pun. Jadi kebanyakan diorang pameran buat banner ataupun diorang akan buat quizzes kita yang datang ni murid dan cikgu sekali lah datang kat Kumpulan tu dia akan jawab quizzes dekat laptop ke dia yang buat haaa so ermm setiap Kumpulan tu dia akan terangkan secara ringkas imam dia dan ada soalan yang diorang bekalkan dan ada hadiah yang diorang bagi haa..”

(peserta kajian 4, 2025)

4.4.5 BBM Vokal (Tanpa Alat)

Lagu merupakan salah satu bentuk BBM berbentuk lisan yang digunakan oleh guru bagi membantu murid mengingati kandungan pelajaran, khususnya dalam subjek Qiraat. berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan guru yang ditemu bual menyatakan bahawa penggunaan lagu amat berkesan dalam membantu murid menghafal dengan lebih mudah dan menyeronokkan. Ini berdasarkan kepada sokongan dapatan pemerhatian, diari pengkaji dan kenyataan peserta kajian berikut:

“.....kami ada buat lagu supaya hafal tu seronok dan depa pun ingat.”

(peserta kajian 1, 2025)

“saya ada murid yang memang dia lemahlah.....tapi dia suka berlagubila form five ni dia dah start berlagu tu, bila kita buat ujian macam kita buat trial-trial negeri lain ha nampak dia banyak perubahan lepas lagu.....”

(peserta kajian 2, 2025)

“.....kami ada buat satu buku lagu untuk pelajar mudah hafal arr bab-bab Qiraat.”

(peserta kajian 3, 2025)

“kitorang baru reka taun lepas lagu ann, bukan kami yang reka tapi kami suruh budak sendiri tu buat sebab diorang untuk remaja umur remaja macam ni lah diorang suka lagu lagu..... diorang akan buat lagu melalui.....pengertian, bahasa, istilah diorang akan buat lirik sendiri lah, lagu mengikuti lagu diorang yang nak simple, contoh lagu katun lah upin ipin ke.....jadi diorang hafal melalui lagu lah.”

(peserta kajian 4, 2025)

Berdasarkan kepada dapatan kajian berkaitan dengan BBM, peserta kajian menggunakan kepelbagaian BBM. Ini juga hasil idea, kreativiti dan usaha guru SMTDR dalam memudahkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, hasil temu bual yang dilakukan bersama guru-guru SMTDR, penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran adalah terhad, kurang mencukupi dan tidak berinovasi. Tambahan dari itu, penggunaan BBM yang berlebihan boleh memakan masa yang lama dan mengganggu masa pembelajaran yang telah diperuntukkan, sekaligus menjejaskan kelancaran proses pengajaran. Dalam pada itu, turut berlaku

keterbatasan prasarana yang mempengaruhi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di SMDTR daerah Kerian. Perkara ini berdasarkan kenyataan temu bual berikut:

“setakat ni Alhamdulillah cukup tak de apa apa masalah sangat lah sebab kalau kalau kita nak lebih sangat punmungkin ada kalau kita tengok kat UPSI sendiri dia ada buat inovasi dan sebagainya kan mungkin ada, tapi kekangan guru tu sebenarnya,..... nak buat arr over sangat tentang BBM ni dia akan susahlah sikit, sebab contohlah kan guru ada hari sukan, ada program lain dan sebagainya lah so kekangan masa tu memang susah nak buat BBM tu dengan cara yang lebih bukan dengan cara yang lebih tapi penyediaan BBM yang sempurna susah nak buat selalu, mungkin boleh buat tapi dalam setahun mungkin dalam sekali dua je centu je. So kita akan guna bahan yang senang untuk jadikan sebagai BBM haa, masa pun drag.”

“saya rasa bende ni yang bermain di fikiran sebab Qiraat ni KBT ni tak de lah, dia masih baru lagilah mungkin dalam sepuluhlah ke kan so saya tengok kawan kawan ataupun senior-senior saya masih lagi hanya beberapa orang buat inovasi tu tak ramai pun yang buat, kalau kita lihat matematik sains kan ramai yang buat kan.....mungkin kita masih lagi baru dan juga mungkin cikgu pun tak jumpa lagi macam mana nak buat. Saya rasa ada yang buat mungkin saya tak tahu. Mungkin saya tak explore, tapi tak seramai mana buat akademik yang lain contoh macam sains dan sebagainya.”

“mungkin kami sendiri tak nak buat atau cikgu-cikgu sana tak nak push sangat. Tu tak tahulah sebab tu kurangnya inovasi tu.....”

“saya rasa setakat ni saya rasa tak de BBM yang kreatif dan interaktif.”

(peserta kajian 1, 2025)

“kalau saya tak adalah BBM yang special sangat tu tak ada.”

“memang BBM ni memang membantu tapi di dalam tu sendiri contohnya kita nak cari dalam website macam tak cukup, tak cukup ilmu itu sendiri, ilmu Qiraat tu kan jadi orang yang pakar tak banyak untuk upload, haa untuk kita rujuk so rujukan untuk kita sikit.”

(peserta kajian 2, 2025)

“kalau ikutkan sumber setakat ni arr macam saya kata tadi sumber dari segi buku dah boleh membantu tapi kadang kadang tu saya ada jugok rujuk kepada guru guru.....pakar Qiraat. Saya sampai telefon lah guru daripada SMKA arr untuk dapatkan sumber yang lebih tepat dan sebagainya lah saya sendiri pun takat diploma je kan.

“cabaran di sekolah kami ni cumanya terhad sebab tak banyak lahLCD.....saya guna kan tiba tiba cikgu lain nak guna jugok..kekangan kemudahan dekat sekolah ni. Ada bende tu contoh macam laptop, laptop ada tiga tapi nak guna semua, ada tak dapat nak digunakan. Sebab tu lah kami dari segi prasarana agak ni sikitlahTapah memang lain sebab diorang ada bangunan sendiri dan sebagainya kami masih dibawah kira macam antaranya kekangan jugok lah.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“.....cabaran ye tidak mencukupi sebenarnya kan BBM ni. Sebab kalau kita tengok kat luar pun cam nak beli tu pun tak akan jumpa lah susah nak jumpa kecuali dengan usaha kita sendiri yang buat minat

“selain tu aktiviti lah lebih kepada aktiviti, BBM kurang.”

(peserta kajian 4, 2025)

Selain itu, peserta kajian 1 turut menyatakan sedang dalam proses menyiapkan satu Bahan Bantu Mengajar (BBM) berbentuk kad permainan pendidikan dipanggil kad Tawan Maharat (TAMA). Ini boleh dilihat berdasarkan kenyataan berikut:

“kami sekarang tengah menyiapkanversi untuk pembelajaran Qiraat..... nama kad tu TAMA dan sekarang tengah dalam proses untuk inovasi punya apa International punya innovation dekat bahawa Jabatan Agama Islam Perak..... kami terangkan dan Alhamdulillah benede tu praktikal sebenarnya kad TAMA maksudnya TAMA tu Tawan Maharat,kita fokuskan pada ta'rif setiap setiap fasal setiap bab lepas tu tu kita QR kita scan kat situ boleh dengar audio macam mana bacaan ta'rif..... untuk buku maharat tak de baris jadi budak-budak jadi bila tak de baris ni budak-budak nak baca pun malas, jadi kurang minat dengan subjek maharat sebab diorang fikir subjek susah ha jadi kat situ berdasarkan kad TAMA ni mereka boleh bermain game kat situ macam kad UNO..... kat situ ada soalan lepas tu ada QR membimbing murid untuk lebih seronok untuk bermain, bermain sambil belajar, ha tu kad lah kad yang kita buat inovasi.

(peserta kajian 1, 2025)

Projek inovasi yang dilakukan ini dapat membantu para pendidik terutamanya guru mata pelajaran Qiraat dalam membimbing murid meningkatkan kefahaman dan penguasaan. Projek seperti ini sejajar dengan pendekatan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menggalakkan pembelajaran secara interaktif dan berpusatkan pelajar.

Ringkasnya, guru Qiraat mendapati bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai yang digunakan guru-guru SMTDR membantu mempermudah proses pengajaran serta berkesan meningkatkan minat dan prestasi murid di bilik darjah. Ini selaras dengan kenyataan berikut.

“.....memang tak nafikan sangat membantu, sebab kita asyik selalu guna buku teks itu pun kadang-kadang tepu gak lah.”

“sangat-sangat untuk mendapatkan pemahaman dan keberkesanan ilmu Qiraat untuk kepada apa murid-murid faham nak tak nak memang kena guna kaedah arr BBM, ada

penambahan BBM kita menggunakan kaedah arr apa konvensional maksudnya arr bukan nak kata kaedah vokasional tak bagus sebab kita mengikut peredaran zaman dan generasi generasi murid sekarang ni mereka lebih kepada visual lebih kepada pembelajaran santai seronok beza dengan zaman mungkin zaman saya atau zaman cik dulu-dulu arr kita boleh bertalaqqi kitab dengan guru-guru boleh dengar berjam-jam arr sambil bersila budak-budak sekarang tak boleh macam tu jadi memang kalau boleh setiap kelas tu setiap subjek memang perlu sangat untuk BBM.....”

(peserta kajian 1, 2025)

“meningkatkan prestasi memang maybe memang menyumbang lah, minat lagi sangat menyumbang orang yang mengantuk tu bila kita main-main benda tu memang nilah.”

“berkesan bila kita rasa budak sebelum ni tidur tak tidur ha itu kira saya rasa berkesanlah.”

“sedikit sebanyak membantulah prestasi mereka.”

“.....penggunaan BBM ni yang memberi kesan adalah penggunaan BBM yang kreatif, interaktif dan juga menarik arr jadi nya yang ni semestinya boleh meningkatkan minat pelajar arr murid untuk mempelajari ilmu Qiraat sebagai contoh yang kita boleh hasilkan BBM yang menggabungkan arr teknologi ataupun arr pendekatan kreatif yang lebih berfokuskan kepada permainan ataupun kuiz haa jadi tu antara contoh BBM yang saya rasa dapat arr memberikan Kesan dan menarik minat murid tuk lebih mendalami ilmu Qiraat.

(peserta kajian 2, 2025)

“ada lah berkesan.. baik lah kiranya meningkatlah.

“membantu sangat membantu. Kemudahan yang pertama sekali kalau kita tengok buku teks maharat Qiraat ni di dalam bahasa Arab. Ok, jadi bukan nya tak boleh kita nak terjemahkan tu boleh, tapi bila ada BBM ni secara lagi mudoh kalau khadijah tengok nampak dia ada bahasa arab beserta bahasa melayu ha jadi pelajar tu boleh mudah memahami bukan lah saat kita belajar saja diorang paham malah diorang study pun boleh paham lah. Haa kiranya bantu lah dari segi tu.”

(peserta kajian 3, 2025)

“kadang saya paparkan LCD menarikkan fokus diorang, diorang minat ann.....walaupun dia simple je tak de apa apa pun kita pasang Youtube dengar qori baca tapi boleh lah menaikkan minat diorang, diorang rasa belajar Qiraat ni seronok lah kan.”

“pakai BBM ni ye lah memberi manfaat supaya budak tu lebih fokuskan. Bende yang seronok lah kan, diorang lebih seronok. Fokus dan budak tu memahami lah apa yang saya katakan macam audio qori tu kan jadi kita boleh kata kat diorang kita paparkan Youtube ohh macam ni cara baca ann.”

(peserta kajian 4, 2025)

Tuntasnya, kajian menunjukkan bahawa guru di SMTDR memanfaatkan pelbagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan BBM bukan sahaja menunjukkan tahap kreativiti dan inovasi guru malah mencerminkan usaha berterusan mereka dalam menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan dan mudah difahami oleh pelajar. Penggunaan pelbagai bentuk BBM seperti BBM bercetak, BBM interaktif, BBM digital, BBM pengalaman dan BBM vokal tanpa alat telah menjadikan sesi pengajaran lebih menarik, interaktif serta membantu murid memahami isi kandungan pelajaran dengan lebih baik. Ini sekaligus membuktikan bahawa peranan guru sebagai perancang dan pelaksana BBM amat signifikan dalam memperkukuh keberkesanan pengajaran di bilik darjah. Ringkasan penggunaan BBM oleh guru SMTDR berdasarkan kategori dan spesifik BBM yang digunakan guru serta pandangan pelajar boleh dilihat pada jadual 4.4, jadual 4.5 dan jadual 4.6 berikut di bawah.

Jadual 4. 5

Kategori Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bil	Bahan Bantu Mengajar	Peserta Kajian
1	Bercetak	4
2	Digital	4
3	Interaktif	3
4	Pengalaman	4
5	vokal	4

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa kategori BBM bercetak, digital, pengalaman dan vokal digunakan oleh semua peserta kajian, manakala hanya tiga orang peserta kajian sahaja menggunakan BBM interaktif. Ini menunjukkan bahawa guru-guru Qiraat di SMTDR memberi perhatian yang seimbang terhadap pelbagai kategori BBM kecuali bahan interaktif yang masih kurang dimanfaatkan secara meluas. Ringkasnya BBM bercetak dan digital masih kekal relevan manakala potensi BBM interaktif perlu diperluas lagi bagi menggalakan penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran.

Jadual 4. 5

Perincian Bahan Bantu Mengajar Yang Digunakan

Bil	Bahan Bantu Mengajar	Peserta Kajian
1	Buku teks, Nota	4
2	Komputer, LCD, Slide Show	4
3	Youtube	4
4	Audio Rakaman	4
5	Telefon	4
6	Lagu	4
7	Aktiviti Luar Kelas	4
8	Buku rujukan	3
9	Carta minda, peta minda	3
10	Buku latihan, set soalan	3
11	Quizizz, kahoot	3
12	Persembahan	3
13	Bingo, Puzzle, jigsaw	2
14	Kad imbas, cermin	1
15	Dam Ular, Kotak Beracun	1

Jadual di atas memberi gambaran terperinci jenis-jenis BBM yang digunakan iaitu buku teks, nota, slide show, YouTube, audio rakaman, komputer, LCD, telefon, aktiviti luar kelas, buku rujukan, kad imbas, dam ular, kotak beracun dan set soalan digunakan oleh semua peserta kajian. BBM seperti lagu, carta minda, peta, Quizizz, Kahoot dan aktiviti persembahan pula hanya digunakan oleh tiga peserta kajian sahaja. Bahan lain seperti Bingo, Puzzle serta jigsaw digunakan oleh dua orang peserta kajian dan akhir sekali BBM kad imbas, cermin, permainan dam ular serta kotak beracun pula digunakan oleh seorang peserta kajian sahaja sekali gus menunjukkan bahawa penggunaannya adalah paling rendah. Kesimpulan dari jadual ini menyatakan bahawa guru menggunakan pelbagai jenis BBM dengan kecenderungan kepada bahan tradisional dan teknologi asas. Penggunaan BBM vokal dan pengalaman seperti lagu serta aktiviti luar kelas menunjukkan bahawa guru berusaha mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan pelbagai. Walau bagaimanapun, kurangnya

penggunaan BBM yang bersifat kreatif dan kinestetik seperti Jigsaw, cermin dan lain-lain yang boleh merangsang pemikiran dan refleksi murid secara lebih mendalam.

Jadual 4. 6

Pandangan Pelajar Berkenaan Dengan BBM

Informan (Pelajar)	Pandangan Pelajar
Informan 1	<i>"Hanya buku teks ,nota padat dan telefon sahaja."</i> <i>"Nota padat kerana ia merumuskan setiap cara bacaan imam sehingga kita dapat melihat perbezaannya."</i> <i>"Sekali-sekala.kebanyakan masa diguna untuk menterjemahkan bahasa Arab."</i> <i>"Kelebihannya,memudahkan proses pembelajaran dan membantu murid faham."</i> <i>"Kami membuat lagu dengan bab bab Qiraat."</i>
Informan 2	<i>"Buku teks dan telefon pintar untuk mengimbas kod QR"</i> <i>"Telefon pintar kerana kami dapat penerangan yang lebih jelas terutamanya dapat mengesan banyak ralat dalam buku teks Maharat."</i> <i>"Istilah yang sukar akan menjadi mudah apabila diterangkan dengan bahasa yang mudah faham."</i>
Informan 3	<i>"Slide."</i> <i>"Slide kerana saya seorang yang visual."</i> <i>"Kelebihannya dapat menaikkan seri kelas dan tidak membosankan kami."</i>
Informan 4	<i>"Buku dan alat tulis, handphone."</i> <i>"Handphone sekiranya ada keraguan guru boleh menelefon guru lain yang lebih mahir dalam ilmu Qiraat atau mencari audio cara sebutan yang sebenar sesuatu lafaz melalui aplikasi atau web."</i> <i>"Kerap."</i>
Informan 5	<i>"Set soalan."</i> <i>"Set soalan kerana saya dapat mengetahui kesalahan yang pernah dilakukan dan berusaha untuk membaikinya."</i> <i>"Kami menggunakan bahan seperti lagu untuk memudahkan kami Dalam proses mengingat takrif dan sebagainya."</i>
Informan 6	<i>"Buku teks , kerana di dalam buku teks sudah ada semua jawapan dan hanya tinggal untuk dihafal sahaja buku teks dan telefon guru."</i> <i>"Pernah lagu."</i>
Informan 7	<i>"Kitab."</i> <i>"Kitab kerana semua matan berada di kitab."</i> <i>"Kerap."</i>
Informan 8	<i>"Kelebihan lebih jelas."</i> <i>"Penceritaan."</i>

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui penggunaan pelbagai bahan bantu

mengajar (BBM) dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan murid. Murid memberikan maklum balas positif terhadap usaha guru yang menggunakan bahan seperti buku teks, nota, telefon, slaid pembentangan serta teknik kreatif pengajaran seperti lagu dan penceritaan yang menjadi BBM di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, murid melihat guru mereka sebagai individu yang komited dan kreatif dalam memastikan pengajaran Qiraat dapat disampaikan dengan berkesan. Pelbagai bahan dan pendekatan guru bukan sahaja meningkatkan kefahaman murid malah membantu meningkatkan minat dan prestasi mereka dalam penguasaan ilmu Qiraat.

4.5 Elemen Kaedah Pendidikan Ibn Khaldun

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkenaan dengan teori pendidikan Ibn Khaldun, pengkaji telah merangkumkan lapan pendekatan utama iaitu beransur-ansur, pengulangan, fokus, perbincangan, tidak mengambil masa yang lama, percubaan, tauladan dan *rihlah*. Bahagian ini bertujuan menjawab objektif kajian ketiga iaitu meneroka pendekatan pengajaran guru Qiraat di dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun. Sebahagian peserta kajian menunjukkan pengetahuan yang terhad mengenai kaedah pendidikan Ibn Khaldun, manakala sebahagiannya lagi mengetahui kaedah tersebut namun kurang memahami perinciannya secara mendalam. Namun, setelah pengkaji menyerahkan catatan ringkas dan menerangkan serba sedikit mengenai kaedah-kaedah Ibn Khaldun, rata-rata peserta kajian yang ditemu bual mengakui bahawa mereka sebenarnya telah menerapkan kaedah-kaedah ini secara tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini berdasarkan kepada kenyataan berikut:

“pengajaran dan pembelajaran, ok baik. kalau saya baca beransur ansur, fokus, pengulangan. okey macam saya selalunya kaedah yang saya pengulangan. saya sebenarnya secara jujur saya tak tahu pun Ibnu Khaldun tu, Ibnu Khaldun tu taw tapi..... pembelajaran macam kalau khadijah cerita ni saya tak tau,...tapi sebenarnya bila apa yang saya baca yang khadijah bagi tu kita dah buat, bukan nya tak buat.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“kalau tengok sini arr separuh lah kot boleh dikatakan menggunakan.”

“nak kata tahu lebih detail tu tidak lah.. tapi kalau berdasarkan secara apa orang kata

*menyeluruh ni dengan berdasarkan petikan yang Khadijah ada bagi ni ada lah contohnya
macam beransur-ansur.....pengulangan.....fokus ada
juga.....ermm percubaan.....perbincangan ada jugak ”*

(peserta kajian 4, 2025)

“beransur ansur ye. Beransur ansur ni ada lah.....”

“Saya tak mengulang setiap tajuk kerana ada tajuk senang. Cuma yang susah tu kita akan mengulang banyak kali lah.”

“saya rasa memang ada lah juga.” (menggunakan kaedah Pendidikan Ibn Khaldun)

(peserta kajian 1, 2025)

“.....sejujurnya bila saya baca arr penulisan cik ni saya first time dengar tentang kaedah pendidikan Ibnu Khaldun sebab sebelum ni arr kalau kaitan dengan Ibnu Khaldun terkenal dengan metho, methodologi sains, pastu berkaitan dengan arr apa, pakar dalam bidang feqah, tafsir hadis, jadi memang tak pernah dengar tuk yang kaedah pendidikan Ibnu Khaldun ni.”

“.....pengetahuan kaedah pendidikan memang tak pernah tapi bila tengok dari ni,di bawah pentadbiran Kementerian pendidikan Malaysiakita terkenal dengan arr kaedah pendidikan PAK-21 pembelajaran abad ke-21, jadi arr banyak lah saya menggunakan kaedah yang diterapkan dalam PAK-21 yang pertama dari komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritikal, kreativiti, dan inovasibila saya lihat ni ada jugak kaedah PAK-21 ni ada di dalam elemen elemen kaedah pendidikan Ibnu Khaldun.”

(peserta kajian 2, 2025)

Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru Qiraat yang ditemu bual secara tidak langsung sering mengaplikasikan beberapa kaedah pendidikan Ibn Khaldun ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

4.5.1 Beransur-Ansur

Kaedah beransur-ansur diguna pakai kesemua peserta kajian dalam meningkatkan penguasaan serta minat murid dalam mata pelajaran Qiraat. Bagi peserta kajian 1, guru Qiraat membaca ayat al-Quran secara Qiraat pada permulaan pengenalan bagi menarik minat murid yang mendengar bacaan Qiraat yang mempunyai pelbagai wajah bacaan. Peserta kajian 1 turut menyatakan bahawa guru Qiraat mengajar secara bertahap sehingga selesai tajuk tersebut dan difahami kesemua murid. Ketika

pembelajaran bertahap, guru mengamalkan *talaqqī musyāfahah*, soal jawab, lagu dan penggunaan BBM seperti buku rujukan, buku teks, buku latihan, paparan slaid, LCD, penggunaan komputer serta telefon pintar, nota tambahan untuk murid, aplikasi Quizizz dan video. Dapatan tersebut disokong menerusi pemerhatian (P1, 2025) dan berdasarkan perbualan berikut:

“beransur ansur ya, beransur ansur ni ada lah sebab kita tak kan habiskan sekaligus kita akan buat sikit sikit so dalam satu bab tu macam contoh imam warsh kan banyak khilafnya so kita akan buat sikit sikit lah, bila dah habis habis, kita tak delah ok hari ni kita nak ambil warsh, faham ke tak faham ke lantak, tak delah macam tu.

“Saya akan baca contoh Qiraat lah kat deme. Ada setengah murid tak pernah dengar pun, so kita nak triggered minat dia.”

“.....saya tunjuk video kawan kawan saya tasmi’ Qiraat tasmi’ ,talaqqi Qiraat.....”

“kita ada buku rujukan.....”

“.....buku latihan sebab nak aplikasikan teknik menjawab dengan betul.....”

“.....nak kongsi teknik menjawab tu baru saya guna paparan slide.....Selalu penggunaan komputer ni untuk buat soalan dan nota lah. Nota untuk bagi anak-anak murid.....”

“.....kita akan bagi audio sebab dalam buku teks ni ada scan qr code..kita scan buku ni dia akan keluarlah suara dari KPM bekalkan.”

“.....kan makhraj dalam Qiraat tu ada ajar-ajar kan rajah tengkorak tu kita akan tunjukkan jugak lah dalam tu dalam bentuk LCD.”

“kita ada macam Quizzess, kuiz-kuiz yang ada dalam apa game game online tu ann. Kita guna tu jelah sebab depa dah habis satu bab contohnya tengok depa ok ke faham ke tak ajak buat kuiz.”

“soal jawab.”

“kita nak wujudkan suasana yang lebih menarik depa menghafal Qiraat ni diorang ada buat lagu so kami ada buat lagu supaya hafal tu seronok dan depa pun ingat.”

“talaqqi lah..maksudnya baca sorang-sorang tu kita akan tegur.....”

Peserta kajian 2 pula dalam menerapkan kaedah beransur-ansur. Guru Qiraat memulakan PdP dengan kaedah set induksi dalam menarik minat murid dan seterusnya

guru memberi penerangan berkenaan dengan pelajaran Qiraat sehingga murid yang keliru memahami dan menguasainya dengan baik. Guru juga akan menerangkan kembali berdasarkan persoalan murid beberapa kali sehingga murid faham. Dalam masa yang sama guru menerapkan ketika dalam proses *tadrīj* ini kaedah *talaqqī musyāfahah*, soal jawab, ujian, lagu serta menggunakan pelbagai BBM seperti buku teks, komputer, telefon pintar, kertas mahjong, aplikasi Quizizz, projekter dan nota serta jadual. Ini selari dengan dapatan pemerhatian (P2, 2025) dan dapatan temu bual berikut:

“kita terangkan, set induksi tu kita buatlah, lepas tu masuk sedikit point, pastu kita terangkan balik.”

“contohnya apa eh, kita terangkan je lah balik..... Setakat ni tak de lah lagi macam susah sangat. Untuk form four dan form five ni macam tak de lah susah sangat. Kebanyakannya dia faham. Dia tanya dua tiga kali, takde lah terlalu banyak. Contoh dia kata macam mana tashil, hamzah pertama tanpa idkhol kan tanpa panjang ann centu. kita terangkan lah.....”

“kalau Qiraat arr apa yang saya buat, kan kita mengaji sebab mereka dengar kan kelainan so tertariklah mereka.....”

“kadang-kadang tu kita buat bila..... pembentangan ann kita gunakan.....kertas mahjong.....kadang-kadang tu aa kalau ada aktiviti digital tu kita guna komputer, LCD, projektor kan.....”

“Apa panggil tu Quizizz, Quizizz, kita search je.”

“.....lagulah, kita melagukan subjek tersebut.”

“so saya buat sendirilah kadang tu, ha jadual tu saya buat sendiri.”

“.....soal jawab seringlah semasa proses.”

“banyaknya menilai kita buat ujian. kita buat ujian itu macam mana mereka menjawab satu soalan tu adalah adakah mereka sendiri dapat menjawab atau tidak ha, itulah ujian banyak saya ujilah. Di dalam dua tiga bulan sekali.”

Bagi peserta kajian 3 dalam menerapkan kaedah beransur-ansur, guru Qiraat akan mengulang kembali pembelajaran dengan bertanya soalan kepada murid selepas selesai pengajaran. Menurutnya lagi, dalam memperkenalkan mata pelajaran Qiraat, minggu pertama persekolahan akan diadakan hari pengenalan kepada subjek-subjek yang akan dipelajari oleh murid tingkatan tersebut untuk tahun itu. Guru Qiraat akan

memperkenalkan secara umum sebelum sesi pembelajaran sebenar berlaku. Tambahnya lagi, guru Qiraat mengguna pakai kaedah *talaqqī musyāfahah*, mengajar satu persatu isi kandungan buku teks sehingga difahami. Dalam proses bertahap, guru Qiraat mengamalkan BBM seperti rakaman audio, soal jawab, perbincangan, lagu, nota guru dan nota murid, buku latihan, pelbagai aplikasi, peta minda serta carta, buku teks, LCD, komputer, telefon pintar dan pembesar suara. Dapatan ini disokong melalui pemerhatian (P3, 2025 ; P4, 2025) dan data temu bual berikut:

“Ok lagi beransur ansur memang kita belajo tu akan berlaku lah pengulangan, pengulangan kan selalunya dan saya jugok terapkan bila habis je saya mengajar satu bab tu arr saya ulang balik secara orang kata apa sekali lalu..... contoh macam tadi ibtida’. ok apa ibtida? terbahagi kepada berapa? Dua, waqof hasan..saya nak depa sebut, dapat tak dapat tapi sekurang kurang depa tahu hari ni depa belajar ibtida’ ha kan jadi saya buat centu lah selalunya.”

“..... di sekolah kami ada lah pertama, kita minggu pertama, kita ambil semua subjek, kita perkenal, kita cerita dan sebagainya bila hari belajar tu kita go on teruslah.....”

“Kaedah tadrij dalam pengajaran memang sangat penting, terutamanya dalam subjek yang memerlukan ketelitian seperti Talaqqi Qiraat. Berikut adalah pendekatan yang saya gunakan dalam kelas berdasarkan prinsip Ibn Khaldun Kaedah PnP. Pengenalan Umum Saya mulakan dengan memperkenalkan qiraat secara global, seperti sejarah dan perbezaan utama antara riwayat yang dipelajari. Setiap pelajar membaca di hadapan guru, dan saya membetulkan bacaan mereka secara bertahap. Pelajar mempelajari satu riwayat dahulu sebelum beralih ke yang lain..... Saya membahagikan pembelajaran kepada beberapa fasa makhraj dan sifat huruf, hukum tajwid qiraat, perbezaan riwayat, aplikasi dalam bacaan. Ini membantu pelajar memahami satu konsep sebelum berpindah ke yang lebih kompleks. Saya sering bertanya kepada pelajar untuk menggalakkan mereka berfikir dan memahami lebih mendalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar buku nota Qiraat. Saya menggalakkan pelajar mencatat perbezaan riwayat dalam buku nota mereka untuk rujukan berterusan. Audio dan Media Saya menggunakan rakaman bacaan qari yang mahir dalam setiap riwayat untuk membantu pelajar mendengar dan meniru bacaan yang betul, Aplikasi seperti Tarteel atau Quran Companion juga digunakan untuk latihan sendiri. Saya menyediakan peta konsep yang menunjukkan perbezaan antara Qiraat secara visual supaya lebih mudah difahami.....”

“yang pertama dari segi buku teks saya kata tadi buku nota ni pun sama jugak lah ha kan BBM waktu mengajar.”

“LCD apa semua tu lah...LCD laptop arr speaker.....”

“buku latihan SMKAKL pun kami ada dan kami mewajibkan kan pelajar tu buku latihan tu khusus daripada tingkatan 4 dan tingkatan 5”

“Dalam buku KPM teks disediakan Qr jadi sekiranya cikgu tu tak tak berapa nak paham

sangat kita akan sediakan satu speaker besar ..kita scan jadi diorang nampak.....”

Peserta kajian 4 dalam proses beransur-ansur, guru Qiraat mengajar secara bertahap dari tajuk yang mudah sehingga ke tahap yang lebih kompleks. Sebagai langkah permulaan dalam pengenalan Qiraat, guru akan memperkenalkan Qiraat menerusi video atau audio kepada murid bagi memperkaya pemahaman murid dengan maklumat yang lebih mendalam. Selain itu, guru Qiraat menggunakan kaedah *talaqqi musyāfahah*, aktiviti berkumpulan, soal jawab, penggunaan BBM video, aplikasi Quizizz, Kahoot, Youtube, paparan slide, aplikasi Canva, dan LCD ketika proses pembelajaran. Dapatan ini menunjukkan keselarasan antara dapatan pemerhatian (P3, 2025 ; P4, 2025), diari pengkaji dan temu bual berikut:

“ermm saya menerapkan elemen beransur ansur seperti pendekatan mudah macam mulakan Qiraat yang mudah dulu Qiraat kita hafs an asim dulu kan jadi hafs an asim ni tajuk selepas selepas imam pertama imam pertama imam nafi dulu kan jadi kita perkenalkan Qiraat imam hafs dulu kemudian baru imam lain lain. Ikut bab bab.”

“erm, saya akan bagi diorang dengar video dulu dulu ke video atauu audio aah tapi diorang kebanyakannya diorang kenal Qiraat tu apaa, Cuma nak lagi kenal dalam annn. Saya akan ceritakan tentang imam imam kisah imam imam tersebut sejarah dia ke luar dari buku teks lahh luar lah dalam buku takde bende centu ann. Untuk tambahan kita kena cari.”

“ermm banyakkan talaqqi musyafahah lah..... kita banyakkan suruh diorang baca kalau fatehah imam ni baca macam ni banyak jugak diorang keliru dekat situ kann tapi bila diorang praktis selalu tu insyaAllah boleh lah.”

“ada juga saya menggunakan.....pelajaran berasaskan teknologi arr saya akan tunjukkan pada diorang melalui projecter dan video qori ke, kan diorang ada pertandingan qori tu ke, arr video-video tentang pengertian tajwid khususnya makhraj sifat sebab yang tu masuk dalam silibus ann kemudian yang kedua ada juga pembelajaran secara kolaboratif arr sesi baca-baca secara berpasangan ataupun berkumpul ermm kemudian ada juga pendekatan kreatif macam diorang boleh habis satu bab tu arr saya akan buat kat diorang sesi soal jawablah.....ataupun saya akan buat kuiz papar kuiz dekat projecter kan melalui Quizizz ke atau Kahoott arr, Kahoot kita kena create sendiri selalunya banyak pakai Quizizz lah.

“selalunya saya akan buat canva lah, arr melalui canva cam slide show lah. Haa kalau rajinlah kan atau sempat nak cari tu, ataupun saya akan bukak youtube untuk pelajar tahu ann qori mana yang baca sebagainya haa.”

“arr kadang-kadang saya menggunakannya arr selalunya lebih kepada sebab dekat buku tu buku teks tu ada scan Qr kan jadi bila arr saya scan dia akan dengar audio daripada Qori arr kita boleh arr baca sendiri kadang diorang nak dengar lain kan excited nak

dengar asyik dengar satu jam suara kita je kan.....”

4.5.2 Pengulangan

Kaedah pengulangan diaplikasikan dalam membantu murid mengukuhkan ingatan serta meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran Qiraat. Elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan murid menguasai sesuatu ilmu dengan lebih baik. Bahkan kaedah ini dapat merungkaikan permasalahan dalam pembelajaran ketika proses pengulangan. Bagi peserta kajian 1, sekiranya sesuatu tajuk sukar difahami oleh murid, guru Qiraat akan mengulang tajuk tersebut sehingga dapat difahami kesemua murid. Ini selaras dengan dapatan pemerhatian (P1, 2025) serta petikan berikut:

“saya tak mengulang setiap tajuk kerana ada tajuk senang. Cuma yang susah tu kita akan mengulang banyak kali lah.”

“.....Saya akan ulang lagi sekali..saya tanya tanya faham tak? last kali depa akan faham.”

Bagi peserta kajian 2 pula menyatakan bahawa pendekatan ini membantu kerana murid tidak dapat memahami sesuatu pelajaran secara serta merta, sebaliknya memerlukan secara berterusan untuk meningkatkan kefahaman mereka. Pengulangan dilakukan apabila murid masih keliru dengan tajuk pelajaran tersebut. Kebiasaannya, pengulangan sebanyak tiga kali sudah mencukupi untuk membantu murid memahami namun bukan semua tajuk perlu diulang kerana terdapat tajuk yang lebih mudah difahami. Dapatan ini diperkukuhkan melalui pemerhatian (P1, 2025 ; P2, 2025), diari pengkaji dan berdasarkan kenyataan temu bual berikut:

“membantu lah kaedah ni.....ermm belajar ni kan..kitakan kalau sekali bagi dia tak kan faham terus, kita kena buat pengulanganlah.....”

“.....kita terangkan je lah balik.....setakat ni tak de lah lagi macam susah sangat. Untuk form four dan form five ni macam tak de lah susah sangat. Kebanyakannya dia faham. Dia tanya dua tiga kali takde lah terlalu banyak. Contoh dia kata macam mana tashil, hamzah pertama tanpa idkhol kan tanpa panjang kann. Centu kita terangkan

lah.....”

“tuk budak kita takde lah terlalu banyak selalunya tiga lah paling maximun, diorang akan faham.”

Peserta kajian 3 pula menerapkan pengulangan selepas selesai mempelajari sesuatu bab. Guru Qiraat akan mengulang tajuk tersebut dua atau tiga kali sebelum memulakan bab seterusnya. Namun, jika bab yang dipelajari mudah difahami, pengulangan sekali sahaja sudah mencukupi. Ini sejajar dengan hasil pemerhatian dan temu bual berikut:

“..... macam saya kata tadi lah arr, sebelum masuk ke bab yang arr seterusnya, saya akan ulang bab yang semalam kita ajar. Saya akan ulang jugak dua ke tiga kali..... Sebab selalunya saya akan kalau yang mudoh tu sekali je lah.....”

Peserta kajian 4 pula menyatakan bahawa pengulangan dilakukan selepas sesuatu bab selesai dipelajari. Sebelum memulakan pembelajaran yang baru, guru Qiraat akan mengulang kaji secara ringkas bagi mengingatkan kembali murid tentang bab yang telah dipelajari. Menurutnya, terdapat bab tertentu yang perlu diulang berkali-kali sehingga murid benar-benar memahami dan menguasainya. Berikut berdasarkan data pemerhatian (P3, 2025) dan data temu bual di bawah:

“Latihan pengulangan, repetitive learning tu arr saya akan selalunya saya akan mengulanglah bab yang sebelum, kan kita dah belajar kan, saya akan ulang, saya ulang secara mungkin secara ringkas lah bukan ulang keseluruhan kalau tidak tak cukuplah bab untuk mengajar seterusnya.....”

“pengulangan macam saya kata tadi lah..saya ulang subjek sebelum ni ke kan, ingat kan diorang balik.

“ada jugak bab yang kena ulangan banyak kali jadinya murajah lah bab yang sebelum sebelum ni.....”

Peserta kajian 1 menggunakan beberapa pendekatan dalam proses pengulangan, antaranya meminta murid mengulang sebanyak mungkin atau melagukan isi kandungan mata pelajaran ilmu Qiraat. Bagi mengukuhkan ingatan, guru juga akan mengambil inisiatif bertanya soalan berkaitan Qiraat di luar kelas apabila bertemu dengan murid. Dapatan pemerhatian (P3, 2025) dan temu bual berikut menyokong keterangan ini

“saya selalu suruh depa mengulang je, ngulang je dan kalau depa susah nak ngulang saya suruh depa buat lagu. Lagu ni dalam bab, bab biodata ke bab manhaj imam ke.”

“.....luar kelas lah kan saya akan bila contoh pergi makan saya akan selalu, saya akan suka jalan kat bawah nanti akan terserempak dengan pelajar saya, waktu tu on the sport saya akan random tanya soalan, kira kat situ proses pengulangan lah.....”

Peserta kajian 2 pula meminta murid menerangkan kembali pelajaran yang telah dipelajari, menjalankan sesi soal jawab serta melagukan kandungan mata pelajaran yang telah dipelajari. Kenyataan ini disokong menerusi dapatan pemerhatian (P2, 2025; P3, 2025), diari pengkaji dan temu bual berikut:

“kita terangkan balik dan ta.. tanya balik apa yang mereka tak faham dan su..suruh mereka sendiri yang terangkan balik buat pengulangan lah disitu ann.. mereka terangkan balik apa yang saya dah terang tadi. dan buat soalan sesi soal jawab lah.”

“.....lagulah..kita melagukan subjek tersebut.”

Bagi peserta kajian 3 dan 4, guru Qiraat mengamalkan teknik soal jawab berkaitan tajuk yang telah dipelajari pada permulaan kelas termasuk juga aktiviti lagu yang membantu murid mengulang dan mengingat pelajaran dengan lebih berkesan. Peserta kajian turut menggunakan kaedah latihan bacaan Qiraat atau *talaqqī musyāfahah* ketika mengulang kaji bacaan Qiraat. Dapatan ini disokong menerusi pemerhatian (P4, 2025 ; P3, 2025) dan data temu bual di bawah:

“contohnya macam pengulangan saya memang setiap kali saya boleh kata bila selalu kaedah yang saya gunakan adalah contoh lah kelas saya isnin dah khamis contoh tadi saya habis bab ibtida’, ok saya akan mengulang, diorang pun dah tahu bila saya masuk kelas arr saya tak akan bagi duduk saya akan berdiri dulu saya akan tanya bab ibtida’ yang kita belajar minggu lepas ha jadi kita kat sini kita tengok lah tapi yang mana tak dapat tu tak pa lah kan haa, tapi kita akan buat kuiz sikit sebelum memulakan pembelajaran baru.”

“kalau hafalan Qiraat kami terapkan dengan lagu lah setakat ni lagu lah yang boleh nampak bagi diorang ingat lah”

“dari segi lisan untuk kertas satu memang saya akan gunakan kaedah talaqqi tu je insyaAllah.....”

(peserta kajian 3, 2025)

“.....ataupun saya mengulang tu secara saya tanya diorang haa macam

tadi saya buat ann sesi kuiz tu lah..berdiri semua boleh jawab duduk.”

“pengulangan berkala lah jadi kita akan buat talaqqi arr bab-bab yang ni ann bab bab imam mana arr kita akan ulang ulang supaya diorang akan ingat macam mana kita praktikkah bacaan kan secara bertilawah ok. Kemudiannn lagu tu ada jugak ..lagu tu mengingatkan diorang la harr untuk diorang apa istilah istilah berkaitan.....”

“ada jugak bab yang kena ulangan banyak kali jadinya murajah lah bab yang sebelum sebelum ni.....dengan talaqqi musyafahah tu membantu jugak ataupun buat Latihan bacaan harian ke contoh macam kita dah belajar semua imam kann jadi lepas pada tu kita ulang kaji, kita bagi hari ni suruh baca kan al fatehah imam Nafi’ kemudian baca al fatehah imma Warsh centuu lah latihannn.”

(peserta kajian 4, 2025)

4.5.3 Fokus

Fokus antara pendekatan atau kaedah yang dapat membantu murid mempertingkatkan prestasi mata pelajaran ilmu Qiraat. Pelajar dapat memberikan perhatian sepenuhnya terhadap bab yang sedang dipelajari, tidak berlaku campur aduk dengan bab lain, membantu pelajar mengingat pelajaran serta memastikan pelajar dapat memahami pelajaran sebelum beralih ke tajuk yang lain. Peserta kajian 1 dan 2 memfokuskan satu tajuk sahaja ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada subjek yang baru mereka pelajari. Ini disahkan menerusi data pemerhatian dan berdasarkan kepada kenyataan berikut:

“.....bergantung pada.....kelas tu..kalau cam kita dah habis silibus mungkin akan banyak bab yang kita bincangkan tapi kalau kita tengah on track silibus ada dalam RPH mungkin satu topik sahaja lah.”

(peserta kajian 1, 2025)

“kalau Panjang lah macam mabadi’ memang satu hari kita fokuskan mabadi’ sahaja.

(peserta kajian 2, 2025)

Menurut peserta kajian 2, aktiviti seperti kelas tambahan membantu murid fokus kepada mata pelajaran Qiraat sahaja.

“memang kita banyak buat kelas tambahan, kita buat kelas tambahan supaya murid pun

banyak masa untuk fokus pada maharat.

Peserta kajian 3 memfokuskan tajuk yang dipelajari namun mengaitkan bab yang tertentu seperti bab waqaf dengan bab *ibtida'* atau Qiraat imam lain dengan Qiraat Hafş supaya murid dapat melihat perbezaan ketika sesi pembelajaran. Dalam masa yang sama, peserta kajian 3 memastikan murid mendapat kefahaman yang betul sebelum menukar tajuk yang lain. Keterangan tersebut disokong menerusi data pemerhatian (P3, 2025), diari pengkaji dan temu bual berikut:

“macam saya kata tadi saya memang fokus, tapi saya akan berkait lah kiranya kalau istilah ni ada lah kot noo, sebab macam khadijah kata ada tak masuk bab ni? Ada. Bila saya ajar bab ibtida' saya akan pi masuk jugak bab waqof jadi bercampur sikit lah. Tapi Cuma tak adolah saya bercampur sampai hilang terus bab yang kita nak ajar..... Lagi contoh kita ambik bab mulo mulo diorang bab tingkatan empat bab Nafi', depa tak nampak diorang nak baca pun jadi macam pelik arr, kita bacaan kita Hafş an Asim memang maalikiyaumiddin maa tu panjang tapi sekiranya kalau Nafi dia baca malikiyaumiddin, diorang nak biasakan tu pun tak boleh jadi kita terpaksa masuk lah bab imam Hafş an Asim dengan Nafi'. Saya akan kait bacaan kita.....Supaya diorang nampak kan.”

“ya betul pasti kena pastikan saya akan pastikan diorang faham lah.”

Bagi peserta kajian 4, guru Qiraat memfokuskan tajuk yang dipelajari dan melakukan latihan selepas selesai sesi pengajaran tersebut. Ini boleh dilihat kepada dapatan pemerhatian menerusi diari pengkaji dan teks temu bual di bawah:

“kalau untuk awal awal ni memang satu tajuk lah satu PdP ann satu tajuk arr satu tajuk dua hari ke kann. Fokus dulu lah, dia lain dengan ulangan lepas kita dah habis semua tu, saya selalunya tak akan masuk bab lain tu jadi saya suruh diorang buat latihan ke.”

4.5.4 Perbincangan

Kaedah perbincangan membantu murid berfikiran kritis, terbuka dan berdaya saing. Murid dapat mendalami ilmu dengan lebih baik melalui interaksi dan pertukaran idea ketika perbincangan bersama. Perbincangan juga dilihat dapat membantu murid yang lemah mengatasi kekeliruan dengan bantuan rakan-rakan yang lain ketika di bilik darjah. Kaedah perbincangan yang diterapkan peserta kajian 1 adalah seperti

perbincangan secara berkumpulan dengan membahagikan tiga atau empat murid untuk aktiviti seperti pembentangan dan mencipta lagu. Ini berdasarkan kepada pemerhatian (P1, 2025 ; P2, 2025, P3, 2025) dan menerusi temu bual berikut:

“perbincangan melalui grouping lah kami akan arr bahagi contoh cam kelas saya kan bahagikan ke 3 ke 4, suh diorang bincang dulu. Kemudian buat presentation lah..... presentation tu cam contoh dulu depa ada buat, depa nak create lagu..depa yang buat persembahan lagu tu dulu..aaa..depa hafal lagu tu maksudnya nama imam, lahir kat mana.....berdasarkan lagu contoh lagu maher zain, maher zain imam Warsh, contohhhh depa ingat automatik lah.”

Menurut peserta kajian 2, perbincangan menerusi aktiviti pembentangan secara berkumpulan dengan mengabungkan murid yang lemah dengan murid yang cemerlang dalam satu kumpulan bertujuan agar murid yang cemerlang dapat membimbing rakan mereka yang agak lemah dalam pembelajaran. Dapatan pemerhatian menerusi diari pengkaji dan temu bual menyokong kenyataan tersebut.

“kalau aktiviti berkumpulan ni kebanyakannya pembentanganlah, pembentangan. kita campur dengan yang tak lemah sekali supaya masing-masing dalam masa yang sama yang pandai tu boleh membimbing yang lemah tu sendiri..

Bagi peserta kajian 3, perbincangan menerusi kumpulan belajar bersama guru muda dan juga aktiviti pembentangan. Hal demikian boleh dilihat kepada dapatan pemerhatian dan kenyataan di bawah:

“.....perbincangan tu lebih kepada pembentangan dan guru muda lah senang kata.”

Manakala peserta kajian 4, perbincangan dengan melaksanakan aktiviti berkumpulan. Perbincangan yang dilakukan memberi kesan positif kepada murid yang terlibat lebih-lebih lagi murid yang lemah dalam pelajaran. Kenyataan selaras dengan data pemerhatian dan dapatan temu bual di bawah:

“aktiviti berkumpulan ye.”

Berdasarkan kepada peserta kajian 1, metod perbincangan membantu murid yang lemah memperluaskan lagi kefahaman. Dalam masa yang sama pelajar yang lemah akan bersemangat untuk menggali lebih mendalam pelajaran tersebut menerusi

contoh dari rakan mereka sendiri yang lebih berpengetahuan. Kenyataan ini berdasarkan penjelasan berikut:

“bagus sebab dia akan bantu pelajar macam tadi kan..ada pelajar lemah ada pelajar excellence kan..so secara tak langsung pelajar lemah akan dapat..mungkin pelajar lemah ni bila kita terang depa kan faham sikit..bila kawan dia yang terang sendiri, mungkin depa lebih faham. Itu main peranan tu kadang kadang.”

“bila tengok kawan kawan dia ada yang dah tahu, dia tak tahu. Dia akan trigger untuk tahu lah so akan meningkatkan lah.”

Peserta kajian 2 melihat pendekatan perbincangan menjadikan murid saling membantu sesama sendiri dan guru Qiraat dapat mengetahui kefahaman murid dalam pelajaran. Hal ini dijelaskan melalui pernyataan berikut:

“.....pandai tu boleh membimbing yang lemah tu sendiri.”

“bila kita bincangkan kadang-kadang arr murid yang ada bahagian murid ni tak tahu ada murid tahu, bila kita bincang, ohh dia faham. Boleh memahami. Bila kaedah perbincangan ni dia sangat membantulah.”

Bagi peserta kajian 3, guru Qiraat menerapkan perbincangan dengan menjadikan pelajar yang cemerlang membimbing murid yang lemah. Tambahan lagi, cara ini dapat menarik minat pelajar yang lemah serta membantu menambah lagi pengetahuan apabila berkongsi ilmu sesama rakan-rakan. Ini disokong menerusi pemerhatian (P3, 2025) dan teks temu bual berikut:

“guru muda ni dan diorang akan mengajar kawan kawan diorang.Sebab diorang kadang kadang bila dengan kawan dia lain taw. Haa bila diorang share share kawan diorang akan cakap oh macam tuu, haa dia lain centu.”

Peserta kajian 4 melihat kesan perbincangan sangat membantu. Murid yang lemah dapat bercerita tentang masalah mereka kepada rakan-rakan yang lain. Berikut merupakan data kenyataan ini:

“saya boleh nampak tu diorang boleh menyuarai lah kekeliruan antara kawan kawan diorang selalunya yang lemah ni diorang akan diam jee, yang pandai akan ni haa tapi sebab diorang sesama kawan diorang tak malu untuk bercakap diorang lain dengan kita aaa walaupun dia lemah ann.”

4.5.5 Tidak Mengambil Masa Yang Lama

Kaedah ini menerapkan pembelajaran dilakukan secara efisien di mana guru mengajar secara konsisten, elakkan pengajaran yang terlalu panjang, sistematik dan tidak bertanggung atau tidak terputus-putus ketika proses pengajaran sesuatu bab. Guru Qiraat cuba menyelesaikan sesuatu tajuk dalam waktu yang sama. Guru Qiraat juga akan memastikan murid menghafal subjek yang akan dipelajari sebelum masuk ke kelas. Ini menjadikan penggunaan masa yang efisien ketika di bilik darjah kerana murid tidak perlu lagi menghafal ketika proses pembelajaran berlangsung. Ini berdasarkan dapatan pemerhatian (P1, 2025) dan temu bual peserta kajian 1 berikut:

“untuk ni yang elemen tidak mengambil masa yang lama..kita selesaikan pada satu waktu lah kalau boleh..kita akan cuba habiskan secepat yang mungkin..pastu arr tulah..walaupun kita nak cepat tapi kita akan buat juga..supaya depa ni hafal tasmi’ awal awal tu tebuk awal awal tu sebelum kita belajar bab tu suh depa hafal dulu so depa faham dan sekaligus depa dah ingat dah, dah hafal dah. So melalui dah jimat dah sebenarnya.....tapi saya dah pesan anak murid pasti kan hafal dulu..pastu minggu depan kita belajar depa dah faham, ok dah hafal kan, pastu tutup dah selesai.”

Bagi peserta kajian 2, guru Qiraat akan memastikan tidak bertanggung ketika mengajar tambah-tambah lagi pada tajuk yang mudah dikuasai. Dalam masa yang sama guru Qiraat akan memastikan murid memahami sebelum berpindah ke tajuk yang lain. Dapatan pemerhatian (P2, 2025) menyokong kenyataan dan temu bual berikut:

“kalau subjek arr tajuk yang mudah memang saya tak menundalah sebab kita nak kejar lagi silibus, memang tak menundalah, kita terus tu selepas kita tanya budak faham ke tidak, Kita tanya murid”

Bagi peserta kajian 3, guru Qiraat akan menyasarkan bab yang perlu diajar selesai dan tidak bertanggung. Namun jika bab tersebut panjang, guru akan menyambung pembelajaran pada hari lain supaya murid tidak merasakan beban. Guru akan menyelitkan beberapa aktiviti selepas penerangan bab tersebut supaya proses pembelajaran tidak membosankan dan murid lebih fokus di bilik darjah. Hal demikian berdasarkan data pemerhatian (P3, 2025) dan kenyataan berikut:

“selalunya kalau macam ermm kalau kita nak target arr kita mengajar hari ni yang tu lah

kita akan target. Tajuk tu contoh bab ibtida' kita target memang nak habis so saya akan pastikan habis lah, ataupun kalau macam kita nak mengajar sekerat mengajar sekerat lah lepas tu kita akan buat aktiviti dan sebagai nya kita tengok pada keadaan bab tu kalau terlalu panjang ha kita tak boleh lah nak habiskan sekali gus kalau macam pendek boleh lah."

Menurut peserta kajian 4, guru Qiraat akan merancang pengajaran dan pembelajaran secara sistematik menerusi rancangan persediaan harian dengan teliti supaya masa yang diperuntukkan padat, efisien dan seimbang dengan pengajaran, latihan, aktiviti dan pengulangan tajuk-tajuk yang telah dipelajari. Pengulangan tajuk yang telah dipelajari di kelas bergantung kepada bab tersebut sama ada panjang atau pendek. Jika bab yang akan dipelajari terlalu panjang, pengulangan bab lama akan dikurangkan. Kenyataan ini diperkukuhkan melalui pemerhatian, diari pengkaji dan temu bual di bawah :

"ermm saya akan rancang dulu lah PdP tu kan RPH tu dengan teliti supaya penyampaian kita fokus dan padat lah haa tapi tak tak de lah terlampau padat cukup untuk satu jam tu lah kita olahan pastu kita arr saya boleh ermm menghadkan aktiviti, jangan fokus aktiviti lama sangat kan kalau dalam satu jam tu kita nak, ada nak mengajar dan kita nak buat latihan....."

4.5.6 Percubaan

Dalam kaedah pendidikan Ibn Khaldun, percubaan merupakan instrumen penting dalam menguji kefahaman dan kemahiran murid. Percubaan atau *tajribah* yang diterapkan dapat membuka peluang kepada murid untuk belajar melalui pengalaman, mempraktikkan ilmu yang dipelajari, dapat berdikari tanpa bergantung kepada guru, semakin mahir dan dapat memperbaiki kesilapan yang berlaku ketika percubaan. Percubaan yang dilaksanakan guru Qiraat adalah seperti menggalakkan murid membaca bacaan al-Quran secara Qiraat tanpa melihat buku teks. Guru Qiraat mendorong murid berani untuk mencuba walaupun berlakunya kesalahan ketika membaca. Perkara ini dapat membina keyakinan dan kefahaman mereka. Ini berdasarkan dapatan (P1, 2025) dan kenyataan peserta kajian 1 berikut:

"contoh nya macam saya buat depa su, saya suruh depa baca tanpa tengok buku teks tu, baca terus dengan al-Quran. Cuba je walaupun saya tak boleh ustaz, tak pe lah saya cuba je bukan ustaz nak makan pun, cuba je dulu, so depa cuba juga, tak de nak bantah ke apa

ke.”

Bagi peserta kajian 2, guru Qiraat akan melakukan secara praktikal dengan mendorong murid selalu membaca al-Quran secara Qiraat. Selain itu, murid akan membaca al-Quran dengan wajah Qiraat imam tertentu di majlis-majlis yang dianjurkan di sekolah. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

“selalunya praktikal lah, kita selalu suruh baca, kita selalu suruh buat apa-apa satu majlis tu, haaa, macam tilawah kan, selalu di tahfiz kan mengaji al-Quran macam biasa tu kan biasakan, so kelainan kitorang akan bagi imam-imam.....”

Bagi peserta kajian 3, percubaan yang dilakukan iaitu melaksanakan kuiz berkenaan dengan bab yang telah dipelajari. Ini selaras dengan dapatan pemerhatian dan temu bual berikut:

“macam saya kata kat khadijah tadi, saya selalu terapkan arr setiap kali saya masuk kelas saya akan ni lah buat, berdiri dulu kemudian saya akan tanya bab yang belajar semalam, cara kuiz lah senang kata percubaan diorang.”

Peserta kajian 4 pula melakukan percubaan dengan menguji bacaan murid dari sudut makhraj dan sifat. Selain itu, percubaan bacaan Qiraat sebagai latihan perbandingan wajah-wajah Qiraat. Guru Qiraat akan meminta murid pertama membaca Qiraat imam tertentu dan murid yang kedua membaca Qiraat imam yang berbeza dengan murid yang pertama. Kemudian guru Qiraat akan menyuruh murid-murid yang lain mendengar, melihat dan menjawab pertanyaan guru tentang perbezaan bacaan Qiraat kedua-dua imam. Selain itu, guru Qiraat turut menganjurkan persembahan di bilik darjah sebagai aktiviti percubaan. Hal demikian sejajar dengan kenyataan berikut:

“ada juga saya buat eksperimen.....khususnya perbetulkan bacaan diorang makhraj ke huruf diorang kan. Kadang diorang boleh membaca tapi baca tak betul kita dengar pun macam tak sedap lagi untuk diorang baca tuu kan, jadinya murid diorang boleh tahu sendiri perbezaan suara diorang tuu kan.....ataupun kita panggil seorang kawan yang betul bacaan ok cuba baca macam ni ann kita suruh dia ulang ikut kawannya, ataupun latihan perbandingankita buat perbandingan Qiraat ni dengan Qiraat tuu,contoh ye kita amik seorang pelajar ni imam satu sorang yang ni imam kedua apa beza imam satu dengan yang kedua ni? yang lain boleh jawab kann, kita cuba lah. Pertandingan tu ada lah dalam kelas kita buat. Cuma persembahan bukan pertandingan

4.5.7 Tauladan

Konsep tauladan berdasarkan metod *muḥākah* yang bermaksud mencontohi atau meniru. Konsep ini merujuk kepada pembelajaran melalui peniruan iaitu murid meniru perbuatan guru yang lebih berpengalaman. Guru seharusnya berusaha melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan penuh dedikasi, komitmen dan ikhlas agar matlamat pendidikan tercapai. Di samping itu, guru sebagai mentor atau pemimbing perlu menunjukkan sikap yang baik, jujur dan amanah. Kekerasan ketika mendidik seharusnya dielakkan dan digantikan dengan pendekatan yang lebih berkesan dan berhemah. Guru perlu membimbing murid dengan teknik yang betul serta memastikan sumber yang diambil dan digunakan sahih agar pelajar dapat meningkatkan kemahiran mereka.

Berdasarkan kenyataan peserta kajian 1, guru Qiraat terutamanya guru pendidikan agama seharusnya menjaga bahasa ketika bercakap, dekati pelajar yang bermasalah dengan membimbing, memberi nasihat kepada mereka dan pemakaian sebagai seorang guru perlu kemas. Selain itu, peserta kajian 1 akan memberi ganjaran kepada murid yang bersungguh-sungguh membuat yang terbaik sebagai menghargai kesungguhan mereka ketika belajar. Hal ini berdasarkan sokongan pemerhatian, diari pengkaji dan kenyataan berikut:

“kita cakap elok elok.....selain daripada tu pakaian nya kena kemas lah, so supaya hendak menunjukkan kekemasan kelaskena pakai songkok dan sebagainya.”

“kita kena kita kena tarik dia masuk dalam diri kita, jangan terasingkan dia, kena bimbing dia lah.....kita kena approach dia bagi nasihat dan bimbing dia lahni bila kita tak suka dia, lantak ye lah, tak mau lah macam tu.”

“saya memang garang dalam kelas, senang je, kita buat give and take maksudnya kalau kamu buat terbaik, ustaz juga akan buat benda yang terbaik sebagai balasan contohnya kan hari ni kan saya sebelum sebelum apa nak mula kelas, depa dah ramai dapat tasmu’ selalu saya akan bagi gula-gula lah tapi contoh cam exam akhir tahun baru baru ni sape dapat A, saya akan bagi makanan cam kat family mart centu lah nak bagi reward sikit.”

Bagi peserta kajian 2, guru Qiraat perlu berakhlak baik, menjaga adab, cuba memahami murid yang bermasalah dalam pelajaran, selalu bertanya khabar dan

bersikap baik dengan murid. Kenyataan berikut selari dengan data pemerhatian dan temu bual berikut:

“tulah, akhlak guru lah, adab tu kita kena jaga pastu antara kita dengan murid tu sendiri tak suka ke, kita kena menjaga hubungan baik, murid ada masalah dengan kita selalunya tak de lah. Murid tahfiz kot, perempuan pulak.”

“kita tanya khabar selalu, tanya khabar.”

Bagi peserta kajian 3, guru akan bercerita tentang tentang adab ketika di bilik darjah dalam membentuk sikap murid yang baik. Menurut peserta kajian lagi guru Qiraat perlu pandai menyesuaikan diri dalam apa-apa situasi iaitu tegas dan lembut pada tempatnya. Peserta kajian 3 lebih memilih bersikap lemah lembut kerana mengganggu murid tingkatan tinggi sudah diperingkat dewasa namun batasan perlu dijaga jika guru tersebut berlainan jantina. Selain itu, akhlak yang baik sebagai seorang guru sangat penting kerana menjadi cerminan kepada murid-murid di sekolah serta guru perlu mengaku jika melakukan kesilapan dengan menundukkan egonya ketika ditegur oleh sesiapa sahaja termasuklah murid. Hal ini berdasarkan data pemerhatian dan penjelasan berikut:

“kalau tauladan ni memang tak lari lah dari pekerjaan cikgu ni selalunya tauladan ni memang setiap kali kita selitkan tu bila kita belajar belajar kita dah nampak pelajar tu dah mula macam mengantuk ataupun sebagainya kita selitlah tauladan apa ni kepada pelajar haa kita cerita adab dan sebagainya.....saya ni lebih dikenali sebagai seorang joker lah haasaya tak suka guna pendekatan garang, bukan lah tak tunjuk garang tapibukan terlalu tegas tapi kita bagi jugok ada jugok something yang diorang boleh terima dalam keadaan lembut. Haa bukan semua keras sebab diorang dah peringkat dewasa haa bagi saya lah dan saya sendiri pun kalau saya lebih suka guna pendekatan lembut lah.”

“.....kita secara tak langsung memang kena berakhlak lah dengan pelajar memang sangat sangat pentinglah supaya cerminan kitamacam kami lah bila kita nak didik pelajar tahfiz ni bila diorang makan kadang kadang diorang tak terperasan diorang makan berdiri kan haa balik daripada kantin tu kan kita kita ni kita cakap ni “hai duduk duduk”,duduk tapi kita pulak kadang kadang bila sukan kan kita tak sedar kita bukak air “haih ustaz kata kat kami” “ohh astagfirullah ustaz terlupa” jadi sikap ego tu kena buang lah kalau pelajar tu tegur secara bukanlah semua boleh tegur komen kita tapi kita kena penerimaan jugak lah.”

“hubungan yang baik noo, itulah yang pertama sekali daripada segi kami dengan perempuan ni kena ni sikitlah batas sikit lah, bahaya sikit lah perempuan kan tapi nak kata hubungan baik ni kira kita kena banyak bercerita berkenaan adab lahh.”

Manakala peserta kajian 4 menjadikan diri sebagai contoh dengan menunjukkan kaedah yang sah dan betul dalam pengajaran. Contohnya guru membaca Qiraat dengan bacaan yang tepat. Kesannya murid mengetahui bacaan yang sah dalam pembacaan. Selain itu, guru Qiraat perlu menunjukkan kesungguhan sebagai guru ketika menyampaikan ilmu dengan penuh ketekunan dan minat. Ini juga dapat menunjukkan kepada murid bahawa setiap perbuatan yang dilakukan perlu bersungguh-sungguh. Peserta kajian 4 turut memilih bersikap dengan sikap yang lembut, banyak berjenaka ketika menyampaikan pengajaran dalam menarik minat dan fokus murid. Tambahnya lagi, peserta kajian 4 memberi ganjaran sebagai penghargaan kepada murid yang bersungguh-sungguh dalam pembelajaran. Dalam mengatasi masalah murid yang bermasalah dalam pembelajaran, guru Qiraat akan bersemuka dan cuba menasihati dengan cara yang baik. Sejajar dengan hasil pemerhatian dan temu bual dibawah:

“saya akan jadi contoh lah..... mempersebahkan kat diorang cara bacaan yang betul, supaya diorang tiru oh macam ni cara yang betul diorang ni.....ataupun boleh saya kata kan tunjukkan adab dalam menuntut ilmu haa maksudnya kita tunjuk cara cara kita nak sampai kan ilmu tu betul betul tekunnn kan dengan penuh minat.”

“saya selalunya saya banyak bergurau dengan diorang.....berjenaka dengan diorang supaya diorang fikir arr, kita mengajar tu tak terlampau serius.....jadi diorang menarik minat diorang.....”

“saya menghargai diorang dengan membagi hadiah, kan diorang boleh jawab bagi hadiah ataupun peperiksaan diorang dapat A selalu saya akan bagi hadiah special sikit.”

“bersemuka lah saya suka bersemuka, bercakap baik”

Kesemua peserta kajian bersetuju bahawa murid yang baik lahir daripada didikan guru yang baik. Guru berperanan sebagai cerminan serta contoh kepada murid, menggantikan peranan ibu bapa ketika di sekolah. Tambahan pula, sekolah yang dikaji dalam penyelidikan ini merupakan sekolah berasrama di mana murid menghabiskan sebahagian besar waktu mereka di sekolah. Oleh itu, peranan guru diperlukan dalam memberikan contoh yang baik agar dapat dicontohi oleh murid. Kenyataan ini sejajar dengan dapatan kajian berikut:

“ya saya rasa betul lah tu..sebab arr ada setengah murid ni dia menganggap gurunya tu

*idola kalau tak idola pun, dia macam cerminan lah, contoh dia umpamakan, ustaz pun
buat apa lagi kita pun boleh
buat.....”*

(peserta kajian 1, 2025)

*“tidak semua, maybee tauladan memang kita tauladan tapi iman pun tak dapat diwarisi
apatah lagi sikap kita kan ermm tapi memang yangbaik diorang akan
ikutlah.”*

(peserta kajian 2, 2025)

“betulah tu sangat tepat lah. Bila cikgu huru hara jadi huru hara jugak lah.”

(peserta kajian 3, 2025)

*“ye, pada pandangan ye lah sebab murid ni tambah diorang asrama dan diorang
perempuan kan, kebanyakan akan ambil guru perempuan jadi contoh.....”*

(peserta kajian 4, 2025)

4.5.8 Riḥlah

Riḥlah dalam konteks pendidikan Ibn Khaldun merujuk kepada pembelajaran menerusi perjalanan atau pengalaman secara langsung di luar bilik darjah. Metod ini menerapkan pemerhatian, eksplorasi dan pengalaman secara praktikal bagi memperluaskan lagi ilmu yang dipelajari. Murid dapat melihat realiti sebenar yang berlaku di luar yang mana dapat memberi kesan mendalam kepada diri murid berkaitan dengan pelajaran tersebut. Pembelajaran secara praktikal dapat memperkenalkan murid kepada guru dan para ulama yang pakar dalam bidang tersebut. Sekaligus, murid dapat menarik minat serta menambahkan ilmu secara tidak langsung. Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian kurang mengaplikasikan kaedah *riḥlah* dalam proses pembelajaran.

Menurut peserta kajian 1, jarang melakukan *riḥlah* berkaitan dengan Qiraat kerana masa murid dengan al-Quran akan berkurang kerana matlamat sekolah SMTDR yang utama adalah untuk khatam hafazan awal. Tambahnya lagi, aktiviti yang dilakukan di luar sekolah adalah seperti persembahan bacaan Qiraat bawah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) namun lawatan pembelajaran masih dalam perancangan ketika temu bual ini dijalankan. Teks berikut menjadi rujukan bagi menyokong kenyataan ini:

“saya rasa kuranglah, kalau tak de, nampak kejam sangat, sebab kita ada ermm bacaan Qiraat untuk JAIPK dan sebagainya cumanya mungkin ada nak buat pergi INTIM cam dekat sangat, mungkin kita nak pergi ke DQ rancangan memang dah ada lah tahun ni mungkin sebelum cuti sekolah ni nak pergi ke DQ untuk tengok macam mana depa menghafal dan aplikasikan Qiraat tu. Baru ada ni kami nak pergi Nasyrul Quran, pergi DQ mungkin sebelum cuti sekolah ni. Tu nak bawa ustaz Nizar tu, dia senior tu orang lama shoubra tu.....”

Bagi peserta kajian 2 menyatakan bahawa lawatan pembelajaran berkaitan dengan ilmu Qiraat selama berkhidmat di SMTDR masih belum dilaksanakan. Ini berdasarkan keterangan berikut:

“Saya tak pasti sebelum tu, tapi kan kita dengan PKP ya 2020 tu...”

“ermm ha, tapi akan datang memang kita nak buatlah tambah lagi minat diorang kita cadang nak bawa ke DQlah, kita nak tengok suasana kat sana, nak tengok kakak kakak kat sana.”

Menurut peserta kajian 3, *rihlah* khusus untuk Qiraat masih belum dibuat cuma *rihlah* yang berkait dengan *hifz* al-Quran yang dirangkumkan bersama Qiraat telah dilaksanakan beberapa kali seperti lawatan ke Darul Quran, Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur dan lain-lain lagi. Ini selaras dengan dapatan temu bual berikut:

“Cuma kalau untuk pengetahuan khadijah, kami bukan langsung tak de rehlah tu arr kalau hat ni luar lah kan kalau dalam asrama kami ada kami ada contoh kami ada kem koko kami ada hiking ataupun kami ada river tracking ada lah bende tu ada tapi cuma khusus untuk Qiraat tak dok lagi lah.....dan saya kata ada jugok macam kami pergi Muzium Islam, DQ sebagainya tu ada tapi dia bukannya khas Qiraat nya..... dia rangkum dalam Hifz al-Quran dan Qiraat. jaranglah kami nak khusus Qiraat saja selalunya Qiraat ni dia bawah maharat dan hifz. Senang kata kan...sebenarnya kami ada macam contoh lawatan ke sekolah sekolah ada tapi dia lebih,..... kalau untuk SMTDR ni dia lebih kuat hifz sebenarnya nama pun sekolah menengah tahfiz, Qiraat di bawah subjek hifz.....”

Bagi peserta kajian 4 pula, *rihlah* khusus pembelajaran Qiraat masih dalam perancangan mengikut bajet yang ditetapkan. Kenyataan ini berdasarkan dapatan berikut:

“ermmm kebanyakan semua masih dalam perancangan macam tu lahhh..kena ikut bajet jugak kan cam nak buat lawatan ke institusi Qiraat kan.. cam lawatan ke darul Quran sekalipun...haaa semua perlu bajet lahh..”

Keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa guru-guru Qiraat di sekolah telah mengaplikasikan pendekatan pendidikan Ibn Khaldun secara meluas terhadap pengajaran khususnya pendekatan *tadrīj*, *tikrār*, *tajrīb* serta *muḥākah*. Pelaksanaan pendekatan-pendekatan ini dilihat memberi impak positif terhadap peningkatan minat, penguasaan dan kefahaman murid dalam mata pelajaran Qiraat. Pendekatan *tadrīj* merupakan antara pendekatan yang paling dominan dalam kalangan semua peserta kajian. Guru-guru Qiraat menyusun isi kandungan pengajaran secara bertahap bermula daripada asas sehingga ke tahap yang lebih kompleks. Proses pengajaran ini dijalankan dengan pendekatan bertahap yang memastikan murid benar-benar memahami sesuatu tajuk sebelum berpindah ke tajuk yang seterusnya. Strategi ini dilengkapi dengan penggunaan pelbagai teknik seperti set induksi menarik, *talaqqī musyāfahah*, soal jawab, aktiviti lagu serta pelbagai BBM seperti buku teks, nota tambahan, slaid, komputer, telefon pintar dan aplikasi digital seperti Quizizz, Kahoot dan Canva. Guru turut menekankan kepentingan pengulangan sama ada secara lisan atau visual untuk memperkukuhkan ingatan murid terhadap bab yang telah dipelajari.

Selain itu, guru-guru Qiraat turut mengamalkan pemfokusan terhadap satu tajuk dalam satu masa iaitu satu pendekatan yang sejajar dengan prinsip pendidikan berstruktur. Pendekatan ini mengelakkan kekeliruan murid terhadap isi pelajaran yang sedang diajar. Pendekatan ini juga membantu dalam membina kefahaman yang mendalam dan sistematik. Malah terdapat guru mengintegrasikan antara tajuk tertentu yang saling berkait seperti membandingkan bacaan antara dua imam Qiraat untuk menunjukkan variasi wajah bacaan. Selepas selesai sesuatu tajuk maka latihan dan aktiviti pengukuhan akan dilaksanakan. Dari segi pengurusan masa, guru Qiraat menunjukkan kecekapan dalam merancang pengajaran agar tidak terganggu atau tertangguh bahkan berusaha menyampaikan kandungan secara konsisten dan efisien. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dirancang dengan teliti dan seimbang antara pengajaran, latihan, pengulangan dan aktiviti murid. Sekiranya sesuatu bab terlalu panjang, guru akan membahagikan sesi pengajaran kepada beberapa bahagian dan diselitkan dengan aktiviti agar tidak membebankan kognitif murid.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pendekatan *tajrīb* diterapkan melalui pelbagai bentuk percubaan yang memberi ruang kepada murid untuk mencuba, berlatih

dan memperbaiki kesilapan. Guru memberi galakan kepada murid untuk membaca wajah Qiraat tanpa melihat buku teks sebagai latihan sendiri dalam membina keyakinan. Latihan makhraj, kuiz, latihan perbandingan wajah bacaan antara imam serta persembahan bacaan di majlis atau kelas turut diguna pakai sebagai bentuk latihan praktikal yang menyokong pembangunan kefahaman dan penguasaan murid dalam ilmu Qiraat.

Dari sudut *muḥākah*, guru memainkan peranan sebagai model dan contoh kepada murid. Guru bukan sahaja menjadi rujukan dalam bacaan yang sahih tetapi juga menunjukkan teladan dalam aspek adab, penampilan dan komunikasi. Guru mendidik murid dengan pendekatan yang berhemah, memahami masalah murid, serta menunjukkan sikap rendah diri dan berintegriti. Nilai-nilai ini terbukti memberi kesan positif terhadap sikap dan keterbilatan murid dalam pembelajaran. Dalam pada itu, pendekatan *rīḥlah* masih kurang diamalkan dalam konteks pengajaran Qiraat. Faktor kekangan masa dan penekanan terhadap matlamat hafazan menjadi antara cabaran utama. Walaupun terdapat aktiviti luar seperti penyertaan murid dalam persembahan rasmi atau lawatan umum ke institusi agama, *riḥlah* khusus bagi subjek Qiraat masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan hanya berada dalam peringkat perancangan.

Secara keseluruhannya, pendekatan-pendekatan yang diterapkan oleh guru-guru Qiraat berasaskan prinsip pendidikan Ibn Khaldun telah berjaya meningkatkan penglibatan aktif, kefahaman mendalam serta prestasi murid dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Pelaksanaan pendekatan *tadrīj*, *tikrār*, *tajrīb*, *tarkīb*, perbincangan, masa yang efisien dan *muḥākah* terbukti relevan dalam konteks pengajaran Qiraat yang menuntut kepada pemahaman secara bertahap, latihan berulang, percubaan dan bimbingan secara teladan dan lain-lain lagi. Justeru, pendekatan ini wajar dikembangkan dan diperluas lagi termasuk dengan usaha mengintegrasikan elemen *rīḥlah* yang kurang diamalkan secara sistematik bagi memperkukuh keberkesanan pembelajaran secara holistik dalam konteks sekolah tahfiz berasrama. Berikut merupakan jadual rumusan penggunaan pendekatan Ibn Khaldun oleh guru-guru Qiraat serta pandangan pelajar berkenaan dengan kaedah yang diaplikasikan guru pada jadual 4.7 dan 4.8 di bawah:

Jadual 4. 7

Penggunaan Kaedah Ibn Khaldun

Bil	Kaedah Ibn Khaldun	Peserta Kajian
1	Beransur-ansur	4
2	pengulangan	4
3	Fokus	4
4	Perbincangan	4
5	Ambil masa yang lama	4
6	Percubaan	4
7	Tauladan	4

Berdasarkan jadual penggunaan kaedah pendidikan Ibn Khaldun oleh guru Qiraat di SMTDR menunjukkan bahawa kesemua kaedah Pendidikan Ibn Khaldun yang diamalkan guru Qiraat SMTDR berada pada tahap tinggi kecuali kaedah rihla yang terhad penggunaannya. Dapatan ini membuktikan walaupun guru kurang tahu atau mahir berkenaan dengan pendekatan teori pendidikan Ibn Khaldun namun elemen dan prinsipnya telah diterapkan secara tidak langsung dalam amalan pengajaran Qiraat. Kaedah tadrij dan pengulangan menjadi antara amalan yang paling cenderung digunakan guru ketika sesi PdP. Guru lazimnya mengajar Qiraat secara bertahap bermula dengan asas sebelum memperkenalkan dengan lebih mendalam lagi. Strategi ini menggambarkan pelaksanaan prinsip tadrij yang menekankan pengajaran secara berperingkat sehingga yang lebih kompleks.

Pengulangan pula dilihat penting bagi memastikan penguasaan ilmu Qiraat mantap dan teguh melalui pengulangan yang berterusan sehinggalah dapat difahami dan diingati kesemua pelajar. Selain itu, kaedah fokus turut diamalkan oleh kesemua guru Qiraat dalam membantu pelajar menguasai ilmu Qiraat dengan lebih baik tanpa berlaku kekeliruan. Seterusnya kesemua guru Qiraat menerapkan kaedah perbincangan dan percubaan yang lebih berpusatkan pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini merupakan elemen yang sangat penting terutamanya dalam memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran serta memberi pengalaman baru kepada pelajar-pelajar. Selanjutnya, kaedah tauladan turut mencapai pada tahap yang tinggi di mana guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu yang berintegriti tetapi model akhlak dan pembentukan sahsiah kepada pelajar-pelajar. Akhir sekali kaedah yang

kelapan iaitu rihlah menunjukkan penggunaan yang terhad berbanding dengan kaedah lain. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dinafikan seperti kekangan masa, logistik dan keutamaan kurikulum yang lebih tertumpu kepada hafazan al-Quran.

Jadual 4. 8

Pandangan Pelajar Berkenaan Dengan Kaedah Guru

Informan (Pelajar)	Pandangan Pelajar
Informan 1	<i>"Merefresh balik ingatan saya tentang topik lepas."</i> <i>"guru saya akan menerangkan dahulu asas asas seperti makhraj huruf baru masuk kepada topik cara bacaan Qiraat."</i> <i>"Menumpukan perhatian kepada satu satu tajuk.ia memudahkan kami faham secara bertahap."</i> <i>"Sentiasa."(memperdengarkan bacaan yang sebenar)</i> <i>"Satu perkara yang wajib bagi guru saya, ia akan membetulkan bacaan qiraat saya." (pelajar mencuba dengan membaca Qiraat)</i> <i>"Sentiasa."(latihan berterusan)</i> <i>"Ya." (pendekatan guru anda menjadikan pelajaran Qiraat lebih mudah difahami kerana ia berlaku secara berperingkat dan bersambung)</i>
Informan 2	<i>"Guru selalu menyuruh kami membaca secara rawak supaya kami sentiasa ingat dan bersedia."</i> <i>"Ya." (guru mengajar secara bertahap, bermula dengan asas sebelum kepada topik yang lebih sukar)</i> <i>"Guru saya akan mengajar banyak sekaligus, kemudian ketika mengulangkaji, kami akan mengasingkan setiap imam mengikut hukum bacaan."</i> <i>"Ya." (guru menunjukkan atau memperdengarkan bacaansebenar supaya anda boleh memerhati dan meniru)</i> <i>"Pengalaman itu membantu saya untuk menyebut dengan betul." (diberikan peluang untuk mencuba sendiri bacaan Qiraat berulang kali)</i> <i>"Ya." (guru memberi masa untuk anda membiasakan diri (latihan berterusan) dalam bacaan Qiraat)</i> <i>"Saya diberi masa untuk menjawab dua kali soalan Qiraat yang sama supaya saya dapat ingat dan belajar dari kesilapan."</i>
Informan 3	<i>"Ya sudah pasti hal ini kami dapat memorize balik apa yang kami sudah pelajari kerana kadang-kadang kami terlepas pandang atau tidak sempat untuk mengulang kaji sendiri. Oleh itu apabila guru mengulanginya di dalam kelas maka setiap murid dapat mengulanginya kembali bersama-sama."</i> <i>"Ya guru saya mengajar mengikut aturan buku teks yang telah ditetapkan oleh pihak KPM."</i> <i>"Tidak menentu. Bagi saya jika guru saya terlampau banyak mengajar dalam satu masa ia membuatkan saya pening dan memerlukan ulang kaji yang lebih di luar waktu kelas tapi apa-apa pun saya tidak akan</i>

	menyalahkan guru saya kerana saya sebagai murid perlu berusaha utk mengulangkaji semula bersama rakan ataupun terus berjumpa dengan guru saya secara personal di bilik guru.” “Sudah tentu.” (guru menunjukkan atau memperdengarkan bacaan sebenar supaya anda boleh memerhati dan meniru) “Ya, hal ini dapat meyakinkan saya dengan cara bacaan yang saya baca kerana guru saya akan semak bacaan saya sama ada betul atau salah.” (peluang untuk mencuba sendiri bacaan Qiraat berulang kali sebagai latihan) “Ya.” (pendekatan guru menjadikan pelajaran Qiraat lebih mudah difahami kerana ia berlaku secara berperingkat dan bersambung)
Informan 4	“Guru akan mengulangi pelajaran setelah silibus dihabiskan. Membantu saya dalam memahami lebih mendalam.” “Guru saya mengajar tanpa lompat topik dan mengikut turutan dalam silibus.” “Guru akan memberikan fokus yang lebih pada topik yang kami kurang mahir dan ia sangat membantu kefahaman kami kerana guru membantu kami untuk memahaminya dengan sangat jelas.” “Pernah. Guru menggunakan medium QR code yang ada dalam buku teks.” (menggunakan cara menunjukkan atau memperdengarkan bacaan sebenar supaya anda boleh memerhati dan meniru) “Sangat membantu saya untuk membaca dengan tepat kerana kesalahan semasa membaca/ kesalahpahaman ketika memahami apa yang diajar guru dapat dibetulkan oleh guru yang mendengarkan bacaan kami.” “Secara berperingkat dan bersambung sangat membantu kami dalam memahami dengan lebih jelas.” “Membantu mengingat dengan lebih lama dan menjadi lebih mahir.”
Informan 5	“Murid yang masih belum menguasai guru akan mengulang pelajaran tersebut.” “Mengikut topik silibus.” “Guru mengikut turutan.” “Ya.” (menggunakan cara menunjukkan atau memperdengarkan bacaan sebenar supaya anda boleh memerhati dan meniru) “Mudah untuk menguasai dan mengingat jenis Qiraat.” “Ya.” (guru memberi masa untuk anda membiasakan diri (latihan berterusan) dalam bacaan Qiraat) “Ya.” (guru menjadikan pelajaran Qiraat lebih mudah difahami kerana ia berlaku secara berperingkat dan bersambung (tidak tergesa-gesa))
Informan 6	“Kesannya kami dapat mengekalkan kualiti pembelajaran kerana dapat ingat semula apa yang diajar sebelum-sebelum ini.” “Guru saya akan mengajar dahulu sifat-sifat huruf, tajwid yang sebenar dahulu sebelum ke bahagian Qiraat agar kualiti bacaan lebih tepat dan jitu.” “Guru saya mencampur banyak isi sekali gus agar silibus

	cepat habis. Kesannya akan ada lebih hari untuk kami mengulangkaji topik tersebut dan kami dapat belajar berulang kali kerana terdapat lebih hari sebelum hari SPM.” “Pengalaman ini membantu saya agar dapat membiasakan lidah dengan cara bacaan imam yang berlainan agar mudah untuk diingati.” (percubaan)
Informan 7	“Ya, kerana tidak semua pelajar sudah mahir Qiraat.” (belajar secara bertahap) “Fokus satu tajuk dan membuatkan saya lebih mudah faham.” “Pernah.” (menunjukkan atau memperdengarkan bacaan sebenar supaya anda boleh memerhati dan meniru.” “Ya, sangat membantu.” (peluang untuk mencuba sendiri bacaan Qiraat berulang kali sebagai latihan)
Informan 8	“Ya.” Untuk mengekalkan ilmu sebelumnya. (pengulangan) “Ya.” (bertahap) “Selalunya berperingkat, kadang-kadang banyak isi..” “Ya.” (memperdengarkan bacaan kepada murid) “Ya untuk ingatan.” (mencuba membaca Qiraat)

Berdasarkan dapatan kajian, pandangan murid menunjukkan bahawa guru-guru Qiraat di SMTDR telah mengamalkan pelbagai pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan prinsip pendidikan Ibn Khaldun walaupun pendekatan tersebut tidak dinyatakan secara langsung oleh guru. Murid-murid menggambarkan bahawa guru mereka menggunakan kaedah yang bertahap, berstruktur dan berulang yang menepati konsep *tadrīj* dalam pendidikan Ibn Khaldun. Guru memberi tumpuan kepada satu tajuk dalam satu masa, memberi penekanan kepada pemahaman sebelum beralih kepada topik seterusnya serta melaksanakan pengulangan secara konsisten bagi mengukuhkan penguasaan murid. Selain itu, pendekatan *tajrībah* juga dapat dikenalpasti melalui amalan guru yang memberi peluang kepada murid untuk mencuba membaca Qiraat secara langsung sama ada dalam kelas mahupun dalam majlis rasmi tanpa terlalu bergantung kepada bahan bertulis.

Hal ini meningkatkan keyakinan serta kemahiran murid melalui pengalaman langsung. Kaedah *muḥākah* juga diperlihatkan melalui sikap guru yang menjadi contoh kepada murid dari aspek bacaan yang sahih, akhlak, pemakaian, tutur kata serta cara berinteraksi secara profesional dan berhemah. Murid menyatakan bahawa guru mereka menunjukkan sikap lemah lembut, membimbing dengan cara yang betul dan meningkatkan motivasi melalui pujian atau ganjaran. Tambahan dari itu, pendekatan

rihlah masih kurang diamalkan dalam konteks khusus Qiraat. Pandangan murid menyokong keperluan kepada pendedahan yang lebih luas di luar kelas dan menyambut baik sebarang inisiatif ke arah itu pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, walaupun guru-guru Qiraat tidak merujuk secara eksplisit kepada Ibn Khaldun dalam pelaksanaan pengajaran mereka, namun pandangan murid membuktikan bahawa pendekatan yang diamalkan adalah selari dengan falsafah pendidikan Ibn Khaldun yang menekankan aspek pengalaman, pemerhatian, akhlak, berperingkat dan pembelajaran yang bersifat holistik. Ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun masih relevan dan sesuai diaplikasikan dalam sistem pendidikan kontemporari khususnya dalam pengajaran ilmu Qiraat.

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Qiraat di SMTDR memiliki persediaan yang baik dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara sistematik dan terancang. Persediaan ini merangkumi pemilihan teknik, kaedah serta strategi pengajaran yang sesuai dengan keperluan murid, sekali gus membantu meningkatkan minat serta prestasi mereka dalam mata pelajaran asas ilmu Qiraat. Meskipun terdapat dalam kalangan guru yang hanya berkelulusan diploma Qiraat dan sebahagiannya bukan daripada bidang yang khusus ilmu Qiraat, namun mereka tetap menunjukkan komitmen yang sangat tinggi serta kesungguhan dalam membimbing murid secara berkesan.

Hal ini membuktikan bahawa kesediaan pedagogi dan semangat profesionalisme guru memainkan peranan penting dalam kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran Qiraat di peringkat sekolah. Kajian ini turut mendapati bahawa guru secara tidak langsung telah mengaplikasikan beberapa pendekatan pendidikan yang sejajar dengan prinsip pendidikan Ibn Khaldun khususnya kaedah pengajaran beransur-ansur, pengulangan, fokus, perbincangan, percubaan dan peniruan. Walaupun kebanyakan guru tidak menyatakan secara langsung bahawa mereka mengikut model Ibn Khaldun, namun pendekatan yang diamalkan bersifat selari dengan falsafah pendidikan tokoh tersebut. Dalam aspek strategi pengajaran, guru Qiraat telah menerapkan pengajaran bertahap, mengulang pelajaran yang sukar sehingga murid

benar-benar faham, memberi tumpuan serta melaksanakan perbincangan berkumpulan yang membantu pelajar lemah. Selain itu, guru turut melaksanakan kuiz, aktiviti hafalan menerusi lagu, pembentangan serta pembacaan perbandingan antara imam dalam meningkatkan pemahaman murid.

Dari segi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), guru-guru banyak menggunakan bahan asas seperti buku teks, nota, paparan slaid, komputer, rakaman audio serta aplikasi Quizizz dan kahoot. Walaupun penggunaan BBM masih belum sepenuhnya inovatif atau interaktif, namun berfungsi menyokong keberkesanan pengajaran dan memberi ruang kepada murid untuk belajar melalui pelbagai medium. Tambahan dari itu, walaupun pendekatan *riḥlah* belum diamalkan secara menyeluruh dalam konteks Qiraat, namun guru menyedari kepentingan *riḥlah* membantu murid dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Makluman awal yang diperolehi dari guru-guru bahawa aktiviti *riḥlah* khusus mata pelajaran Qiraat masih dalam perancangan. Namun *riḥlah* dibawah kos hafazan al-Quran telah dijalankan kerana subjek Qiraat menjadi sebahagian daripada subjek hifz al-Quran. Pendekatan pengajaran yang diamalkan guru secara umumnya adalah positif dan disokong oleh pandangan murid.

Murid menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan membantu mereka memahami, mengingat serta meminati ilmu Qiraat. Tuntasnya, dapatan ini memperlihatkan bahawa guru Qiraat di SMTDR telah mengamalkan pendekatan pengajaran yang berstruktur, bertahap dan lain-lain dengan mengambil kira keperluan serta kebolehan murid. Pendekatan yang digunakan menerusi kaedah Ibn Khaldun membantu serta memberi kesan kepada peningkatan kefahaman, penglibatan aktif serta minat terhadap ilmu Qiraat selari dengan prinsip asas pendidikan Islam yang holistik.

BAB 5

PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan penutup kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan mengenai Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) asas Qiraat berteraskan pendekatan Ibn Khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), Negeri Perak. Kajian ini memberi tumpuan terhadap penerapan elemen kaedah pendidikan Ibn Khaldun dalam konteks pendidikan Qiraat. Fokus utama kajian ini adalah meninjau persediaan guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas, mengenalpasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas dan meneroka pendekatan pengajaran guru Qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun..

Pelaksanaan kajian ini telah menggabungkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai teknik utama pengumpulan data. Empat orang guru dari dua buah SMTDR yang berbeza telah dipilih sebagai peserta kajian dengan pertimbangan kepada pematuan kepada prinsip ketepuan maklumat (*data saturation*). Dapatan yang diperoleh daripada hasil temu bual dan pemerhatian telah dianalisis secara tematik bagi menzahirkan maklumat yang lebih menyeluruh dan bersifat holistik terhadap realiti amalan PdP asas Qiraat yang sedang berlaku di lapangan.

Bab ini bertujuan untuk merumuskan hasil dapatan kajian secara menyeluruh, membincangkan hasil yang diperoleh dengan merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, bab ini juga akan mengemukakan saranan yang bersifat praktikal kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi pendidikan, guru, pembuat dasar dan penyelidik pada masa hadapan. Seterusnya, cadangan bagi kajian lanjutan turut dibincangkan sebagai pelengkap kepada usaha pengembangan ilmu dalam bidang pedagogi pendidikan Qiraat. Akhir sekali, bab ini ditutup dengan kesimpulan keseluruhan yang menggariskan sumbangan kajian terhadap pembangunan

pendidikan Islam khususnya dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Qiraat secara lebih sistematik dan berkesan.

5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menilai amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) asas Qiraat berteraskan pendekatan Ibn khaldun di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Negeri Perak. Kajian ini dirancang dengan tiga objektif utama iaitu pertama meninjau persediaan guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat. Kedua, mengenalpasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas. Akhir sekali yang ketiga, meneroka pendekatan pengajaran guru qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes berbilang melibatkan empat orang guru Qiraat dari dua buah SMTDR di negeri Perak yang mewakili zon Batang Padang dan Kerian. Kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen telah digunakan sebagai teknik pengumpulan data utama. Semua data yang dikumpulkan telah dianalisis secara induktif melalui kaedah analisis tematik. Kajian ini juga menemukan isu-isu kontekstual yang signifikan berkaitan dengan perkembangan SMTDR. Menurut peserta kajian 1 (2025) perubahan yang berlaku meliputi perkembangan dalam struktur pentadbiran serta kurikulum termasuk perubahan silibus buku teks maharat al-Quran yang dahulunya ditulis dalam bahasa Arab tetapi akan ditukar kepada bahasa Melayu. Perubahan ini mencerminkan usaha untuk menjadikan subjek lebih mesra pelajar dan mudah difahami namun dalam masa yang sama menimbulkan cabaran terhadap penguasaan istilah teknikal dalam ilmu Qiraat yang asalnya dalam bahasa Arab. Perubahan ini memerlukan penyesuaian daripada pihak guru dan pelajar agar tidak menjejaskan keaslian ilmu yang bersumberkan sanad dan disiplin tradisi.

Tambahan lagi, berdasarkan laporan Bernama tahun 2025, kerajaan negeri Perak dilaporkan berusaha memperkukuhkan institusi tahfiz kerajaan dengan memperuntukkan sebanyak rm20 juta setahun untuk pengurusan lima buah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di daerah Manjung, Batang Padang, Lenggong, Kerian dan Tambun. Peruntukan ini meliputi aspek kritikal seperti

emolumen guru, latihan, makanan harian pelajar dan penyelenggaraan fasiliti. Usaha tersebut menerusi sokongan Belanjawan Negeri Perak 2025 telah mencerminkan komitmen tinggi terhadap pendidikan agama.

Di samping itu menerusi liputan berita oleh Sinar Harian (2023) beberapa inisiatif pengukuhan pengurusan turut dirancang termasuk cadangan supaya pentadbiran SMTDR diselaraskan dengan status SABK. Langkah ini bertujuan mengatasi isu ketidakstabilan jawatan guru yang kebanyakannya berstatus kontrak. Perkembangan lain yang dilaporkan oleh Utusan Malaysia (2022) menyatakan bahawa kerajaan negeri juga sedang memperhalusi cadangan menjadikan SMTDR sebagai pusat latihan perguruan tahfiz. Dari sudut akademik pula menerusi laporan UiTM News Hub (2025), pendekatan kolaboratif telah dilaksanakan seperti penganjuran Program Intervensi Matematik SPM antara UiTM cawangan Tapah dan SMTDR Lenggong. Ini menunjukkan bahawa SMTDR turut berusaha memperkukuh pencapaian akademik selari dengan objektif melahirkan huffaz profesional. Pendekatan holistik ini disokong oleh ucapan Menteri Besar Perak yang dilaporkan oleh Rosdalilah (2024) dalam Malaysia Gazette yang menggesa agar pendidikan tahfiz turut memberi penekanan kepada ahli kemanusiaan dan kemahiran duniawi.

Laporan tambahan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak (2021) menyatakan bahawa sebanyak lima SMTDR telah dibangunkan iaitu di daerah Manjung, Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang namun SMTDR Kuala Kangsar telah digabungkan dengan SMTDR Lenggong. Menurutnya lagi, kelewatan dalam pembinaan SMTDR Tambun dan SMTDR Sungai Manik memberi kesan kepada kadar enrolmen pelajar kerana SMDTR antara sekolah yang menjadi pilihan utama di kalangan pelajar dan ibu bapa kini. Kenyataan ini disokong oleh artikel Sejarah Perkembangan dan Sumbangan Institusi Tahfiz Di Negeri Perak: Kajian Terhadap Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) oleh Khadijah et al. (2024) dan laporan Sinar Harian (2023).

Bukti SMTDR menunjukkan peningkatan kemasukan telah dinyatakan sendiri oleh Menteri Besar Perak menerusi laporan Sinar Harian (2023) di mana peningkatan yang sangat baik berdasarkan jumlah enrolmen pelajar dari tahun ke tahun sejak penubuhan. Pada tahun 2019, jumlah pelajar yang mendaftar adalah seramai 407 orang

dan angka ini meningkat kepada 504 orang pada tahun 2021 dan kekal pada jumlah yang sama pada tahun 2022. Trend peningkatan ini mencerminkan sokongan yang tinggi daripada masyarakat terhadap institusi pendidikan tahfiz yang berasaskan sistem persekolahan moden. Selain itu, merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak (2021) dalam aspek pengurusan sumber manusia mendapati bahawa hanya 17 daripada 148 perjawatan guru di SMTDR merupakan lantikan tetap manakala sebanyak 46 jawatan masih belum diisi. Tambahan pula hanya 16 orang guru tahfiz yang memenuhi kelayakan akademik sebagaimana ditetapkan oleh JAIPk dan Universiti berkaitan. Perkara ini turut disokong melalui dapatan temu bual bersama peserta kajian yang memaklumkan bahawa pada peringkat awal terdapat guru-guru yang mengajar subjek Qiraat di SMTDR dalam kalangan graduan bukan aliran tahfiz seperti bidang al-Quran dan as-Sunnah serta syariah. Namun begitu, menurut beliau proses pengambilan guru pada masa kini telah diperketatkan dengan penekanan khusus terhadap latar belakang pendidikan yang selari dengan bidang tahfiz dan Qiraat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dalam membimbing pelajar adalah tinggi. Guru-guru Qiraat di SMTDR menunjukkan komitmen yang tinggi dan kesediaan yang menyeluruh dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pembimbing bukan sahaja dari segi penguasaan kandungan ilmu Qiraat tetapi juga dari aspek penyampaian secara bertahap, pemantauan berterusan dan sokongan individu kepada murid mengikut keperluan masing-masing. Guru dilihat proaktif dalam menyesuaikan kaedah pengajaran dengan tahap kebolehan murid serta sanggup melaksanakan inisiatif tambahan seperti kelas pengukuhan, penggunaan BBM interaktif dan penciptaan suasana pembelajaran yang kondusif. Walaupun tahap kesediaan ini boleh dikategorikan sebagai tinggi menerusi data dapatan namun kajian juga mengenal pasti bahawa masih memerlukan penambahbaikan khususnya dalam aspek latihan profesional dan penguasaan teori dan kefahaman pedagogi agar pendekatan kaedah pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Dalam aspek Bahan Bantu Mengajar (BBM) didapati bahawa guru menggunakan pendekatan yang pelbagai namun terdapat kekangan dari segi teknologi moden dan penghasilan BBM yang sistematik serta masih terbatas dari segi inovasi multimedia. Dalam masa yang sama wujudnya beberapa permasalahan dalam

perlaksanaan pengajaran antaranya ialah kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang boleh digunakan secara efektif oleh guru-guru. Situasi ini secara tidak langsung boleh menjejaskan keberkesanan penyampaian ilmu khususnya dalam subjek yang memerlukan pendekatan visual dan interaktif. Kajian juga mendapati bahawa elemen-elemen utama dalam kaedah pendidikan Ibn Khaldun seperti *tadrīj* (beransur-ansur), pengulangan, fokus, perbincangan, tauladan dan percubaan telah diaplikasikan secara tidak formal dalam PdP namun belum disistematikkan secara holistik dan eksplisit dalam kurikulum pengajaran yang dapat dijadikan rujukan oleh guru.

Rumusan ini mengukuhkan dapatan bahawa pedagogi Ibn Khaldun berupaya memberikan kerangka yang sesuai dalam membentuk pendekatan PdP yang berkesan khususnya dalam konteks pendidikan tahfiz wanita. Justeru itu hasil kajian ini bukan sahaja memenuhi objektif yang telah digariskan malah menawarkan sumbangan baharu kepada perbincangan ilmiah mengenai pendidikan Qiraat di peringkat menengah khususnya dalam memperkasakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) secara lebih bersepadu, berstrategik dan berpandukan nilai-nilai tradisi keilmuan Islam yang sahih.

Kajian ini turut menyumbang satu pendekatan baharu dalam bidang pendidikan Islam khususnya pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu Qiraat dengan memperkenalkan kerangka konseptual teori pendidikan klasik Islam oleh Ibn Khaldun. Tambahan pula, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada pelajar perempuan di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) sebuah kumpulan yang sering terpinggir dalam penyelidikan. Justeru itu kajian ini mengisi jurang literatur dalam bidang pendidikan Qiraat di kalangan wanita. Selain itu, kajian ini mengemukakan analisis empirikal terhadap penerapan elemen-elemen kaedah pendidikan Ibn Khaldun seperti *tadrīj*, *tikrār*, fokus, percubaan, perbincangan, dan tauladan, serta menilai kesesuaiannya dalam konteks PdP semasa. Dapatan kajian turut disokong dengan cadangan penambahbaikan yang bersifat praktikal dan kontekstual berdasarkan data lapangan menjadikan kajian ini berfungsi sebagai rujukan kepada penggubal dasar, pendidik dan penyelidik dalam memperkasa pendidikan Qiraat yang bersifat holistik, reflektif dan berteraskan nilai keislaman yang autentik. Tambahan dari itu, menurut Nurzatil et al. (2025), konsep pendidikan Ibn Khaldun didapati selaras dengan amalan pendidikan di Malaysia yang dilaksanakan melalui dasar Kementerian Pendidikan

Malaysia. Keselarasan ini membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang menitikberatkan nilai-nilai pendidikan Islam dalam sistem pendidikan. Sehubungan itu, pelaksanaan amalan pengajaran berasaskan pendekatan Ibn Khaldun wajar diberi penekanan bagi melahirkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, spiritual dan intelektual selari dengan aspirasi pendidikan negara.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini dibahagikan mengikut tiga objektif utama kajian. Setiap dapatan dikaitkan dengan teori yang mendasari kajian iaitu teori kaedah pendidikan Ibn Khaldun seperti yang dihuraikan dalam karya al-Muqaddimah. Dapatan yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah menunjukkan perkembangan yang positif dalam pelaksanaan PdP asas Qiraat namun masih wujud ruang penambahbaikan secara sistematik.

5.3.1 Persediaan Guru Sebelum Pengajaran dan Pembelajaran di Kelas

Dapatan pertama menunjukkan bahawa guru-guru di SMTDR mempunyai kesedaran dan kesediaan yang tinggi dalam membimbing pelajar. Guru bertindak sebagai pembimbing aktif yang menyusun intervensi secara berperingkat, mengikut kemampuan dan tahap penguasaan pelajar. Pelajar memerlukan sokongan orang yang lebih mahir untuk bergerak dari tahap potensi kepada tahap sebenar penguasaan ilmu. Tambahan lagi, Guru bukan sahaja membimbing secara lisan, tetapi turut memberi dorongan emosi dan motivasi yang meningkatkan keyakinan pelajar, minat dan membantu menyelesaikan masalah bahkan apa sahaja bentuk bantuan yang dapat membantu pelajar ketika di awal perkembangan mereka terhadap subjek Qiraat. Hal ini turut disokong oleh Suresh dan Sirajavan (2017) yang menyatakan bahawa guru berperanan sebagai perangsang utama dalam membantu murid mencapai kemerlangan pendidikan. Melalui bimbingan dan dorongan guru, murid dapat menyedari potensi diri mereka yang sebenar bukan semata-mata kerana lemahnya mereka dalam akademik.

Berdasarkan dapatan, guru-guru Qiraat di SMTDR melakukan pelbagai bentuk persediaan sebelum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian ini

disokong oleh Nurkhamimi et al. (2022) yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW sendiri menggunakan pelbagai pendekatan dalam membimbing umatnya yang terdiri daripada kanak-kanak, golongan tua, orang dewasa serta individu yang berkedudukan. Antara Persediaan guru Qiraat adalah seperti perbincangan berpasukan antara guru-guru yang berkongsi halakah agar pengajaran diselaraskan dari segi isi kandungan dan pendekatan. Di samping itu, sesi perbincangan secara berkala antara guru-guru Qiraat turut diadakan bagi mengenal pasti kefahaman guru-guru dalam mata pelajaran Qiraat serta membantu menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru juga dilaporkan melakukan ulangkaji terhadap kandungan Qiraat, mentelaah bahan serta merujuk kepada kitab utama ilmu Qiraat dan sumber moden seperti YouTube bagi memperdalam pemahaman mereka terhadap tajuk yang akan diajar. Sebagai contoh salah seorang peserta kajian menjelaskan bahawa mereka berbincang terlebih dahulu untuk menyemak khilaf Qiraat dan merancang agar pengajaran yang disampaikan selaras antara guru yang berkongsi kelas. Pendekatan yang digunakan ini disokong oleh Zulkifly et al. (2021) yang menyatakan bahawa guru bukan sahaja menyampaikan ilmu bahkan berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai.

Kebolehan guru menyesuaikan diri dengan perubahan sistem pendidikan abad ke-21 turut menjadi indikator kepada tahap kesediaan mereka. Guru-guru menunjukkan keterbukaan untuk belajar semula, memahami kehendak KPM dan JAIPk serta menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan generasi pelajar masa kini. Seperti yang dinyatakan Suresh dan Sirajavan (2017) bahawa guru masa kini perlu bersikap terbuka dalam usaha meningkatkan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai baharu agar dapat menyesuaikan diri dengan keperluan pendidikan semasa. Kenyataan ini turut disokong oleh Fathiyah (2012) bahawa ciri-ciri seorang guru yang sebenar adalah memupuk kecintaan terhadap ilmu serta meningkatkan tahap penguasaan ilmu. Dapatan juga menunjukkan bahawa guru-guru menyertai kursus dan bengkel seperti kursus Induksi KBT oleh KPM dan JAIPk yang turut merangkumi aspek pelaksanaan Qiraat, pedagogi tahfiz dan teknik pengajaran berkesan. Dari aspek persediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan refleksi, semua guru yang ditemu bual mengakui merancang pengajaran lebih awal, membuat penilaian kefahaman murid

secara lisan serta memberikan latihan dan soalan ringkas bagi menilai pencapaian pelajar secara berterusan.

Kesediaan guru turut dilihat dari segi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Guru menggunakan teknologi digital seperti LCD, imbasan QR, video dan audio. Tambahan dari itu penggunaan aplikasi interaktif seperti Quizziz, Kahoot, Canva dan juga bahan cetak seperti nota, buku latihan serta buku teks digunakan secara meluas. Penggunaan BBM bukan sahaja berperanan menyampaikan isi kandungan malah membantu meningkatkan minat murid terhadap ilmu Qiraat yang bersifat teknikal dan kompleks. Menurut Amin et al. (2016) BBM merupakan komponen penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik. Namun guru yang kurang mahir dalam penggunaan BBM menyebabkan proses PdP menjadi kurang berkesan seterusnya mengurangkan minat pelajar terhadap subjek yang dipelajari. Guru-guru juga menyatakan bahawa mereka sering merujuk kepada rakan sejawat yang lebih mahir dalam Qiraat. Mereka akan bertanya jika menghadapi kekeliruan dan sentiasa terbuka untuk belajar daripada pengalaman guru lain. Hal ini memperlihatkan ciri guru yang reflektif dan bersedia untuk membina kemahiran pedagogi mereka secara berterusan. Faktor minat yang mendalam terhadap pengajaran Qiraat membantu mereka mengulang-kaji ilmu yang pernah dipelajari serta menjadi motivasi dalam menyampaikan ilmu secara ikhlas dan bertanggungjawab.

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa guru-guru di SMTDR mempunyai kesedaran dan kesediaan yang tinggi dalam membimbing pelajar dalam meningkatkan minat dan tahap penguasaan merupakan peranan penting sebagai seorang guru yang sebenar. Menurut Fathiyah (2012) peranan guru seharusnya memberi penekanan terhadap perkembangan holistik pelajar yang merangkumi aspek fizikal, rohani, emosi dan pemikiran. Dapatan kesediaan guru yang tinggi turut disokong oleh pandangan pelajar seperti yang terkandung dalam jadual 4.2 yang menyatakan bahawa guru mereka sangat bersedia dalam menyampaikan pelajaran, memberikan latihan tambahan, membuat penerangan yang jelas serta menggunakan BBM yang berkesan. Pelajar juga menyatakan bahawa guru mereka mampu menjawab pertanyaan pelajar dengan baik, menerangkan perkataan sukar difahami pelajar dan menyediakan sokongan dalam pembelajaran.

Walaupun dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru Qiraat sangat bersedia namun cabaran dan kekangan tetap wujud dalam pelaksanaannya. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuklah kekangan masa, beban tugas guru yang tinggi serta kekurangan latihan profesional khusus dalam bidang pendidikan Qiraat. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Suhaimi et al. (2020) yang menjelaskan guru di sekolah sering berhadapan dengan kekangan terhadap peruntukan waktu untuk melaksanakan aktiviti PdP dan pelbagai beban tugas tambahan menjadi antara faktor utama menyukarkan guru memberi tumpuan optimum terhadap bimbingan secara konsisten.

Dalam pada itu terdapat murid sebagai informan yang memaklumkan bahawa terdapat guru yang kurang mahir dalam menyampaikan isi pelajaran dan kurang bersedia ketika mengajar. Keadaan ini menyebabkan sebahagian murid masih keliru dengan kandungan pelajaran yang disampaikan. Ini menunjukkan kekurangan dari aspek kecekapan pedagogi dan latihan profesionalisme dalam kalangan segelintir guru. Perkara ini sejajar dengan dapatan Josephine et al. (2024) yang menyatakan wujudnya hubungan signifikan antara tahap amalan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PBB) guru dengan kualiti PdPc. Menurutnya guru yang aktif mengikuti program PBB lebih bersedia, berkeyakinan dan mampu menyampaikan isi pelajaran dengan lebih berkesan.

Situasi ini sedikit sebanyak menjejaskan keberkesanan pendekatan guru yang sepatutnya berlaku secara konsisten dan tersusun serta berpanduan keperluan sebenar murid. Kesimpulan dapatan kajian menunjukkan bahawa semua guru melaksanakan persediaan awal, berbincang dengan rakan sejawat, menggunakan pelbagai BBM termasuk digital dan cetakan serta menunjukkan minat tinggi dalam PdP Qiraat. Hanya sebahagian sahaja yang melakukan persediaan dengan membaca Qiraat sebagai imam dalam solat sebagai latihan tambahan kepada diri sendiri manakala penggunaan BBM interaktif seperti Quizizz dan permainan turut popular dalam kalangan peserta kajian.

5.3.2 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BMM) Oleh Guru Qiraat

Dapatan kajian ini menunjukkan kepelbagaian penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran Qiraat di SMTDR. Hasil dapatan temu bual mendapati bahawa guru-guru mengaplikasi lima kategori utama BBM dengan pelbagai

tahap kekerapan dan keberkesanan. Perbincangan ini menyentuh aspek dominasi, kekuatan, cabaran dan implikasi setiap kategori terhadap pembelajaran pelajar. Berdasarkan analisis, BBM bercetak merupakan BBM yang paling banyak digunakan oleh guru-guru SMTDR. Semua peserta kajian iaitu peserta 1, 3 dan 4 menyatakan bahawa mereka menggunakan buku teks, buku latihan, nota ringkas dan carta minda dalam pengajaran Qiraat. Hal ini disebabkan oleh faktor kesediaan, kebiasaan penggunaan serta kemudahan rujukan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memberikan penekanan terhadap penggunaan bahan bercetak sebagai sumber utama dalam pengajaran Qiraat. Mereka mengutamakan buku teks serta buku rujukan tambahan sebagai panduan utama dalam memastikan ketepatan dan kefahaman pelajar terhadap pelbagai Riwayat bacaan. Dapatan kajian ini selari dengan kenyataan zikri (2025) penggunaan BBM yang berasaskan buku teks berfungsi sebagai medium penting dalam membantu guru menyampaikan isi pengajaran. Menurutnya lagi kepentingan buku teks sememangnya tidak dapat disangkal lagi dan wajar dijadikan sebagai sumber rujukan utama. Namun demikian pergantungan yang tinggi terhadap buku teks perlu diseimbangkan dengan penggunaan BBM lain agar proses pengajaran menjadi lebih interaktif dan mampu meningkatkan minat serta kefahaman pelajar. Selain itu, guru turut menggalakkan pelajar membuat catatan tentang perbezaan riwayat dalam buku nota masing-masing bagi tujuan pengukuhan dan rujukan ilmu. BBM bercetak ini membolehkan murid memahami konsep Qiraat secara bertahap selari dengan prinsip *tadarruj* dalam pendidikan Ibn Khaldun yang menekankan penguasaan secara berperingkat dan sistematik.

Seterusnya, BBM digital turut menunjukkan penggunaan yang menyeluruh oleh semua guru dan digunakan secara meluas. Aplikasi seperti video, audio Kod QR, paparan slide dan Quizziz membolehkan guru menyampaikan pelajaran dengan lebih interaktif dan mudah diakses terutamanya oleh pelajar yang cenderung kepada gaya pembelajaran visual dan auditori. Menurut Aqilah et al. (2022) penyampaian bahan visual yang menarik dan tersusun mampu menyampaikan maklumat dengan lebih jelas, berkesan dan mudah difahami oleh murid yang melihatnya. Perkara ini turut disokong oleh kajian Julianah et al. (2023) yang menyatakan penggunaan BBM yang melibatkan

elemen audio, visual dan animasi yang sesuai dapat menarik minat pelajar dan mereka dapat memberikan tumpuan semasa sesi PdP.

Menurutnya lagi, kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa murid bersetuju penggunaan BBM membantu mereka memahami topik yang disampaikan oleh guru dengan lebih jelas dan berkesan. Hasil temu bual bersama guru SMTDR menunjukkan bahawa mereka menggunakan rakaman bacaan ahli pakar Qiraat sebagai contoh bacaan yang betul bagi membantu pelajar memahami sebutan yang tepat. Dapatan ini disokong oleh maklum balas pelajar yang menjelaskan bahawa guru sering merujuk kepada audio atau sumber dalam talian seperti aplikasi dan laman web untuk memastikan sebutan lafaz dapat disampaikan dengan benar. Berdasarkan ini juga teknologi memberikan kemudahan kepada pendidik dan menyokong pembelajaran yang menyeronokkan serta mudah diakses. Kenyataan ini secara tidak langsung menyokong pandangan Azizi (2019) dan Nurzatil et al. (2025) yang menyatakan bahawa kepentingan teknologi dapat menambah kualiti PdP, pemudah cara, menekankan keberkesanan dari aspek kaedah dan teknik guru, menarik minat pelajar ketika proses PdP serta menjimatkan masa pelajar untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Walaupun begitu menerusi dapatan kajian berlaku kekangan prasarana dan kekurangan masa untuk menyediakan bahan digital secara berkualiti.

Bagi BBM Interaktif seperti *puzzle*, *bingo*, kad imbas dan kotak beracun digunakan tetapi tidak secara menyeluruh. Berdasarkan kepada dapatan temu bual guru SMTDR, mereka menggunakan pelbagai BBM berbentuk permainan interaktif seperti dam ular, kotak beracun, *jigsaw* dan *puzzle* dalam sesi pengajaran. Pendekatan ini digunakan bagi menggalakkan pelajar berfikir secara kritikal dan bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Penggunaan BBM berbentuk permainan ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan malahan membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran Qiraat. Berdasarkan kenyataan ini, BBM dalam kategori interaktif diyakini dapat memupuk kemahiran kolaboratif murid serta meningkatkan interaksi aktif dalam bilik darjah. Permainan seperti ini menurut Shahabuddin et al. (2003) berdasarkan kepada pandangan tokoh-tokoh pendidikan antaranya seperti Jean Piaget menegaskan bahawa aktiviti permainan dapat membangkitkan perasaan gembira dalam kalangan murid sekaligus merangsang

interaksi positif serta menyatukan murid yang datang daripada latar belakang pengalaman dan potensi yang berbeza. Permainan berbentuk intelektual seperti teka silang kata, teka-teki, *puzzle*, *maze*, cari objek tersembunyi, ular tangga dan shahiba dilihat sesuai digunakan. Aktiviti seperti ini memberi ruang kepada pelajar berdikari, aktif, mencari maklumat, menyelesaikan masalah dan memperolehi kefahaman baharu tanpa bantuan guru. Menurut Nurkhamimi et al. (2022) kaedah ini dipanggil sebagai kaedah penemuan atau discovery yang menepati pendekatan konstruktivisme. Sokongan guru hanya pada permulaan sehingga pelajar mula menguasai kemahiran tertentu dan guru akan membiarkan murid untuk berdikari. Menurut Hoirul et al. (2023) menerusi pemikiran Ibn Khaldun yang menyatakan proses pembelajaran seseorang tidak hanya bergantung kepada guru semata-mata tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti persekitaran, adat dan budaya, pengalaman hidup, peristiwa yang dilalui serta maklumat yang diperolehi dari sekeliling. Jelasnya lagi guru hanyalah sebahagian daripada keseluruhan proses penerimaan ilmu namun dalam situasi tertentu peranan guru sangat penting dalam membimbing pelajar memperoleh dan memahami ilmu dengan lebih berkesan. Hakikatnya faktor kekangan masa dan kekurangan latihan dalam menghasilkan BBM inovatif menjadikan penggunaannya terhad. Walaupun selaras dengan elemen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21), pelaksanaan BBM seperti ini memerlukan sokongan berterusan dan pembangunan profesional guru.

Bagi BBM berasaskan pengalaman di luar bilik darjah seperti hari Qiraat, *explorace*, pertandingan Qiraat dan persembahan rasmi menunjukkan impak yang tinggi dalam pembelajaran murid. Guru-guru secara aktif menganjurkan program berbentuk praktikal yang membolehkan murid mengaplikasikan ilmu secara langsung, membina keyakinan serta memupuk minat terhadap Qiraat. Pendekatan ini selari dengan kenyataan Zikri et al. (2025) menjelaskan bahawa pembelajaran melalui pengalaman dan pemerhatian merupakan kaedah yang berkesan dalam merangsang perkembangan kognitif dan peribadi individu yang lebih matang dan seimbang. Berdasarkan temu bual bersama guru-guru SMTDR didapati bahawa pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan program tahunan turut menjadi platform penting dalam memperkaya pembelajaran Qiraat. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah penganjuran persembahan tilawah bacaan Qiraat semasa majlis anugerah atau acara

besar sekolah menggantikan persembahan nasyid yang lazimnya diadakan sebelum ini. Pendekatan ini bukan sahaja menyerlahkan bakat pelajar dalam bidang Qiraat tetapi turut menarik perhatian ibu bapa dan masyarakat di luar sana terhadap kehebatan penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat dan pada masa yang sama dapat memperkenalkan ilmu tersebut secara tidak langsung.

Selain itu, sekolah turut menganjurkan aktiviti berpusatkan pelajar seperti *explorace* Qiraat yang menggabungkan elemen permainan dan soal jawab berkaitan ilmu Qiraat bagi menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan interaktif. Program Hari Citra Qiraat juga dilaksanakan sebagai wadah pelajar mendalami tujuh imam Qiraat yang dipelajari dalam buku teks. Setiap kumpulan pelajar akan diberikan tugas untuk memperkenalkan imam-imam Qiraat melalui pelbagai bentuk persembahan seperti kuiz, pameran dan lain-lain lagi. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menggalakkan pelajar mengenali Qiraat secara lebih mendalam tetapi juga meningkatkan minat terhadap ilmu Qiraat serta memupuk semangat berpasukan di kalangan pelajar. Pendekatan ini sangat sejajar dengan dengan konsep *tajribah* dalam kaedah pendidikan Ibn Khaldun yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Menurut Mazuki (2011), konsep pembelajaran berasaskan pengalaman bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia pendidikan malah telah lama menjadi asas penting dalam proses pembelajaran individu.

Hal ini turut disokong oleh pandangan ahli flasafah China, Confucius yang menyatakan menerusi Mazuki (2011):

“saya dengar dan saya lupa, saya lihat dan saya ingat, saya buat dan saya faham.”

Pandangan ini menurut Mazuki (2011) telah menunjukkan kepada semua bahawa pemahaman sebenar hanya dapat dicapai melalui pengalaman langsung dan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Justeru itu pengalaman seharian pelajar bukan sahaja berfungsi sebagai pengukuh kepada ilmu malah mampu membina kefahaman yang lebih mendalam dan bermakna dalam kalangan mereka. Seterusnya BBM dalam kategori Vokal tanpa alat dapat meningkatkan minat murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan lagu dan nyanyian sebagai salah satu strategi kreatif semua guru SMTDR yang ditemu bual. BBM ini membantu pelajar bukan sahaja

meningkatkan minat bahkan prestasi turut meningkat dari semasa ke semasa. Lagu memudahkan murid menghafal dengan lebih mudah dan menyeronokkan serta menambah keceriaan suasana di bilik darjah. Menurut Azam et al. (2018) dalam kajiannya menunjukkan bahawa elemen muzik atau nyanyian berupaya memupuk minat murid terhadap pembelajaran serta mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Malahan turut membantu meningkatkan tahap kesediaan dan prestasi murid serta memberi kesan positif terhadap kualiti tugasan dan daya ingatan mereka.

Secara keseluruhannya, guru-guru Qiraat di SMTDR menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan BBM yang digunakan sesuai dengan keperluan pelajar dan objektif pembelajaran. Dapatan ini menyokong pandangan Faizah (2017) yang menyatakan bahawa pengetahuan dan kefahaman murid dapat ditingkatkan menerusi penggunaan BBM yang betul, tepat, berinovasi dan praktikal. Tambahan dari itu menurut Hidayah et al. (2024) menyatakan tahap kecekapan guru dalam proses pengajaran perlu sentiasa diperhalusi dan ditingkatkan seiring dengan perkembangan semasa. Dalam konteks pendidikan abad ke- 21, guru bukan sahaja perlu menjadi pemudah cara yang berkesan tetapi juga berkeupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan tuntutan pedagogi moden. Kecekapan mengajar bukan sekadar melibatkan penggunaan BBM secara berkesan bahkan turut merangkumi kebolehan mengintegrasikan teknologi secara holistik, mahir berfikir secara kritis, kebolehan berhujah dan menilai maklumat, membuat keputusan yang tepat serta menjalin hubungan kolaboratif yang kukuh antara guru dan pelajar.

Menurut kajian Faizah (2017) masih ada guru yang kurang minat menggunakan BBM ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini disokong berdasarkan temubual pelajar yang menyatakan guru tidak pernah menggunakan BBM lain selain buku teks ketika mengajar. Oleh kerana itu, peranan guru dan pihak sekolah saling berkait rapat dalam memastikan penggunaan BBM sentiasa menjadi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini selari dengan kenyataan Amin et al. (2016) yang menekankan tanggungjawab pihak sekolah dalam memperkasa sumber pengetahuan dan kemahiran guru dengan menyediakan akses kepada bahan bacaan terkini yang relevan, menyediakan kursus dan latihan berkala bagi memastikan guru mampu menguasai kemahiran penggunaan BBM secara optimum.

Dalam konteks kaedah pendidikan Ibn Khaldun, BBM merupakan alat bantu untuk melaksanakan prinsip-prinsip seperti *tadrīj* (pengajaran beransur-ansur), *tikrār* (pengulangan), tauladan dan lain-lain lagi. Kekurangan BBM yang efektif sedikit sebanyak menyulitkan usaha guru dalam menyampaikan konsep-konsep Qiraat secara jelas dan berkesan terutamanya kepada pelajar yang berbeza latar keupayaan bahasa Arab dan kognitif. Walaupun terdapat kekangan seperti masa, prasarana dan sumber rujukan, guru SMTDR yang ditemu bual tetap berusaha menyediakan BBM yang sesuai dan menarik. Maklum balas murid juga menunjukkan bahawa penggunaan BBM memberi kesan positif terhadap minat dan prestasi mereka.

5.3.3 Pendekatan Pengajaran Guru Berdasarkan Kaedah Ibn Khaldun

Dapatan ketiga mendedahkan bahawa beberapa elemen utama pendidikan Ibn Khaldun telah diaplikasikan oleh guru secara tidak langsung dalam amalan PdP. Antara yang paling ketara ialah elemen beransur-ansur dan pengulangan yang mana guru melaksanakan kaedah ini dalam menyusun kandungan pengajaran dan latihan hafalan Qiraat secara berfasa. Kaedah *tadrīj* merupakan pembelajaran secara berstruktur dan sistematik yang memberi penekanan kepada pengajaran bertahap iaitu bermula dari konsep asas kepada yang lebih kompleks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang ditemu bual mengajar satu tajuk dalam satu masa bagi memastikan murid memahami sepenuhnya dan mengelakkan kekeliruan sebelum beralih ke tajuk yang lain. Guru merancang RPH secara sistematik bagi memastikan penyampaian ilmu tidak terganggu dan masa digunakan secara efisien.

Peserta kajian 1 menjelaskan bahawa guru akan mengarahkan murid menghafal subjek tersebut lebih awal supaya pembelajaran dalam kelas lebih fokus dan tidak mengambil masa yang lama. Hal ini selari dengan prinsip *tadrīj* yang mementingkan penguasaan asas sebelum ke tahap yang lebih tinggi. Ini juga mendapat sokongan daripada dapatan pelajar yang menyatakan bahawa guru akan menerangkan elemen asas seperti makhraj huruf dan seterusnya masuk kepada topik cara bacaan Qiraat. Ini selaras dengan kenyataan Nurhakimi et al. (2022) yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW sendiri mendidik para sahabat dengan berperingkat bagi memudahkan para sahabat memahami, mengukuhkan kefahaman dan penguasaan sesuatu ilmu yang diberikan.

Pendekatan yang diamalkan guru SMTDR dilengkapi dengan strategi *talaqqī musyāfahah*, soal jawab, aktiviti lagu serta penggunaan pelbagai BBM. Gabungan pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman murid malah berjaya mencetuskan minat dan motivasi untuk mempelajari Qiraat. Kaedah pengulangan turut menjadi antara kaedah yang konsisten digunakan dalam pengajaran Qiraat. Semua guru menyatakan bahawa tajuk-tajuk sukar akan diulang berkali-kali sehingga murid benar-benar faham. Menurut Zahirwan et al. (2017) pengulangan berperanan membantu pelajar memahami penjelasan guru secara lebih tepat dan berkesan di samping meningkatkan tahap kefahaman mereka. Dapatan menunjukkan bahawa pengulangan antara dua ke tiga kali adalah kebiasaan yang dilakukan guru dan jika tajuk yang mudah difahami, pengulangan sekali sahaja sudah memadai. Tambahan pula, proses pengulangan turut berlaku di luar bilik darjah secara spontan contohnya ketika bertemu murid di luar waktu pengajaran dengan bertanya soalan yang berkaitan dengan Qiraat. Pendekatan ini menunjukkan keprihatinan guru dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna.

Elemen *tajrībah* atau percubaan juga diamalkan dalam bentuk latihan bacaan individu atau semakan berkumpulan. Kaedah ini membolehkan murid mencuba bacaan Qiraat tanpa perlu bergantung kepada buku teks. Guru memberi sokongan berterusan dan peluang kepada murid untuk memperbaiki kesilapan mereka. Dalam pada yang sama murid dapat membina keyakinan mereka melalui pengalaman langsung. Ini dapat dilihat dalam kenyataan peserta kajian yang ditemu bual menyatakan bahawa guru akan meminta pelajar membaca Qiraat imam tertentu tanpa melihat buku teks. Guru akan menyakinkan murid untuk mencuba walaupun murid kurang keyakinan untuk membaca Qiraat. Perkara ini turut disokong menerusi temu bual murid yang mengakui pengalaman tersebut membantu menyebut bacaan Qiraat dengan betul. Zahirwan et al. (2017) menerusi pandangan Ibn Khaldun menyatakan pemerhati tidak akan mencapai sesuatu objektif melalui pemerhatian semata-mata sebaliknya dapat dicapai melalui proses percubaan dan pengalaman secara langsung. Bertepatan dengan kenyataan Sa'adah (2023) menjelaskan bahawa pengalaman yang dilalui semasa aktiviti pembelajaran membantu murid membentuk kemahiran dan pemahaman pelajar.

Seterusnya kaedah fokus, salah satu pendekatan yang signifikan dalam pengajaran Qiraat. Pendekatan ini membantu murid fokus terhadap satu tajuk tanpa memasukkan tajuk yang lain bertujuan membantu murid memberikan tumpuan yang optimum terhadap isi pelajaran tanpa berlaku kekeliruan akibat pencampuran topik. Apabila seseorang memberi tumpuan sepenuhnya terhadap sesuatu maklumat, kebarangkalian untuk mengingatnya akan meningkat. Sebagai ilustrasi, murid yang mendengar dengan teliti dan aktif terhadap penerangan guru di bilik darjah cenderung memahami serta mengingati isi pelajaran dengan lebih berkesan. Kenyataan ini seiring dengan dapatan Kowalski et al. (2025). Berdasarkan dapatan temu bual, semua guru Qiraat yang terlibat dalam kajian mengamalkan pendekatan fokus satu tajuk semasa mengajar namun dengan cara yang berbeza. Peserta kajian 1 dan 2 menyatakan bahawa mereka memberi tumpuan kepada satu tajuk dalam satu sesi PdP lebih-lebih lagi jika kandungan tajuk tersebut agak panjang.

Guru menyesuaikan pelaksanaan mengikut kecukupan masa dan tahap penguasaan murid. Kelas tambahan turut digunakan sebagai ruang khusus untuk murid fokus terhadap Qiraat. Sementara itu, peserta kajian 3 mengamalkan pendekatan fokus yang fleksibel iaitu memberi tumpuan kepada satu bab utama namun mengaitkan dengan topik lain yang berkaitan dengannya contoh bab waqaf dengan bab *ibtida'* atau membandingkan satu riwayat dengan riwayat yang lain. Tujuannya adalah supaya murid dapat memahami perbezaan, persamaan dan hubungan kait sesuatu bab dengan lebih jelas. Pendekatan yang diterapkan peserta kajian 3 menunjukkan bahawa guru bukan sahaja menekankan fokus terhadap topik yang sedang dipelajari tetapi turut menanam kemahiran analisis dan perbandingan dalam kalangan pelajar. Bagi peserta kajian 4, pendekatan fokus diamalkan dengan lebih sistematik. Guru memastikan hanya satu tajuk dipelajari dalam satu sesi PdP dan murid akan diberikan latihan berkaitan tajuk tersebut sebelum beralih kepada topik lain. Pendekatan ini menyumbang kepada pengurangan beban kognitif, menjadikan murid lebih yakin dan bersedia untuk meneroka tajuk-tajuk yang lebih sukar dan mencabar.

Selanjutnya pendekatan perbincangan merupakan pendekatan pedagogi yang efektif dalam meningkatkan pemikiran kritis, keterbukaan, keyakinan diri dan daya saing dalam kalangan murid. Menurut Lim (2023) murid perlu melalui proses yang

mendorong mereka untuk menjadi lebih berdikari, yakin dan komited dalam menyertai perbincangan kumpulan. Interaksi yang berlaku melalui pembelajaran kolaboratif berpotensi menjana pencapaian pelajar yang lebih baik. Proses ini dipercayai dapat memperkukuh kemahiran komunikasi sekali gus melahirkan murid yang lebih bersedia dari aspek interpersonal dan kerjasama dalam konteks pembelajaran abad ke-21. Peserta kajian 1 mengaplikasikan perbincangan dalam bentuk aktiviti berkumpulan. Aktiviti yang dijalankan dalam kumpulan seperti pembentangan dan perbincangan dalam menghasilkan lirik lagu berkaitan dengan kandungan pelajaran Qiraat. Manakala peserta kajian 2 pula menggunakan pendekatan perbincangan ketika pembentangan berkumpulan dengan menggabungkan murid cemerlang dan lemah dalam satu kumpulan. Guru percaya bahawa murid yang cemerlang dapat membantu murid lemah secara langsung.

Peserta kajian 3 memperkenalkan konsep guru muda iaitu pelajar yang cemerlang membimbing rakan-rakan mereka yang lain. Pendekatan ini memupuk semangat kepimpinan pelajar serta menyemai budaya pembelajaran kolaboratif. Manakala bagi peserta kajian 4 turut menekankan aktiviti berkumpulan dan menyatakan bahawa murid yang lemah lebih cenderung untuk meluahkan kekeliruan dan bertanya dalam suasana perbincangan rakan sebaya kerana kurang rasa malu jika di antara rakan-rakan. Dapatan menunjukkan bahawa kaedah perbincangan memberi impak yang positif terhadap penglibatan murid terutamanya murid yang lemah. Mereka lebih mudah memahami apabila rakan sebaya menerangkan konsep berbanding penerangan guru semata-mata. Melalui kaedah perbincangan, guru dapat menilai sejauh mana kefahaman murid tentang sesuatu pelajaran bahkan memperkasa murid dalam aspek penguasaan ilmu serta menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan kemahiran sosial di mana selari dengan pandangan Lim Songpeh (2023) yang menyatakan kerja berpasukan mampu mewujudkan perkongsian ilmu yang lebih berkualiti sejajar dengan teori Lev Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa individu membina kefahaman dan pengetahuan melalui pengalaman serta refleksi terhadap interaksi sosial dan persekitaran mereka. Kolaborasi antara murid membolehkan mereka saling melengkapi pemahaman sekaligus memperkukuhkan proses pembelajaran.

Pendekatan Ibn Khaldun yang seterusnya iaitu tidak mengambil masa yang lama merupakan kaedah pengajaran yang bersifat efisien dan tidak mengambil masa yang terlalu panjang. Kaedah ini menekankan prinsip penyampaian ilmu yang sistematik, padat dan tidak tertangguh di samping mengekalkan kualiti penyampaian isi pelajaran. Zhiyuan (2025) menegaskan bahawa masa amat signifikan bagi pelajar kerana ia memberi kesan langsung terhadap kualiti pengalaman pembelajaran mereka. Pengurusan masa pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah memberi manfaat kepada murid dalam meningkatkan hasil pembelajaran. Selari dengan kajian Lela et al. (2020) yang menekankan bahawa pengurusan masa merupakan elemen yang sangat penting dan perlu diberi penekanan oleh guru dalam usaha memastikan keberkesanan serta kualiti pengajaran dapat dicapai.

Ibn Khaldun (2011) menegaskan bahawa penyampaian ilmu yang tidak berterusan atau sering tertangguh boleh menyebabkan penuntut ilmu melupakan pelajaran yang telah dipelajari sekali gus menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian mengamalkan pendekatan ini dengan cara yang tersendiri. Peserta kajian 1 menekankan kepentingan murid menghafal pelajaran terlebih dahulu sebelum sesi PdP dijalankan. Langkah ini bertujuan untuk menjimatkan masa di dalam kelas serta memudahkan murid memahami isi pelajaran dengan lebih cepat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa guru merancang pembelajaran dengan mengambil kira aspek persediaan murid sebelum masuk ke kelas sekaligus meningkatkan keberkesanan sesi PdP serta masa yang digunakan di bilik darjah lebih produktif. Sementara itu, peserta kajian 2 menjelaskan bahawa beliau tidak akan menangguhkan pengajaran terutamanya jika tajuk tersebut mudah difahami oleh murid. Guru akan memastikan kefahaman murid terlebih dahulu sebelum berpindah ke tajuk baharu.

Pendekatan ini menunjukkan keseimbangan antara keperluan menyelesaikan silibus dan memastikan murid tidak ketinggalan dalam pemahaman. Peserta kajian 3 pula menekankan pentingnya penjadualan yang realistik. Jika sebuah bab panjang, guru tidak memaksa untuk menghabiskannya dalam satu sesi sebaliknya akan menyambung pada hari berikutnya. Dalam pada itu, guru akan menyelitkan aktiviti sokongan seperti soal jawab dan kuiz bagi mengelakkan kebosanan dan memastikan murid kekal fokus

ketika sesi pembelajaran berlangsung. Peserta kajian 4 pula menyatakan bahawa guru SMTDR merancang pengajaran berpandukan RPH yang teliti dan sistematik agar masa yang diperuntukkan mencukupi ketika sesi pengajaran, aktiviti dan pengulangan tanpa berlakunya pembaziran masa. Penyesuaian dibuat berdasarkan panjang atau pendeknya tajuk yang dipelajari.

Kesemua guru dalam kajian ini menekankan pentingnya pengurusan masa yang efisien dalam pengajaran Qiraat. Walaupun terdapat variasi dalam pelaksanaan, kesemuanya berusaha memastikan sesuatu tajuk disampaikan secara lengkap tanpa berlaku penangguhan yang boleh menjejaskan kesinambungan pembelajaran. Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Ibn Khaldun (2011) yang menyatakan penyampaian ilmu secara berterusan dan tidak terputus merupakan elemen penting dalam memastikan pembinaan kemahiran serta penguasaan ilmu dalam diri pelajar. Apabila seseorang pelajar melaksanakan sesuatu secara berulang dan berterusan maka pembentukan *malakah* menjadi lebih kukuh dan tersimpan dalam ingatan jangka panjang. Ibn Khaldun turut mengkritik konsep pembelajaran yang diceraikan atau diputuskan secara tidak berstruktur kerana hal ini akan mengagalkan murid dalam memahami hubungan antara juzuk-juzuk ilmu yang dipelajari. Oleh kerana itu, kesinambungan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dijaga agar murid dapat membentuk penguasaan ilmu yang mantap selari dengan kenyataan Abdullah (1994).

Pendekatan *muḥākāh* atau peniruan dapat dilihat dalam aspek guru menjadi model, teladan serta sumber inspirasi. Guru bukan sahaja berperanan sebagai teladan dalam aspek pengajaran Qiraat malah turut menjadi contoh dalam aspek akhlak dan penampilan diri yang ditunjukkan kepada murid. Menurut Abdullah (1994) kaedah peniruan dianggap penting oleh Ibn Khaldun dalam pengajaran. Melalui proses ini, manusia belajar dengan menyalin atau mengulangi perlakuan dan percakapan manusia yang lebih dewasa atau guru yang menjadi contoh di hadapan mereka. Semua peserta kajian menyatakan bahawa akhlak dan perwatakan guru memberi kesan langsung kepada sikap dan pembentukan jati diri murid. Peserta kajian 1 menekankan kepentingan berbicara dengan baik, menjaga penampilan sebagai seorang pendidik dan mendekati pelajar yang bermasalah dengan bimbingan yang berhikmah.

Peserta kajian 1 juga mempraktikkan sistem ganjaran bagi memotivasi murid ketika di bilik darjah. Manakala peserta kajian 2 menekankan aspek menjaga adab dan hubungan dengan murid. Bagi Peserta kajian 4 pula menekankan bahawa guru perlu menunjukkan contoh yang betul dan tepat ketika mengajar seperti membaca Qiraat yang sahih termasuklah bersungguh-sungguh dalam menyampaikan ilmu. Peserta kajian 4 turut mengaplikasikan pendekatan lemah lembut seperti berjenaka semasa sesi pengajaran bagi mewujudkan suasana yang mesra dan tidak terlalu tegang. Tambahan dari itu, peserta kajian 4 juga memberikan ganjaran kepada murid yang menunjukkan usaha dan komitmen dalam pembelajaran. Bagi peserta kajian 3 pula menyatakan guru perlu menyesuaikan pendekatan sama ada tegas atau lemah lembut bergantung kepada situasi. Peserta kajian 3 cenderung menggunakan pendekatan yang lembut dalam mendidik memandangkan murid di peringkat tingkatan atas dianggap telah memasuki fasa awal kedewasaan. Selain itu, guru juga perlu menunjukkan sikap terbuka dalam menerima teguran termasuk daripada pelajar yang lebih muda sebagai tanda kerendahan hati dan keikhlasan dalam membimbing. Semua peserta kajian sependapat bahawa murid lebih cenderung meniru dan mencontohi apa yang dilihat berbanding hanya mendengar. Ini menunjukkan bahawa *muḥākah* bukan sekadar terhad kepada aspek isi kandungan pengajaran yang tepat dan tatacara pembelajaran yang seharusnya tetapi merangkumi keseluruhan aspek keperibadian dan sahsiah guru yang menjadi model ikutan kepada murid. Menurut Lina (2020) Bandura (1971) menekankan bahawa persekitaran memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk akhlak kanak-kanak sama ada secara langsung melalui interaksi harian atau secara tidak langsung melalui pemerhatian. Sehubungan itu, guru dianggap sebagai model teladan yang penting kerana tingkah laku dan nilai yang ditunjukkan oleh guru cenderung ditiru oleh murid terutamanya dalam proses perkembangan sosial dan moral mereka.

Akhir sekali iaitu pendekatan *rīḥlah* dalam kaedah pendidikan Ibn Khaldun merujuk kepada pembelajaran berasaskan pengalaman secara langsung di luar bilik darjah. Konsep ini menekankan kepentingan pemerhatian dan eksplorasi dunia sebenar sebagai sebahagian daripada proses pembinaan ilmu. *Rīḥlah* bukan sekadar lawatan tetapi satu bentuk pembelajaran yang menggabungkan unsur pengalaman praktikal, interaksi sosial dengan mereka yang berpengalaman dan pendedahan kepada suasana

pembelajaran sebenar dalam dunia luar seperti di institusi pengajian tinggi, majlis ilmu dan lain-lain yang berkaitan dengan mata pelajaran. Dalam konteks pengajaran Qiraat, *rīḥlah* berpotensi untuk memperkukuh pemahaman murid melalui pendedahan kepada tokoh Qiraat, institusi yang mengamalkan Qiraat serta pengalaman melihat sendiri bacaan Qiraat oleh Qari yang pakar Qiraat secara langsung. Namun hasil kajian ini mendapati bahawa pendekatan *rīḥlah* masih kurang diamalkan secara meluas dalam kalangan guru Qiraat di SMTDR. Peserta kajian 1 menyatakan bahawa *rīḥlah* khusus untuk pengajaran Qiraat jarang dilakukan atas sebab keutamaan sekolah terhadap matlamat hafazan kerana aktiviti seperti ini mengambil masa murid untuk menghafal al-Quran. Kesemua peserta kajian turut menyatakan bahawa *rīḥlah* berkaitan Qiraat masih dalam perancangan. Tambahan dari itu, peserta kajian 3 menyatakan juga bahawa walaupun tiada *rīḥlah* khusus Qiraat namun terdapat lawatan yang merangkumi aspek Hifz dan Qiraat seperti ke Muzium Islam dan Darul Quran. Ringkasnya, pendekatan *rīḥlah* masih belum dimanfaatkan sepenuhnya dalam PdP Qiraat di SMTDR.

Secara keseluruhan, dapatan kajian memperlihatkan bahawa guru-guru Qiraat di SMTDR telah berjaya mengaplikasikan sebahagian besar pendekatan pendidikan Ibn Khaldun. Dapatan ini disokong berdasarkan kepada jadual 4.8 menerusi pandangan pelajar. Majoriti guru Qiraat di SMTDR telah mengaplikasikan pendekatan pendidikan seperti *tadrīj*, *muḥākah*, *tajrībah*, pengulangan dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa pendekatan Ibn khaldun adalah bersifat sejagat, praktikal dan ia wujud secara semula jadi dalam amalan pengajaran yang berkesan. Ini selari dengan dapatan Zahirwan et al. (2017) yang mendapati teori Pendidikan Ibn Khaldun mempunyai nilai dan keberkesanan yang relevan untuk diamalkan oleh para pendidik pada masa kini terutamanya di institusi-institusi pendidikan Islam. Bahkan menurutnya lagi, pendekatan ini terbukti berkesan dalam membentuk sistem pembelajaran yang berteraskan pendidikan Islam.

Meskipun begitu, masih terdapat kekangan dalam pelaksanaan secara menyeluruh. Beberapa faktor yang dapat dikenal pasti seperti kurangnya pendedahan terhadap teori pendidikan Ibn Khaldun yang sebenar. Guru mengutamakan kaedah berdasarkan kepada keperluan pembelajaran dan keutamaan silibus, faktor masa, tekanan menyelesaikan silibus pembelajaran, gaya pembelajaran guru itu sendiri,

sokongan institusi dan tahap pelajar. Rumusan kepada elemen-elemen yang digunakan guru SMTDR yang utama adalah kaedah *tadrīj*, pengulangan, fokus, *tajrībah* tauladan, peniruan dan pengurusan masa yang efisien. Bagi kaedah *rīhlah* merupakan kaedah yang paling kurang digunakan dalam amalan PdP Qiraat walaupun ia mempunyai potensi besar kepada pembelajaran jika dilaksanakan secara sistematik. Kesimpulannya, guru Qiraat di SMTDR lebih cenderung memilih kaedah yang praktikal, mudah dilaksanakan serta selaras dengan keperluan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran yang secara tidak langsung telah mengamalkan pendekatan tersebut namun kurang pendedahan berkenaan dengan teori pendekatan Ibn Khaldun secara formal. Sementara itu kaedah yang memerlukan perancangan tambahan, sokongan logistik yang melibatkan aktiviti luar sekolah masih kurang meskipun memiliki potensi pedagogi yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan sesuatu kaedah bukan sahaja bergantung kepada keberkesanan teori tetapi juga kepada realiti pelaksanaan di lapangan.

5.3.4 Kesan Minat Dan Prestasi Pelajar Qiraat

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa pendekatan pengajaran yang pelbagai dan bersifat mesra murid memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat dan prestasi murid terhadap penguasaan ilmu Qiraat. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Hidayah et al. (2024) yang menyatakan pendekatan dan strategi PdP seharusnya bersifat fleksibel serta pelbagai bagi memenuhi keperluan dan tahap kemampuan pelajar yang berbeza. Menurutny lagi, seorang guru memainkan peranan penting dalam memilih dan melaksanakan strategi PdP agar proses pembelajaran menjadi lebih interaktif. Guru yang mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran serta bersikap kreatif dalam merancang mampu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran, merangsang tindak balas positif dan dapat menarik minat pelajar sama ada menerusi pelaksanaan aktiviti yang menyeronokkan atau pemilihan BBM yang sesuai dan berkesan. Guru-guru di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) mengaplikasi pelbagai kaedah seperti bercerita, kaedah *talaqqī musyāfahah*, penggunaan BBM seperti lagu, aktiviti pembentangan berkumpulan, pengulangan serta aktiviti luar bilik darjah bagi menyesuaikan pengajaran berdasarkan kepada latar

belakang dan kebolehan murid. Antara kaedah yang menarik minat pelajar adalah kaedah penceritaan pengalaman guru ketika menuntut ilmu Qiraat di luar negara seperti Mesir. Pendekatan ini terbukti berjaya menarik minat murid untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang keunikan wajah-wajah Qiraat dan tokoh-tokoh Qiraat. Seperti dinyatakan oleh peserta kajian 1, pendedahan kepada suasana *talaqqī musyāfahah* dan suasana masjid di Shubra, Mesir menjadikan murid lebih teruja untuk mendalami ilmu Qiraat. Dalam konteks pendidikan, proses pembelajaran tidak berlaku secara spontan sebaliknya bermula dengan rangsangan-rangsangan luar yang bertindak sebagai pencetus. Rangsangan ini dipilih dan diproses oleh pelajar bergantung sepenuhnya kepada faktor motivasi dalaman dan luaran mereka.

Ini selaras berdasarkan kepada kenyataan dua tokoh pendidikan Islam abad pertengahan iaitu Al-Zarnuji (2007) dan Al-Shaukani (2000) menekankan bahawa motivasi dan kesediaan murid merupakan unsur penting dalam domain afektif yang perlu dimiliki bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran (Nurkhamimi et al., 2022). Perkara ini turut disokong oleh Shabuddin et al. (2003) yang menyatakan motivasi memainkan peranan penting dalam memastikan kesediaan murid untuk belajar dan mempengaruhi keberkesanan pengajaran yang disampaikan. Menurutnya lagi tokoh psikologi pendidikan Gagne menyatakan bahawa fasa motivasi merupakan fasa pertama dalam proses pembelajaran yang mendorong dan menggalakan manusia untuk berusaha dan belajar.

Seterusnya penggunaan lagu sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga didapati amat berkesan dalam membantu murid menghafal topik-topik dalam Qiraat. Peserta kajian 1 dan 2 menyatakan bahawa murid-murid lebih mudah mengingat fakta apabila dipersembahkan dalam bentuk lagu. Lagu ini turut dicipta sendiri oleh murid. Ini menandakan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran selari dengan prinsip teori konstruktivisme yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina makna pembelajaran berdasarkan persekitaran serta pengalaman sedia ada dalam kerangka kognitif masing-masing. Tambahan pula, menerusi kenyataan Voon, S.H et al. (2021) konstruktivisme yang menekankan penglibatan aktif murid turut menggalakkan mereka meluahkan idea, menulis secara kritis dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian dalam mata pelajaran.

Dapatan seterusnya menunjukkan kaedah *talaqqī* dan *musyāfahah* merupakan antara pendekatan paling berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan penguasaan bacaan Qiraat. Guru akan memanggil murid untuk membaca secara individu, menegur serta membetulkan bacaan secara langsung. Ini selaras dengan kenyataan Nasir et al. (2017) bahawa kaedah *talaqqī mushāfahah* merujuk kepada proses pembelajaran al-Quran secara langsung antara guru dan murid terbukti berkesan dalam memastikan ketepatan sebutan dan penguasaan bacaan yang sahih. Menurutny lagi berdasarkan Sedek Arifin (2009) kaedah ini masih dianggap sebagai satu-satunya pendekatan yang paling tepat dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran kerana menepati cara al-Quran diturunkan dan disampaikan secara lisan daripada generasi ke generasi. Dalam pada itu, pendekatan ini dapat memperkukuhkan teknik penyampaian guru manakala murid memperoleh ilmu yang sahih, jelas dan sempurna selaras dengan kehendak Allah SWT dan Rasul SAW. Ini selaras dengan kenyataan Amirullah et al. (2023) bahawa para pembaca al-Quran seharusnya membaca bertepatan dengan kaedah serta sahih bacaannya. Tegasnya pendekatan *talaqqī musyāfahah* walaupun berpaksikan kepada kaedah tradisional seharusnya diberi penekanan kerana merupakan kaedah asas yang telah diterapkan sejak zaman Rasulullah SAW dalam menjaga keaslian bacaan al-Quran yang sebenar. Menurutny lagi, kaedah ini telah banyak digunakan di sekolah-sekolah SABK di negeri Perak dalam bidang tilawah al-Quran.

Teknik yang menarik minat murid seterusnya adalah aktiviti luar bilik darjah seperti explorace, persembahan bacaan Qiraat, kuiz dan hari Qiraat yang dilaksanakan di SMTDR telah berjaya meningkatkan keterlibatan murid secara menyeluruh. Aktiviti seperti ini membantu murid melihat Qiraat bukan sekadar sebagai subjek akademik tetapi juga sebagai warisan ilmu yang boleh diterapkan dalam kehidupan. Selain itu, penglibatan murid dalam aktiviti dan program rasmi sekolah turut menyumbang kepada peningkatan motivasi dan semangat murid. Dalam pada itu juga, guru turut menyediakan nota ringkas dan lembaran kerja yang mudah difahami untuk membantu murid khususnya yang lemah memahami konsep penting dalam Qiraat. Nota ringkas, padat dan berstruktur mampu merangsang ingatan pelajar serta dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Hal ini disokong oleh kenyataan pelajar dalam jadual 4.6 yang menunjukkan peningkatan prestasi selepas menggunakan nota ringkas,

pengulangan serta soal jawab. Sebahagian guru menggunakan pendekatan bimbingan secara individu dan melaksanakan program “guru muda” bagi membolehkan murid yang cemerlang membantu rakan mereka yang lemah. Kaedah ini bukan sahaja membina kefahaman mendalam tetapi juga merangsang semangat kerjasama dan pembelajaran kolaboratif.

Shahabuddin et al. (2003) menyarankan guru perlu mencipta sistem komunikasi di antara guru dengan murid atau murid dengan murid. Konsep interaksi aktif sesama murid sangat ditekankan supaya murid mengalami sendiri proses pembelajaran dan menjadi latihan sendiri yang membentuk sikap berdikari. Ini selaras dengan kenyataan Voon et al. (2021) menerusi teori sosial kognitif Lev Vygotsky yang menyatakan bahawa proses pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan apabila murid didedahkan kepada interaksi sosial bersama individu yang berada dalam zon perkembangan proksimal mereka (Voon et al. 2021). Dalam hal ini, murid yang lebih mahir bertindak sebagai rakan tutor yang membantu murid lain untuk berkembang secara kognitif melalui pendedahan dan bimbingan secara tidak formal.

Selanjutnya, pengaruh persekitaran turut menyumbang kepada peningkatan minat murid. Sebagaimana yang dinyatakan peserta kajian 3, murid peringkat rendah mula menunjukkan minat terhadap mata pelajaran Qiraat apabila mereka sering menyaksikan dan mendengar bacaan murid tingkatan empat dan lima memperaktikkan bacaan Qiraat di sekolah. Situasi ini secara tidak langsung membuktikan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan penting dalam pembentukan minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran khususnya dalam penguasaan ilmu Qiraat. Kajian Ruddy et al. (2022) dan kajian Azri et al. (2020) telah membuktikan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi proses dan literasi pembelajaran.

Secara keseluruhan, pendekatan yang pelbagai, responsif dan bersesuaian dengan tahap murid terbukti telah memberi kesan yang positif terhadap minat dan prestasi pelajar dalam subjek Qiraat. Perkara ini disokong dan selari dengan dapatan kajian Tokiman et al. (2024) yang menjelaskan bahawa guru yang mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran serta bersikap kreatif dalam merancang mampu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran, merangsang tindak balas positif dan

dapat menarik minat pelajar sama ada menerusi pelaksanaan aktiviti yang menyeronokkan atau pemilihan BBM yang sesuai dan berkesan. Selain dari itu, pandangan pelajar dalam jadual 4.4 turut menyokong dapatan ini.

Kesimpulannya, ketiga-tiga objektif kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan Ibn Khaldun mampu mewujudkan satu kerangka pedagogi Islamik yang progresif, berkesan dan berpusatkan pelajar selaras dengan tuntutan pendidikan kontemporari. Namun, pelaksanaannya memerlukan sokongan institusi, pembangunan profesional guru, penyediaan sumber yang mencukupi dan pemantauan berterusan bagi memastikan PdP asas Qiraat benar-benar memberi impak terhadap pencapaian pelajar.

5.4 Saranan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang telah dijalankan, beberapa saranan dikemukakan bagi memperkukuhkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) asas Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). Saranan ini ditujukan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak pengurusan sekolah, guru, dan badan penyelidikan akademik agar usaha memperkasakan ilmu Qiraat dapat direalisasikan secara menyeluruh dan berkesan.

5.4.1 Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

i) Pengukuhan Latihan Profesional:

Guru KPM disarankan menyediakan latihan profesional berkala yang khusus kepada guru-guru Qiraat termasuk aspek pedagogi Islamik dan kaedah pendidikan Ibn Khaldun. Latihan ini penting bagi memastikan guru berupaya melaksanakan PdP secara sistematik, reflektif dan relevan dengan keperluan semasa.

ii) Pemerkasaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT):

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) perlu dikaji semula bagi memberi ruang kepada pengajaran Qiraat yang lebih menyeluruh, merangkumi aspek teori dan praktikal serta menekankan pendekatan pembelajaran secara *talaqqī musyāfahah* sebagaimana digariskan dalam tradisi pengajian ilmu Qiraat.

5.4.2 Pihak Sekolah

i) **Pembangunan Sumber Dan Prasarana Pengajaran:**

SMTDR disaran meningkatkan pelaburan terhadap pembangunan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang lebih interaktif dan selari dengan kehendak generasi pelajar masa kini. Penggunaan teknologi digital seperti aplikasi mudah alih, video Qiraat, dan platform LMS (Learning Management System) harus diperluaskan.

ii) **Sokongan Berstruktur Kepada Guru:**

Pihak sekolah perlu menyediakan ruang masa dan sumber yang mencukupi bagi guru merancang PdP yang efektif. Ini termasuk menyediakan masa pengajaran yang mencukupi untuk subjek Qiraat serta mengurangkan beban pentadbiran yang boleh mengganggu fokus pengajaran.

5.4.3 Guru

i) **Pemantapan Kaedah Pengajaran Reflektif dan Terancang:**

Guru perlu mengamalkan pengajaran berasaskan refleksi dan penambahbaikan berterusan. Setiap pengajaran perlu dirancang dengan mengambil kira variasi keupayaan pelajar serta menggunakan

pendekatan pelbagai gaya pembelajaran seperti visual, auditori dan kinestetik.

ii) Pengintegrasian Nilai dan Akhlak dalam PdP:

Guru sewajarnya mengintegrasikan elemen nilai dan akhlak dalam pengajaran Qiraat selaras dengan pendekatan Ibn Khaldun yang menekankan pembinaan akhlak sebagai matlamat utama pendidikan. Hal ini berpotensi memperkukuh keterikatan pelajar terhadap ilmu Qiraat secara lebih menyeluruh dan bermakna.

5.4.4 Penyelidikan Dan Institusi Pendidikan Tinggi

i) Penghasilan Modul Pengajaran Qiraat Berasaskan Teori Islam:

Didorong oleh keperluan di lapangan, penyelidik disarankan membangunkan modul atau manual PdP Qiraat yang berasaskan pendekatan pendidikan Ibn Khaldun. Modul ini boleh dijadikan rujukan dalam latihan guru, penyelidikan tindakan dan pembangunan kurikulum.

ii) Pembangunan Instrumen Penilaian Autentik:

Institusi pendidikan tinggi boleh bekerjasama dengan sekolah tahfiz dalam membangunkan instrumen penilaian autentik yang sesuai untuk mengukur penguasaan Qiraat dalam bentuk teori dan amali, selaras dengan pendekatan performance-based assessment.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah berjaya meninjau dan menghuraikan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) asas Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul

Ridzuan (SMTDR) dengan menumpukan kepada pendekatan pendidikan Ibn Khaldun. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak bersifat menyeluruh terhadap semua institusi tahfiz, mahupun aspek lain dalam pendidikan Qiraat secara keseluruhan. Justeru, beberapa cadangan dikemukakan bagi penyelidikan lanjutan yang dapat memperluas dimensi pemahaman dan pengukuhan terhadap amalan pedagogi Qiraat di Malaysia.

5.5.1 Kajian Terhadap SMTDR Lelaki Dan Sekolah Tahfiz Lain

Kajian ini hanya menumpukan kepada SMTDR perempuan di dua daerah di negeri Perak. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan agar melibatkan SMTDR yang menempatkan pelajar lelaki serta institusi tahfiz lain seperti Maahad Tahfiz Swasta, MRSM Ulul Albab, Sekolah Menengah Agama (SMA) atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kajian ini akan membolehkan perbandingan dari aspek pendekatan PdP, gaya pembelajaran mengikut jantina serta keberkesanan pelaksanaan kurikulum Qiraat dalam pelbagai konteks institusi.

5.5.2 Kajian Kuantitatif Dan Gabungan (Mixed Method)

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara mendalam. Bagi memperkukuh generalisasi dan ketepatan dapatan, kajian lanjutan disarankan untuk menggunakan reka bentuk kuantitatif atau gabungan (mixed method). Kajian kuantitatif boleh membantu mengukur hubungan antara pemboleh ubah seperti minat pelajar, motivasi, prestasi akademik, dan keberkesanan BBM secara statistik, manakala kaedah gabungan pula memberi kelebihan dalam triangulasi data dan pemahaman yang lebih komprehensif.

5.5.3 Kajian Tentang Integrasi Teknologi Dalam PdP Qiraat

Dalam era pendidikan digital, cadangan penyelidikan berkisar kepada integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat adalah amat signifikan. Kajian boleh difokuskan kepada keberkesanan penggunaan platform digital seperti aplikasi pembelajaran al-Quran, LMS (Learning Management System), teknologi realiti maya

(virtual reality) atau video interaktif dalam meningkatkan penguasaan dan minat pelajar terhadap ilmu Qiraat.

5.5.4 Pembangunan Model atau Modul Pengajaran Qiraat

Kajian lanjutan boleh difokuskan kepada pembangunan model pengajaran Qiraat berasaskan prinsip pendidikan Islam klasik seperti Ibn Khaldun, al-Ghazali atau konsep ta'dib oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Modul-modul ini kemudiannya boleh diuji keberkesannya di institusi tahfiz atau sekolah agama sebagai rujukan pengajaran holistik yang menyepadukan ilmu, akhlak dan kemahiran.

5.5.5 Kajian Longitudinal Terhadap Prestasi Pelajar

Cadangan juga diberikan kepada kajian berbentuk longitudinal, iaitu kajian susulan jangka panjang terhadap kesan kaedah PdP Qiraat terhadap pencapaian pelajar, baik dalam aspek bacaan, hafazan, pemahaman serta akhlak. Kajian seperti ini penting untuk menilai keberkesanan sebenar sesuatu intervensi PdP terhadap pembentukan keperibadian pelajar secara berterusan.

5.5.6 Penyelidikan Perbandingan Antara Negara

Cadangan seterusnya ialah menjalankan kajian perbandingan antara pendekatan PdP Qiraat di Malaysia dengan negara lain yang mempunyai sistem tahfiz yang mantap seperti Mesir, Jordan, Maghribi atau Indonesia. Kajian ini boleh mengenal pasti model amalan terbaik (best practices) serta potensi penyesuaian pendekatan tempatan agar sistem PdP Qiraat di Malaysia dapat mencapai tahap kecemerlangan global.

5.6 Kesimpulan

Kajian ini telah mengupas secara mendalam tentang pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) asas Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) dengan memberi penekanan terhadap pendekatan pendidikan Ibn

Khaldun. Berdasarkan dapatan dan analisis yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan PdP Qiraat mempunyai potensi besar untuk diperkasa sekiranya didukung oleh pendekatan pedagogi yang bersifat reflektif, kontekstual dan menyeluruh.

Tiga objektif utama kajian telah dicapai iaitu meninjau persedian guru Qiraat sebelum pelaksanaan kelas Qiraat, mengenalpasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Qiraat di dalam kelas dan meneroka pendekatan pengajaran guru Qiraat dalam kelas berdasarkan pengajaran Ibn Khaldun. Dapatan menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting sebagai fasilitator dan pembimbing yang menyokong perkembangan pelajar. walaupun SMTDR tidak menggunakan pendekatan Ibn Khaldun secara rasmi dalam kurikulum PdP, dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip-prinsip pendidikan yang diamalkan oleh guru Qiraat selari dengan pendekatan tersebut secara tidak langsung. Dalam masa yang sama, unsur-unsur utama pendidikan Ibn Khaldun seperti bernasur-ansur, pengulangan, tauladan, perbincangan dan percubaan turut diaplikasikan secara tidak formal walaupun belum disusun secara sistematik dalam kurikulum formal.

Kelemahan yang dikenal pasti pula melibatkan kekangan masa PdP, keterbatasan BBM yang bersifat digital dan interaktif serta kurangnya latihan profesional khusus bagi guru Qiraat. Justeru itu, saranan telah dikemukakan kepada pihak KPM, sekolah, guru dan institusi penyelidikan untuk memperbaiki dan memperkukuh amalan PdP yang sedia ada. Antara saranan utama termasuklah pengukuhan kurikulum, pembangunan modul pengajaran, integrasi teknologi pendidikan serta penyediaan prasarana dan sokongan institusi yang mencukupi.

Sumbangan utama kajian ini ialah memperkenalkan satu kerangka konseptual pedagogi Islam (Ibn Khaldun) dalam pendidikan Qiraat. Ia memberi implikasi kepada teori, amalan dan dasar pendidikan Islam kontemporari. Kajian ini juga menonjolkan keperluan untuk memperluas pendekatan pendidikan yang menekankan elemen akhlak, interaksi sosial dan nilai budaya dalam pengajaran ilmu wahyu. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan PdP Qiraat yang lebih bermakna, berkesan dan kontekstual seterusnya menyumbang kepada usaha melahirkan generasi pelajar tahfiz yang bukan sahaja celik al-Quran dari aspek hafazan dan tajwid,

malah mahir dalam ilmu Qiraat serta mampu menjadi pewaris ilmu Islam yang autentik dan berkualiti.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2013) *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Al-Rahman Bin Khaldun. (2004). *Mukadimah*. Dar Ya'Rib.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2020). *Maharat Al-Quran*. Sinar Tenggara Sdn. Bhd.
- Abd. Rahman Abd Ghani & Mardhiah Yahaya. (2021). Bentuk Dan Kaedah Pelaksanaan Kurikulum Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Johor. *Jurnal Qiraat*, 4(2), 11-23.
- Abdul Hakim Bin Mahadzir, Muhd Thoriq Asshiddiq Bin Che Ahmad, Mohd Sholeh Bin Sheh Yusuff, Mat Rani Bin Abdul Manaf. (2024). Mastery Level Of Qiraat Study At Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah International Islamic University (Unishams). *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 14(1), 1896-1906.
- Abdullah Al-Amin Al-Na'Miy. (1994). *Al-Manahij Wa Turuq Al-Ta'Lim 'Inda Al-Qabisi Wa Ibn Khaldun (Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun Dan Al-Qabisi)*. (Mohd Ramzi Omar, Trans.) Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah, K., Yusof @ Salleh, M. Y., & Ali Hasan, A. (2024). Sejarah Perkembangan Dan Sumbangan Institusi Tahfiz Di Negeri Perak: Kajian Terhadap Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development*, 9(65), 297 -307.
- Abu Jaa'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari. (2012) *Tafsir Al-Tabari*. Dar Al-Qalam.
- Abu Jaafar Muhammad Bin Jarir al-Tabari. (2012). *Tafsir al-Tabari*. Dar al-Qalam.
- Abu Mardhiyah. (2007). *Tajwid Al-Quran*. Penerbit Al-Jenderaki Enterprise.
- Achmad Junaedi Sitika, Faridz Arizki Kurnillah, Dias Raisya Nurazizah, Alyanti Nikita Dewi, Elisa Nur Izatunimah & Alya Dwi Arida. (2024). Sifat dan Tugas Pendidik dalam Perspektif Hadist Rasulullah SAW. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam dan Keagamaan*, 8(1), 66-78.
- Adam Kowalski, Jakub Nowak & Kacper Wisniewski. (2025). The Relationship Between Attention And Memory In Cognitive Psychology. *American Journal Of Multifunctional Publishing*, 2(4), 33-37.

- Ahmad Ajib Ridlwan, Imam Mawardi. (2019). The Contribution Of Ibn Khaldun Economic Thought. *Kalimah Jurnal Studi Agama-Agama Dan Pemikiran Islam*, 17(1), 118-128.
- Ahmad Firdaus Md Noor. (2017). *Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. (2018). Faktor Penguasaan Qiraat Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (KKQ) Di Negeri Perak. (Tesis Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris). UPSI Digital Repository.
- Ahmad Junaidi Mohd Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (2016). Hubungan Motivasi Dengan Tahap Penguasaan Qiraat Al-Sabie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) Di Negeri Perak. *Online Journal Of Islamic Education*, 4(2), 36-45.
- Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran & Ahmad Najib Abdullah. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 449-458.
- Ahmad Syahir Ahamad Nazly, Muhammad Aizat Syimir Rozani & Muhammad Hatta Shafri. (2019, November 5-6). Perbezaan Qiraat Sepuluh Dan Kesannya Terhadap Tafsir Al-Quran: Kajian Terhadap Kata Kerja Kala Kini Dalam Surah Ali Imran. (Conference presentation) 5th International Seminar On Islamiyyat Studies, Bangi, Selangor.
- Aiman Rusydi Suwaid. (2022) *At-Tajwid Al-Musawwar*. Penerbit Dar Al-Mushaf As-Syarif.
- Aini Haslina Abdul Hamid, Mohd Khairi Hj Othman & Mohamad Khadafi Hj Rofie. (2023). Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran Al-Quran. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 35-50.
- Amani Muhammad A'syur. (2017). *Al-Usul Al-Nirat Fi Al-Qiraat*. Penerbit Madar Al-Watan.
- Amanur Latifah, Zulmuqim & Muhammad Kosim. (2022). Pendidikan Berbasis

- Tauhid: Perbandingan Pemikiran Ibn Maskawaih, Al-Ghazali Dan Ibn Khaldun. *Jurnal Komunikasi Dan Pendidikan Islam*, 11(2), 37-58.
- Ang Kean Hua. (2016). Mengenai Penyelidikan Dan Kajian Kes: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 12(10), 49-55.
- Anis Syahirah Fauzan Dan Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan Al-Quran Dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath* 2(2), 54-59.
- Ashatu Hussein. (2009). The Use of Triangulation in Social Sceinces Research: Can Qualitative and Quantitative Methods be Combined?. *Journal of Comparative Social Work* 20(1). 1-12.
- Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri & Nurul Hudaa Hassan. (2019). Pelaksanaan Amalan Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The International Journal Of Islamic Studies*, 41(1), 93-98.
- Atkinson, P. A. & Coffey, A. (1997) *Analysing Documentary Realities*. In Silverman, D. (Eds.), *Qualitative Research: Theory, Method And Practice* (pp. 45-62). SAGE.
- Ayilzi Putri, Muhammad Alfiansyah, Siti Aisyah Panjaitan, Alde Rizky Pratama Siregar & Alok Marwahta Br Ginting. (2023). Perintah Belajar dan Mengajar dalam Q. S. Al-‘Alaq Ayat 1-5 Menurut Tafsir Ath-Thabari. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam dan Keagamaan*, 7(3), 157-165.
- Azizi Jaafar. (2019). Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya & Hii Ching Ling (2006, July 27-30). Persepsi Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Keberkesanan Kelas Tambahan Di Sekolah (Conference paper). UPSI Edu Research 2006, Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur.
- Azmil Hashim, Mas’ani Ahmad & Zahratun Sakinah Jamaluddin. (2017). Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut Al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar Sekolah Di Sekolah Agama Di Negeri Perak. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 9(1), 1-11.
- Azri Kifli, Jahidih Saili & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar Dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar Dalam Bidang Qiraat. *Tinta Artikulasi*

- Membina Ummah*, 6(2), 24-33.
- Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharuddin Aris, Rio Sumami Sharifuddin & Manimegalai Subramaniam. (2002) *Rekabentuk Perisian Multimedia*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Bailey, C., A. (2018). *A Guide To Qualitative Field Research* (3rd ed.). SAGE.
- Bazeley, P. (2013). *Qualitative Data Analysis Practical Strategies*. SAGE.
- Berg, B. L. (2006) *Qualitative Research Methods For The Sosial Sceinces*. Pearson International Edition.
- Berita Harian. (2024, Julai 3). Pelajar Tahfiz, Qiraat Malaysia Dipelawa Sambung Belajar Di Mesir – Sheikh Al-Azhar.
- Bernama. (2024, Julai 3). Pelajar Tahfiz, Qiraat Malaysia Dipelawa Sambung Belajar Di Mesir – Sheikh Al-Azhar. Bernama. (2024, Jun 22). Rm 20 Juta Untuk SMTDR Setaip Tahun – Saarani. Bhatia, P. (2016). *Conquering Constructivism*. Educreation Publishing.
- Birt, L., Scott, S., Cavers, D., Campbell, C., & Walter, F. (2016). Member Checking: A Tool To Enhance Trustworthiness Or Merely A Nod To Validation?. *Qualitative Health Research*, 26(13), 1802-1811.
- Black, J. A., & Champion, D. J. (1976). *Methods And Issues In Social Research*. Wiley.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theory And Methods* (3rd ed.). Allyn & Bacon.
- Boiejie, H. (2010) *Analysis In Qualitative Research* (2nd ed.). SAGE.
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis As A Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming Qualitative Information*. SAGE.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research*. SAGE.
- Brinkmann, S. & Kvale, S. (2014). *Doing Interview*. SAGE.
- Budi Suhartawan & Muizzatul Hasanah. (2023). Adab Ahlul Qur'an Perspektif Imam Nawawi. *Tafakkur*, 4(1), 1-23.
- Budiningsih, C. A. (2003). Perkembangan Teori Belajar Dan Pembelajaran Menuju REvolusi Sosiokultural Vygotsky. *Dinamika Pendidikan UNY*, 10(1), 37-48.

- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (2nd ed). Mc Graw Hill.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics Of Qualitative Research Techniques And Procedures For Developing Grounded Theory*. SAGE.
- Cottrell, R. R., & Mckenzie, J. F. (2005). *Health Promotion And Education Research Methods Using Five Chapter Thesis Dissertation Model*. John & Bartlett Publishers.
- Creswell, J. W. & Gutterman, T. (2021). *Educational Research Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. Pearson Education.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry And Research Design* (4th ed.). SAGE.
- Creswell, J. W. (2000). Determining Validity Yin Qualitative Inquiry. *Theory Into Practice*, 39(3) 124-130.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative & Mixed Method Approaches* (4th ed). SAGE.
- Crowther, D., & Lancaster, G. (2009). *Research Methods A Concise Introduction To Research In Management And Business Consultancy*. Elsevier.
- Cutchcliffe, J. R. & Mckenna, H. P. Expert Qualitative Researchers And The Use Of Audit Trails. *Journal Of Advanced Nursing*, 45(2), 126-138.
- Danial Zainal Abidin. (2013). *The Power Of Al-Quran*. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Daud, Z., & Ibrahim, M. L. (2019). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM: A Study of Students' Perceptions of the Teaching and Learning of Qiraat at USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 46-53.
- Daud, Zainora, Adi, Muhammad Fairuz A. & Abdullah Mustaffa (2012, June 1-2). Kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajian qiraat di Jabatan Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS: Satu tinjauan awal. (Conference Presentation). International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education, Mecca, Saudi Arabia.
- Dayangku Nur Aqilah Awangku Drahrman. (2023). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Subjek Hifz Al-Quran Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

- (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak. (Kertas Projek Akhir Ijazah Sarjana Muda, Universiti Pendidikan Sultan Idris). UPSI Digital Repository.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2003). *Collecting And Intrepreting Qualitative Materials* (2nd ed). SAGE.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1989). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Esterberg, K. G. (2002). *Qualitative Methods In Social Research*. Mc Graw Hill.
- Faizah Ja'apar. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (Bbm) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian*. (Unpublished master's thesis) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Fakhruddin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia. *Journal Of Learning And Instruction*, 17(2): 311-340.
- Faridah Salam, Ramlah Mailok & Nor Hasbiah Ubaidullah. (2015). Perubahan Pencapaian Mata Pelajaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dengan Scaffolding. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1), 29-41.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Universiti Putra Malaysia.
- Fauzi Husin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan Dan Analisis Data SPSS*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Fawarni Ahmad Dan Zanaton H. Iksan. (2021). Pengintegrasian Bidang Adab Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia. *Sains Insani* 6 (1), 99-104.
- Felza Zulhibri Abd Hamid. (2013). *Sejarah Mushaf Al-Syariff*. Penerbit Felza Zulhibri Abd Hamid.
- Fereday, J. & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating Rigor Using Thematic Analysis: A Hybrid Approach Of Inductive And Deductive Coding And Theme Development. *International Journal Of Qualitative Methods*, 5(1), 80–92.
- Figg, C., Wenrick, M., Youker, C., Heilman, J. & Schneider, C. Implications And Benefits Of A Long-Term Peer Debriefing Experience On Teacher Researchers.

- Brock Education*, 19(1), 20-35.
- Flick, U. (2004). *Triangulation in qualitative research*. In U. Flick, E.V.Kardoff, & I. Steinke (Eds.), *A companion to qualitative research* (pp. 178–183). Sage.
- Flick, U. (2018) *Doing Triangulation And Mixed Methods* (2nd ed). SAGE.
- Flick, U. (2018). *Designing Qualitative Research* (2nd ed). SAGE.
- Fontana, A., & Frey, J. H. (2003). *The Interview From Structured Questions To Negotiated Text*. In Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.), *Collecting And Intrepreting Qualitative Materials* (2nd ed) SAGE.
- Freeman, M., Demarraais, K., Preissle, J., Roulston. K., & Pierre, E. A. (2007). Standards Of Evidence In Qualitative Research: An Incitement To Discourse. *Educational Researcher* 36(1), 25-32.
- Gaudet, S., & Robert, D. (2018). *A Journey Through Qualitative Research From Design To Reporting*. SAGE.
- Gentles, J., S., Charles, C., Plong, J., & Mckibbon, K. A. (2015). Sampling In Qualitative Research: Insights From An Overview Of The Method Literature. *The Qualitative Report*, 20(11). 1783.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018) *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*, (2nd ed.) Penerbit Universiti Malaya.
- Ghazali Darussalam. (2009). Teori Dan Model Pengajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 1, 1-25.
- Gibbs, G. R. (2018). *Analyzing Qualitative Data*. SAGE.
- Gumaa Ahmed Himmad, Ahmad Baha' Mokhtar & Rifqi Hidayatil. (2023). Matan-Matan Utama Dalam Pengajian Ilmu Qirāat: Analisis Metode Penulisan Dan Simbol. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 20-34.
- Gupta, M. & Gupta, D. (2011). *Research Methodology*. PHI Learning Private Limited.
- Habibah @ Artinie Ramlie, Norshahtul Marzuki Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Saifulazry Mokhtar. (2020). Analisis Kandungan Kemahiran Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Prasekolah Di Malaysia. *Journal Of Malay Language, Education & Literature*, 11(1), 46-67.
- Hafizuddin Sham Shul Bahri, Razali Musa. (2022). Konsep Asabiyah Menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1): 145-156.

- Haji Yusof & Ahmad Mujahideen. (2021). Factors That Influence The Mastery Of Qiraat Study : A Case Study In Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS). *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 6(38), 13-23.
- Hammersley, M. (1987). Some Notes On The Terms ‘Validity’ And ‘Reliability’. *British Educational Research Journal* 13(1), 73-81.
- Hancock, D. R., & Algozzine, B. (2017). *Doing Case Study Research A Practical Guide For Beginning Research*. Teacher College Press.
- Hapsah Majid, Abd Khahar Sapran, Zanariah Ibrahim, Mek Nah Bakar & Sharifah Said. (2024). *Pedagogi Terbeza*. MK E-Solutions Sdn Bhd.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Aslam Farah Selamat, Muhammad Hafiz Saleh, Mardhiah Yahaya, Rohana Zakaria & Noor Hafizah Mohd Haridi. (2023). Motivasi Esktrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 73-83.
- Hidayah Tokiman & Nor Maizatul Akmal Mohd Zubir. (2024) Kaedah Pengajaran Berkesan: Antara Keperluan Pelajar Dengan Kepelbagaian Strategi Pengajaran Pendidikan. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 96-109.
- Hill, C. E. (2012). *Consensual Qualitative Research*. American Psychological Association.
- Hoirul Anam, Ahmad Arifi & Nasiruddin. (2023). Kajian Teori Pendidikan Dalam Perspektif Ibn Khaldun. *Journal For Islamic Studies*, 6(4), 926-938.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., Ghani, A. R. A., Saleh, M. H., & Zainol, N. Z. N. (2022). Students’ Perceptions toward The Usage of Technology As Medium For T & L of Qiraat During Covid-19: A Case Study on Undergraduate Students At Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 840 – 846.
- Ibn Kathir. (2008). Tafsir Ibn Kathir. Dar al-Faruq.
- Ibn Khaldun, Abdurrahman Muhammad Bin Khaldun. (2011). *Mukaddimah*. (Masturi Irham, Malik Supar & Abidun Zuhri, Trans.). Pustaka Al-Kautsar.
- Ibn Khaldun. (2004). *Muqaddimah*. Dar Ya‘Rib.

